



LAPORAN STATUS PELAKSANAAN JANGKA MASA PENDEK PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN 2018

**DISELARASKAN OLEH
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG,
JABATAN PERDANA MENTERI**

PENDAHULUAN

Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (*National Human Rights Action Plan-NHRAP*) merupakan pelan tindakan yang telah dibangunkan berdasarkan acuan Malaysia dan Perlembagaan Persekutuan serta komitmen Malaysia dalam mempertahankan hak asasi manusia di negara ini. NHRAP merupakan dokumen awam yang dinamik, fleksibel dan boleh ditambah baik mengikut kesesuaian serta keperluan agensi pelaksana dari semasa ke semasa.

Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 28 Februari 2018 semasa menimbangkan Memorandum daripada Perdana Menteri No.M125/2018 telah bersetuju dengan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan. Seterusnya, Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 20 Jun 2019 juga telah bersetuju supaya fungsi penyelarasan hal-hal berkaitan hak asasi manusia adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) dan BHEUU menjadi *focal agency* bagi hal tersebut.

Pelan ini melibatkan lima (5) teras yang utama iaitu:

- (a) Teras 1: Hak Sivil dan Politik
- (b) Teras 2: Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan
- (c) Teras 3: Hak Golongan Rentan (Wanita, Kanak-kanak, Warga Emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan Pelarian)
- (d) Teras 4: Hak Orang Asli, Anak Negeri Sabah dan *Natives of Sarawak*
- (e) Teras 5: Kewajipan Antarabangsa

BHEUU yang berfungsi sebagai agensi penyelaras pelaksanaan NHRAP telah menerima Laporan Status Pelaksanaan Jangka Masa Pendek NHRAP dalam bentuk matriks daripada Ketua-Ketua Teras pada bulan April 2021. Sehubungan itu, Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 02 Disember 2021 dan Keputusan Jemaah Menteri secara berutus telah mengambil maklum akan Laporan Status Pelaksanaan Jangka Masa Pendek NHRAP. Laporan Status Pelaksanaan Jangka Pendek tersebut merupakan bukti hasil kejayaan Kerajaan dalam meningkatkan tahap hak asasi manusia di Malaysia melalui pelaksanaan NHRAP dan penerapan nilai-nilai hak asasi manusia dalam dasar-dasar Kerajaan.

PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN (NHRAP)
TERAS 1: HAK SIVIL DAN POLITIK

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
1.	Kebebasan diri <ul style="list-style-type: none"> Perlindungan diri tahanan di dalam lokap/ penjara. 	1.1 Pegawai Penyiasat memastikan setiap tahanan mendapat hak-hak di bawah undang-undang.	KDN	✓			<p>Setiap tangkapan diberikan hal-hal seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Sek. 28A Kanun Prosedur Jenayah [Akta 593]. <ul style="list-style-type: none"> • Dimaklumkan sebab ditangkap. • Dimaklumkan kepada keluarga setelah ditangkap. • Diberikan hak untuk menghubungi peguam. ii. Sek. 112 Kanun Prosedur Jenayah [Akta 593]. <ul style="list-style-type: none"> • OKT mempunyai hak mendiamkan diri dan menjawab di mahkamah. iii. Perkara 5 (3) Perlembagaan Persekutuan. <ul style="list-style-type: none"> • Jika seseorang ditangkap maka dia hendaklah diberitahu dengan seberapa segera yang boleh alasan-alasan dia ditangkap dan dia hendaklah dibenarkan berunding dengan dan dibela oleh seorang pengamal undang-undang iv. Peraturan-Peraturan Lokap 1953.

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		1.2 Mengadakan bilik siasatan yang berasingan daripada lokap yang dilengkapi dengan CCTV.	KDN	✓			<p>Elemen CCTV akan dilengkapkan di bilik siasatan melalui perancangan di dalam RMKe-12 RP2 (Sistem Kawalan Keselamatan Elektronik (CCTV/Kad Akses) Pengkalan E1M Cawangan Khas dan Sistem CCTV Keselamatan Stor Senjata Api, Stor Barang Kes, Bilik Soal Siasat, Pejabat Inkuiri, Perimeter Bangunan PDRM Fasa 1). Projek ini menelan belanja sebanyak RM49.3 juta.</p> <p>Mengikut skop kerja terkini, Bilik Soal Siasat sememangnya disediakan secara berasingan di dalam zon lokap (bukan di dalam sel lokap). Bilik ini juga dilengkapi dengan kemudahan bilik audio / video berserta CCTV.</p> <p>PDRM telah bersiap sedia dengan kelengkapan Pemasangan CCTV ke atas 47 buah Bilik Soal Siasat (BSS) / Bilik Temuduga (BTD) (Pemasangan CCTV yang berjumlah RM5,586,632.58 merujuk kepada No. Kontrak: KDN/PL/PDRM/10/2013 di bawah Peruntukan Khas RM200 juta) sebagai penambahan ke atas CCTV yang sedia ada dan telah sedia terpasang sebelum daripada ini.</p>

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							Setiap Gerakerja Soal Siasat dan ketika Siasatan (Tugasan Merakam Rakaman Percakapan Risikan) berlangsung, ianya akan dijalankan di dalam Bilik Khusus (Bilik Soal Siasat (BSS) / Bilik Temuduga (BTD)) yang dilengkapi CCTV.
	1.3	Menyediakan Lokap Berpusat di setiap negeri dan daerah yang dilengkapi CCTV.	KDN		✓	✓	<p>Terdapat lima (5) Lokap Berpusat PDRM yang telah dibangunkan dan beroperasi serta dilengkapi CCTV seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Lokap Berpusat Indera Mahkota, Pahang; (b) Lokap Berpusat Bayan Baru, Pulau Pinang; (c) Lokap Berpusat Kepayan, Sabah; (d) Lokap Berpusat Shah Alam, Selangor; dan (e) Lokap Berpusat Jinjang, Kuala Lumpur. <p>Bagi negeri yang tidak mempunyai Lokap Berpusat, tahanan-tahanan ini ditempatkan secara berpusat di lokap besar di Ibu Pejabat Daerah Polis.</p>
	1.4	Setiap siasatan yang dijalankan mesti dirakamkan dengan CCTV.	KDN		✓	✓	Setiap Gerakerja Soal Siasat dan ketika Siasatan (Tugasan Merakam Rakaman Percakapan Risikan) berlangsung, ianya akan dijalankan di dalam Bilik Khusus (Bilik Soal Siasat (BSS) / Bilik Temuduga (BTD)) yang dilengkapi CCTV.

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		1.5 Menambah baik SOP Pengurusan Lokap PDRM.	KDN		✓	✓	Prosedur Tetap Operasi (SOP) Pengurusan Lokap PDRM telah pun dikeluarkan melalui Arahan Pentadbiran Bil. 11/2014 bertarikh 1 Julai 2014. SOP ini dikeluarkan sebagai garis panduan kepada semua Pengawai Penjaga Lokap, Timbalan Pegawai Penjaga Lokap, Penyelia dan Pengawal Lokap untuk mengendalikan lokap dengan cekap dan sistematik termasuk menjaga kebijakan dan hak asasi kemanusiaan tahanan. SOP ini akan ditambah baik setelah proses pindaan Kaedah-Kaedah Lokap 1953 selesai.
		1.6 Mengadakan kerjasama antara PDRM dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam menyediakan mekanisme pemeriksaan perubatan am yang meliputi pemeriksaan luaran dan mental orang tahanan sebelum dimasukkan ke dalam lokap					<p>KDN</p> <p>Klinik Custodial Medicine Unit (CMU) telah pun disediakan di lima (5) Lokap Berpusat PDRM iaitu di Lokap Berpusat Indera Mahkota, Pahang; Lokap Berpusat Bayan Baru, Pulau Pinang; Lokap Berpusat Kepayan, Sabah; Lokap Berpusat Shah Alam, Selangor; dan Lokap Berpusat Jinjang, Kuala Lumpur dalam usaha memastikan tahanan mendapat penjagaan kesihatan yang berdasarkan peruntukan di bawah Kaedah 10, Kaedah-Kaedah Lokap 1953 seperti berikut:</p> <p>Kaedah 10. “Pegawai Perubatan hendaklah seberapa boleh, memeriksa tiap-</p>

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		PDRM sebagaimana yang dikehendaki menurut Kaedah 10 Kaedah-Kaedah Lokap 1953.					<p><i>tiap banduan dengan seberapa segera selepas ia masuk ke dalam lokap dan akan mengesahkan sama ada banduan itu layak untuk dipenjara..."</i></p> <p>Klinik CMU ini dilengkapi dengan peralatan bukan perubatan dan kemudahan lain mengikut spesifikasi yang diperlukan oleh pihak KKM untuk melaksanakan penugasan.</p> <p>SOP CMU akan dikeluarkan oleh pihak KKM pada penghujung September dan latihan kepada petugas-petugas akan dilaksanakan pada bulan Oktober oleh pihak KKM sebelum CMU dilancarkan dan beroperasi.</p> <p>KKM KKM mengambil maklum keperluan untuk pelaksanaan pemeriksaan perubatan luaran dan mental orang kena tahan (OKT). Walau bagaimanapun perkhidmatan ini memerlukan satu pasukan khas yang terlatih untuk mengendalikan pemeriksaan perubatan ini.</p> <p>Pasukan khas ini akan terdiri daripada pegawai perubatan, penolong pegawai perubatan dan</p>

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>jururawat mereka perlu menjalani latihan berkaitan dengan bidang Custodial Medicine.</p> <p>Cadangan pewujudan pasukan khas ini akan dilaksanakan secara projek rintis di 5 lokap berpusat sebelum diperluaskan ke semua lokap/ penjara.</p>
		1.7 Menambah bilangan pegawai penyiasat dan menambah baik kemudahan pejabat bagi memastikan siasatan ke atas orang tahanan dapat dijalankan dengan segera.	KDN		✓		<p>PDRM sememangnya memerlukan penambahan Pegawai Penyiasat memandangkan terdapat peningkatan kes-kes yang perlu dijalankan siasatan.</p> <p>PDRM juga sentiasa mengutamakan keperluan yang dimohon oleh setiap Jabatan di dalam PDRM berpandukan peruntukan dan bajet yang telah diluluskan. Ini termasuklah menambah baik kemudahan-kemudahan pejabat yang diperlukan.</p>
2.	Pemerkasaan Pengurusan Lokap	2.1 Memberikan kursus kepada pegawai dan anggota penguat kuasa berkenaan dengan hak asasi manusia yang merangkumi aspek	KDN	✓	✓	✓	<p>Silibus Pengurusan Lokap telah pun dimasukkan dalam silibus pembelajaran di Pusat-Pusat Latihan Polis bagi memberi pendedahan dan pengetahuan kepada Pelatih-Pelatih Inspektor, Sarjan dan Konstabel Polis.</p>

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		hak asasi tahanan dan tempat tahanan.					<p>Ketua-Ketua Polis Daerah juga dikehendaki mengadakan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) Pengurusan Lokap kepada semua Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Rendah Polis yang terlibat secara langsung dengan penugasan lokap sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun.</p> <p>Seminar Pengurusan Tahanan dalam perancangan untuk diadakan bagi tujuan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Meningkatkan pemahaman Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Rendah Polis berkenaan pengurusan tahanan yang sistematik dan efisien; (b) Menyampaikan intipati fungsi <i>Custodial Medicine Unit</i> (CMU) bagi memberikan maklumat yang tepat mengenai penjagaan kesihatan tahanan; (c) Mewujudkan kerjasama dan persefahaman di antara agensi terlibat untuk bertukar pendapat berkenaan pengurusan tahanan; dan (d) Memberi pendedahan berkenaan Hak Asasi Kemanusiaan Tahanan. <p>Seminar ini akan turut menjemput pihak Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), Suruhanjaya Integriti Agenzi</p>

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
3.	Penambahbaikan garis panduan tahanan reman oleh semua agensi penguat kuasa.	2.2 Mengaudit dan mengadakan lawatan yang lebih kerap ke lokap-lokap PDRM, pusat-pusat tahanan Imigresen dan Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK) oleh pihak berkuasa/badan berkanun.	KDN	✓			Penguatkuasa (SIAP) bagi menyampaikan input-input berkaitan hak asasi kemanusiaan tahanan.
		3.1 Menyediakan garis panduan yang jelas berkaitan dengan permohonan reman.					Ketua Polis Daerah sebagai Pegawai Penjaga Lokap dan Ketua Lokap Berpusat / Ketua Polis Balai sebagai Timb. Pegawai Penjaga Lokap melawat dan memeriksa lokap di bawah pentadbiran masing-masing setiap hari. Selain itu, pemeriksaan lokap diadakan 2 kali setahun oleh pasukan audit dari Bukit Aman.
		3.2 Menambah baik SOP pengendalian orang tahanan dari tarikh mula kena tangkap.	KDN	✓			PDRM dalam tindakan menyiapkan garis panduan berkaitan "Pengurusan Reman Di Bawah Sek. 117 Kanun Prosedur Jenayah" yang dijangka siap sepenuhnya pada hujung bulan Oktober 2020.
							Jabatan Siasatan Jenayah telah mengeluarkan Arahan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bil. 6/2017 berkaitan "Pengurusan Saspek Semasa Dalam Tahanan Polis" pada 30 Mac 2017.

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
4.	Hak orang tahanan untuk mendapat penjagaan kesihatan yang konsisten.	3.3 Menyediakan garis panduan dan mekanisme untuk memantau dan mengambil tindakan disiplin ke atas anggota yang melanggar mana-mana SOP yang ditetapkan.	KDN	✓	✓		Disamping itu juga, penambahbaikan ke atas pengurusan saspek semasa dalam tahanan polis telah dibuat dengan mewujudkan garis panduan yang dijangka siap sepenuhnya pada hujung bulan Oktober 2020.
							Tindakan bagi anggota yang melanggar peraturan/SOP seperti berikut: i. Tindakan di bawah Per. 36 PPPA (K&T) 1993 untuk tujuan tidak dibuang kerja atau turun pangkat ii. Tindakan di bawah Per. 37 PPPA (K&T) 1993 untuk tujuan buang kerja atau turun pangkat.GVB
4.	Hak orang tahanan untuk mendapat penjagaan kesihatan yang konsisten.	4.1 Menambah baik atau mengubah suai lokap-lokap PDRM yang sedia ada dari segi pencahayaan, pengudaraan, kemasan lantai dan kebersihan lokap dan tandas lokap.	KDN	✓	✓		PDRM telah diluluskan peruntukan berjumlah RM15,319,840.00 di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Prihatin Tahun 2020 bagi pemberian dan penyelenggaraan kecil lokap yang melibatkan 376 tajuk kerja di seluruh Kontinen seperti di LAMPIRAN A . Dari 376 tajuk kerja tersebut, 369 tajuk dalam proses pelaksanaan kerja dan 7 tajuk kerja masih dalam proses sebutharga. Semua tajuk kerja ini akan disiapkan sepenuhnya pada tahun 2020.

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		4.2 Membangunkan Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan ke atas orang tahanan bagi lokap-lokap yang berpusat dan tidak berpusat.	KKM	✓	✓		Garis panduan bagi pemeriksaan kesihatan OKT di 5 lokap berpusat ini sedang dalam perancangan. Perbincangan telah dijadualkan pada suku pertama tahun 2020 namun, terpaksa ditangguhkan bagi memberi laluan kepada pembendungan wabak COVID-19.
		4.3 Menguatkuasakan Kaedah 10 Kaedah-Kaedah Lokap 1953 yang menghendaki Pegawai Perubatan memeriksa kesihatan orang tahanan sebelum dimasukkan ke dalam lokap PDRM.					Klinik <i>Custodial Medicine Unit</i> (CMU) telah disediakan di lima (5) Lokap Berpusat PDRM iaitu di Lokap Berpusat Indera Mahkota, Pahang; Lokap Berpusat Bayan Baru, Pulau Pinang; Lokap Berpusat Kepayan, Sabah; Lokap Berpusat Shah Alam, Selangor; dan Lokap Berpusat Jinjang, Kuala Lumpur yang akan dikendalikan oleh pasukan CMU dari KKM bagi menguatkuasakan Kaedah 10 Kaedah-Kaedah Lokap 1953 yang menghendaki Pegawai Perubatan memeriksa kesihatan orang tahanan sebelum dimasukkan ke dalam lokap PDRM.
		4.4 Menyediakan mekanisme yang efektif bagi orang tahanan membuat					Tahanan akan mengisi Borang Pengesahan Kesihatan bagi tujuan menyatakan keadaan kesihatan tahanan sama ada menghidapi penyakit / penyakit berjangkit / kecederaan.

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		aduan rasmi kepada Pegawai Penjaga Lokap tentang apa-apa penyakit atau kecederaan yang dialami oleh orang tahanan supaya rawatan yang sewajarnya dapat diberikan.					<p>Sekiranya tiada apa-apa penyakit dan cedera, tahanan akan dimasukkan ke dalam sel. Manakala, sekiranya tahanan mengalami sakit yang memerlukan rawatan segera / cedera, Pol. 59 (Permintaan Untuk Peperiksaan Doktor Bagi Orang yang Terlibat Dalam Kes Polis) akan diisi oleh pengawal lokap dan tahanan akan segera dibawa mendapatkan pemeriksaan kesihatan di klinik atau hospital berdekatan.</p> <p>Semasa tahanan berada di lokap, sekiranya tahanan mengadu sakit / mengalami kecederaan, Pol. 59 (Permintaan Untuk Peperiksaan Doktor Bagi Orang yang Terlibat Dalam Kes Polis) akan diisi oleh pengawal lokap dan tahanan akan segera dibawa ke klinik kesihatan atau hospital berdekatan bagi mendapatkan rawatan.</p>
		4.5 Menyediakan Garis Panduan pemeriksaan kesihatan khusus bagi menangani orang tahanan yang merupakan penagih dadah, ketagihan	KDN KKM		✓	✓	<p>KKM</p> <p>Sektor HIV Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Selangor sedang mengemas kini 'Garis Panduan Pengurusan Kesihatan' komprehensif bagi banduan dengan penyakit HIV, Hepatitis C dan TB. Projek perintis dirancang akan dilaksanakan di Penjara Kajang.</p>

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		alkohol, dan kanak-kanak.					<p>Usaha mengemas kini Garis Panduan ini terhenti bagi memberi laluan kepada pembendungan wabak COVID-19 dan dijangka akan dimulakan kembali pada bulan Julai-Ogos 2020.</p> <p>Ringkasnya, Garis Panduan ini memberikan penekanan kepada saringan HIV, Hepatitis C dan TB serta keperluan memulakan rawatan segera serta rawatan metadon bagi mereka yang turut menagih dadah opiat. Garis Panduan ini tidak menyentuh kanak-kanak di dalam penjara.</p>
5.	Kajian hukuman semula mati mandatori.	5.1 Mengkaji semula undang-undang jenayah untuk memastikan bahawa hukuman mati mandatori hanya akan dikenakan ke atas jenayah yang paling serius.	AGC		✓		<p>Pada 10 Oktober 2018, Jemaah Menteri telah memutuskan, antara lain, supaya hukuman mati dalam semua akta berkaitan dimansuhkan.</p> <p>Terdapat 33 kesalahan yang membawa hukuman mati iaitu 11 kesalahan membawa hukuman mati mandatori dan 22 kesalahan lagi membawa hukuman mati yang tertakluk kepada budi bicara mahkamah. Senarai kesalahan-kesalahan tersebut adalah seperti di LAMPIRAN B.</p> <p>Namun, pada 13 Februari 2019, Jemaah Menteri telah memutuskan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori sahaja.</p>

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Berikutan itu, Jabatan Peguam Negara telah menggubal draf Rang Undang-Undang (RUU) Kanun Keseksaan (Pindaan) 2019 dan RUU Senjata Api (Penalti Lebih Berat) (Pindaan) 2019 untuk menggantikan semua hukuman mati mandatori yang diperuntukkan di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574] dan Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [Akta 37].</p> <p>Pada 29 Mac 2019, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) yang bertanggungjawab bagi perkara ini telah membentangkan satu Memorandum Jemaah Menteri melalui YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang) bagi mendapatkan pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri supaya semua kesalahan yang membawa hukuman mati mandatori yang diperuntukkan dalam akta-akta yang berkaitan digantikan dengan hukuman mati yang tertakluk kepada budi bicara mahkamah dan memasukkan hukuman pilihan pemenjaraan selama hayat (<i>imprisonment for natural life</i>) sebagai satu lagi pilihan hukuman. Walau bagaimanapun, Jemaah Menteri, antara lain, telah memutuskan supaya syor ini ditangguhkan sehingga kajian dijalankan terhadap isu-isu yang berbangkit.</p>

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Pada 5 Julai 2019, BHEUU telah membentangkan satu lagi Memorandum Jemaah Menteri bagi mendapatkan pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri supaya semua kesalahan yang membawa hukuman mati mandatori yang diperuntukkan dalam akta-akta yang berkaitan digantikan dengan hukuman mati yang tertakluk kepada budi bicara mahkamah dan memasukkan hukuman pilihan pemerjaraan selama hayat (<i>imprisonment for natural life</i>) dan pemerjaraan seumur hidup (<i>imprisonment for life</i>) sebagai pilihan tambahan.</p> <p>Namun, Jemaah Menteri telah memutuskan –</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) hukuman gantian yang lebih wajar ialah hukuman mati tertakluk kepada budi bicara mahkamah atau pemerjaraan tidak kurang daripada 10 tahun dan tidak melebihi 30 tahun; dan (b) Jabatan Peguam Negara membuat pindaan sewajarnya kepada draf RUU untuk dipertimbangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Julai 2019. <p>Susulan itu, suatu mesyuarat telah diadakan antara mantan YB Menteri di Jabatan Perdana</p>

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Menteri (Undang-Undang) dengan Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Peguam Negara berpandangan, antara lain, bahawa hukuman pemerjaraan untuk tempoh 10 hingga 30 tahun akan memberi impak kepada keseluruhan polisi penghukuman dalam sistem keadilan jenayah di Malaysia.</p> <p>Pada 29 Ogos 2019, Jemaah Menteri telah memutuskan supaya Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori (“Jawatankuasa Khas”) ditubuhkan untuk mengkaji polisi penghukuman khususnya yang berkaitan dengan cadangan bagi menggantikan hukuman mati mandatori dengan hukuman yang bersesuaian.</p> <p>Jawatankuasa Khas yang dianggotai oleh pakar-pakar dalam bidang JPM telah ditubuhkan pada 20 September 2019. Terma rujukan Jawatankuasa Khas ini, antaranya, ialah—</p> <p>(a) menyemak dan mengkaji secara keseluruhan polisi penghukuman (<i>sentencing policy</i>) berdasarkan cadangan Jemaah Menteri untuk menggantikan hukuman mati</p>

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>mandatori dengan hukuman yang lebih wajar;</p> <p>(b) mengkaji dan mencadangkan kaedah-kaedah untuk menangani isu-isu pemansuhan hukuman mati mandatori bagi banduan yang telah dijatuhi hukuman mati, banduan yang sedang/ telah mengemukakan rayuan pengampunan kepada Lembaga Pengampunan Negeri dan banduan yang rayuan pengampunan telah ditolak oleh Lembaga Pengampunan Negeri;</p> <p>(c) mengadakan sesi konsultasi dengan pihak-pihak berkepentingan dan orang awam mengenai hukuman gantian yang bersesuaian;</p> <p>(d) menilai (<i>review</i>) hasil dapatan sesi konsultasi berkaitan isu-isu pelaksanaan hukuman gantian terhadap hukuman mati; dan</p> <p>(e) menganalisis, menyediakan syor dan laporan bagi penambahbaikan hukuman gantian terhadap hukuman mati terutama berkaitan dengan polisi penghukuman.</p> <p>Pada 11 Februari 2020, Jawatankuasa Khas telah membentangkan hasil kajian kepada Jawatankuasa Pemantauan yang dipengerusikan oleh mantan YB Menteri di</p>

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang) dan dianggotai pelbagai agensi Kerajaan.</p> <p>Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan telah dimaklumkan bahawa Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri akan membawa laporan hasil kajian Jawatankuasa Khas untuk pertimbangan Jemaah Menteri.</p> <p>Susulan daripada pertukaran Kerajaan dalam bulan Mac 2020, laporan tersebut belum dibawa untuk pertimbangan Jemaah Menteri.</p>
6.	Meningkatkan kesedaran orang awam terhadap undang-undang pencegahan.	6.1 Menubuhkan jawatankuasa yang dianggotai oleh wakil Kerajaan dan pembangkang untuk tujuan meningkatkan kesedaran awam tentang undang-undang pencegahan.	JPM		✓		KDN mencadangkan agar penelitian semula dibuat berhubung agensi peneraju yang menyelaras tindakan berkaitan penubuhan jawatankuasa untuk meningkatkan kesedaran awam tentang undang-undang pencegahan.
7.	Hak memperoleh maklumat	7.1 Mengkaji semula Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] bagi	CGSO JPM		✓		CGSO 1. Status pelaksanaan pindaan Akta Rahsia Rasmi 1972 yang sedang dalam tindakan

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
	<ul style="list-style-type: none"> • Sekatan ke atas hak memperoleh maklumat. 	mewujudkan keseimbangan antara hak awam dengan keselamatan negara.					<p>Pejabat CGSO telah ditangguhkan buat sementara waktu bermula pada bulan Julai 2019. Ini disebabkan terdapat keputusan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) Siri 4 Bilangan 9 Tahun 2019 pada 18 Julai 2019 telah bersetuju dengan syor daripada BHEUU bagi menggantikan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dengan memperkenalkan Akta Kebebasan Maklumat.</p> <p>2. Namun begitu, sejajar berlakunya perubahan Kerajaan Pusat, Pejabat CGSO sedang menunggu maklum balas daripada pihak BHEUU sama ada keputusan untuk memansuhkan Akta Rahsia Rasmi 1972 seperti diputuskan Mesyuarat JKKMAR sebelum ini mendapat persetujuan Mesyuarat Jemaah Menteri kelak.</p>
	7.2	Mewujudkan peraturan di bawah Akta 88 yang menjelaskan pemakaian undang-undang kerahsiaan	CGSO JPM		✓		<p>CGSO Memandangkan penggubalan baharu Peraturan di bawah seksyen 30A, Akta Rahsia Rasmi 1972 adalah sejajar dengan pindaan kepada Akta Rahsia Rasmi 1972, maka status pelaksanaan adalah seperti di para 7.1 di atas.</p>

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		<p>(seperti Akta 88) bagi pengendalian maklumat atau dokumen dengan menggariskan tentang:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • jenis maklumat atau dokumen yang tidak boleh dizahirkan oleh pegawai awam dalam menjalankan kewajipannya; • jenis maklumat atau dokumen yang penzahirannya oleh pegawai awam hendaklah mendapat kebenaran terlebih dahulu; 					

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		<ul style="list-style-type: none"> ● hal keadaan di mana apa-apa maklumat atau dokumen yang dikendalikan tanpa kebenaran boleh membawa kepada pendakwaan jenayah; dan ● hal keadaan di mana apa-apa maklumat atau dokumen yang dikendalikan tanpa kebenaran boleh membawa kepada tindakan tatatertib. 					

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
8.	Hak Sama Rata/Tiada diskriminasi a) Isu ketidakadilan kepada litigan wanita akibat kelewatan proses perceraian dan tuntutan-tuntutan lain di Mahkamah Syariah	8.1 Meneruskan sesi keterlibatan (<i>engagement</i>) dengan NGO, pertubuhan wanita dan orang ramai di seluruh negara bagi penggubalan polisi yang tidak menjelaskan hak asasi manusia dan memberikan akses undang-undang kepada masyarakat.	JKSM	✓	✓	✓	Program diskusi isu-isu berkaitan undang-undang syariah semasa dibuat dari semasa ke semasa melibatkan NGO dan pertubuhan seperti SIS pada 8 Jun 2020 dan sebagainya. JKSM juga Menerima input dan cadangan dari pertubuhan dan orang perseorangan melalui laman sosial rasmi Jabatan
		8.2 Meneruskan kajian tentang punca kelewatan prosiding kes di Mahkamah Syariah dan menyelesaikan punca kelewatan itu.		JKSM	✓		<ul style="list-style-type: none"> Kajian terakhir telah dibuat pada tahun 2017 berkenaan tempoh penyelesaian kes mahkamah syariah seluruh Malaysia 2011-2015 Kajian dan pemerhatian berkaitan sentiasa dibuat melalui sesi diskusi, muzakarah, bengkel, mesyuarat dan lain-lain. Hasil Kajian diterjemahkan ke dalam bentuk Arahan Amalan dan SOP. Melaksanakan audit pematuhan 2 kali setahun untuk memastikan pematuhan Arahan Amalan oleh mahkamah-mahkamah

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>syariah di negeri-negeri termasuklah Arahan Amalan mengenai tempoh masa pendaftaran dan perjalanan kes.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penubuhan bahagian Mahkamah Syariah yang mendengar kes-kes khusus, seperti nafkah dan hadhanah dengan tujuan untuk mempercepatkan perjalanan kes-kes berkenaan seperti di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan • Program inovasi diperkenalkan oleh Mahkamah Syariah Negeri-Negeri seperti SIKET, e-Tray, e-Post, Fast Track dan sebagainya untuk mempercepatkan penyelesaian kes.
	8.3	Memperluas makluman tentang proses prosiding Mahkamah Syariah di media perdana dan media sosial.	JKSM	✓			<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan secara konstruktif platform laman web, media sosial dan media massa. • Keterlibatan dengan NGO melalui diskusi berterusan. • Penyertaan majlis/ <i>functions</i> awam dengan membuka <i>booth</i> penerangan/ menjawab soalan dari masyarakat. • Memuatnaik video pendek yang memberikan penerangan tentang prosiding mahkamah syariah dan isu-isu semasa yang berkaitan dengannya.

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<ul style="list-style-type: none"> Penyertaan pegawai JKSM dan Mahkamah Syariah Negeri dalam slot khas siaran radio seperti di Radio IKIM, Radio Nasional dan Radio Negeri yang mengupas berkaitan isu-isu perundangan syariah.
	8.4	Memastikan para hakim, pentadbir dan peguam syarie mematuhi KPI yang ditetapkan untuk tugas masing-masing.	JKSM	✓			<ul style="list-style-type: none"> Menggalakkan semua Ketua-Ketua Hakim Syarie menetapkan KPI tersendiri yang melibatkan kesegeraan penyelesaian kes Mengeluarkan arahan bertulis dan lisan dari semasa ke semasa kepada semua hakim dan pentadbir mahkamah Platform perbincangan diwujudkan untuk tujuan perbincangan dan mencapai persetujuan dalam isu yang berkaitan dengan KPI Hakim-hakim dan isu-isu lain.
	8.5	Menjadikan JKSM sebagai badan koordinator yang lebih efisien bagi seluruh Mahkamah Syariah khasnya sebagai pusat pengumpulan data daripada Mahkamah Syariah di negeri-	JKSM	✓			<ul style="list-style-type: none"> Data berkaitan pengurusan kes disimpan di dalam sistem E-Syariah yang ditadbir oleh JKSM Data-data perlaksanaan KPI dilaporkan secara berkala di dalam Persidangan/Mesyuarat KHS. Penganjuran program retreat oleh JKSM dalam membincangkan dan menetapkan halatuju pengurusan isu-isu perundangan dan kehakiman syariah.

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		negeri dan pelaksanaan KPI.					
		8.6 Meneruskan persidangan Ketua Hakim Syarie dan hakim-hakim syarie guna sama dan bukan guna sama semua negeri sekurang-kurangnya 4 kali setahun sebagai tempat bertukar maklumat supaya kejayaan polisi di sesetengah Mahkamah Syariah dapat diikuti di Mahkamah yang lain.	JKSM	✓			<ul style="list-style-type: none"> • Persidangan KHS Seluruh Malaysia masih diadakan 3 kali setahun • Muzakarah Hakim-Hakim Syarie diadakan mengikut zon Semenanjung dan Borneo setiap tahun • JKSN/MSN juga menganjurkan muzakarah hakim-hakim tersendiri
b)	Pengukuhan perpaduan kaum dan agama	8.7 Menubuhkan mekanisme pemantauan atau jawatankuasa khas untuk memantau pelaksanaan Pelan	JPM Kementerian Perpaduan Negara (KPN)	✓		✓	<p>KPN Berdasarkan keputusan Jemaah Menteri bertarikh 5 Februari 2020 dan 25 Mac 2020, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) sedang menambah baik Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2025.</p>

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		Tindakan Perpaduan Nasional (PTPN).					<p>PTPN ini perlu ditambah baik mengambil kira penubuhan Kementerian baru serta menepati hala tuju dan keutamaan KPN. Satu mekanisme pemantauan akan dibangunkan bagi memastikan semua agensi yang terlibat dalam menyokong pelaksanaan PTPN ini dapat diukur dan keberkesanannya dapat dipantau.</p> <p>KPN bercadang akan melancarkan PTPN pada 10 September 2020 sebagai salah satu pengisian Minggu Perpaduan Negara.</p>
9.	<p>Hak untuk mengundi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Isu salah guna tema agama dalam politik • Isu akses yang saksama dan adil kepada media bagi parti politik untuk berkempen sepanjang tempoh pilihan raya. 	9.1 Memperkasakan pendidikan pengundi bagi membolehkan rakyat memahami sistem pilihan raya di Malaysia.	SPR		✓		<p>Berdasarkan kepada peruntukan undang-undang sedia ada, penyalahgunaan tema agama dalam politik boleh disiasat di bawah Seksyen 9 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954. Oleh yang demikian, mana-mana pihak boleh membuat laporan polis terhadap kesalahan-kesalahan tersebut bagi tujuan siasatan.</p> <p>Kerajaan telah menukuhkan Jawatankuasa Khas Penambahbaikan Sistem dan Undang-undang Pilihan Raya, Jabatan Perdana Menteri (ERC, JPM) yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Rashid bin Abdul Rahman bagi membuat kajian</p>

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
	<ul style="list-style-type: none"> ● Isu berpolitik secara bebas iaitu untuk memilih parti politik yang disokong. 						<p>dan syor bagi penambahbaikan mengenai reformasi pilihan raya di negara ini. Ia termasuklah menyediakan platform media yang adil kepada semua parti dan calon dalam media kerajaan. Laporan akhir ERC dijangka akan dikemukakan kepada YAB Perdana Menteri pada bulan Ogos 2020.</p> <p>Pemilihan Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) di Malaysia dilaksanakan melalui proses pilihan raya.</p> <p>Semua parti politik yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (RoS) dan SPR layak bertanding dalam pilihan raya di Malaysia.</p> <p>Sehingga kini, terdapat 54 parti politik berdaftar dengan SPR dan mereka boleh bertanding dalam mana-mana Pilihan Raya Umum (PRU) atau Pilihan Raya Umum Kecil (PRK).</p> <p>Mereka yang telah berdaftar sebagai pemilih layak untuk mengambil bahagian dalam pilihan raya di negara ini.</p>

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							Pemilih berdaftar tersebut bebas untuk membuat pilihan mana-mana calon yang dirasakan sesuai mewakili bahagian pilihan raya tersebut.
10.	Hak untuk mendapatkan keadilan (access to justice) di Mahkamah Syariah. (a) Keberkesanan perintah Mahkamah Syariah.	10.1 Meneruskan kajian sejauh mana masalah dihadapi bagi penguatkuasaan perintah Mahkamah Syariah.	JKSM	✓			<ul style="list-style-type: none"> Kajian berkaitan Keberkesanan BSK dalam Penguatkuasaan Perintah Nafkah di Mahkamah Syariah telah diadakan dan telah selesai pada Disember 2018. Jawatankuasa khas gabungan JKSM dan ahli akademik juga telah diwujudkan untuk menjalankan kajian dari semasa ke semasa berkenaan operasi BSK dan penambahbaikan. Hasil kajian yang dijalankan telah mencetuskan cadangan penubuhan bahagian khas penguatkuasaan perintah di mahkamah-mahkamah syariah.
	(b) Ketidakseragaman undang-undang berkaitan dengan hal-hal syariah di negeri-negeri.	10.2 Memantau dan meneliti semula peruntukan undang-undang termasuk Arahan Amalan di Mahkamah Syariah.					JKSM <ul style="list-style-type: none"> Penelitian kepada undang-undang dilakukan dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Semua cadangan pindaan dibuat melalui Jawatankuasa khusus pindaan undang-undang yang diurussetiakan oleh Jakim. Sehingga tahun 2019, akta undang-undang yang telah dipinda adalah Akta Pentadbiran Undang-undang Pentadbiran Islam (Wilayah-

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>wilayah Persekutuan) 2018, Akta Profesional Guaman Syarie (WP) 2019, Kaedah-Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Perkahwinan, Perceraian dan Ruju'). Akta-akta lain berkaitan undang-undang jenayah syariah, keluarga Islam, keterangan dan prosedur juga telah dirancang untuk dipinda pada tahun 2020; walaubagaimanapun, tertunda disebabkan oleh PKP.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Arahan Amalan juga diteliti dari semasa ke semasa melalui Jawatankuasa Kerja Arahan Amalan yang akan mencadangkan Arahan Amalan baru, pindaan dan pembatalan. Jawatan Kerja ini bersidang 3 kali setahun. <p>JAKIM Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah</p> <p>JAKIM telah menggubal draf Rang Undang-Undang (RUU) Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) untuk pemakaian di Wilayah-Wilayah Persekutuan dan dijadikan sebagai undang-undang model kepada negeri-negeri dalam menggubal undang-undang jenayah syariah yang seragam di seluruh negara.</p>

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Usaha-usaha penyeragaman undang-undang jenayah syariah di negeri-negeri telah dilaksanakan oleh JAKIM melalui pembentangan kertas sembah maklum/ kertas cadangan/ kertas makluman dalam forum-forum seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Ke-65 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 14 Mac 2019; • Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Ke-66 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 13 Jun 2019; • Munaqasyah Pengurusan Hal Ehwal Islam Negeri-Negeri di Bawah Naungan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Bil.1/2019 yang dipengerusikan oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 20 Jun 2019; • Majlis Dialog Undang (Zon 1) pada 4-5 September 2019; • Majlis Dialog Undang-Undang (Zon 2) pada 11-12 September 2019; • Mesyuarat Pre-Council Majlis Raja-Raja Yang Ke-255 pada 29 Oktober 2019; dan

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<ul style="list-style-type: none"> Persidangan Penyelarasan Undang-Undang Syarak dan Sivil pada 4-6 November 2019. <p>Undang-Undang Keluarga Islam</p> <p>JAKIM telah menggubal draf Rang Undang-Undang (RUU) Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) berkaitan perkahwinan di bawah umur minimum dan draf Kaedah-Kaedah Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' untuk pemakaian di Wilayah-Wilayah Persekutuan dan dijadikan sebagai undang-undang model kepada negeri-negeri dalam menggubal pindaan undang-undang keluarga Islam yang seragam di seluruh negara khususnya yang berkaitan perkahwinan di bawah umur minimum.</p> <p>Usaha-usaha penyeragaman undang-undang keluarga Islam di negeri-negeri telah dilaksanakan oleh JAKIM melalui pembentangan kertas cadangan/kertas makluman dalam forum-forum seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Majlis Dialog Undang (Zon 1) pada 4-5 September 2019; Majlis Dialog Undang-Undang (Zon 2) pada 11-12 September 2019;

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<ul style="list-style-type: none"> Munaqasyah Pengurusan Hal Ehwal Islam Negeri-Negeri di Bawah Naungan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Bil.2/2019 yang dipengerusikan oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 7 Oktober 2019; dan Persidangan Penyelarasaran Undang-Undang Syarak dan Sivil pada 4-6 November 2019. <p>Undang-Undang Profesional Guaman Syarie</p> <p>JAKIM telah menggubal Akta Profesional Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 [Akta 814] untuk pemakaian di Wilayah-Wilayah Persekutuan dan dijadikan sebagai undang-undang model kepada negeri-negeri dalam menggubal undang-undang profesion guaman syarie yang seragam di seluruh negara.</p> <p>Usaha-usaha penyeragaman undang-undang profesion guaman syarie di negeri-negeri telah dilaksanakan oleh JAKIM melalui pembentangan kertas sembah maklum/ kertas cadangan/ kertas makluman dalam forum-forum seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Ke-65 yang

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 14 Mac 2019;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Ke-67 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 12 September 2019; • Persidangan Ketua-Ketua Jabatan/ Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia (PKJ) Ke-109 pada 30 September 2019; dan • Pembentangan kepada Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pelajaran dan Kesihatan Negeri Pahang, SS Mufti Kerajaan Negeri Pahang, YB Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) dan Pengerusi Pertubuhan Peguam Syarie Negeri Pahang pada 18 Oktober 2019.
	(c) Kes-kes tertunggak di Mahkamah Syariah termasuk yang berkaitan	10.3 Mengkaji dan meneliti semula Arahan Amalan di Mahkamah Syariah supaya penjalanan kes lebih cekap dan cepat.	JKSM		✓		<ul style="list-style-type: none"> • Jawatankuasa Kerja bersidang 3 kali setahun untuk meneliti penambahbaikan, pindaan dan pembatalan Arahan Amalan. • Audit Arahan Amalan juga diadakan secara dwitahunan dengan menghantar pegawai-pegawai Syariah dari JKSM ke Mahkamah

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
	dengan pelaksanaan perintah.						Syariah negeri-negeri untuk pemantauan perlaksanaan.
	10.4 Menetapkan KPI bagi semua kategori kes.	JKSM			✓		KPI penyelesaian kes telah ditetapkan oleh mahkamah syariah negeri-negeri.
	10.5 Meneruskan dan menambah baik mekanisme untuk litigan mengemukakan aduan dengan lebih mudah dan berkesan di peringkat nasional, dan diselaraskan dengan jabatan kehakiman di negeri-negeri.	JKSM	✓				<ul style="list-style-type: none"> JK Aduan ditubuhkan di peringkat JKSM Sistem aduan awam SISPAA, capaian oleh semua mahkamah syariah negeri untuk penyelesaian aduan/maklumbalas lebih sistematis dan pantas Penglibatan pegawai JKSM dalam Bilik Gerakan MyCovid Care yang diurussetiakan oleh Jakim dalam menangani aduan dan pertanyaan berkenaan undang-undang syariah dan operasi mahkamah syariah semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa.
	10.6 Mewujudkan sistem pengurusan media sosial yang lebih berkesan.	JKSM	✓				<ul style="list-style-type: none"> Unit Komunikasi dan Korporat dan Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi JKSM, pengurusan media sosial diuruskan untuk memastikan capaian kepada pengguna. Setakat ini, JKSM telah menggunakan medium media sosial Facebook, Instagram,

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Twitter dan Youtube selain daripada laman web JKSM. Sehingga kini, terdapat 25000 likers media sosial JKSM dan 1.6 juta pengunjung ke laman web JKSM.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Setiap JKSN/MSN juga turut memainkan peranan dalam mewujudkan dan menguruskan media sosial jabatan mereka. • Penggunaan platform laman web YB Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) di www.mira.gov.my dalam menerima dan menguruskan aduan/pertanyaan berkaitan undang-undang syariah dan mahkamah syariah.
				10.7 Meneruskan kajian tentang kaedah-kaedah baharu bagi pelaksanaan perintah Mahkamah Syariah secara lebih berkesan.	JKSM	✓	<ul style="list-style-type: none"> • Kajian berterusan diadakan untuk mencari kaedah yang lebih proaktif dan efektif dalam pelaksanaan perintah dan penghakiman Mahkamah Syariah. Setakat 2019, kajian untuk mengenalpasti penggunaan Maqasid Syariah di kalangan hakim syarie telah diadakan untuk memastikan penghakiman yang efektif kepada pihak-pihak.
11.	Profesionalisme dan integriti badan penguat kuasa.	11.1 Menambah baik SOP kerja agensi-agensi penguatkuasaan	Agenzi-Agenzi Penguat Kuasa	✓			<p>PRIDE Jabatan Penjara telah menambah baik dan menyiapkan Pelan Anti Rasuah Jabatan (PACP – <i>Prison Anti Corruption Plan</i>) pada Januari 2020.</p>

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		untuk meningkatkan tahap kebolehpercayaan orang awam terhadap integriti institusi berkenaan.					<p>Pelan tindakan itu telah berjalan dan sedang dipantau pelaksanaannya oleh Unit Integriti Jabatan Penjara Malaysia.</p> <p>AADK Sebanyak 16 SOP telah disiapkan, daripada jumlah tersebut, 10 SOP dalam proses pemurnian manakala yang lain telah dilaksanakan.</p> <p>APMM APMM telah menyediakan Arahan Ketua Pengarah (AKP) APMM Bil.19/2018 berkaitan Pengurusan Lokap Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia pada 16 November 2018 dan Prosedur Tetap Operasi (SOP) Pengurusan Lokap dan Tahanan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia pada 12 Disember 2019.</p> <p>APMM juga telah membuat semakan semula terhadap SOP Mencari dan Menyelamat bagi memberi lebih kebolehpercayaan orang awam terhadap kejadian Mencari dan Menyelamat jika berlaku kecemasan di laut. Sistem MERS 999 juga telah di koordinasi bersama beberapa agensi lain (PDRM, APM, BOMBA, KKM) untuk membolehkan orang awam menyalurkan</p>

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>maklumat berkaitan kecemasan di laut melalui sistem MERS 999.</p> <p>Unit Integriti APMM sedang dalam rangka akhir untuk menghasilkan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bab Integriti. Bab Integriti akan merangkumi prosedur dari mula aduan diterima, sehingga keputusan akhir kes sama ada dikenakan tindakan tatatertib ataupun tiada kes. Sistem Pengurusan Aduan secara dalam talian juga berada dalam fasa akhir sebelum dilancarkan hujung tahun ini. Setiap aduan dan laporan yang diterima oleh Unit Integriti juga akan dibawa kepada keputusan Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM).</p> <p><u>SPRM</u></p> <p>1. Pengoperasian dan penunaian fungsi-fungsi oleh SPRM sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM 2009) dipantau oleh 5 jawatankuasa pemantau bebas (<i>independent oversight bodies</i>) yang mana 3 diperuntukkan di bawah ASPRM manakala 2 lagi diwujudkan secara pentadbiran.</p>

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Jawatankuasa Aduan (JKA) adalah salah satu daripada jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Seksyen 15 ASPRM 2009 dengan keahlian seramai tidak lebih dari 5 orang dengan ahlinya terdiri daripada pengamal undang-undang, mantan pegawai kanan kerajaan dan pakar dalam aspek pengurusan sumber manusia – dilantik oleh YAB Perdana Menteri.</p> <p>Keanggotaan JKA sedia ada adalah berkuat kuasa dari 3 Oktober 2018 hingga 3 Oktober 2021 dan bertanggungjawab ke atas perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Memantau pengendalian oleh SPRM akan aduan mengenai salah laku yang tidak bersifat jenayah terhadap pegawai-pehawai SPRM, dan b) Mengenal pasti apa-apa kelemahan dalam tatacara kerja SPRM yang mungkin menimbulkan aduan dan jika difikirkannya sesuai untuk membuat apa-apa syor tentang tatacara kerja SPRM sebagaimana yang difikirkannya patut.

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Penunaian fungsi-fungsi JKA di atas dibantu oleh Unit Integriti SPRM dengan dipandu oleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 b) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013 (Penubuhan Unit Integriti) c) Arahan Ketua Pesuruhjaya SPRM Bil. 1/2013 (Pengurusan Siasatan Tatakelakuan SPRM) d) Perintah-perintah Tetap Ketua Pesuruhjaya SPRM yang dikeluarkan di bawah Seksyen 12 ASPRM 2009 <p>2. Sementara itu, operasi siasatan oleh SPRM sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa melalui Perintah Tetap Ketua Pesuruhjaya dan Arahan-arahan Timbalan Ketua Ketua Pesuruhjaya. Contoh penambahan SOP yang dilakukan oleh SPRM ialah pengujudan Video Interviewing Room (VIR) di semua pejabat SPRM seluruh Malaysia bermula pada tahun 2012 sebagai respon konstruktif kepada cadangan penambahan oleh Suruhanjaya Siasatan DiRaja (<i>Royal Commission Inquiry</i>) yang turut</p>

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>menjadi <i>impetus</i> kepada transformasi SPRM pada tahun 2012 sehingga kini, tidak terhad kepada aspek SOP operasi siasatan sahaja, malah turut merangkumi lain-lain fungsi teras SPRM (pencegahan rasuah & pendidikan masyarakat) termasuk struktur organisasi dan perkhidmatan sokongan.</p> <p>3. Selain itu, SPRM tutut menyumbang secara signifikan dalam pengujudan Unit Integriti (UI) di sektor awam (termasuk di agensi-agensi penguatkuasaan) yang dipertanggung jawabkan untuk mengurus dan melaksanakan inisiatif-inisiatif penginstitusian integriti, pencegahan, pematuhan, pengesanan salah laku serta melaksanakan tindakan punitif – melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Pembangunan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009, Siri 1 No. 1 Tahun 2011 Pelaksanaan Program Pegawai Integriti Bertauliah; b) Pembangunan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013 (Penubuhan UI di Agensi Awam); dan c) Penempatan pegawai-pegawai SPRM di Unit-unit Integriti Agensi Awam yang

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							dinilaikan oleh SPRM sebagai mempunyai risiko rasuah yang sederhana dan juga tinggi.
		11.2 Mengadakan SOP tentang tindakan segera (seperti tindakan disiplin sebagaimana yang disyorkan oleh badan berautoriti seperti EAIC) yang perlu diambil ke atas mana-mana anggota penguat kuasa.	JPM	✓			KDN mencadangkan agar penelitian semula dibuat berhubung agensi peneraju yang menyelaras penyediaan SOP tentang tindakan segera yang perlu diambil ke atas mana-mana anggota penguat kuasa.
12.	Pengampunan banduan	12.1 Mengkaji dan menambah baik SOP serta dokumentasi urusan pengampunan banduan di peringkat Negeri dan Persekutuan.	BHEUU	✓			BHEUU telah mengadakan bengkel mengkaji dan menambah baik SOP serta dokumentasi urusan pengampunan banduan di peringkat Negeri dan Persekutuan pada 7-9 Mac 2017. Hasil bengkel berkenaan telah dipersetujui dan diguna pakai oleh pihak yang terlibat.
13.		13.1 Menambah kekerapan	PKPMP			✓	1. Mahkamah Bergerak di Negeri Sabah telah diperkenalkan pada tahun 2007. Mulai tahun

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
	Dokumen pengenalan diri di Sabah dan Sarawak	persidangan/operasi Mahkamah/Mahkamah Bergerak di Sabah supaya keskes Pendaftaran Lewat Kelahiran yang tertunggak dapat didengar dan sijil lahir lewat dapat diendors/disahkan bagi pengeluaran kad pengenalan.					<p>2009, mahkamah ini telah beroperasi secara aktif di kawasan pedalaman di seluruh negeri Sabah.</p> <p>2. Fokus utama mahkamah bergerak adalah untuk mengendalikan enkuri di bawah seksyen 22 Ordinan Kelahiran dan Kematian Negeri Sabah 1955 bagi membolehkan pendaftaran terhadap Sijil Lahir Daftar Lewat bagi Warganegara Malaysia dilakukan.</p> <p>3. Mulai 15 Mac 2011, konsep Mahkamah Bergerak telah diperluaskan dengan pemakaian bas yang diubahsuai menjadi bilik bicara bergerak dan dilengkapi dengan sistem CRT.</p> <p>4. Mahkamah bergerak beroperasi sekali sebulan. Namun demikian, sekiranya terdapat permintaan daripada Pemimpin Tempatan, ia akan menambah kekerapan operasi kepada dua kali sebulan.</p> <p>5. Bagi tahun 2020, mahkamah bergerak telah beroperasi sebanyak dua kali. Operasi ini terhenti sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Mahkamah bergerak</p>

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							dijadualkan, akan beroperasi dua kali sebulan bagi bulan Julai, Ogos, September dan Oktober 2020 dan empat kali sebulan bagi bulan November 2020.
							6. Semenjak operasinya pada tahun 2007 dan sehingga Mei 2020, mahkamah ini telah berjaya menyelesaikan 92,677 kes daripada 93,839 kes permohonan bagi pendaftaran/ pengendorsan kes lewat kelahiran yang didaftarkan.
		13.2 Menambah baik dan memantapkan keberkesanan Unit Khas Bergerak (UKB) Jabatan Pendaftaran Negara bagi membolehkan unit ini menjalankan operasi “outreach” dengan lebih kerap dan berjadual ke kawasan pedalaman dan/atau kawasan-kawasan yang terpencil.	JPN	✓	✓	✓	Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa mengambil langkah proaktif dalam memastikan urusan pendaftaran dokumen pengenalan diri individu yang berkelayakan dapat dilaksanakan dengan mudah di seluruh negara termasuk di kawasan pedalaman dan luar bandar. Program Outreach yang dilaksanakan oleh UKB JPN telah dijenamakan semula dan ditambah baik sebagai Program Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR) pada 2019. Penambahbaikan tersebut meliputi penaiktarafan peralatan dan sistem yang digunakan ketika program tersebut. JPN Negeri Sarawak telah membuat penstrukturkan semula UKB pada awal tahun 2020

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>di mana UKB yang sedia ada telah diambil tugas sepenuhnya oleh Ketua Pejabat. Penjenamaan semula sebagai Unit Mekar dengan mewujudkan 6 Unit Mekar Utama iaitu JPN Kuching, JPN Sri Aman, JPN UTC Sibu, JPN Kapit, JPN Bintulu dan JPN UTC Miri. Ini bagi memudahkan perkhidmatan disampaikan kepada penduduk kawasan sekitar dengan lebih cepat, kerap dan berkesan.</p> <p>Manakala Unit Khas Bergerak (UKB) JPN Sabah mengadakan program <i>adhoc</i> MEKAR di kawasan-kawasan terpencil dan program lima (5) kali setahun perkhidmatan pejabat secara berkala.</p>
	13.3 Mengintegrasikan perkhidmatan UKB dengan perkhidmatan lain seperti kesihatan, pendidikan dan perundangan (i.e. Mahkamah Sivil dan Syariah).		Bahagian Strategi Korporat Dan Komunikasi (dahulu Unit Strategi Nasional), MOF	✓			<p>MOF</p> <p>Program ini kini dikenali sebagai Perkhidmatan Komuniti Bergerak (PKB).</p> <p>Bagi tahun 2020, Kementerian Kewangan memutuskan supaya Program PKB diteruskan tanpa perkhidmatan bas di Sabah dan Sarawak sahaja.</p> <p>Program PKB ini adalah dikendalikan sendiri oleh Perbadanan Malaysia Sabah dan</p>

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
			Kerajaan Negeri				Perbendaharaan Malaysia Sarawak iaitu membawa perkhidmatan utama agensi Kerajaan ke kawasan luar bandar dan pedalaman.
	13.4 Meneruskan pengeluaran dokumen pengenalan diri yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi bagi menyelaraskan pemegang Kad IMM13.		KDN	✓	✓	✓	<p>Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS-Induk) Bil 1/2019 pada 6 September 2019 telah bersetuju dengan pelaksanaan Pas Sementara Sabah (PSS) bagi menyelesaikan isu kepelbagaian dokumen yang dipegang oleh pelarian di Sabah iaitu pemegang IMM13, Kad Burung-Burung dan Sijil Banci.</p> <p>PSS adalah suatu dokumen imigresen yang membenarkan pemegangnya untuk tinggal secara sementara di Malaysia secara sah. PSS juga adalah sebagai mekanisme kawalan keberadaan dan pergerakan warga asing di Sabah yang akan dikeluarkan dalam bentuk kad dengan ciri-ciri keselamatan seperti biometrik dan mempunyai nombor ID yang unik untuk membezakan PSS dengan pas-pas imigresen sedia ada.</p> <p>Walau bagaimanapun, YAB Ketua Menteri Sabah pada 22 Januari 2020 telah mengumumkan pembatalan pelaksanaan PSS selaras dengan</p>

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri Sabah.</p> <p>Pengurusan warga asing di Sabah termasuk isu kepelbagaiian dokumen di Sabah akan dikaji dan diteliti semula melalui Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS-Induk) memandangkan isu ini melibatkan bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah serta menyentuh sensitiviti rakyat Sabah.</p> <p><u>Kemas kini tambahan:</u></p> <p>KDN sedang meneliti berkaitan cadangan pelan penggantian dokumentasi bagi pendatang asing di Sabah melalui platform Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS).</p>
	13.5 Meningkatkan operasi penghantaran pulang pendatang asing tanpa izin (PATI) yang sedia ada di Sabah dengan koordinasi semua agensi penguat kuasa.	MKN	✓	✓	✓		<ol style="list-style-type: none"> 1. Susulan pandemik COVID-19, proses penghantaran PATI ke Indonesia terpaksa ditangguhkan antara bulan Mac hingga Jun 2020 dan PATI ke Filipina ditangguhkan antara bulan Mac hingga Julai 2020 berikutan kedua-dua negara berkenaan telah menutup sempadan mereka; 2. Proses penghantaran pulang kini dilaksanakan semula hasil daripada rundingan berterusan diantara kedutaan

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>kedua-dua negara dengan beberapa syarat yang dipersetujui. Perkara yang dibincangkan adalah melibatkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kedutaan Filipina mewajibkan semua tahanan mereka menjalani ujian swab RT0PCR dan kos ujian akan ditanggung oleh Kerajaan Filipina. Mereka perlu disahkan negative terlebih dahulu sebelum mereka diterima pulang. Jarak antara siri pengusiran adalah tidak kurang daripada 15 hari. ii. Kedutaan Indonesia juga mewajibkan tahanan Indonesia yang ingin diterima pulang perlu disahkan negative COVID-19 melalui ujian RTK-AG dan kos ditanggung oleh Kerajaan Malaysia. iii. Kesemua kos tambang penghantaran pulang melalui laut ditanggung oleh Kerajaan Malaysia. <p>3. Keadaan sekarang menyebabkan kekerapan dan jumlah tahanan yang dapat diusir berkurangan berbanding sebelum pandemik COVID-19.</p> <p>4. Pada tahun ini sehingga 23 September 2020, seramai 6,421 orang PATI telah diusir dari Sabah dengan 3,895 adalah warganegara</p>

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							Filipina, 2,305 warganegara Indonesia dan 221 lain-lain negara; dan 5. Bagi perancangan jangka Panjang, MKN sedang meneliti dan mengkaji kemungkinan penggunaan kapal terbang sebagai mod pengangkutan yang lebih berkesan.
		13.6 Meningkatkan pelaksanaan kesedaran secara berterusan berhubung dengan pendaftaran kelahiran kepada masyarakat oleh agensi-agensi kerajaan, pemimpin agama, pegawai daerah, klinik kesihatan, bidan kampung pemimpin masyarakat dan masyarakat umum di Sabah/Sarawak.	KDN	✓	✓	✓	Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah membuat perancangan perlaksanaan program sepanjang tahun yang melibatkan agensi kerajaan dan pemimpin masyarakat yang memberi khidmat nasihat berlangsung kepada penduduk Sabah dan Sarawak.
		13.7 Meningkatkan kesedaran secara	JPN	✓	✓	✓	Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa mengambil langkah proaktif dalam memastikan

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		berterusan dengan menyebarkan maklumat tentang kepentingan dokumentasi pengenalan diri melalui media, termasuk radio, televisyen dan media sosial dan mengadakan kerjasama dengan NGO.					<p>kesedaran orang ramai secara berterusan dengan menyebarkan maklumat tentang kepentingan dokumentasi pengenalan diri. JPN telah mengadakan kerjasama dengan radio dan televisyen serta mesyuarat bersama agensi/ NGO secara berkala.</p> <p>Kementerian Dalam Negeri melalui JPN sentiasa melakukan hebahan maklumat berkaitan di Saluran Media Sosial rasmi Jabatan dua (2) kali seminggu. Hebahan di media massa (elektronik & cetak) juga dibuat dari semasa ke semasa untuk menyampaikan kesedaran kepada orang ramai mengenai pentingnya dokumen pengenalan diri.</p>
		13.8 Mengadakan perbincangan serantau – berhubung dengan isu Golongan Pala'u, pekerja Indonesia dan Filipina, dan pelarian Filipina - untuk mewujudkan jalinan kerjasama dalam memahami	KDN	✓	✓	✓	<p>KDN</p> <p>Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah telah membincangkan mengenai perkara ini melalui platform Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS) namun ekoran daripada peralihan pentadbiran Kerajaan, maka hala tuju mengenainya akan dikaji dan diperincikan semula selepas penubuhan Kerajaan Negeri Sabah yang baru.</p> <p>KDN telah menyelaras sesi Kunjungan Hormat</p>

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		isu-isu yang berkait dengannya.					<p>oleh TYT Charles C. Jose, Duta Besar Filipina ke Malaysia ke atas YB MDN pada 18 Jun 2020 di mana kedua-dua pihak telah membincangkan dan bersetuju dengan perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) supaya Jabatan Imigresen Malaysia menyegerakan proses penghantaran pulang warga Filipina yang ditahan di depoh tahanan Imigresen; (ii) supaya sebuah Jawatankuasa Bersama ditubuhkan untuk menangani isu-isu Pendatang Asing Tanpa Izin warga Filipina; dan (iii) supaya proses rundingan dan pemeteraian Perjanjian Pemindahan Banduan Antarabangsa (ITOP) dapat dimuktamadkan dengan segera. <p>ESSCOM Dalam mesyuarat yang diselaraskan oleh Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan Ketua Menteri, ESSCOM telah dilantik sebagai Peneraju dalam Jawatankuasa Kajian profiling masyarakat Pala'u di Sabah. Bancian telah dilaksanakan di 5 daerah utama kewujudan masyarakat Pala'u iaitu Semporna, Kunak, Lahad Datu, Tawau dan Kudat pada tahun 2015 dan 2019. Selebihnya tindakan akan diselaraskan</p>

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>dan dilaksanakan oleh Pegawai Daerah (DO) dalam jawatankuasa kebajikan dan keharmonian Masyarakat pala'u dan Jawatankuasa penempatan lokasi Masyarakat Pala'u.</p> <p><u>Kemas kini tambahan:</u> KDN turut akan meneliti isu serantau berhubung dengan isu Golongan Pala'u, pekerja Indonesia dan Filipina, pelarian Filipina serta status seterusnya dalam JKPWAS.</p>
14.	Isu Keselamatan di Sabah dan Sarawak	14.1 Meningkatkan kegiatan risikan dan pertukaran maklumat dengan pihak berkuasa Filipina untuk mengatasi masalah penculikan di perairan Sabah.	MKN ESSCOM	✓	✓	✓	<p>MKN Menggunakan platform Jawatankuasa Perancang Gerakan Negeri (JPGN) dan Joint Intelligent Working Group (JIWG) untuk pengumpulan dan pertukaran maklumat perisikan antara agensi keselamatan. Bagi pertukaran maklumat perisikan Bersama pihak berkuasa Filipina akan dilaksanakan oleh ESSCOM melalui platform Trilateral Cooperative Agreement (TCA).</p>
		14.2 Meningkatkan kerjasama antara penduduk kampung dengan pihak	MKN ESSCOM	✓	✓	✓	<p>ESSCOM Program Pertemuan Dan Dialog Keselamatan ESSCOM Bersama Masyarakat Di Esszone</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tahun 2019 = 4 Kali

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		<p>berkuasa untuk mengatasi masalah kebocoran sempadan darat di Sarawak dan mengatasi masalah penculikan di Sabah akibat kewujudan penduduk yang bersubahat dengan penculik.</p>					<ul style="list-style-type: none"> • Tahun 2020 = 2 kali <p>Program Ihya Ramadan bersama masyarakat</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tahun 2019 = 4 kali • Telah dilaksanakan sepanjang 2019 sahaja <p>Program Santai Merdeka ESSCOM sempena bulan kebangsaan bersama masyarakat</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tahun 2019 = 5 Kali • Telah dilaksanakan pada Ogos 2019 <p>Program Semarak ESSCOM bersama komuniti belia peringkat ESSZONE</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tahun 2019 = 5 kali • Telah dilaksanakan sepanjang 2019 <p>Program ESSCOM Bersama Pasukan Keselamatan peringkat ESSZONE</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tahun 2020 = 4 kali • Telah dilaksanakan sepanjang 2020 sehingga Mac 2020 <p>Majlis Raya Korban ESSCOM bersama masyarakat</p> <ul style="list-style-type: none"> • 1 tahun = 1 kali • Akan dilaksanakan pada Julai 2020

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Mengadakan Ceramah / Taklimat isu-isu awam dan keselamatan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tahun 2019 = 4 kali • Telah dilaksanakan sepanjang 2019 sehingga Mac 2020 <p>Melaksanakan kajian keberkesanan impak program.</p> <ul style="list-style-type: none"> • 1 bulan = 2 kali • 1 tahun = 24 kali • Telah dilaksanakan sepanjang 2019 sehingga Mac 2020 <p>Menyertai program Sosio-Ekonomi</p> <ul style="list-style-type: none"> • 1 tahun = 10 kali • Sedang dilaksanakan sehingga hujung tahun 2020 <p>Beberapa operasi bersepadu melibatkan semua agensi keselamatan ATM, PDRM dan APMM yang diselaraskan oleh ESSCOM sentiasa diadakan bagi mengekang kemasukan PATI ke negara ini khususnya di kawasan pantai timur Sabah. Antaranya Ops Gasak, Ops Bersepadu, Ops Cegah PATI dan Ops benteng. Manakala Op Maharlika dilaksanakan dengan kerjasama dan</p>

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>penyertaan pasukan dari Interpol dengan pasukan sahabat dari Indonesia dan Filipina.</p> <p>Selain daripada tindakan penguatkuasaan, ESSCOM juga sentiasa menganjurkan program Gerak Saraf dan Perang Saraf dalam usaha kita untuk mendapatkan kerjasama dan penyertaan penduduk untuk menjadi "mata dan telinga" pasukan keselamatan dalam memerangi tali barut di kalangan penduduk setempat.</p> <p>MKN Menggunakan platform Jawatankuasa Gerak Saraf Perang Saraf Negeri (JGSPSN) Sabah yang mana semua agensi terlibat akan bekerjasama melaksanakan GPS di kalangan penduduk kampung terutamanya di sempadan negara.</p>
		14.3 Meneruskan penubuhan satu pasukan bertugas bersama antara Malaysia, Indonesia dan Filipina yang boleh menjalankan rondaan darat, udara	MKN ESSCOM	✓	✓	✓	<p>MKN Menggunakan platform Trilateral Cooperative Agreement (TCA) yang telah dilaksanakan sejak 2017 perlu dikekalkan untuk mengadakan rondaan darat, laut dan udara Bersama Filipina dan Indonesia.</p>

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		dan laut secara bersama.					

PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN (NHRAP)
TERAS 2: HAK EKONOMI, SOSIAL DAN KEBUDAYAAN

Pelan Tindakan Hak Ekonomi

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
1.	Hak perniagaan dan kepenggunaan	1.1 Memperkasakan dan meningkatkan inisiatif-inisiatif hak perniagaan dan hak-hak pengguna	MITI KPDNHEP	✓	✓	✓	<p>MITI</p> <ul style="list-style-type: none"> Dicadangkan supaya MITI tidak disenaraikan sebagai Agensi Peneraju memandangkan hak perniagaan dan hak pengguna adalah di luar bidang kuasa Kementerian ini. <p><u>Nota:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Sebarang pembangunan peraturan baharu dan pindaan peraturan sedia ada dilaksanakan melalui pendekatan Amalan Baik Peraturan (<i>Good Regulatory Practice - GRP</i>) yang dilaksanakan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) sejak RMK-10. Pembangunan dan semakan peraturan perlu merujuk kepada Dasar Negara bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan (NPDIR) dan melalui proses Analisis Impak Peraturan (RIA), termasuk perlaksanakan <i>Public Consultation</i>.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<ul style="list-style-type: none"> Bermula 2019, Portal <i>Unified Public Consultation</i> (UPC) telah dilancarkan bagi membolehkan kaedah <i>Public Consultation</i> dilaksanakan secara dalam talian dan meningkatkan penglibatan sektor awam dan swasta. <p>KPDNHEP</p> <ol style="list-style-type: none"> Memberikan pengecualian kompaun atas kelewatan pembaharuan pendaftaran perniagaan dalam tempoh PKP di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. Tempoh moratorium 30 hari dari tarikh 1 September 2020 untuk menyerahsimpan dokumen dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Pelanjutan masa 90 hari bagi syarikat untuk menyerahsimpan penyata akaun kepada SSM. Pelanjutan masa untuk pematuhan di bawah seksyen 241 Akta Syarikat 2016 bagi mata CPE untuk setiausaha syarikat.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>5. Melanjutkan tempoh pelaksanaan untuk pembayaran kompaun di bawah Akta Syarikat 2016.</p> <p>6. Pengecualian kelulusan sehingga 31 Disember 2020 untuk Syarikat Berhad Menurut Jaminan untuk membuat kutipan sumbangan dari orang awam (bagi syarikat yang telah menerima kelulusan dari LHDNM).</p> <p>7. Perlanjutan masa untuk pematuhan mengadakan AGM sehingga 90 hari selepas PKP berakhir.</p> <p>8. Menyediakan Arahan Menteri bertarikh 21 April 2020 untuk meningkatkan amaun keberhutangan di bawah seksyen 466 Akta Syarikat 2016 dari RM10,000 kepada RM50,000.</p> <p>9. Menyediakan Perintah Pengecualian bertarikh 23 April 2020 bagi syarikat menjawab notis tuntutan dari tempoh 21 hari kepada tempoh selama 6 bulan.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		1.2 Melaksanakan semakan undang-undang berkaitan dengan hak perniagaan dan pelaburan dari semasa ke semasa.	MITI KPDNHEP	✓	✓	✓	<p>MITI Di bawah RMK-11, MPC telah melaksanakan inisiatif semakan peraturan di peringkat Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan bagi mengenalpasti peraturan yang telah lapuk, bertindih dan tidak relevan untuk dimansuh / ditambahbaik.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelaksanaan semakan peraturan tersebut adalah melalui program-program berikut: <ul style="list-style-type: none"> I. Peningkatan Kualiti Peraturan (PKP); II. Transformasi Peraturan Sedia Ada (PTPS); III. Mengurangkan Beban Peraturan Yang Tidak Wajar (<i>Reducing Unnecessary Regulatory Burdens – RURB</i>); dan IV. Semakan Langkah Bukan Tarif (<i>Non Tarif Measures – NTM</i>). • Hasil semakan yang dilaksanakan sepanjang tempoh RMK-11: <ul style="list-style-type: none"> i) 471 Notifikasi Peraturan (RN) atau cadangan pembangunan peraturan baharu/pindaan peraturan sedia ada,

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>dan 108 Penyata Impak Peraturan (RIS) telah dikemukakan bagi tujuan semakan.</p> <p>ii) 4,036 peraturan perniagaan (pelesenan) telah dilaksanakan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • MITI sedang melaksanakan semakan semula Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Akta Penyelarasian Perindustrian 1975 bagi penambahbaikan selaras dengan tuntutan dan keperluan semasa berkaitan pelaburan. <p>KPDNHEP SSM telah mengeluarkan Laporan Ulasan Perniagaan: Panduan Penzahiran dan Pelaporan (BBPC 6/2017) yang menyokong NHRAP bagi mengalakkan laporan bukan kewangan yang lebih meluas selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 253 (3) Akta Syarikat 2016. Peruntukan ini menetapkan bahawa Laporan Ulasan Perniagaan akan menjadi sebahagian daripada laporan pengarah-pengarah dan kandungannya mengandungi perkara yang telah dinyatakan dalam Bahagian II Jadual 5 Akta tersebut.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Laporan Ulasan Perniagaan ini adalah dalam bentuk naratif yang membenarkan syarikat untuk melaporkan maklumat penting di dalam pelan hala tuju syarikat dan prestasinya. Pematuhan kepada laporan naratif secara sukarela ini akan membenarkan pihak pengurusan untuk melaporkan isu-isu yang memberi kesan terhadap prestasi keseluruhan perniagaaan, di samping pernyataan kewangan yang memberikan maklumat kewangan syarikat secara lebih terperinci.</p> <p>Laporan ini juga mengalakkan pihak syarikat untuk memenuhi keperluan dan menerapkan budaya baharu yang mengetengahkan pelaporan mengenai hak asasi manusia di dalam perniagaan untuk syarikat-syarikat di Malaysia bagi membina komitmen yang jelas untuk melaksanakan proses usaha wajar yang dipromosikan oleh Prinsip-Prinsip Panduan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGPs).</p>
		1.3 Meneruskan dan meningkatkan usaha-usaha	KPDNHEP MITI	✓	✓	✓	<u>MITI</u>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		bagi memudahkan urusan perniagaan.					<p>Inisiatif mempermudahkan urusan perniagaan oleh MPC:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Pengurangan Birokrasi (<i>Cutting Red Tape – MyCURE</i>); ii) Pemodenan Lesen Perniagaan (<i>Modernising Business Licencing – MBL</i>); iii) Meningkatkan Ketelusan Proses Pengeluaran Perlesenan melalui Pembangunan Garis Panduan (di bawah Pelan Anti Rasuah Nasional – NACP); iv) Program Malaysia Mudah (#MyMudah); dan v) Program Memperkuuhkan Strategi Daya Saing Negara. <ul style="list-style-type: none"> • Inisiatif-inisiatif ini bertujuan mempercepatkan tempoh masa kelulusan permohonan pelesenan, menambahbaik prosedur kerja, meningkatkan ketelusan proses kelulusan pelesenan dan mengurangkan beban peraturan yang tidak wajar. • Melalui pelaksanaan inisiatif inisiatif ini juga, Bank Dunia telah menyenaraikan Malaysia pada kedudukan ke-12 dari 190 buah negara dalam

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Laporan '<i>Doing Business 2020</i>' berbanding pada kedudukan ke-15 pada tahun sebelumnya.</p> <p>KPDNHEP</p> <p>1. SSM sedang dalam tindakan untuk membuat pindaan ke atas Akta Syarikat 2016 (AS 2016) dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (Akta PLT 2012). Antara pindaan-pindaan yang akan dicadangkan adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Pengenalan kerangka pemunya benefisial (<i>beneficial ownership</i> - BO) ke dalam Akta Syarikat 2016 dan Akta PLT 2012 sebagai salah satu mekanisme tadbir urus entiti perniagaan yang lebih telus. (ii) Kerangka ini turut menjelaskan pelaporan BO bagi syarikat dan PLT asing dan tempatan. (iii) Kerangka ini juga mengelakkan pelaporan duplikasi antara Agenzi terutamanya syarikat yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>(iv) Menambahbaik peruntukan berkaitan skim perkiraan bagi membantu syarikat yang menghadapi masalah kewangan untuk menstruktur hutang bagi memastikan syarikat boleh terus beroperasi tanpa digulungkan.</p> <p>2. RUU yang dicadangkan ini juga menyediakan penambahbaikan peruntukan berkaitan mekanisma penyelamat korporat dengan membolehkan lebih banyak kategori syarikat yang boleh memanfaatkan kerangka skim perkiraan sukarela (<i>corporate voluntary arrangement</i>) atau pengurusan kehakiman (<i>judicial management</i>) sebagai pelan rehabilitasi sekiranya syarikat menghadapi masalah kewangan.</p> <p>3. Untuk PLT pula, suatu mekanisme penyelamat korporat seperti perkiraan sukarela dan pengurusan penghakiman akan diperkenalkan.</p> <p>4. Pindaan ini dijangka akan dibentangkan di Parlimen dalam sesi bulan November 2020.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		1.4 Meneruskan dan meningkatkan usaha-usaha untuk mewujudkan peluang pelaburan secara saksama.	KPDNHEP MITI	✓	✓	✓	<p>KPDNHEP KPDNHEP sedang menyediakan pelan untuk memberi peluang kepada usahawan yang berminat memfrancaiskan perniagaan atau menceburi perniagaan francais. Antara perkara yang diambil berat dalam menyediakan peluang penciptaan perniagaan francais (francisor) dan peluang perniagaan francais (francaisi) adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Menurunkan kadar halangan kemasukan ke dalam industri francais dengan mengurangkan kos pelaburan francais; b) menarik minat usahawan PKS baru untuk menceburi industri francais dengan bimbingan berkaitan pendaftaran serta penglibatan dalam industri francais; dan c) Menyediakan geran / bantuan kewangan kepada francaisor yang berpotensi dalam membangunkan pakej francais jenama masing-masing. <p>*Selain itu, MEDAC turut dicadangkan penglibatan bersama dalam Tindakan 1.4 ini.</p> <p>MITI</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							Selaras dengan ekosistem dan iklim pelaburan Negara yang dinamik dan berdaya saing, para pelabur asing dan tempatan mempunyai peluang pelaburan yang sama rata selain menikmati fasilitasi pelaburan yang holistik.
		1.5 Meneruskan dan meningkatkan program pembudayaan, latihan dan kemahiran keusahawanan secara menyeluruh.	KPDNHEP KPT MITI	✓	✓	✓	<p>KPT KPT melalui Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) sentiasa melaksanakan program pembudayaan, latihan dan kemahiran keusahawanan.</p> <p>KPT memberi fokus utama kepada program-program berimpak tinggi dan memfokuskan kepada peningkatan kemahiran keusahawanan secara hands-on terutamanya berkaitan keusahawanan digital dan keusahawanan sosial.</p> <p>Selain itu, KPT juga sentiasa memperluaskan kerjasama strategik dengan kementerian/agensi lain bagi memastikan pelaksanaan semua program/inisiatif yang dirancang dapat dilaksana, diselaras dan dipantau dengan lebih holistik dan komprehensif.</p> <p>Melalui kerjasama ini, ia akan dapat mengurangkan pertindihan dari segi fungsi dan pelaksanaan program-program keusahawanan di</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>antara kementerian/agenzi Kerajaan dan seterusnya dapat membantu meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program serta mencapai objektif yang ditetapkan.</p> <p>KPDNHEP Program latihan dan kemahiran usahawan merupakan program tetap yang dilaksanakan pada setiap tahun yang menumpukan kepada peningkatan kemahiran serta pertumbuhan perniagaan. Program tersebut akan diteruskan dan ditambah baik dari semasa ke semasa dalam membantu merancakkan ekonomi domestik.</p> <p>Nota: Selain itu, turut dicadang supaya MEDAC menjadi salah satu Agenzi Peneraju bagi Tindakan 1.5 ini memandangkan MEDAC merupakan peneraju utama Dasar Keusahawanan Negara.</p> <p>MITI</p> <ul style="list-style-type: none"> • Di bawah RMK-11, MPC telah melaksanakan program Peningkatan Produktiviti Enterpris (SPPE) selaras dengan <i>Malaysia Productivity Blueprint (MPB)</i>. Program ini bertujuan

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>mewujudkan syarikat contoh dengan produktiviti dan daya saing tinggi yang boleh dijadikan tanda aras oleh pihak industri. Komponen utama program merangkumi diagnostik syarikat, intervensi dan pengukuran produktiviti.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sebanyak 600 syarikat disasarkan untuk menyertai program SPPE bagi tempoh 2017-2020 dengan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM24 juta. Sehingga 31 Ogos 2020, sebanyak 546 syarikat daripada 9 sektor terpilih telah menyertai program ini. • Dicadangkan supaya MEDAC turut dilibatkan sebagai Agenzi Peneraju.
		1.6 Meningkatkan penguatkuasaan undang-undang berkaitan hak kepenggunaan dengan lebih sistematik dan berkesan.	KPDNHEP	✓	✓	✓	<p>1. Penambahbaikan undang-undang berkaitan hak-hak pengguna dibuat oleh KPDNHEP pada tahun 2020 dengan menaikkan had kadar tuntutan ganti rugi bagi barang dan perkhidmatan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) daripada RM25,000 kepada RM50,000. Pindaan ini membolehkan pengguna membuat tuntutan ganti rugi bagi barang dan perkhidmatan melalui TPM bagi nilai kerugian sehingga RM50,000.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>2. KPDNHEP melalui Bahagian Penguatkuasa sedang dan akan terus meningkatkan penguatkuasaan undang-undang berkaitan untuk melindungi kepentingan pengguna.</p> <p>3. Berdasarkan statistik penguatkuasaan untuk melindungi pengguna bagi tahun 2020 (Jan-Ogos) adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Pemeriksaan: 517,409 (ii) Jumlah kes: 7,584 (iii) Nilai rampasan: RM60,624,503.00 (iv) Bilangan kes kompaun: 5,575 (v) Nilai kompaun: RM1,690,860.00 (vi) Bil kes yang didenda: 12 (vii) Nilai denda: RM185,645.00 <p>Bilangan aduan yang diterima dan disiasat: 25,96</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		1.7 Mengkaji semula undang-undang berkaitan hak kepenggunaan ke arah penambahbaikan.	KPDNHEP		✓		<ul style="list-style-type: none"> 1. KPDNHEP sentiasa mengkaji dan membuat penambahbaikan ke atas undang-undang termasuk <i>Standard Operating Procedure (SOP)</i> untuk memastikan ianya terus relevan dan berupaya memberi perlindungan yang mantap ke atas pengguna. 2. Mengikut rekod, terdapat 6 draf penggubalan undang-undang baharu dan 14 pindaan undang-undang sedia ada masih dalam tindakan untuk dilaksanakan pada tahun 2020. 3. Pada tahun 2019, Akta Perlindungan Pengguna 1999 telah dipinda berkaitan peningkatan had nilai bidang kuasa Tribunal Tuntutan Pengguna daripada RM25,000 kepada RM50,000. Pindaan ini telah berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2019. 4. KPDNHEP terlibat secara langsung di dalam penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Pelaksanaan Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan COVID-19 untuk meminda perundangan Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang melibatkan urus niaga

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							jualan kredit. Pindaan peruntukan yang dicadangkan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 akan memperuntukkan larangan pemberi kemudahan kredit untuk mengenakan caj bayaran lewat serta memulakan prosiding undang-undang terhadap pembeli pada tempoh yang ditetapkan.
		1.8 Meningkatkan program-program kesedaran hak kepenggunaan dalam kalangan pengguna.	KPDNHEP	✓	✓	✓	<ol style="list-style-type: none"> 1. Program advokasi dengan pelajar sekolah dan IPT dilaksanakan sepanjang tahun melalui kerjasama dengan Kelab Pengguna Sekolah (KPS) dan Gerakan Pengguna Siswa (GPS). Program Cabaran Interaktif Pengguna-Kelab Pengguna Sekolah (CIP-KPS) dilaksanakan di 3 peringkat iaitu daerah, negeri dan kebangsaan. 2. Program Cabaran Intelektual Pengguna-Gerakan Pengguna Siswa pula dilaksanakan bersama semasa Majlis Perdana Gerakan Pengguna Siswa yang diadakan di peringkat Kebangsaan pada setiap tahun. Jumlah KPS berdaftar sehingga Julai 2020 ialah 2030 dengan 69,178 ahli dan jumlah GPS ialah 173 dengan 8748 ahli.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							3. Untuk peringkat sekolah Kebangsaan dan pra-Sekolah, sebuah Modul Kepenggunaan kini dalam peringkat pembangunan dan di jangka siap pada penghujung tahun 2021. Manakala program advokasi dengan masyarakat diadakan melalui program kepenggunaan yang dilaksanakan di peringkat negeri.
2.	Hak bekerja	2.1 Meneruskan dan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang perburuhan bagi memastikan hak pekerja dan majikan dilindungi.	KSM KDN	✓	✓	✓	KSM Aktiviti penguatkuasaan undang-undang merupakan aktiviti berterusan yang dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Kerja bagi memastikan undang-undang perburuhan dipatuhi. Antara aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan termasuklah pemeriksaan berkanun ke atas majikan.
		2.2 Meneruskan dan meningkatkan program kesedaran dan kefahaman serta literasi undang-undang tentang hak kesatuan sekerja.	KSM	✓	✓	✓	Program libat urus bersama pihak <i>stakeholders</i> sentiasa menjadi keutamaan Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja termasuklah penganjuran Seminar LEAP (<i>Labour Enrichment and Profesionalism</i>)

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		2.3 Melakukan semakan dan kajian pelaksanaan gaji minima bagi mengelakkan impak negatif kepada hak asasi manusia.	KSM		✓		KSM tidak memberi maklumbalas.
		2.4 Melaksanakan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) secara lebih meluas dan komprehensif di seluruh negara.	KSM	✓	✓	✓	<p>Kementerian ini dalam proses penyediaan Memorandum Jemaah Menteri berhubung Cadangan Meminda Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800]. Antara pindaan Akta 800 adalah terhadap penambahbaikan jaringan keselamatan sosial orang berinsurans dan peluasan fungsi dan menambahbaik proses serta operasi SIP.</p> <p>Kementerian ini mencadangkan pindaan kepada Akta 800 untuk mencapai objektif-objektif berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Meningkatkan dan memperluaskan perlindungan kepada OB; (ii) Mewujudkan pasaran buruh yang lebih efisien di Malaysia; (iii) Meningkatkan kemahiran dan mobiliti tenaga kerja negara; (iv) Menggalakkan penyertaan tenaga kerja wanita; dan

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							(v) Membolehkan Kerajaan memperkenalkan lebih banyak program pasaran buruh aktif.
		2.5 Meneruskan semakan undang-undang perburuhan secara menyeluruh untuk menambah baik undang-undang perburuhan sedia ada dari semasa ke semasa termasuk melibatkan perlindungan dan hak pekerja asing.	KSM		✓		KSM sentiasa mengkaji dan menambah baik perundangan perburuhan dari semasa ke semasa termasuklah membuat pindaan ke atas Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990. Kedua-dua Akta ini telah dipinda pada tahun 2019.
		2.6 Meneruskan dan meningkatkan program latihan dan kemahiran bagi meningkatkan kebolehpasaran pekerjaan.	KSM EPU	✓	✓	✓	BEQT, UPE, JPM Program pembangunan modal insan termasuk program latihan kemahiran, pendidikan, pembangunan minda, pembangunan keusahawanan akan diteruskan dan ditambah baik dari semasa ke semasa bagi meningkatkan sosioekonomi mereka serta kebolehpasaran pekerjaan. Ini sejajar dengan hasrat Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) dan pelaksanaan IR4.0
3.		3.1 Meneruskan dan mempergiatkan usaha-	EPU		✓		BEQT, UPE, JPM

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
	Pembasmian kemiskinan dan ketaksamarataan	usaha bagi meningkatkan pendapatan dan kekayaan isi rumah B40 bagi memperbesar saiz isi rumah dalam kelas pendapatan pertengahan					UPE, JPM sedang memuktamadkan draf akhir Rancangan Malaysia Kedua belas (RMKe-12), 2021- 2025. Kerajaan akan memberi fokus kepada usaha menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan sejajar dengan dengan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.
		3.2 Meneruskan program dan melaksanakan perancangan jangka masa pendek dan panjang bagi menangani isu kemiskinan mutlak di kawasan bandar, luar bandar, pinggir bandar khususnya dalam kalangan Orang Asli, Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak.	EPU KPLB JAKOA Kerajaan Negeri Sarawak & Sabah		✓	✓	BEQT, UPE, JPM UPE, JPM sedang memuktamadkan draf akhir Rancangan Malaysia Kedua belas (RMKe-12), 2021- 2025. Kerajaan akan memberi fokus kepada usaha menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan sejajar dengan dengan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. KPLB: Bagi menangani isu kemiskinan, KPLB melaksanakan program-program di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) seperti Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), Program Peningkatan Pendapatan (PPP), dan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) yang memberi fokus kepada

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>kumpulan sasar miskin tegar, miskin dan kumpulan B40. Program-program ini merupakan antara program pembasmian kemiskinan luar bandar dalam memastikan kumpulan sasar dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih baik.</p> <p>Bagi tempoh RMK-11 (tahun 2016-2020), di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), sebanyak 9,200 rumah telah dibina dan 45,600 rumah dibaik pulih. Jumlah ini memberi manfaat kepada kira-kira 270,000 ahli isi rumah miskin dan miskin tegar.</p> <p>Manakala bagi tempoh yang sama di bawah Program Peningkatan Pendapatan (PPP), seramai 3,900 orang telah menerima bantuan dan dapat meningkatkan sekurang-kurangnya 30% pendapatan daripada pendapatan semasa.</p> <p>Di bawah Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) pula, seramai 10,000 pelatih telah mengikuti latihan kemahiran dalam tempoh tersebut.</p> <p>Sementara itu, bagi menangani masalah kemiskinan di kalangan Orang Asli, KPLB di bawah agensinya JAKOA turut melaksanakan</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Program Pembangunan Ekonomi Orang Asli melalui Bantuan Input Pertanian (jangka pendek), projek Hands Holding (jangka sederhana) dan projek perladangan (jangka panjang).</p> <p>Sepanjang tahun 2016-2019, seramai 16,895 Orang Asli telah menerima manfaat daripada Program Pembangunan Ekonomi Orang Asli.</p> <p>KPLB juga melaksanakan program keusahawanan bagi membantu meningkatkan pendapatan isi rumah penduduk di luar bandar selain sedang meneliti cadangan program-program baharu termasuk mempelopori sumber ekonomi baharu dan pengupayaan komuniti setempat untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) khusus untuk meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar, seperti mana yang telah digariskan di bawah Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 (DPLB 2030).</p> <p><u>Kerajaan Negeri Sarawak & Sabah</u></p> <p>Ketua Teras 2 masih belum dapat maklum balas daripada Kerajaan Negeri Sarawak & Sabah. Emel bertarikh 8 Mac telah dihantar bagi</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							mendapatkan input daripada kedua-dua Kerajaan Negeri.
		3.3 Menangani isu kemiskinan relatif dan kemiskinan pelbagai dimensi dengan memberikan perhatian utama kepada negeri yang memiliki ramai isi rumah dalam kategori miskin dan berpendapatan rendah.	EPU		✓		BEQT, UPE, JPM Kajian mengenai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2019 telah dijalankan oleh UPE, JPM dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan beberapa kementerian dan agensi berkaitan bagi mengkaji semula metodologi penetapan PGK supaya lebih menggambarkan corak perbelanjaan (<i>consumption pattern</i>) dan keperluan serta demografi semasa isi rumah. Dapatan kajian ini juga akan dimasukkan dalam draf RMKe-12, 2021-2025.
		3.4 Menetapkan had kadar keberhutangan isi rumah yang wajar dan perancangan untuk mengurangkan peratusan kadar keberhutangan rakyat Malaysia.	MOF/BNM	✓			MOF/BNM Walaupun tahap keberhutangan isi rumah keseluruhan masih tinggi, secara amnya isi rumah masih meminjam mengikut kemampuan mereka. Nisbah khidmat hutang (debt service ratio, DSR) kekal dalam lingkungan paras berhemat (DSR < 60%). Manakala kadar

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>pertumbuhan tahunan hutang isi rumah terus menurun daripada 14.2% pada tahun 2010 (tahap tertinggi) kepada 4% pada akhir Jun 2020. Ini berikutan keberkesanan pelbagai langkah yang telah dilaksanakan secara berperingkat sejak tahun 2010 oleh pihak Kerajaan dan Bank Negara Malaysia untuk memastikan isi rumah meminjam mengikut kemampuan dan mengelakkan peminjam daripada menghadapi masalah kewangan akibat bebanan hutang yang berlebihan. Langkah-langkah yang diambil termasuklah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Pelaksanaan Garis Panduan Mengenai Amalan Pembiayaan yang Bertanggungjawab <ul style="list-style-type: none"> • Disasarkan bagi menggalakkan piawaian pengunderitan yang lebih berhemat dan bertanggungjawab bagi bank. • Tempoh pinjaman maksimum untuk pembiayaan bagi kegunaan peribadi, pembelian harta kediaman dan bukan kediaman, dan pembelian kenderaan bermotor.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>ii) Larangan penawaran produk pembiayaan peribadi yang diluluskan tanpa sebarang permohonan daripada peminjam.</p> <p>iii) Penawaran pelbagai program pendidikan kewangan (melalui Agenzi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, AKPK) bagi membantu pengguna untuk lebih memahami risiko yang terlibat dalam menguruskan kewangan justeru memudahkan membuat keputusan kewangan yang lebih baik. Ini akan menyumbang kepada perlindungan pengguna sistem kewangan dan sektor isirumah yang terus mampan dan berdaya tahan.</p>
4.	Kemudahan asas	4.1 Meneruskan usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan kemudahan asas dan telekomunikasi.	KKMM KPLB JAKOA	✓	✓	✓	<p>KKMM Kementerian ini sentiasa memberi tumpuan untuk meneruskan usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan telekomunikasi agar rakyat dapat menerima perkhidmatan telekomunikasi yang baik dan stabil.</p> <p>Sehingga Jun 2020, antara inisiatif - inisiatif penyediaan perkhidmatan jalur lebar di kawasan</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>luar bandar dan pedalaman di seluruh negara adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) sebanyak 1,689 menara yang telah dilaksanakan bagi penyediaan liputan jalur lebar mudah alih. Manakala, 173 menara sedang dalam tahap pelaksanaan. Kesemua menara ini dijangka siap dan beroperasi sepenuhnya secara berperingkat bermula suku pertama 2021; (ii) pelaksanaan penaiktarafan sebanyak 3,324 alat pemancar komunikasi di menara-menara sedia ada ke perkhidmatan 4G sedang dilaksanakan. Sehingga kini, sebanyak 99.8% telah siap dan beroperasi; (iii) pemasangan rangkaian gentian optik ke menara - menara di kawasan luar bandar dan pedalaman. Sehingga kini, sepanjang 2,406 km gentian optik telah dipasang sebagai rangkaian teras bagi penyediaan perkhidmatan jalur lebar mudah alih 4G; dan

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>(iv) penyediaan perkhidmatan jalur lebar talian tetap yang mana sebanyak 146,040 sambungan telah disediakan. Daripada jumlah ini, sebanyak 114,143 sambungan atau 78% telah dilaksanakan di kawasan luar bandar. Manakala sebanyak 31,897 sambungan atau 22% telah dilaksanakan di kawasan perumahan kos rendah di seluruh negara bermula sejak tahun 2014.</p> <p>Selain dari itu, bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar talian tetap pula, inisiatif penaiktarafan rangkaian berdasarkan tembaga kepada rangkaian gentian optik yang melibatkan sebanyak 933,724 pelanggan sedia ada di seluruh negara sedang dilaksanakan dalam tempoh dua (2) tahun ini. Jumlah ini dijangka akan diselaraskan dari semasa ke semasa disebabkan oleh faktor peralihan langganan pelanggan.</p> <p>Bagi perkhidmatan jalur lebar talian tetap pula, pihak Kerajaan telah melaksanakan projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) dan projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi di</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>kawasan pinggir bandar dan luar bandar di seluruh negara. Sehingga kini lebih daripada 639,676 sambungan telah tersedia, manakala sebanyak lebih 34,781 sambungan masih dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap secara berperingkat pada tahun 2020. Dari jumlah tersebut, lebih 48,450 sambungan telah siap di Sabah dan lebih 31,741 sambungan di Sarawak. Manakala terdapat 924 sambungan di Sabah dan 4,236 sambungan di Sarawak masih dalam peringkat pelaksanaan.</p> <p><u>KPLB</u> KPLB sentiasa komited dalam meneruskan usaha-usaha untuk meningkatkan kualiti kemudahan asas dan telekomunikasi di kawasan luar bandar. Bagi memastikan program-program infrastruktur asas yang dilaksanakan di bawah KPLB adalah berkualiti, KPLB sentiasa memastikan kepatuhan kepada spesifikasi teknikal dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Utiliti seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Bekalan Air, Pihak Berkuasa Elektrik Negeri dan lain-lain. Antara program tersebut adalah seperti berikut:</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>i) Jalan Luar Bandar (JALB)</p> <p>Bagi tahun 2019, KPLB telah menyediakan sebanyak 175.48km bagi keseluruhan projek membina baharu dan menaik taraf JALB di kawasan luar bandar seluruh negara.</p> <p>ii) Jalan Perhubungan Desa (JPD)</p> <p>Sepanjang tahun 2019, 350km panjang jalan telah disiapkan mengikut Garis Panduan JPD 2016.</p> <p>iii) Program Amenity Sosial (PAMS)</p> <p>Program ini meliputi projek-projek Kemudahan Pengurusan Desa/Pendidikan seperti balai raya, kemudahan riadah, taman permainan dan kemudahan prasarana seperti longkang, pagar dan lain-lain.</p> <p>Bagi tahun 2019, sebanyak 356 projek PAMS telah dilaksanakan yang terdiri daripada projek-projek bina baharu, membaikpulih dan menaiktaraf projek PAMS sedia ada.</p> <p>iv) Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB)</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Program ini bertujuan untuk membekal air bersih dan terawat di kawasan luar bandar. Dilaksanakan melalui tiga (3) kaedah iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Retikulasi b) Sistem alternatif, dan c) Naik taraf/bina baru loji di luar bandar <p>Bagi tahun 2019, sebanyak 14,108 rumah dibekalkan dengan air bersih dan terawat.</p> <p>Bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang disediakan, KPLB telah menetapkan jumlah sasaran program-program infrastruktur luar bandar bagi tempoh RMK-11 seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) JALB & JPD : 3,000 km; 2) BALB : 60,000 rumah <p>Daripada sasaran yang ditetapkan, jumlah yang telah berjaya dicapai sehingga Disember 2019 adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) JALB & JPD : 2,501.87 km; 2) BALB : 25,881 rumah;

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Selain itu, bagi meningkatkan kualiti kemudahan asas di perkampungan Orang Asli, KPLB melalui agensinya JAKOA telah melaksanakan projek bekalan air terawat, program pembangunan infrastruktur dan ameniti sosial seperti Program Pembangunan Bersepadu Orang Asli di Sungai Siput dan Program Pembangunan Bersepadu Orang Asli di Gua Musang. Manakala usaha-usaha untuk meningkatkan kualiti telekomunikasi pula dilaksanakan dengan kerjasama MEASAT dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysian (MCMC).</p> <p>Daripada jumlah sasaran 415 projek infrastruktur yang ditetapkan di penempatan Orang Asli di bawah RMK-11, sebanyak 362 projek telah berjaya dilaksanakan sehingga Disember 2019.</p>
				4.2 Menyediakan kajian impak pengurangan subsidi tenaga kepada industri dan masyarakat umum dan mengawal kenaikan harga tenaga secara efektif.	Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KETSA)	✓	<p>Kerajaan melalui Suruhanjaya Tenaga telah melaksanakan Kajian Kos Pembekalan dan Rekabentuk Tarif (<i>Cost of Service and Tariff Design Study</i>) dan kini sedang meneliti syor kajian tersebut bagi menentukan halatuju dan pelaksanaan jadual tarif elektrik baharu untuk</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>tempoh <i>Regulatory Period (RP)</i> bermula pada tahun 2022 hingga 2024.</p> <p>Penetapan tarif elektrik di Semenanjung Malaysia adalah berdasarkan kerangka <i>Incentive Based Regulation</i> (IBR), yang terdiri daripada dua komponen utama iaitu tarif asas dan <i>Imbalance Cost Pass-Through</i> (ICPT). Semakan komponen tarif asas dilakukan secara berkala setiap tiga (3) tahun, manakala komponen tarif ICPT berkaitan dengan kos bahan api dan penjanaan disemak setiap enam (6) bulan bagi mencerminkan turun-naik harga pasaran bahan api. Mekanisme IBR ini telah dilaksanakan mulai tahun 2014 bagi memastikan kadar tarif yang munasabah dikenakan kepada semua pelanggan.</p>
		4.3 Meningkatkan kemudahan asas tenaga dan memastikan kualitinya di kawasan bandar, luar bandar dan pedalaman.	KPLB Kementerian Alam Sekitar dan Air JAKOA Kerajaan Negeri	✓	✓	✓	<p>KPLB</p> <p>Bagi meningkatkan kemudahan asas tenaga dan memastikan kualitinya di kawasan luar bandar, salah satu program pembangunan infrastruktur asas luar bandar di bawah KPLB adalah Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) yang dilaksanakan dengan dua (2) kaedah iaitu:</p> <p>i) BELB Talian Grid – bekalan elektrik diambil dari punca-punca bekalan Pihak Berkuasa Elektrik</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
			Sarawak (Sarawak Energy Berhad) Sabah Electricity Sdn. Bhd.				<p>Negeri (PBEN) iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk Semenanjung Malaysia; Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) bagi Negeri Sabah dan Syarikat SESCO Berhad bagi Negeri Sarawak untuk penyambungan talian perkhidmatan dan peningkatan kualiti bekalan elektrik ke rumah-rumah di kawasan luar bandar; dan</p> <p>ii) BELB Alternatif – Bekalan elektrik secara solar hybrid dan mikro hidro bagi kawasan kampung yang jauh dan terpencil dan tidak ekonomik untuk dibekalkan elektrik secara talian grid.</p> <p>Bagi tahun 2019, sebanyak 6,293 rumah di kawasan luar bandar telah mendapat manfaat bekalan elektrik.</p> <p>Bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang disediakan, KPLB telah menetapkan jumlah sasaran projek BELB untuk 41,160 rumah luar bandar sebagai penerima manfaat di bawah RMK-11 yang dilaksanakan berdasarkan spesifikasi teknikal yang ditetapkan oleh Pihak Berkua Elektrik Negeri. Daripada sasaran yang ditetapkan, pencapaian sehingga Disember 2019 adalah sebanyak 31,716 rumah.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Selain itu, JAKOA turut melaksanakan program untuk membekalkan kemudahan tenaga elektrik secara talian grid di perkampungan Orang Asli yang berhampiran dengan punca elektrik sedia ada. Manakala bagi perkampungan Orang Asli di pedalaman dan ekstrem pula dibekalkan dengan tenaga elektrik alternatif meliputi tenaga solar dan mini hidro.</p> <p>Dengan adanya bekalan elektrik ini, bekalan air bersih dan terawat juga dapat dibekalkan melalui pengoperasian pam air yang menggunakan bekalan elektrik. Selain itu, kemudahan lampu jalan kampung terutamanya di kawasan berisiko seperti di simpang jalan dan selekoh juga dapat disediakan. Ia juga membantu sistem penyampaian maklumat dan bantuan kecemasan kepada masyarakat Orang Asli di kawasan pedalaman yang menggunakan semboyan menjadi lebih efektif, yang mana sebelum ini ia beroperasi dengan hanya menggunakan set generator.</p> <p>Sehingga Disember 2019, sebanyak 684 daripada sasaran 853 Kampung Orang Asli telah mendapat bekalan elektrik yang memberi manfaat kepada 170,093 orang penduduk</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>KASA KASA mohon digugurkan sebagai agensi peneraju bagi perkara ini.</p>
		4.4 Meneruskan usaha untuk meningkatkan perkhidmatan, kemudahan asas dan telekomunikasi terutama di kawasan pedalaman dan luar bandar.	KKMM	✓	✓	✓	<p>Kementerian ini sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar dengan menggunakan pelbagai teknologi (termasuk talian tetap dan mudah alih) di seluruh negara terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman agar mereka menerima perkhidmatan telekomunikasi yang baik dan stabil serta mengatasi jurang digital.</p> <p>Sehingga Jun 2020, antara inisiatif - inisiatif penyediaan perkhidmatan jalur lebar di kawasan luar bandar dan pedalaman di seluruh negara adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) sebanyak 1,689 menara yang telah dilaksanakan bagi penyediaan liputan jalur lebar mudah alih. Manakala, 173 menara sedang dalam tahap pelaksanaan.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Kesemua menara ini dijangka siap dan beroperasi sepenuhnya secara berperingkat bermula suku pertama 2021;</p> <ul style="list-style-type: none"> (ii) pelaksanaan penaiktarafan sebanyak 3,324 alat pemancar komunikasi di menara-menara sedia ada ke perkhidmatan 4G sedang dilaksanakan. Sehingga kini, sebanyak 99.8% telah siap dan beroperasi; (iii) pemasangan rangkaian gentian optik ke menara - menara di kawasan luar bandar dan pedalaman. Sehingga kini, sepanjang 2,406 km gentian optik telah dipasang sebagai rangkaian teras bagi penyediaan perkhidmatan jalur lebar mudah alih 4G; dan (iv) penyediaan perkhidmatan jalur lebar talian tetap yang mana sebanyak 146,040 sambungan telah disediakan. Daripada jumlah ini, sebanyak 114,143 sambungan atau 78% telah dilaksanakan di kawasan luar bandar. Manakala sebanyak 31,897 sambungan atau 22% telah dilaksanakan

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>di kawasan perumahan kos rendah di seluruh negara bermula sejak tahun 2014. Selain dari itu, bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar talian tetap pula, inisiatif penaiktarafan rangkaian berdasarkan tembaga kepada rangkaian gentian optik yang melibatkan sebanyak 933,724 pelanggan sedia ada di seluruh negara sedang dilaksanakan dalam tempoh dua (2) tahun ini. Jumlah ini dijangka akan diselaraskan dari semasa ke semasa disebabkan oleh faktor peralihan langganan pelanggan.</p> <p>Bagi perkhidmatan jalur lebar talian tetap pula, pihak Kerajaan telah melaksanakan projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) dan projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan pinggir bandar dan luar bandar di seluruh negara. Sehingga kini lebih daripada 639,676 sambungan telah tersedia, manakala sebanyak lebih 34,781 sambungan masih dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap secara berperingkat pada tahun 2020. Dari jumlah tersebut, lebih 48,450 sambungan telah siap di</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							Sabah dan lebih 31,741 sambungan di Sarawak. Manakala terdapat 924 sambungan di Sabah dan 4,236 sambungan di Sarawak masih dalam peringkat pelaksanaan.
5.	Keperluan asas	5.1 Meneruskan pelaksanaan dan penguatkuasaan dasar perumahan yang mampu dengan mengambil kira aspek keperluan penyediaan perumahan mampu milik.	KPKT	✓	✓	✓	Penambahbaikan dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan sedang dijalankan melalui pindaan Akta Pemajuan Perumahan 1966 [Akta 118]
		5.2 Meneruskan dan meningkatkan akses kepada perumahan (pemilikan/sewa) dalam kalangan isirumah berpendapatan rendah dan sederhana berdasarkan kepada kemampuan dan keperluan.	EPU KPKT	✓	✓	✓	KPKT Peningkatan pemilikan dilaksanakan dengan inisiatif seperti berikut: i. Program Perumahan Rakyat (PPR); ii. Skim Pembiayaan Rumah Pertama (MyHOME); iii. Rumah Mesra Rakyat; iv. Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM); dan Cadangan <i>Rental Voucher</i> untuk membantu penyewa-penyewa di kalangan isi rumah

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							berpendapatan rendah (B40) yang tidak mendapat kemudahan menyewa di perumahan awam seperti Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau mana-mana rumah bersubsidi Kerajaan yang lain.
		5.3 Meningkatkan inisiatif dan kerjasama dengan sektor awam dan swasta bagi menyediakan rumah mampu milik.	EPU KPKT		✓	✓	KPKT Mencadangkan kaedah pelaksanaan pembangunan Rumah Mampu Milik (RMM) secara <i>Request for Proposal</i> (RFP) di tanah-tanah <i>Transit Oriented Development</i> (TOD) yang mana ia dibangunkan oleh pemaju swasta.
6.	TPPA dan Perjanjian Perdagangan Antarabangsa	6.1 Menyediakan kajian impak Perjanjian Perdagangan Antarabangsa kepada hak asasi manusia di Malaysia dari semasa ke semasa.	MITI	✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> Malaysia telah menjalankan Kajian impak hak asasi manusia menerusi <i>Institute of Strategic and International Studies</i> (ISIS) pada tahun 2015 sebelum menandatangani Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA). Secara amnya, hasil Kajian mendapati bahawa reformasi/pindaan ke atas undang-undang yang memberikan lebih hak kepada pekerja berkemungkinan akan memberi kesan negatif ke atas perhubungan perusahaan dan kos perniagaan.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>[Maklumat lanjut berkenaan Kajian ini boleh dilayari di laman web berikut: https://fta.miti.gov.my/index.php/pages/view/287</p> <ul style="list-style-type: none"> • MITI akan terus bekerjasama dengan KSM dan agensi-agensi lain yang berkaitan dalam memastikan elemen hak pekerja dalam mana-mana Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) diperhalusi dan difahami sebelum Malaysia mengambil sebarang komitmen dalam Perjanjian-perjanjian tersebut. • Dicadangkan supaya KSM turut dilibatkan sebagai Agenzi Peneraju.
				✓	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> • Sesi libat urus dan penerangan bersama pihak berkepentingan termasuk Kerajaan Negeri, persatuan-persatuan perniagaan, badan bukan Kerajaan (NGO) dan pihak-pihak yang berminat akan terus diadakan dari semasa ke semasa bagi mendapatkan maklumbalas dan pandangan sebelum Malaysia membuat sebarang pendirian berkaitan isu hak-hak pekerja dalam Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA).

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<ul style="list-style-type: none"> • MITI akan memastikan sebarang pendirian yang melibatkan perkara-perkara dasar dan komitmen negara adalah selaras dengan mandat daripada Jemaah Menteri yang perlu diperolehi sebelum sebarang rundingan FTA dimulakan. • Pada Oktober 2019, Portal <i>Unified Public Consultation</i> (UPC) telah dilancarkan oleh MPC sebagai platform bagi membolehkan konsultasi dilakukan secara dalam talian. • Ini adalah selaras dengan pekeliling Dasar Am bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan (Bil. 1, Tahun 2013) di mana terdapat keperluan pelaksanaan konsultasi awam bersama pihak berkepentingan bagi peraturan baharu dan pindaan peraturan yang diperkenalkan kerajaan. • Dicadangkan supaya KSM turut dilibatkan sebagai Agenzi Peneraju.

Pelan Tindakan Hak Sosial

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
7.	Hak pendidikan	7.1 Meneruskan agenda untuk memastikan “universal enrolment” murid di peringkat menengah atas.	KPM		✓	✓	<u>Jangka Masa Pendek</u> 3 Tahun <u>Jangka Masa Panjang</u> 5 Tahun <u>Jangka Masa Panjang.</u> Penguatkuasaan Pendidikan wajib pada peringkat Pendidikan rendah dilaksanakan berdasarkan peruntukan seksyen 29(A) Akta Pendidikan 1996 {Akta 550} yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2003. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Kementerian Pendidikan telah memasukkan inisiatif pelanjutan pendidikan wajib daripada 6 tahun hingga 11 tahun persekolahan sebagai salah satu inisiatif dalam Gelombang 1 bagi memastikan bahawa menjelang tahun 2025, murid akan meninggalkan persekolahan formal dengan kelayakan minimum Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan teknikal dan vokasional yang setara dan diiktiraf. Sehubungan dengan itu, KPM telah menggubal Rang Undang-Undang Pendidikan (Pindaan) bagi meminda Akta Pendidikan 1996 bertujuan

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		7.2 Meneruskan dan meningkatkan pelaksanaan strategi dan usaha bagi memastikan tiada rakyat yang tercicir daripada sistem pendidikan.	KPM		✓	✓	<p>untuk melanjutkan pendidikan wajib kepada 11 tahun iaitu pendidikan rendah dan menengah dan dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2021.</p> <p><u>Jangka Masa Pendek</u> 3 Tahun</p> <p><u>Jangka Masa Panjang</u> 5 Tahun</p> <p><u>Jangka Masa Panjang.</u> (2013-2025)</p> <p>Teras Strategik 3 dalam Rancangan Malaysia Kesebelas telah menyatakan supaya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan inisiatif bagi mengurangkan kadar keciciran dan memastikan enrolmen sejagat menjelang tahun 2020. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 juga meletakkan salah satu daripada aspirasi sistem ialah menyediakan akses kepada pendidikan</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>berkualiti untuk semua kanak-kanak. Dalam pelan tersebut, satu inisiatif iaitu Peningkatan Akses dari Prasekolah hingga Menengah Atas merupakan inisiatif utama yang memfokuskan kepada strategi peningkatan enrolmen pada semua peringkat pendidikan termasuk usaha menangani keciciran murid di sekolah.</p> <p>KPM telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan enrolmen namun isu murid tercicir di sekolah rendah dan menengah masih berlaku sehingga kini. Faktor yang dikenal pasti menyumbang kepada murid berisiko tinggi untuk tercicir ialah faktor murid dan faktor keluarga. Antara faktor murid ialah ketidakhadiran ke sekolah yang tinggi, tidak menguasai asas membaca, menulis dan mengira (3M), gagal lebih separuh atau keseluruhan subjek yang diambil, melakukan kesalahan disiplin yang berulang dan tiada motivasi untuk belajar. Manakala antara faktor keluarga pula ialah pendapatan isi rumah yang rendah, taraf pendidikan ibu bapa/penjaga yang rendah dan tiada penglibatan ibu bapa/penjaga dalam sarana sekolah.</p> <p>KPM berhasrat untuk memastikan bahawa pihak sekolah perlu mengesan lebih awal murid yang</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>menghadapi faktor yang akan menyumbang kepada keciciran murid dari persekolahan. Oleh itu pada tahun 2018, KPM telah mengeluarkan Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir Di Sekolah (GPMBC) sebagai rujukan bagi pihak sekolah. GPMBC ini menjelaskan peranan dan tanggungjawab serta langkah-langkah Program Sifar Murid Cicir (PSMC) merupakan satu program pemuaafakan dengan komuniti setempat dalam menangani isu keciciran murid. Murid yang telah terkeluar daripada sistem pendidikan dipantau dan dibantu agar mereka kembali bersekolah. PSMC ini telah diperluaskan ke semua Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) pada tahun 2019.</p> <p>Sementara Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir (GPMBC) pula akan berfokus kepada murid berisiko cicir yang masih ada di sekolah. GPMBC ini telah dikuatkuasakan ke semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan pada bulan Jun 2018. Intervensi kepada murid berisiko cicir dijalankan oleh pihak sekolah bagi memastikan mereka kekal bersekolah sehingga tamat tempoh persekolahan peringkat menengah.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p><u>Program Jangka Pendek</u></p> <p>1. Program Ziarah Cakna(Sepanjang tahun Januari – Disember)</p> <p>Bagi memperkasakan lagi GPMBC ini, KPM telah menjalankan Program Ziarah Cakna yang merupakan hasil dari keputusan mesyuarat ketua bahagian KPM bilangan 10/2018. Pelaksanaan konsep ziarah cakna ini bertujuan untuk memperkuuhkan konsep sekolah penyayang dan juga usaha untuk mencapai Revolusi Sifar Cicir. Program ziarah cakna ini boleh diringkaskan kepada aktiviti lawatan guru ke rumah murid untuk bertemu dengan ibu bapa penjaga bagi memberi manfaat positif kepada perkembangan menyeluruh pelajar. Selain itu juga melalui lawatan yang dibuat diharapkan guru dapat mengumpul maklumat keluarga murid memahami latar belakang murid berdasarkan tempat mereka dibesarkan dan secara tidak langsung dapat merapatkan lagi hubungan atau ibu bapa dan guru.</p> <p>2. Kaunseling Berfokus Murid Berisiko Cicir-Serlahkan Keunggulan Diri (SUDI) (Sepanjang tahun Januari – Disember)</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Selain daripada itu, Program Kaunseling Berfokus-Serlahkan Keunggulan Diri (SUDI) menggunakan Modul Intervensi Murid Berisiko Cicir Serlahkan Keunggulan Diri (SUDI) disediakan sebagai panduan kepada pihak sekolah serta guru bimbingan dan kaunseling dalam melaksanakan intervensi secara sistematis dan berimpak dalam menangani keciran murid berdasarkan faktor-faktor murid berisiko cicir yang telah dikenal pasti.</p> <p>Program Jangka Panjang (2013-2025)</p> <p>Disamping itu, KPM telah mengeluarkan Manual Pengurusan Pencegahan dan Intervensi Murid Cicir Serlahkan Keunggulan Diri (SUDI 2.0) merupakan panduan pendekatan bagi pelaksanaan pencegahan, pengembangan, intervensi dan krisis selaras dengan empat fokus utama perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Fokus ini terdiri daripada pembangunan dan pengembangan sahsiah diri murid, peningkatan disiplin diri murid, pendidikan kerjaya murid serta psikososial dan kesejahteraan mental murid agar</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>dapat menangani isu murid berisiko cicir untuk kekal dalam sistem persekolahan.</p> <p>Bagi aspek murid berkeperluan khas pula, Zero Reject Policy merupakan dasar sedia ada KPM yang perlu dimantapkan dari segi pelaksanaannya bagi memastikan Murid Berkeperluan Khas (MBK) menerima pendidikan yang selari dengan ketidakupayaan mereka sama ada ke sekolah-sekolah biasa (mainstream) melalui Program Pendidikan Inklusif, Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) atau Sekolah Pendidikan Khas (SPK) dari peringkat prasekolah, rendah, menengah dan lepas menengah.Berdasarkan Akta Pendidikan 1996 [Akta 550], Seksyen 29A. Pendidikan Rendah Wajib menggariskan bahawa:</p> <p>Subseksyen (2) Tiap-tiap ibu bapa yang merupakan warganegara Malaysia yang tinggal di Malaysia hendaklah memastikan bahawa jika anaknya telah mencapai umur enam tahun pada hari pertama bulan Januari dalam tahun persekolahan semasa anak itu didaftarkan sebagai murid di sekolah rendah dalam tahun itu dan terus menjadi murid sekolah rendah sepanjang tempoh pendidikan wajib.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Subseksyen (4) Ibu bapa yang melanggar subseksyen (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.</p> <p>Berpandukan kepada Akta 550 ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menegaskan bahawa murid berkeperluan khas (MBK) juga berhak untuk menerima pendidikan wajib di peringkat sekolah rendah. Selain daripada Akta 550, pendidikan khas KPM juga berdasarkan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013.</p> <p>Pernyataan dasar pendidikan khas KPM adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Memastikan MBK diberi peluang untuk mendapat akses kepada pendidikan yang sesuai dan relevan. ii. Memastikan program pendidikan bagi MBK sesuai dan relevan dengan kebolehan masing-masing agar dapat berdikari dan menjalani hidup yang berkualiti.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>iii. Memastikan MBK yang berpotensi diberi peluang untuk ditempatkan secara inklusif di dalam kelas arus perdana selaras dengan prinsip pendidikan untuk semua.</p>
		7.3 Meneruskan usaha-usaha untuk menyediakan perkhidmatan pendidikan, fasiliti dan suasana pembelajaran kondusif yang secara menyeluruh.	KPM KKRM		✓	✓	<p><u>KPM</u> RMK-12 (2021-2025)</p> <p>KPM sentiasa berusaha menyediakan prasarana pendidikan yang kondusif untuk pelajar dan guru di semua sekolah di seluruh negara berdasarkan aspirasi PPPM 2013-2025. Oleh itu proses penaiktarafan bangunan dan prasarana sekolah adalah usaha berterusan KPM bagi memastikan semua sekolah mencapai keperluan infrastruktur yang selesa dan selamat.</p> <p>Skop kerja infrastruktur dan fasiliti pendidikan adalah merangkumi perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pembaikan dan penyelenggaraan bangunan 2. Infrastruktur ICT (Pusat Data, WAN,LAN, IoT 3. Membina sekolah dan institusi baharu 4. Keperluan asas bilik pembelajaran 5. Keperluan pembelajaran (smart classroom, 4IR,pendidikan khas)

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>6. Penyediaan infrastruktur mesra OKU</p> <p>Untuk aspek prasarana sekolah khas, setakat ini, terdapat 414 buah sekolah daripada 2,497 buah sekolah yang dilengkapi dengan empat kemudahan mesra OKU yang terdiri daripada susur tangan, susur landai, tandas oku dan parkir OKU.</p> <p>Bagi memastikan penambahbaikan yang berterusan bagi prasarana yang mesra OKU, terdapat beberapa projek pembangunan khususnya pembangunan Sekolah Pendidikan Khas telah dirancang.</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Sekolah Menengah Kebangsaan Pendidikan Khas Bumbong Lima, Pulau Pinang sedang dalam proses pembinaan dan dijangka beroperasi pada tahun 2022. ii. Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Padawan, Kuching, Sarawak telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Rolling Plan 4 Tahun 2019.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan		
				Pendek	Sederhana	Panjang			
						<p>iii. Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional di Sabah akan dimohon dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Rolling Plan 3 Tahun 2022.</p> <p>Dari aspek perkhidmatan pendidikan, Program Profesionalisme Berterusan (PPB) merupakan satu proses untuk memperoleh pengalaman pembelajaran melalui penglibatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) secara formal dan tidak formal sepanjang kerjaya agar pengetahuan, kemahiran, kepakaran dan amalan nilai profesional dapat ditingkatkan secara berterusan. Dengan adanya guru yang kekal kompeten, kualiti penyampaian perkhidmatan kepada murid dapat dicapai.</p> <p>Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025</p> <p>PPB bertujuan membangunkan kompetensi profesional PPP ke arah pemantapan atribut khusus yang dihasratkan iaitu beraspirasi, kompeten, cekap (proficient), strategis dan berwawasan. Secara khusus, PPB bertujuan untuk mencapai objektif yang berikut:</p>			

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>I. meningkatkan kualiti PPP secara berterusan;</p> <p>II. memastikan PPP memperoleh, menambahbaik, menguasai kompetensi, dan berkongsi pengalaman; dan</p> <p>III. menggalakkan PPP mengikuti latihan terancang dan sistematik yang merangkumi sesi latihan, pembelajaran dan pembangunan kendiri.</p> <p>PPB boleh diikuti melalui 13 aktiviti sama ada yang dirancang oleh pihak berkepentingan seperti Bahagian KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) atau institusi di mana PPP berkhidmat dan boleh juga diikuti secara kendiri. Selain aktiviti konvensional seperti menghadiri bengkel, kursus, seminar dan sebagainya, PPP juga boleh mengikuti aktiviti secara dalam talian seperti mengikuti webinar dan webcast.</p> <p>Selaras dengan pelaksanaan PPB, KPM telah membangunkan sistem Mata Kredit Pembangunan Profesionalisme Berterusan (MyPPB) sebagai satu kaedah pengukuran yang memberi mata kredit kepada setiap aktiviti PPB. MyPPB ini bertujuan memperakui penyertaan PPP dalam setiap aktiviti dan ianya perlu direkod secara sistematik dalam aplikasi latihan KPM</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>iaitu Sistem Pengurusan Latihan KPM (SPLKPM). Adalah diharapkan pelaksanaan PPB ini dapat menjadikan kerjaya guru sebagai kerjaya pilihan yang berstatus profesional dan menjadikan PPP, khususnya guru kekal berkualiti sepanjang perkhidmatan.</p> <p><u>KKRM</u> Kementerian Kerja Raya (KKR) akan sentiasa menyokong usaha-usaha untuk menyediakan fasiliti pendidikan dengan memenuhi keperluan spesifikasi dan piawai yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) selaku Kementerian Pelanggan.</p> <p>Sepanjang tahun 2020, KKR melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) telah menyelia dan memantau pelaksanaan 349 buah sekolah yang merangkumi projek pembinaan bangunan dan fasiliti sekolah kebangsaan (88 projek), sekolah menengah (73 projek), institut pengajian tinggi (61 projek) dan program menambah baik sekolah daif (127 projek).</p> <p>Bilangan projek yang telah sedia untuk dilaksana dalam <i>Rolling Plan 1</i> (RP1) RMKe12 adalah</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							sebanyak 29 projek daripada 108 projek prasana pendidikan di bawah KPM.
		7.4 Meneruskan pelaksanaan program dan memperuntukkan dana berasaskan keperluan dalam aspek merapatkan hubungan antara sekolah kerajaan dengan Sekolah Agama Rakyat.	JAKIM MAIN	✓	✓	✓	<p>JAKIM Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah peruntukan bagi selenggara dan naik taraf institusi-institusi pendidikan Islam, termasuk Sekolah Agama Rakyat iaitu RM75 juta pada tahun 2019 serta RM100 juta pada tahun 2020 dan 2021.</p> <p>Selain itu, bagi tahun 2019 kerajaan persekutuan turut memperuntukan sebanyak RM11.8 juta di bawah inisiatif Khairul Ummah iaitu Bantuan Perkapita Pelajar Tahfiz Swasta, Insentif Pendaftaran Tahfiz Baharu dan Latihan Keguruan.</p> <p>MAIWP Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan sentiasa komited untuk membantu Sekolah-sekolah Agama Rakyat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan supaya hubungan antara sekolah kerajaan dan Sekolah</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Agama Rakyat dapat dirapatkan. Antara usaha yang telah dilaksanakan ialah:-</p> <p>Memperuntukkan sebahagian dana zakat untuk bantuan terus kepada Sekolah-sekolah Agama Rakyat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan melalui Skim Bantuan Aktiviti Dakwah dan Kebajikan & Institusi Tahfiz agar sekolah-sekolah yang dibantu dapat melaksanakan aktiviti kurikulum dan kokurikulum serta pembangunan frasarana. Rekod bantuan yang diberikan ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - RM452,500.00 untuk 65 permohonan pada tahun 2019. - RM 27,000.00 untuk 4 permohonan bagi tempoh 1 Januari hingga 10 Mac 2021 - Bantuan ini akan diteruskan pada masa akan datang mengikut keperluan sekolah dari semasa ke semasa <p>MAIWP menyediakan peluang kepada pelajar-pelajar daripada SAR untuk menyambung pelajaran ke peringkat menengah di lima (5) buah Sekolah Menengah Agama di bawah kelolaan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (SMAM). Pelajar lepasan Sekolah Rendah</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Agama di bawah seliaan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) diberi keutamaan.</p> <p>JAIM JAIM komited dalam usaha merapatkan hubungan antara Sekolah Kerajaan dan Sekolah Agama Rakyat dengan menjalankan usahasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri bagi pelaksanaan Sekolah Rendah Agama yang menggunakan bangunan Sekolah Kebangsaan untuk meneruskan program pengajaran dan pembelajaran. Sehingga kini sebanyak 39 buah sekolah Rendah Agama beroperasi di Sekolah Kebangsaan di Negeri Melaka.</p> <p>Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) MAIPk telah memperuntukkan dana sebanyak RM5,000,000.00 melalui Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPk) berbentuk bantuan perkapita bagi membantu Sekolah Agama Rakyat di Negeri Perak.</p> <p>Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS): JAIS telah membantu sekolah-sekolah Agama Swasta melalui perkara-perkara berikut:</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>1. Menyelaras projek baikpulih dana JAKIM dan Kerajaan Negeri.</p> <p>2. Membantu proses pendaftaran sekolah di bawah enakmen dengan memberikan peringatan dan nasihat berterusan.</p> <p>3. Pemantauan/kawalan yang meliputi aspek pengajaran dan pembelajaran, kewangan dan tauliah mengajar.</p> <p>MAIN Ketua Teras 2 masih belum menerima maklum balas daripada Majlis Agama Islam Negeri yang lain kecuali Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, Jabatan Agama Islam Melaka, Jabatan Agama Islam Sarawak dan Jabatan Agama Islam Selangor. Emel bertarikh 8 Mac telah dihantar bagi mendapatkan input daripada setiap Majlis Agama Islam Negeri.</p>
		7.5 Meneruskan dan meningkatkan latihan dan sokongan pendidikan	JAKIM MAIN KPM	✓	✓	✓	<p>JAKIM Kerajaan Persekutuan melalui JAKIM dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan yang lain telah melaksanakan program-program latihan</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		kepada Sekolah Agama Rakyat.					<p>kepada guru-guru dan pentadbir bagi memperkasakan tadbir urus institusi-institusi pendidikan Islam, termasuk Sekolah Agama Rakyat.</p> <p>MAIWP</p> <p>MAIWP telah mengambil inisiatif untuk mendaftar sekolah-sekolah agama di bawah kelolaannya kepada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Sehingga kini, MAIWP telah melahirkan 4 buah sekolah agama iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Sekolah Menengah Agama MAIWP Kuala Lumpur (SMA MAIWP KL) ditubuhkan pada 22 Januari 2007 dan telah didaftarkan sebagai SABK pada 25 Oktober 2010. 2. Sekolah Integrasi Sains Tahfiz MAIWP (SMISTA) ditubuhkan pada 4 Januari 2011 dan telah didaftarkan sebagai SABK pada 6 Ogos 2014. 3. Sekolah Menengah Agama MAIWP Labuan (SMA MAIWP L) ditubuhkan pada tahun 2011 dan telah didaftarkan sebagai SABK pada tahun 2021.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>4. Pondok Moden Al-'Abaqirah (PMA) ditubuhkan pada 16 Ogos 2015 dan kini dalam proses pendaftaran sebagai SABK.</p> <p>5. Ma'alim Al Sunnan Li Dirasati Al-Sunnah Al Nabawiyah (MSN) ditubuhkan pada Jun 2017 dan kini dalam proses pendaftaran sebagai SABK.</p> <p>JAIM</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. JAIM telah melaksanakan latihan dan sokongan pendidikan kepada guru-guru yang dilantik di bawah JAIM dan Institusi Pendidikan Swasta bagi meningkatkan tahap kecekapan dalam melaksanakan tugas-tugas guru. 2. Antara kursus / latihan yang diberikan adalah : <ul style="list-style-type: none"> i. Kursus Profesionalisme Pentadbir SRA dan Tadika ii. Kursus Guru-guru Baharu iii. Kursus Pengurusan Kewangan Sekolah iv. Kursus Pengurusan Hal Ehwal Murid

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
						<p>v. Kursus Motivasi Kepada Guru-guru SRA dan Tadika</p> <p>vi. Kursus Pedagogi dan Pengajaran Guru</p> <p>vii. Kursus Pengurusan Kurikulum</p> <p><u>JAIS, Sarawak</u></p> <p>Sehingga November 2020, 32 pusat tafhib telah berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) manakala 11 lagi masih dalam proses pendaftaran yang sedang menunggu sokongan daripada Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak dan Jabatan Bomba dan Penyelamat.</p> <p>Majlis Islam Sarawak (MIS) telah menujuhkan Jawatankuasa Pengurusan Hal Ehwal Institusi Pendidikan Islam (JPHEIPI) selaras dengan Seksyen 76 Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001. Jawatankuasa ini diurussetiakan oleh JAIS, memantau pengurusan pusat-pusat tafhib untuk memastikan ia didaftarkan dan seterusnya mematuhi Garis Panduan Pengurusan Hal Ehwal Institusi Pendidikan Islam, 2018.</p> <p>Bermula Januari 2020, JAIS telah melaksanakan pemantauan berkala dua kali setahun terhadap setiap pusat tafhib untuk menilai aspek-aspek</p>	

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>namun tidak terhad kepada aspek keselamatan, kebersihan dan kurikulum.</p> <p><u>Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk)</u></p> <p>MAIPk memperuntukan dana bagi membayai sebahagian yuran pengajian guru-guru Sekolah Agama Rakyat bagi mengikuti Kursus Diploma Pendidikan Lepasan Ijazah yang dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPk) dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bagi memberi latihan dan sokongan pendidikan kepada Sekolah Agama Rakyat.</p> <p><u>Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS):</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pelaksanaan program <i>Fast Track</i> untuk calon SPM murid murid sekolah tahfiz Negeri Selangor dengan peruntukan RM1.9 juta. 2. Latihan di Pusat Kegiatan Guru (PKG) dan Institut Murrabi Antarabangsa Negeri Selangor (IMANS) yang mencakupi latihan ikhtisas untuk guru-guru tahfiz di bawah PITAS. <p><u>MAIN</u></p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Ketua Teras 2 masih belum menerima maklum balas daripada Majlis Agama Islam Negeri yang lain kecuali Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak, Jabatan Agama Islam Melaka, Jabatan Agama Islam Sarawak dan Jabatan Agama Islam Selangor. Emel bertarikh 8 Mac telah dihantar bagi mendapatkan input daripada setiap Majlis Agama Islam Negeri.</p> <p><u>KPM</u> Inisiatif berterusan</p> <p>KPM memberi bantuan berterusan kepada sekolah agama rakyat melalui usaha berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menggalakkan sekolah agama rakyat untuk berdaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) untuk memastikan sekolah ini berada di dalam persekitaran yang selamat dan kondusif serta memudahkan penyampaian maklumat berkenaan dasar pendidikan terutamanya yang melibatkan hal ehwal akademik dan juga ko kurikulum. Pendaftaran sebagai

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							SABK memberikan kelebihan kerana saluran kewangan kepada pentadbiran sekolah dan pelajar dapat dilaksanakan seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 52 Akta Pendidikan 1996. Sehingga kini, terdapat 224 buah SABK yang berdaftar dengan KPM di seluruh negara.
	7.6 Meningkatkan akses terhadap pendidikan tinggi.	KPT EPU	✓	✓	✓	KPT Bagi meningkatkan akses terhadap pendidikan tinggi, KPT telah melaksanakan perkara-perkara berikut iaitu: i. UPUOnline; ii. Laluan Khas; dan iii. Kemudahan Pembiayaan Pengajian UPUOnline KPT melalui Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi berperanan menyelaras permohonan kemasukan pelajar ke 20 Universiti Awam (UA), Institut Pendidikan Guru (IPG), Kolej Matrikulasi (KM), 36 Politeknik,	

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>103 Kolej Komuniti (KK) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA).</p> <p>Penyelarasan permohonan kemasukan pelajar dilaksanakan melalui UPUOnline yang dibuka setiap tahun bagi lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Matrikulasi dan Asasi untuk menyambung pengajian ke peringkat Sijil, Asasi, Matrikulasi dan Ijazah Sarjana Muda.</p> <p>Melalui UPUOnline ini, pemilihan kemasukan pelajar ke institusi diproses berdasarkan prinsip meritokrasi di mana semua calon yang layak tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal akan disusun mengikut markah merit tertinggi untuk mengikuti pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA).</p> <p>Prinsip meritokrasi yang dilaksanakan bagi kemasukan pelajar ke UA, KM, IPG, Politeknik, KK dan ILKA adalah berasaskan pencapaian akademik (90%) dan pencapaian kokurikulum (10%).</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Bagi meningkatkan akses kepada pendidikan, pelaksanaan UPUOnline telah diperluaskan bagi kemasukan ke KM dan IPG yang bermula pada sesi akademik 2020/2021.</p> <p>Inisiatif ini membolehkan setiap pelajar lepasan SPM mendapat hanya satu tawaran (<i>single offer</i>) dan tawaran dapat diberikan kepada lebih ramai pemohon bagi melanjutkan pengajian di peringkat lepasan menengah.</p> <p>Platfrom UPUOnline juga telah dinaiktaraf bagi membantu pelajar membuat pemilihan program pengajian yang bersesuaian dengan keputusan akademik, kokurikulum dan minat.</p> <p>Inisiatif ini membantu meningkatkan peluang lepasan SPM dan STPM/ Setaraf mendapatkan tawaran.</p> <p>Laluan Khas</p> <p>KPT menyediakan Laluan Khas kepada para pelajar untuk memasuki universiti.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Laluan Khas ini melibatkan 4 kumpulan sasar iaitu B40, Orang Kurang Upaya (OKU), Orang Asli dan Atlet.</p> <p>Laluan Khas ini merupakan kemasukan yang tidak perlu bersaing dengan kumpulan arus perdana untuk melanjutkan pengajian masing-masing.</p> <p>Mereka hanya perlu memenuhi syarat khas yang ditetapkan oleh universiti yang dipilih dan hanya akan disaring dalam kelompok mereka sendiri.</p> <p>Bagi melaksanakan pemprosesan laluan khas ini, KPT telah membuat padanan data melibatkan semua kategori laluan khas.</p> <p>Data berkaitan laluan khas adalah dengan kerjasama strategik pelbagai pihak melibatkan padanan data e-KASIH melalui Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM), data Bantuan Sara Hidup Rakyat (BSH) melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk B40, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk data OKU, Jabatan Pendaftaran Negara untuk Orang Asli dan Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							(BSKK), Kementerian Pendidikan Malaysia untuk data Atlet. Kemudahan Pembiayaan Pengajian KPT melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah menyediakan bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman pendidikan kepada pelajar yang melanjutkan pengajian ke IPT berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Jumlah pinjaman yang diberikan adalah berdasarkan pendapatan isi rumah ibubapa/penjaga.
8.	Hak kesihatan	8.1 Meningkatkan kerjasama awam dan swasta bagi menambah baik perkhidmatan kesihatan.	KKM	✓	✓	✓	KKM tidak memberi maklum balas.
		8.2 Meneruskan usaha-usaha bagi mempertingkatkan taraf perkhidmatan kesihatan yang sedia ada selaras dengan Bidang Fokus A-Mencapai Akses Sejagat		✓	✓	✓	<u>Input Bahagian Perancangan</u> Usaha untuk mempertingkatkan prasarana fasiliti kesihatan seluruh negara akan terus dilaksanakan. Bagi mengoptimalkan sumber (kewangan dan sumber manusia), KKM sedang di peringkatkan akhir penyediaan Pelan Induk

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		<p>kepada Penjagaan Kesihatan Berkualiti dalam Teras Strategik 2, Rancangan Malaysia Kesebelas: Maklum Balas oleh EPU (Rancangan Malaysia Kesebelas akan berakhir pada tahun ini iaitu, 2020. Bagaimana dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, 2018-2020, adakah rujukan dibuat dalam konteks ini). Berdasarkan minit mesyuarat bertarikh 16 Oktober 2019, pelan ini adalah untuk 3 jangka masa berbeza. Rancangan Malaysia Keduabelas akan bermula pada 2021-2025 yang akan merangkumi ketiga-tiga jangka masa ini.</p> <p>i) Mengkaji tahap kesesakan</p>				<p>Perancangan Fasiliti Kesihatan Seluruh Negara bagi RMK-12 (2021-2025) yang akan merangkumi keperluan fasiliti kesihatan termasuk hospital, klinik kesihatan dan institusi kesihatan lain serta keperluan sumber manusia bagi menampung keperluan perkhidmatan bagi operasi fasiliti kesihatan yang dirancang dalam tempoh tersebut.</p> <p>Perancangan pembangunan hospital adalah berpandukan keperluan untuk meningkatkan nisbah bilangan katil semasa iaitu dari 1.97 (2019) kepada 2.1 katil setiap 1000 penduduk pada tahun 2025.</p> <p>Keutamaan sememangnya diberikan kepada pembangunan fasiliti kesihatan di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk tinggi bagi menampung beban kerja yang tinggi di fasiliti sedia ada. Bagi mengatasi kesukaran memperolehi tapak/tanah yang sesuai di kawasan berkepadatan penduduk yang tinggi, KKM dengan sokongan teknikal Kementerian Kerja Raya telah menyediakan pelan piawai klinik kesihatan dengan rekabentuk compact yang memerlukan tapak yang lebih kecil. Selain itu, KKM juga mengambil pendekatan untuk menyewa atau memperolehi bangunan milik</p>	

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		<p>hospital-hospital dan klinik kesihatan Kerajaan yang sedia ada;</p> <p>ii) Menambah bilangan hospital atau klinik kesihatan baharu di kawasan yang berpendudukan padat;</p> <p>iii) Tempoh masa menunggu pesakit yang wajar;</p> <p>iv) Tempoh masa janji temu yang wajar dan sesuai bagi pesakit menerima rawatan</p>					<p>individu/swasta bagi pembangunan klinik kesihatan dan klinik komuniti.</p> <p>Selain itu, pembangunan fasiliti kesihatan juga ditumpukan di kawasan-kawasan yang pendalaman/luar bandar yang sukar mendapat akses dari fasiliti kesihatan sedia ada disebabkan faktor jarak, geografi dan lain-lain.</p> <p>Kerajaan sedang berusaha untuk menjalankan Kajian Jurang Penawaran & Permintaan terhadap perkhidmatan dan fasiliti kesihatan di Malaysia, yang boleh membantu menyelesaikan masalah kesesakan di hospital dan klinik kesihatan kerajaan yang sedia ada.</p> <p>Antara output yang dicadangkan untuk kajian ini termasuklah menyediakan pelan induk fasiliti dan sumber kesihatan untuk Malaysia</p> <p><u>Input BPKK (Program Kesihatan Awam)</u></p> <p>Pelaksanaan beberapa inisiatif bagi menyediakan masa menunggu yang wajar semasa mendapatkan perkhidmatan di fasiliti kesihatan primer telah dibuat seperti Konsep</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		susulan.					<p>Doktor Keluarga, Sistem Online Appointment, Virtual Consultation juga perkhidmatan extended hour di klinik kesihatan terpilih. Pelaksanaan projek rintis sistem syif di klinik kesihatan terpilih juga dibuat untuk melihat waktu menunggu pasca PKP.</p> <p>Penyediaan slot janji temu secara tempahan dan juga temujanji berperingkat adalah bertujuan untuk memastikan waktu bagi pelanggan mendapatkan perkhidmatan adalah bersesuaian.</p> <p>Pada masa ini, pemantauan masa menunggu dilaksanakan dengan menggunakan sistem pemantauan di 89 Klinik Kesihatan yang dilengkapskan dengan kemudahan Teleprimary Care (TPC) dimana data diekstrak sepenuhnya dari sistem TPC. Masa menunggu yang ditetapkan adalah 90 minit, bermula dari pendaftaran (visit record dibuka) sehingga dilihat oleh Pegawai Perubatan (care plan dibuka). Masa 90 minit digunakan mengambilkira aliran proses jagaan yang perlu dilalui oleh pelanggan sebelum berjumpa dengan Pegawai Perubatan. Pemantauan Jan -Jun 2020 menunjukkan 91.0% pelanggan menunggu dalam tempoh masa 90</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							minit untuk berjumpa dengan Pegawai Perubatan.
		8.3 Meneruskan usaha-usaha bagi mempertingkatkan kemudahan kesihatan di kawasan-kawasan pedalaman dan terpencil terutamanya di kawasan-kawasan Orang Asli dan Orang Asal dan di Sabah dan Sarawak termasuk peluasan perkhidmatan kepada isi rumah miskin dan berpendapatan rendah agar akses penduduk terhadap kesihatan dapat dipertingkatkan.	KKM	✓	✓	✓	<p>Input BPKK (Program Kesihatan Awam)</p> <p>Perkhidmatan klinik bergerak disediakan untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan primer bagi populasi luar bandar dan pedalaman yang tinggal jauh dari fasiliti kesihatan statik. Perkhidmatan ini disediakan secara percuma melalui darat (pacuan empat roda & bas), air (bot kecil dan besar) dan udara (helikopter).</p> <p>Manakala bagi golongan miskin bandar perkhidmatan kesihatan primer disediakan melalui Klinik Komuniti dimana terdapat 281 buah Klinik Komuniti diseluruh Malaysia.</p> <p>Penyediaan perkhidmatan KB ini merangkumi perkhidmatan pesakit luar, kanak-kanak dan ibu serta point of care test.</p> <p>Setakat ini terdapat 246 pasukan yang menyediakan perkhidmatan iaitu 102 pasukan di Semenanjung, 104 di Sarawak dan 40 pasukan di Sabah.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Dari 2020 waran peruntukan asing klinik bergerak dikhususkan sejumlah RM2, 763,030.00 untuk Sabah dan RM 14,453,045.65 untuk penyediaan perkhidmatan klinik bergerak supaya kesinambungan perkhidmatan kesihatan primer dapat dilaksanakan.</p> <p>Peruntukan dibawah budget 2020 telah disalurkan untuk perolehan kenderaan, pacuan 4 roda, bot dan peralatan Perubatan dan bukan perubatan sejumlah RM 510,000.00 bagi negeri Sabah dan RM 660,000.00 untuk Sarawak.</p> <p>Input BPKA (Program Kesihatan Awam)</p> <p>KKM bersama JAKOA serta agensi lain yang berkaitan terus berusaha untuk meningkatkan capaian perkhidmatan kesihatan kepada Masyarakat Orang Asli dan bumiputera Sabah dan Sarawak dengan menyediakan serta menaiktaraf kemudahan kesihatan (klinik statik). Manakala bagi lokaliti yang tiada tapak bersesuaian ataupun jumlah penduduk yang rendah, perkhidmatan klinik bergerak disediakan seperti penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat Orang Asli di</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							kawasan perkampungan Orang Asli pedalaman melalui Pasukan Bergerak Orang Asli (PBOA) dan perkhidmatan Pasukan Doktor Udara (PDU). Sehingga kini sejumlah 21 fasiliti klinik telah dibangunkan atau disediakan di perkampungan Orang Asli.
		8.4 Menambah dan menaik taraf klinik kesihatan bagi rawatan dan penjagaan kesihatan ibu mengandung dan kanak-kanak.	KKM		✓	✓	<p>Input Bahagian Perancangan</p> <p>KKM akan meneruskan usaha untuk menambahbaik / mempertingkatkan kemudahan klinik kesihatan seluruh Negara bagi mencapai kesaksamaan akses penduduk kepada perkhidmatan kesihatan termasuk rawatan dan penjagaan kesihatan ibu mengandung dan kanak2. Keutamaan diberikan bagi menaiktaraf kemudahan di klinik lama termasuk Klinik Desa agar dapat memberikan perkhidmatan kesihatan yang lebih komprehensif serta mampu menampung keperluan penduduk semasa dan akan datang.</p> <p>Selain itu, pembangunan klinik2 baru pula akan ditumpukan dikawasan berkepadatan penduduk yang tinggi serta kawasan2 pedalaman/luar bandar yang sukar mendapat akses daripada kemudahan kesihatan sediada.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		8.5 Meneruskan perkhidmatan pasukan kesihatan bergerak "mobile health services" termasuk "flying doctor services" di kawasan pedalaman untuk mengurangkan masalah ketidakmampuan rakyat mendapatkan khidmat kesihatan di mana bilangan pasukan kesihatan bergerak tertakluk kepada keperluan perkhidmatan di kawasan operasi.	KKM		✓	✓	<p>Input BPKK (Program Kesihatan Awam)</p> <p>Perkhidmatan klinik bergerak disediakan untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan primer bagi populasi luar bandar yang tinggal jauh dari statik health fasiliti. Perkhidmatan ini disediakan secara percuma melalui darat (pacuan empat roda & bas), air (bot kecil dan besar) dan udara (helikopter). Penyediaan perkhidmatan ini merangkumi perkhidmatan pesakit luar, kanak-kanak dan ibu serta point of care test.</p> <p>Setakat ini terdapat 246 pasukan yang menyediakan perkhidmatan iaitu 102 pasukan di Semenanjung, 104 di Sarawak dan 40 pasukan di Sabah. Bagi tahun 2019, seramai 485, 183 orang telah mendapatkan manfaat daripada perkhidmatan ini. Dari 2020 waran peruntukan asing klinik bergerak dikhatuskan sejumlah RM23 juta untuk sepuluh negeri yang terlibat dalam penyediaan perkhidmatan KB. Bagi penyediaan perkhidmatan klinik bergerak supaya kesinambungan perkhidmatan kesihatan primer dapat dilaksanakan.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Peruntukan dibawah budget 2020 juga telah disalurkan untuk perolehan kenderaan, pacuan 4 roda, bot dan peralatan Perubatan dan bukan perubatan sejumlah RM 3 juta mengikut keperluan 10 buah negeri yang terlibat di seluruh Malaysia</p> <p>Input BPKA (Program Kesihatan Awam)</p> <p>KKM melalui Pasukan Bergerak Orang Asli (PBOA) menyampaikan perkhidmatan kesihatan 4 minggu sekali ke kawasan perkampungan Orang Asli pedalaman di negeri Perak, Kelantan, Pahang dan Johor. Selain itu, perkhidmatan kesihatan melalui Pasukan Doktor Udara (PDU) bertujuan untuk meningkatkan aksesibiliti kepada perkhidmatan kesihatan masyarakat Orang Asli pedalaman yang sukar dihubungi jalan darat atau air di negeri Perak dan Kelantan.</p>
		8.6 Menambah baik perkhidmatan rawatan kemalangan dan dengan kecemasan	KKM	✓	✓	✓	<p>Input BPKK (Program Kesihatan Awam)</p> <p>Semua fasiliti kesihatan primer menyediakan perkhidmatan kecemasan kepada semua tanpa</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		menjalin kerjasama bersama agensi-agensi untuk mengoptimumkan penggunaan sumber serta meningkatkan kecekapan perkhidmatan kesihatan.					mengira kewarganegaraan. Kebanyakan klinik kesihatan mempunyai sekurang-kurangnya satu ambulans. Sekiranya tiada, KK yang terdekat atau hospital berhampiran akan memberi respon kepada kes di kawasan KK yang tiada ambulans. Perkhidmatan ambulans ini juga turut disokong oleh NGO lain seperti Persatuan Bulan Sabit Merah
		8.7 Meningkatkan nisbah seorang doktor dan penduduk selari dengan sasaran untuk mencapai nisbah 1:400 menjelang tahun 2020 dengan memperkasakan konsep doktor keluarga di klinik kesihatan.	KKM		✓	✓	<p>Input BSM, Bahagian Perkembangan Perubatan & Bahagian Perancangan</p> <p>Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) atau mana-mana pertubuhan antarabangsa tidak pernah menetapkan piawaian atau sasaran nisbah doktor perubatan kepada penduduk bagi mana-mana negara.</p> <p>Pada awalnya pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE) Jabatan Perdana Menteri telah menetapkan sasaran 1:400 doktor kepada penduduk dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesebelas. Walau bagaimanapun, sasaran ini tidak dapat dicapai dan pindaan telah dibuat UPE semasa Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, sasaran baru untuk dicapai pada penghujung RMK-11 ialah 1:450.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							Nisbah Pegawai Perubatan (awam dan swasta) kepada penduduk di Malaysia sentiasa menunjukkan peningkatan saban tahun seperti berikut: (a) tahun 2007 adalah 1:1,145; (b) tahun 2012 adalah 1:758; (c) tahun 2017 adalah 1:554; (d) tahun 2018 adalah 1:530; dan (e) tahun 2019 adalah 1:482.
	8.8 Meningkatkan liputan kumpulan berisiko yang mengetahui status jangkitan HIV dengan meluaskan akses terhadap ujian HIV di fasiliti kesihatan Kerajaan dan <i>community-based testing</i> .	KKM	✓	✓	✓	✓	Input BKP (Program Kesihatan Awam) Semua 3,026 fasiliti KKM menawarkan ujian HIV secara percuma kepada orang awam, termasuk kumpulan berisiko. Bagi community-based testing (CBT) pula, ianya adalah kolaborasi pintar di antara NGO-KKM. Sehingga Julai 2020, seramai 91 pekerja temuseru dari 25 NGO telah diperakukan untuk menjalankan ujian CBT.
	8.9 Meneruskan dan meningkatkan usaha-usaha untuk mengakhiri AIDS selaras dengan <i>National Strategic Plan on Ending AIDS 2016-2030</i> .	KKM	✓	✓	✓	✓	Input BKP (Program Kesihatan Awam) Strategi NSPEA 2016 – 2030 terus diimplementasikan oleh KKM dengan kerjasama NGO serta agensi-agensi kerajaan lain. Pada 2018, NSPEA telah dikemaskini untuk

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							meningkatkan penekanan kepada Stigma dan Diskriminasi serta menggalakkan lebih ramai penghidap HIV mengambil rawatan antiretroviral (ART).
	8.10 Meneruskan dan melaksanakan strategi untuk mencegah HIV/AIDS dan penyakit-penyakit berjangkit yang lain dengan kerjasama NGO dan komuniti setempat seperti yang dirancang dalam Pelan Strategik KKM 2016-2020.	KKM	✓	✓	✓	Input BKP (Program Kesihatan Awam) Strategi NSPEA 2016 – 2030 terus diimplementasikan oleh KKM dengan kerjasama NGO serta agensi-agensi kerajaan lain melalui projek kolaborasi seperti: Klinik Kesihatan Model, Differentiated HIV Services for Key Population (DHSKP), Harm Reduction (needlesyringe exchange program) bagi kumpulan risiko HIV dan Hepatitis C.	
	8.11 Meneruskan dana khas Kerajaan dan memberikan sokongan kepada program-program NGO dan komuniti yang menguruskan usaha-usaha pencegahan dan sokongan bagi menangani HIV/AIDS serta penyakit berjangkit yang lain termasuk kempen kebersihan diri dan	KKM	✓	✓	✓	Input BKP (Program Kesihatan Awam) Bagi mempertingkatkan liputan pencegahan HIV dan Hepatitis C, KKM telah menyalurkan bantuan kewangan kepada NGO melalui Majlis AIDS Malaysia (MAM). Antara tahun 1993 dan 2020, lebih RM 162 juta telah disalurkan dengan purata RM 7 juta setahun. KKM akan terus komited untuk	

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		persekitaran sebagai pencegah kepada wabak penyakit.					bekerjasama dengan NGO melalui MAM bagi tujuan mengakhiri AIDS pada 2030.
9.	Hak alam sekitar	9.1 Menguatkuasakan secara tegas undang-undang sedia ada seperti Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] dan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127], Natural Resources & Environmental Ordinance (Cap. 84 – Law of Sarawak, 1958 Ed.), The National Parks & Nature Reserve Ordinance 1998 (Chap. 27), The Wildlife Protection Ordinance, 1998, Sarawak Biodiversity Centre Ordinance, 1997 (Chapter 24) dan Forest Enactment 1968 (Sabah No. 2 of 1968) bagi melindungi alam	Kementerian Alam Sekitar dan Air Kerajaan Negeri Sarawak (Jabatan Hutan Sarawak / Jabatan Taman Negara dan Hidupan Liar Sarawak / Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak / Pusat Kepelbagaia	✓			<p>KASA Pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 sedang dilaksanakan:</p> <p>Fasa 1 Meneliti hukuman kepada penjenayah alam sekitar</p> <p>KETSA Jabatan PERHILITAN telah melaksanakan beberapa program, aktiviti dan operasi penguatkuasaan Akta 716 seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Program Ops Bersepadu Khazanah (OBK) 2020. 2. Program VETOA iaitu melibatkan Veteran Angkatan Tentera Malaysia dan Orang Asli (VETOA). 3. Menjalankan kerjasama dalam aktiviti penguatkuasaan dan perkongsian maklumat dengan INTERPOL sejak tahun 2016 melalui

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		sekitar termasuk flora dan fauna.	JPN Biologi Sarawak Kerajaan Negeri Sabah Jabatan Alam Sekitar Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia Jabatan Perhutanan Sabah Jabatan Hidupan Liar Sabah Jabatan Perlindungan			Ops Dragon, Ops Chameleon, Ops Thunderstorm dan Ops Thunderball 4. penubuhan Intelligence and Tactical Command Centre for Wildlife Crime (INTAC) di Ibu Pejabat Jabatan PERHILITAN 5. Menempatkan 30 pegawai penguatkuasa Jabatan PERHILITAN di 14 pintu keluar/masuk negara di Semenanjung Malaysia bagi memantapkan penguatkuasaan 6. Mewujudkan Unit Anjing Pengesan (Unit K9), Jabatan PERHILITAN bagi mengesan penyeludupan hidupan liar di lapangan terbang dan pelabuhan	JPSM sedang membuat pindaan ke atas peruntukan perundangan sedia ada di bawah Akta 313 dengan menaikan kadar penalti dan tempoh hukuman penjara dipanjangkan. Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah Ketua Teras 2 masih belum menerima maklum balas daripada pihak JPAS. Emel bertarikh 8 Mac telah dihantar bagi mendapatkan input daripada Jabatan ini. Jabatan Hutan Sarawak:

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
			Alam Sekitar Sabah Taman-Taman Sabah PERHILITAN				Jabatan Hutan Sarawak telah mengambil tindakan tegas bagi memastikan hak alam sekitar terpelihara melalui:- 1. Memperkuatkan Intitusi Penguatkuasaan i. Memperkasakan <i>Forests Ordinance 2015 (Cap. 71)</i> • <i>Forests Ordinance, 2015 (Cap. 71)</i> yang diwartakan pada 21 Mei, 2015 telah ditambah baik dengan memaksimakan kadar hukuman/penalti kesalahan serta memperkasakan peruntukan sedia ada bagi agensi penguatkuasaan ii. Penubuhan <i>State Task Force on Illegal Logging (STFIL)</i> yang dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli II (MUDeNR). iii. Penubuhan <i>Illegal Logging Action Committee (ILAC)</i> yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap, MUDeNR; iv. Penubuhan Jawatkuasa kerja Pencegahan dan Penguatkuasaan

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Hutan (JKPPH) yang dipengerusi oleh Pengarah Hutan;</p> <p>v. Penubuhan Pasukan Gerak Khas di peringkat Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli (MUDeNR) bagi menyelaras operasi bersama Agenzi Penguatkuasa</p> <p>2. Manfaat Teknologi dan Sistem Maklumat <i>Continuous Monitoring and Surveillance (COMOS)</i>:</p> <ul style="list-style-type: none"> • COMOS merupakan pendekatan berdasarkan teknologi digital yang telah dibangun secara <i>in-house</i> oleh Jabatan melalui <i>System and Application Development Unit (SADU)</i> • COMOS merangkumi beberapa komponen dari penganalisaan data asas menggunakan imej satelit • Berdasarkan imej berkenaan, titik yang berpotensi sebagai aktiviti pencerobohan pembalakan haram akan dikenalpasti. • Pasukan Udara akan membuat verifikasi menggunakan helikopter berdasarkan titik-titik tersebut.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<ul style="list-style-type: none"> • Data titik yang disahkan akan disalur kepada Bahagian Pencegahan dan Penguatkuasaan Jabatan untuk tindakan serbuan dan rampasan • Komponen asas adalah penganalisaan data dari imej satelit yang dilaksanakan secara harian untuk merangkumi keseluruhan kawasan hutan terutama sekali Hutan Simpan (PFE) • COMOS bertindak memantau aktiviti pembalakan haram seperti pembukaan kawasan hutan, dan aktiviti-aktiviti pengurusan hutan lain <p>3. Pemasangan Sistem <i>UbiQTrac</i> pada setiap kenderaan Jabatan dalam memantau pergerakan dan keselamatan pegawai.</p> <p>4. Pelaksanaan Ops Penguatkuasaan antara lain seperti Operasi Rengas, Operasi Rengas-COMOS, Ops Jongkong dan Ops Landai yang melibatkan operasi bersama Jabatan dan agensi penguatkuasaan negeri dan persekutuan termasuk Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli (MUDeNR), Unit Keselamatan</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Penguatkuasaan Negeri (UKPN), Sarawak Timber Industry Development (STIDC), Harwood Timber Sdn. Bhd (HTSB), Sarawak Forestry Corporation (SFC), Sarawak River Board (SRB), Polis DiRaja Malaysia (termasuk Pasukan Gerakan Am, Polis Marin dan Pasukan Gerakan Udara) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).</p> <ul style="list-style-type: none"> 5. Mewujudkan Stesen Pemeriksaan Hutan (FCS) di lokasi strategik/<i>Export points</i>. 6. Melaksanakan Audit Pematuhan Pengurusan Hutan, Audit Status Penanaman (Lesen Ladang Hutan) dan Audit Kutipan Hasil. 7. Penstrukturkan Fungsi dan Tanggugnjawab yang jelas antara Jabatan Hutan Sarawak dan Sarawak Forestry Corporation pada Januari 2020. 8. Membeku mengeluarkan lesen pembalakan (FTL) jangka panjang

	<p>9.2 Mengelakkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah Negara dilitupi pokok-pokok dan kawasan berhutan.</p>	<p>Kementerian Alam Sekitar dan Air Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia Jabatan Perhutanan Sabah Kerajaan Negeri Sarawak (Jabatan Hutan Sarawak)</p>	✓	✓	✓	<p>KASA KASA mohon digugurkan sebagai agensi peneraju bagi perkara ini.</p> <p>KETSA Penambahbaikan Akta 313 telah dilaksanakan dan JPSM di peringkat negeri sedang membuat semakan semula KKH bagi memperketatkan prosedur / garis panduan yang berkuatkuasa.</p> <p>Sehingga tahun 2019, litupan kawasan berhutan adalah sebanyak 55.3% atau seluas 18.27 juta hektar.</p> <p>Jabatan Perhutanan Sabah Ketua Teras 2 masih belum menerima maklum balas daripada pihak JPS. Emel bertarikh 8 Mac telah dihantar bagi mendapatkan input daripada Jabatan ini.</p> <p>Jabatan Hutan Sarawak Luas kawasan berhutan (forest cover) di Sarawak adalah 7.72 juta hektar atau 62 peratus daripada keluasan tanah negerinya.</p> <p>Bagi memastikan sumber hutan diurus secara berkekalan selaras dengan prinsip-prinsip Pengurusan Hutan Berkekalan yang yang terus menyumbang kepada pembangunan sosial ekonomi dan kelestarian alam sekitar, Jabatan Hutan telah dan sedang melaksanakan perkara-perkara berikut:</p>
--	---	---	---	---	---	---

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<ol style="list-style-type: none"> 1. Menguatkuasakan Undang-Undang dan peraturan berkaitan (<i>Forest Rules, Planted Forests Rules, Trained Workmen Rules</i>); 2. Melaksanakan strategi dan pelan tindakan seperti terkandung dalam Dasar Hutan Sarawak (<i>Sarawak Forest Policy</i>); 3. Melaksanakan Pensijilan Pengurusan Hutan (FMC) terhadap semua lesen jangka panjang menjelang 2022; 4. Mengamalkan amalan pengurusan hutan secara berkekalan (SFM) melalui pembalakan berimpak rendah (reduced impact logging - RIL); 5. Melaksanakan dasar penanaman ladang hutan seluas satu (1) juta hektar menjelang 2025; 6. Melaksanakan program penghijauan Sarawak melalui dasar Lanskap Restortasi Hutan (Forest Landscape Restoration) dengan sasaran penanaman seluas 35 juta pokok menjelang tahun 2025; dan 7. Meningkatkan pewartaan hutan simpan kekal bagi mencapai sasaran 6.0 juta hektar.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		9.3 Meneliti semula dan memperkuuh peraturan, prosedur atau garis panduan sedia ada yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti yang boleh menjelaskan alam sekitar dan ekosistem.	Kementerian Alam Sekitar dan Air Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia Kerajaan Negeri Sarawak (Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli Sarawak) PERHILITAN	✓			<p>KASA Pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 sedang dilaksanakan:</p> <p>Fasa 1 Meneliti hukuman kepada penjenayah alam sekitar</p> <p>Penggubalan Dasar Alam Sekitar Negara Objektif:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Menggubal dasar berkaitan alam sekitar Malaysia untuk dijadikan panduan kepada semua pihak yang berkepentingan dalam konteks pembangunan lestari. ii) Memastikan Dasar Alam Sekitar Negara sentiasa dikemaskini agar relevan dengan kehendak dan keperluan semasa dan mengambil kira perubahan-perubahan yang berlaku. iii) Memastikan kajian yang menyeluruh dibuat untuk mengenalpasti sejauh mana matlamat Dasar Alam Sekitar Negara dan Strategi Hijau Malaysia berjaya dicapai.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>iv) Menghasilkan pelan tindakan untuk pelaksanaan strategi-strategi yang akan dibangunkan.</p> <p>KETSA Jabatan PERHILITAN sedang bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar bagi memasukkan Kajian Impak Hidupan Liar (WIA) di dalam Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) terhadap sesuatu pembangunan yang sedang dijalankan. WIA akan memperkuatkan EIA dengan mengambilkira kesan pembangunan terhadap hidupan liar dan membolehkan mitigasi terhadap hidupan liar dapat dirancang dan dilaksanakan.</p> <p>Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli Sarawak Ketua Teras 2 masih belum menerima maklum balas daripada Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli Sarawak. Emel bertarikh 8 Mac telah dihantar bagi mendapatkan input daripada Kementerian ini.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenси Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		9.4 Meneruskan semakan dan kajian undang-undang bagi menambah baik Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] dan <i>Forest Enactment</i> 1968 (Sabah No. 2 of 1968) untuk melindungi alam sekitar.	Kementerian Alam Sekitar dan Air Kerajaan Negeri Sabah Kerajaan Negeri Sarawak (Jabatan Hutan Sarawak) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia	✓	✓	✓	<p>KASA KASA mohon digugurkan sebagai agensi peneraju bagi perkara ini.</p> <p>KETSA Lima (5) perkara asas dalam pindaan Rang Undang-undang Akta Perhutanan Negara 1984 iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Memperketat proses pewartaan keluar dan menggantikan HSK; b. Pemantapan penguatkuasaan hutan; c. Meningkatkan kadar denda dan hukuman serta penalty tambahan; d. Mengatasi isu kekaburan kuasa yang tidak jelas; dan e. Menambahbaik jadual dan borang yang terdapat dalam akta. <p>Pindaan ini dilaksanakan bagi memastikan peranan dan fungsi perkhidmatan hutan dapat diteruskan melalui pengekalan keluasan kawasan berhutan.</p> <p>Kerajaan Negeri Sabah Ketua Teras 2 masih belum menerima maklum balas daripada pihak Kerajaan Negeri Sabah.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Emel bertarikh 8 Mac telah dihantar bagi mendapatkan input daripada Kerajaan Negeri Sabah.</p> <p>Jabatan Hutan Sarawak</p> <p>1. Jabatan Hutan Sarawak sedang membuat semakan dan kajian terhadap undang-undang dikuatkuasakan. Cadangan pindaan ke atas <i>The Forests Ordinance 2015</i> (Cap. 71), telah dirangka untuk diluluskan. Di antara lain pindaan tersebut adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Memperkenalkan <i>amenity forest</i> untuk tujuan konservasi alam sekitar; ii. Menyenaraikan <i>carbon</i> sebagai satu komponen di bawah hasil hutan; dan iii. Pindaan kadar fi dan royalti <p>2. Menyemak semula <i>The Forests Rules</i> bagi memastikan ia selari dengan dasar Kerajaan Negeri dan perkembangan terkini dalam sektor perhutanan. Aspek dan komponen yang diberi penekanan dalam semakan ini merangkumi aktiviti-aktiviti sebelum, semasa dan selepas operasi penebangan pokok termasuk pendaftaran kontraktor, dan pekerja terlatih, pendaftaran kawasan tertentu (<i>landing site, logpond</i> dan lain-lain).</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		9.5 Meneruskan dan meningkatkan usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, biodiversiti dan sumber asli selaras dengan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025 dan Dasar berkaitan alam sekitar.	Kementerian Alam Sekitar dan Air	✓	✓	✓	<p>KASA Penggubalan Dasar Alam Sekitar Negara: Sesi libat urus di peringkat kementerian telah tamat dengan bengkel yg telah diadakan pada 23 Mac 2021 manakala sesi pembentangan hasil dapatan terkini bersama-sama dengan YBhg. Dato' Seri KSU telah diadakan pada 31 Mac 2021.</p> <p>Fasa seterusnya adalah sesi libat urus bersama pemegang taruh lain seperti kementerian-kementerian berkaitan, setiausaha kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, agensi, industri dan pihak badan bukan kerajaan.</p> <p>KETSA Pemantauan status pelaksanaan pelan tindakan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025 dilaksanakan secara berkala bagi memastikan objektif utama DKBK dilaksanakan.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<ul style="list-style-type: none"> a. memperkasa dan meraih penglibatan semua pihak berkepentingan untuk memulihara kepelbagaian biologi kebangsaan; b. memastikan negara dapat mengurangkan tekanan, secara langsung atau tidak terhadap kepelbagaian biologi; c. negara perlu memulihara semua ekosistem, spesies dan kepelbagaian genetik utama daripada sebarang ancaman; d. memastikan faedah daripada penggunaan sumber kepelbagaian biologi dikongsi secara sama rata; dan e. kita perlu memperbaiki keupayaan, pengetahuan dan kemahiran semua pihak berkepentingan untuk memulihara kepelbagaian biologi.
	9.6 Mempergiatkan kempen-kempen kesedaran yang sedia ada oleh Kerajaan dengan menambahkan jalinan hubungan kerjasama dengan pelbagai pihak.	Kementerian Alam Sekitar dan Air		✓	✓	✓	<p>KASA</p> <p>Pihak KASA telah mengadakan beberapa siri program dan kempen-kempen berkaitan alam sekitar. Senarai dan inisiatif KASA yang telah dipromosikan di semua platform media sosial dan media konvensional, televisyen dan radio seperti berikut:</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<ol style="list-style-type: none"> 1. It's time for river cleaning – MSU – 9 Januari 2021 2. Gotong-rotong Sungai Air Hitam di Kampung Dato' Abu Bakar Baginda, Kajang – 10 Januari 2021 3. <u>#MyPokokChallenge</u> – 13 Januari 2021 4. Webinar KASA - "PKP 2.0: Sekarang Masanya Untuk Lestarikan Alam" – 18 Januari 2021 5. <u>#HentikanPlastikSekaliGuna</u> Video hentikan penggunaan plastik sekali guna, kita mampu mengubahnya! – 18 Januari 2021 6. Environmental Sustainability in Malaysia: The Challenges – UTM – 21 Januari 2021 7. MWA - Webinar Programme: Water Malaysia 2030: Five Transformative Principal – 26 Januari 2021 8. Climate Adaptation Summit 2021 and note Malaysia's stand during the Inaugural

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Ministerial Dialogue on Adaptation Action – 26 Januari 2021</p> <p>9. Jabatan Alam Sekitar merupakan antara 8 penerima "Asia Environmental Enforcement Awards 2020, (Category Collaboration)" oleh United Nations Environment Programme (UNEP) – 17 Februari 2021</p> <p>10. Green Talk bersama YB Menteri Alam Sekitar dan Air – 19 Februari 2021</p> <p>11. Hari Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik (Ewaste) – 27 Februari 2021 Sabtu Terakhir Setiap Bulan</p> <p>12. Hari Tindakan Sungai Sedunia – 14 Mac 2021</p> <p>13. Program Gotong-royong Sayangi Kim Kim – 20 Mac 2021</p> <p>14. Sambutan Hari Air Sedunia 2021 Peringkat Negeri Perak – 22 Mac 2021</p> <p>15. Pelancaran Pelaksanaan Sistem Solar di Rumah Ibadat Hijau – 26 Mac 2021</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>16. Sambutan Hari Air Sedunia 2021 Peringkat Kebangsaan – 27 mac 2021</p> <p>17. Launching Ceremony United Nations Decade of Ocean Science For Sustainable Development 2021 – 2030 – 31 Mac 2021</p> <p>18. Climate Change Conversations (CCC) Webinar is ‘Water Security: Exploration into Alternatives Water Sources’ – 2 April 2021</p> <p>19. Program Jom Turun Sungai, Seberang Takir, Terengganu – 3 April 2021</p> <p>20. Program Ekspedisi Sungai Nerus – 3 April 2021</p> <p>21. Program Jom Turun Sungai, Sungai Air Hitam, Kampung Dato’ Abu Bakar Baginda, Kajang – 4 April 2021</p> <p>22. Kempen Kosongkan Tangki Septik oleh IWK kepada Penduduk Kg. Dato’ Abu Bakar Baginda, Kajang – 4 April 2021</p> <p>23. Pelancaran Garis Panduan Program Vaksinasi Lestari – 5 April 2021</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>24. Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2020 – 6 April 2021</p> <p>25. Jom Turun Sungai, Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor Bahru – 10 April 2021</p> <p>26. Roundtable Discussion on Low Emissions Pathway for Malaysia – 12 April 2021</p> <p>27. Mesyuarat Pertama Majlis Tindakan Perubahan Iklim atau MyCAC – 13 April 2021</p>
		9.7 Memantau pematuhan piawaian antarabangsa tentang hak asasi manusia dalam menjalankan aktiviti-aktiviti pembangunan yang memberikan kesan kepada alam sekitar yang dijalankan oleh pihak Kerajaan dan swasta.	Kementerian Alam Sekitar dan Air KPKT Kerajaan Negeri Sarawak (Agenzi-agensi berkaitan)		✓		<p>KASA</p> <p>Penilaian EIA digunakan bersesuaian dengan piawaian antarabangsa bagi mengenalpasti, meramal dan menghuraikan kebaikan dan keburukan sesuatu cadangan projek pembangunan yang menuntut keperluan adanya hubungan komunikasi di antara pihak-pihak terlibat iaitu masyarakat setempat, pemaju dan pihak berkuasa bagi melicinkan keadaan.</p> <p>Penilaian EIA dilaksanakan secara professional mengambil kira kesan terhadap sosioekonomi dan biodiversiti.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>KPKT KPKT mohon digugurkan sebagai agensi peneraju bagi perkara ini.</p> <p>Kerajaan Negeri Sarawak Ketua Teras 2 masih belum menerima maklum balas daripada pihak Kerajaan Negeri Sarawak. Emel bertarikh 8 Mac telah dihantar bagi mendapatkan input daripada Kerajaan Negeri Sarawak.</p>
		9.8 Melaksanakan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dengan telus dan tepat untuk menilai keseluruhan impak positif dan negatif terhadap alam sekitar.	Kementerian Alam Sekitar dan Air Kerajaan Negeri Sarawak (Agenzi-agenzi berkaitan)	✓	✓	✓	<p>KASA Penilaian EIA dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar secara profesional dengan mengambil kira kesan terhadap sosioekonomi dan biodiversiti.</p> <p>Kerajaan Negeri Sarawak Ketua Teras 2 masih belum menerima maklum balas daripada pihak Kerajaan Negeri Sarawak. Emel bertarikh 8 Mac telah dihantar bagi mendapatkan input daripada Kerajaan Negeri Sarawak.</p>
		9.9 Memberikan perhatian dan keutamaan kepada isu perubahan iklim		✓			Malaysia telah memberi perhatian dan keutamaan yang sewajarnya kepada isu berkaitan perubahan iklim yang memberi impak

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		yang menjadi cabaran semasa yang memberikan kesan kepada hak asasi manusia.	Kementerian Alam Sekitar dan Air				<p>kepada kesejahteraan sosial dan ekonomi negara. Antaranya adalah melalui tindakan adaptasi perubahan iklim seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. pengurusan banjir melalui Pengurusan Banjir Bersepadu yang memberi perlindungan dari impak bencana banjir; ii. perlindungan kawasan pantai yang memberi perlindungan dan penyelesaian kepada isu kenaikan aras laut; iii. pengurusan sumber air termasuk bekalan air bawah tanah; iv. keselamatan sumber makanan termasuk komoditi (padi, kelapa sawit, getah, koko, ternakan, dan perikanan); dan v. pengurusan kesihatan awam kepada penyakit-penyakit berkaitan perubahan iklim seperti malaria, denggi dan lain-lain. <p>Dalam masa yang sama, penilaian kepada impak perubahan iklim juga telah dilaksanakan kepada sektor dan sub-sektor khusus seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. flora dan fauna seperti haiwan darat, haiwan marin dan pokok hutan; dan ii. infrastruktur asas seperti janakuasa elektrik, pengangkutan, hospital, empangan dan lain-lain;

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							Kesemua tindakan adaptasi ini telah dilaporkan di dalam Malaysia's 3 rd National Communication and 2 nd Biennial Update Report to the UNFCCC (NC3/BUR2) yang merupakan laporan perubahan iklim negara kepada Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC).
		9.10 Menyelaras pelaksanaan yang telah dirancang dalam Dasar Perubahan Iklim Negara.	Kementerian Alam Sekitar dan Air NADMA	✓	✓	✓	<p>KASA Dasar Perubahan Iklim Negara (2009) telah menggariskan 5 prinsip utama yang menjadi tonggak pelaksanaannya seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pembangunan mampan; Status: Pembangunan mampan telah menjadi nadi kepada agenda pembangunan negara. Malaysia juga telah menubuhkan Malaysia SDG Council yang diurussetiakan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi menyelaras pelaksanaan UN SDG Goals di mana kesemua 17 sasaran SDG telah dipetakan kepada pelan tindakan oleh Kementerian, Agenzi dan pemegang taruh yang terlibat. ii. Pemuliharaan alam sekitar dan sumber asli;

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Status: Pemuliharaan alam sekitar dan sumber juga telah menjadi keutamaan negara di dalam agenda pembangunan negara. Sebagai contoh, Dasar Alam Sekitar Negara (2002) merupakan dasar utama yang memandu pelaksanaan tindakan berkaitan pengurusan alam sekitar negara. DASN 2002 sedang melalui proses semakan oleh KASA di mana elemen berkaitan perubahan iklim juga telah diambil kira secara tidak langsung. Dasar Perhutanan Malaysia (2021) merupakan dasar penting yang akan memandu pengurusan hutan negara. Pengurusan dan pemuliharaan hutan merupakan salah satu aspek yang penting bagi tindakan mitigasi perubahan iklim negara yang akan menyumbang kepada pencapaian komitmen perubahan iklim negara.</p> <p>iii. Pelaksanaan secara bersepadu; Status: Penyelarasaran agenda perubahan iklim negara dilaksanakan melalui Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA). Dari segi tadbir urus perubahan iklim negara, KASA merupakan urusetia kepada Majlis Tindakan Perubahan Iklim Malaysia (MyCAC) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. MyCAC merupakan forum tertinggi yang membincangkan mengenai</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>pelaksanaan dan hala tuju agenda perubahan iklim negara di peringkat tertinggi. Di peringkat pelaksana pula, KASA merupakan urusetia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Mengenai Perubahan Iklim (NSCCC). Jawatankuasa ini berperanan untuk menyelaras pelaksanaan dasar dan obligasi perubahan iklim negara kepada UNFCCC.</p> <p>Selain itu, aspek perubahan iklim juga telah diintegrasikan ke dalam agenda pembangunan negara iaitu sejak Rancangan Malaysia ke-9 lagi.</p> <p>iv. Penglibatan yang berkesan Status: Kementerian dan Agenzi persekutuan telah meningkatkan penglibatan pihak berkepentingan di dalam perancangan dan pelaksanaan dasar perubahan iklim negara. Sebagai contoh, wakil daripada NGO dan pihak swasta telah dijemput ke dalam mesyuarat-mesyuarat berkaitan perubahan iklim seperti NSCCC dan kumpulan kerja bagi mengemaskini komitmen perubahan iklim negara kepada Paris Agreement di bawah UNFCCC.</p> <p>v. Tanggungjawab sama, beban berbeza dan keupayaan tersendiri.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Status: Prinsip tanggungjawab sama, beban berbeza dan keupayaan tersendiri (common but differentiated responsibilities with respective capabilities – CBDR-RC) merupakan prinsip utama di bawah UNFCCC dan Paris Agreement. Pelaksanaan tindakan perubahan iklim negara (tindakan mitigasi dan adaptasi) dan komitmen perubahan iklim negara kepada Paris Agreement iaitu Nationally Determined Contributions – NDC adalah berdasarkan keupayaan negara sendiri dan selari dengan agenda pembangunan negara.</p> <p>Pada tahun 2021, KASA merancang untuk melaksanakan semakan kepada Dasar Perubahan Iklim Negara (2009) bagi memasukkan aspek Paris Agreement, UN SDG 2030 dan agenda-agenda utama yang lain.</p> <p>NADMA Inisiatif Pengurangan Risiko Bencana (DRR) yang mengambil kira faktor perubahan iklim seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> -National Risk Register (siap 100% pada September 2020);

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							-Meneliti mekanisme pemindahan risiko bencana melalui insurans bencana dan pengukuhan jaringan sosial keselamatan (social safety net); dan projek kajian – -integrasi DRR dan adaptasi perubahan iklim (CCA) untuk kegunaan dan manfaat agensi / jabatan berkaitan.
10.	Hak perkhidmatan dan keselamatan sosial dan perpaduan nasional	10.1 Menyediakan Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) bagi pelaksanaan syor-syor di bawah <i>Blueprint</i> Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatuanpaduan.	JPNIN	✓	✓	✓	KPN sedang dalam proses membangunkan dokumen PTPN dan Dasar Perpaduan Negara (DPN) yang bakal dilaksanakan bagi tempoh 5 tahun dari 2021 hingga 2025.
		10.2 Meningkatkan kemudahan dan akses perkhidmatan kebajikan sosial secara sama rata dalam kalangan rakyat.	JKM JAKOA KPLB	✓	✓	✓	JKM Atas kepentingan dan kesejahteraan kumpulan sasar Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) iaitu kanak-kanak, warga Emas, Orang Kurang Upaya (OKU), keluarga, orang papa, mangsa bencana, mangsa keganasan rumah tangga, pesalah muda, komuniti rentan dan mangsa pemerdagangan orang, penyampaian perkhidmatan JKM sentiasa ditingkatkan secara sama rata tanpa mengambil kira bangsa, agama atau kefahaman politik. Perkhidmatan yang

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>disediakan oleh JKM adalah mengambilkira hak golongan-golongan minoriti atau golongan yang mungkin tersisih daripada pembangunan masyarakat.</p> <p>Bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat, program bantuan kewangan kepada penerima bantuan yang sedia ada di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan kerjasama Bank Islam Malaysia telah mewujudkan mekanisme baru dalam penyampaian perkhidmatan iaitu transaksi tanpa tunai yang dikenali sebagai Bayaran Bantuan Secara Tanpa Tunai (<i>cashless</i>). Program rintis telah dimulakan pada bulan pada Februari 2021 di Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Melaka Tengah Melaka, PKMD Kota Setar dan PKMD Kubang Pasu di Kedah yang melibatkan seramai 195 orang penerima bantuan. Projek rintis ini dijangka akan berlangsung selama 6 bulan dan akan dikembangkan ke seluruh Malaysia sekiranya program ini signifikan kepada masyarakat.</p> <p>Selain daripada itu program sedia ada iaitu program 2 Year Exit Program atau 2YEP</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>merupakan satu program pemerkasaan ekonomi penerima bantuan JKM dengan menggunakan bantuan kewangan berbentuk geran pelancaran <i>one-off</i> sebanyak RM 2 700 untuk seorang klien. Program 2YEP telah memberi manfaat lebih 2000 orang klien sehingga akhir tahun 2020 yang telah keluar dari garis kemiskinan dalam tempoh dua tahun pelaksanaannya..</p> <p>Untuk memperkasakan ekonomi dan sosial, penerima perkhidmatan terutamanya golongan Orang Kurang Upaya (OKU), JKM akan menujuhan Koperasi PROWELL. Program ini adalah sebuah program penyelarasan produktiviti dan perkhidmatan OKU untuk pasaran tempatan. Program ini memberi akses kepada pelatih OKU yang berada di Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang berjumlah 565 buah seluruh Malaysia (sehingga Disember 2020), menawarkan pasaran produk dan perkhidmatan.</p> <p>Daripada jumlah tersebut, sebanyak 323 buah PDK (sehingga 31 Disember 2020) telah terlibat secara langsung dalam Program Pemerkasaan Ekonomi (EEP) iaitu menghasilkan produk atau perkhidmatan untuk penjanaan pendapatan</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>pelatih OKU. Diantara contoh kejayaan program ini adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. PDK Kasih Templer Autism Centre yang telah menjana pendapatan melalui program tanaman cendawan berjumlah RM35,045 sehingga Disember 2020. ii. PDK Seri Malindo telah menjana ekonomi dengan produk kraftangan telah menjana pendapatan sehingga RM18,190 sehingga akhir tahun 2020. <p>Program ini juga adalah selaras dengan Program Hometown Improvement Model Malaysia seperti yang diperkenalkan peringkat negara-negara ASEAN dan PDK Semenyih Selangor bertindak sebagai projek rintis. PDK ini telah melaksanakan program minuman kordial bunga telang dengan kerjasama teknikal daripada JICA dalam memberi promosi, pasaran dan piawaian pembungkusan produk. Selaras dengan pemerkasaan OKU, program Penubuhan Tabung Pembangunan Orang Kurang Upaya (TPOKU) telah dicadangkan. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama JKM dan Yayasan Kebajikan Negara (YKN).</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Untuk memperkasa OKU dan kanak-kanak yang berada di institusi, JKM telah melaksanakan Program Pemerkaasan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Tahap 3 di institusi. Program ini merupakan satu program bertujuan memperkasa kemahiran berdikari kanak-kanak dan OKU secara memberi latihan teknikal dan vokasional semasa mereka berada di Institusi khususnya kanak-kanak yang berada di Sekolah Tunas Bakti, Asrama Akhlak dan Taman Seri Puteri dan OKU di Taman Sinar Harapan.</p> <p>Bagi memastikan OKU mendapat peluang yang sama rata dengan orang normal dalam mendapatkan kemahiran, JKM telah memperkasa perkhidmatan latihan kemahiran dan kursus yang diperkenalkan oleh Pusat Latihan, Pemulihan dan Perindustrian Bangi (PLPP). Dengan latihan yang diberikan seperti kemahiran pembaikan komputer, jahitan dan alat tiruan, pelatih lepasan institusi ini berupaya bersaing untuk mendapat pekerja dalam pasaran terbuka.</p> <p>Selain daripada itu, JKM telah memperkasa PLPP melalui Pelan PLPP Sebagai Pusat</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Kecemerlangan dengan mempelbagaikan perkhidmatan yang diberikan kepada OKU dan masyarakat termasuklah menjadikan PLPP sebagai Independent Living Centre (ILC), Enabling Village serta kerjasama bersepadu dengan universiti-universiti tempatan. Bagi OKU yang boleh mengurus diri tetapi tidak berpeluang untuk bersaing dalam pekerjaan di pasaran terbuka, JKM telah menyediakan program pekerjaan dan latihan di Bengkel Terlindung atau lebih dikenali sebagai Bengkel Daya. Terdapat 2 buah Bengkel Daya di Malaysia iaitu Bengkel Daya Klang Selangor dan Bengkel Daya Sungai Petani Kedah. Jumlah pekerja orang kurang upaya (PKU) sehingga akhir Disember 2020 adalah 79 orang. PKU diberi pekerjaan dan elaun sara hidup termasuk RM450 Elaun Pekerja Cacat (EPC) serta pelbagai insentif lain untuk saraan kehidupan. Dalam masa yang sama, mereka diberi peluang untuk latihan dan kemahiran bagi memenuhi pasaran pekerjaan semasa.</p> <p>Bagi OKU yang bekerja di sektor awam atau swasta, JKM dengan kerjasama Japan International Cooperation Agency Japan atau JICA telah memperkenalkan program Job</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Coach. Tujuan utama program ini adalah untuk mengekalkan OKU dalam pekerjaan dan proses sosialisasi OKU dalam persekitaran pekerjaan yang kondusif. Program ini telah memberi manfaat kepada lebih 1324 orang OKU dalam pelbagai bidang dan 2773 OKU terlatih dalam <i>Job Coach</i> sehingga akhir tahun 2020. Program ini juga adalah satu inisiatif yang menyokong kepada sasaran kuota 1% pekerjaan dalam sektor awam kepada OKU.</p> <p>Bagi menjamin hak OKU dalam bidang pendidikan, JKM sentiasa menyokong 0% reject policy seperti yang diamalkan oleh Kementeraian Pendidikan Malaysia. Hak ini bagi menjamin semua hak kanak-kanak seperti yang terkandung di dalam The Convention On The Right Of the Child (CRC) termasuk hak kanak-kanak OKU untuk terus berada di sekolah arus perdana atau kelas khas di sekolah arus perdana bagi memberi peluang kepada mereka berada sama rata dalam masyarakat.</p> <p>JKM sangat memandang serius terhadap hak OKU dan warga emas yang berada dalam komuniti tetapi tidak mampu untuk mengurus diri sepenuhnya. Sejajar dengan itu, JKM telah</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>memperkasa program homehelp sedia ada dengan peningkatan perkhidmatan secara meningkatkan bayaran elaun kepada pekerja sukarela. Tujuan utama adalah untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dan meningkatkan peruntukan kuantiti masa yang lebih efisyen dalam memberi perkhidmatan kepada klien. Sehingga Disember 2020, seramai 10,560 klien telah mendapat manfaat dari program ini.</p> <p>Hak kesamarataan OKU dalam masyarakat khususnya aksesibiliti kepada bangunan dan pengangkutan awam telah banyak dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bersama Orang Kurang Upaya (MBOKU) yang dipengerusikan oleh YB Menteri. Audit akses bangunan dan pengangkutan awam telah dilaksanakan sebanyak 6 kali sehingga tahun 2020.</p> <p>Bagi menjamin hak OKU terpelihara di bawah undang-undang, maka JKM dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) adalah dalam proses semakan semula Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685). Beberapa cadangan</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>penambahbaikan seperti yang dikemukakan oleh beberapa persatuan Orang Kurang Upaya, <i>Malaysian Bar Council</i> dan SUHAKAM akan dipertimbangkan untuk dimasukkan dalam peruntukan pindaan akta.</p> <p>Selain daripada itu, bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam kalangan pekerja sosial dan menjamin hak klien dalam penerima perkhidmatan yang profesional, maka JKM telah berada dalam peringkat akhir untuk draf Rang Undang-Undang Profesional Kerja Sosial dibawa untuk dibentangkan dalam Parlimen. Sebagai persediaan Malaysia menjadi sebuah negara warga emas menjelang tahun 2030, JKM dengan kerjasama KPWKM sedang berusaha untuk penggubalan akta warga emas. Akta ini dijangka akan memperuntukan beberapa hak termasuk hak kesamataraan, hak kehidupan dan sebagainya dikalangan warga emas.</p> <p>Untuk penyampaian perkhidmatan yang lebih efisyen kepada warga emas, JKM telah membangunkan Sistem Pendaftaran Warga Emas Nasional (eWEN). Sistem ini merupakan satu sistem Pendaftaran Warga Emas Nasional</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>(Ewen) untuk pemetaan lokasi warga emas bagi menyampaian perkhidmatan secara kolektif.</p> <p>JKM juga adalah dalam usaha melaksanakan Projek Alternative Service Delivery (ASD) iaitu satu program perkongsian tanggungjawab dengan pihak NGO dan swasta untuk melaksanakan perkhidmatan penjagaan kepada warga emas. Projek rintis dijangka akan dilaksanakan di Rumah Seri Kenangan Seri Iskandar, Perak.</p> <p>Bagi membuka akses kepada warga emas yang berada dalam komuniti untuk proses sosialisasi, pembinaan kapasiti dan pembangunan ekonomi, JKM telah memperkasa Program PAWE atau Pusat Aktiviti Warga Emas. Di pusat ini, JKM telah memperkenalkan program <i>life long learning</i> iaitu satu program yang memberi akses kepada warga emas yang berpotensi melanjutkan pelajaran dalam bidang yang bersesuaian.</p> <p>Bagi menggalakkan wanita bekerja atau wanita untuk kembali bekerja, maka JKM memperkasa wanita berkerjaya dengan menggalakkan</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>penubuhan TASKA di tempat-tempat kerja sama ada di sektor awam atau swasta. Sejajar dengan Rancangan Malaysia Ke-11 dan sehingga akhir bulan Disember 2020, sebanyak 6 buah TASKA OKU telah beroperasi. Untuk membuka peluang kepada kanak-kanak OKU mendapat penjagaan dan pendidikan awal bersama-sama dengan kanak-kanak normal, maka dalam Belanjawan 2020 jumlah TASKA OKU telah bertambah kepada 13 buah seluruh negara. JKM telah menyediakan bantuan dalam bentuk geran penubuhan TASKA OKU iaitu minimum RM122 880 hingga RM500,000.</p> <p>Kanak-kanak adalah satu golongan sentiasa mendapat perhatian masyarakat. Bagi menjamin hak kanak-kanak, Malaysia telah meratifikasi The Convention On The Right Of the Child (CRC) pada tahun 1994. Diantara hak kanak-kanak adalah hak untuk hidup, membesar dengan sihat, menikmati taraf hidup dan pemeliharaan yang sempurna serta belaian kasih sayang dalam suasana kekeluargaan</p> <p>Bagi menjamin hak kanak-kanak sentiasa terpelihara, JKM telah memperkenalkan program</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Pemeliharaan Berasaskan Keluarga (PBK) dan Program <i>Diversion</i>.</p> <p>Program Pemeliharaan Berasaskan Keluarga adalah satu program pemeliharaan kanak-kanak dalam keluarga ganti dan sesuai mengikut Akta Kanak-kanak 2001. Projek rintis telah dilaksanakan pada Ogos 2019 hingga Julai 2021. Sehingga Disember 2020 seramai 17 kanak-kanak telah Berjaya dalam program ini. Sementara itu program <i>Diversion</i> adalah satu pendekatan alternatif kepada kanak-kanak yang mempunyai konflik dengan undang-undang dan tidak melalui proses perundangan sedia ada. Sepanjang tahun 2020 sebanyak 29 kes telah dirujuk kepada JKM dan sebanyak 6 kes telah menjalani program <i>Diversion</i>.</p> <p>KPLB</p> <p>Bagi menjaga kesejahteraan dan mendahulukan kebijakan sosial secara sama rata di kalangan rakyat, KPLB meneruskan pelaksanaan program-program di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) seperti Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), Program Peningkatan Pendapatan (PPP) dan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) yang</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>memberi fokus kepada kumpulan sasar miskin tegar, miskin dan B40.</p> <p>Secara ringkasnya, Program Peningkatan Pendapatan (PPP) menyediakan bantuan kepada kumpulan sasar dalam bentuk peralatan/ mesin/ bahan/ aset/ latihan dan kursus pelaksanaan projek serta bimbingan untuk membantu mereka menjalankan aktiviti ekonomi bagi meningkatkan pendapatan semasa.</p> <p>Manakala Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) pula menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi membolehkan kumpulan sasar mengikuti kursus-kursus latihan kemahiran jangka pendek, sederhana dan panjang termasuk kemahiran asas Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) I, II dan III.</p> <p>Selain itu, KPLB melalui agensinya seperti MARA, KEMAS dan JAKOA turut menyediakan program bantuan sokongan sosial kepada kumpulan sasar melibatkan Program Bantuan untuk Pendidikan bagi pelajar MRSM kategori Miskin Tegar/B40; Program Bantuan Makanan Tambahan dan Bantuan Geran Perkapita kepada</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							kanak-kanak Tabika dan Taska KEMAS; dan bantuan sokongan kebajikan kesihatan, kebajikan am dan kebajikan pendidikan kepada masyarakat Orang Asli melibatkan pemberian wang saku sebanyak RM2/hari kepada setiap pelajar, penyediaan pengangkutan pergi dan pulang dari sekolah serta pemberian uniform sekolah kepada pelajar Orang Asli.
		10.3 Meningkatkan aktiviti kefahaman dan keharmonian Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman Keharmonian Penganut Agama (JKMPKA).	JPNIN	✓	✓	✓	Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Antara Agama yang telah dijenamakan sebagai HARMONI akan mengadakan mesyuarat pertama pada 16 Oktober 2020. HARMONI yang dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri Perpaduan Negara dan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) ini akan membincangkan agenda memperkuuhkan kesefahaman dan keharmonian antara penganut pelbagai agama di negara ini.
		10.4 Menubuhkan Majlis Multibudaya Malaysia (<i>Malaysian Multicultural Council</i>).	MOTAC		✓		MOTAC sedang dalam usaha menubuhkan Majlis Kebudayaan Negara (MKN) dengan cadangan keahlian yang terdiri dari pelbagai kaum, bangsa serta latar belakang khususnya dalam bidang seni, budaya dan warisan.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
10.		10.5 Mewujudkan Hari Rukun Negara.	JPNIN	✓	✓	✓	Agensi Peneraju yang terlibat bukanlah Kementerian Perpaduan Negara.
		10.6 Mempromosikan kesepaduan sosial dan memerangi keganasan dan sikap ekstrim.		✓	✓	✓	KPN dan seluruh agensi di bawahnya sedang giat dalam tindakan untuk memerangi keganasan dan sikap ekstrim. Ini termasuklah pelaksanaan Skim Rondaan Sukarela (SRS), pemerkasaan Kawasan Rukun Tetangga (KRT), serta pentaulihan seramai 400 mediator terlatih.
		10.7 Mewujudkan akta khusus untuk menjaga keharmonian antara kaum dan agama.				✓	Kerajaan telah membuat keputusan untuk tidak meneruskan cadangan menggubal apa-apa akta khusus untuk menjaga keharmonian antara kaum dan agama. Sebaliknya Kerajaan sudah mempunyai undang-undang yang mencukupi untuk menyiasat dan mendakwa mana-mana pihak yang sengaja mencetuskan suasana tidak harmoni dengan memainkan isu kaum dan agama.
11.	Hak Rekreasi	11.1 Meningkatkan dan memperkuatkuasaan pelaksanaan Dasar Sukan Negara dan Dasar Belia Malaysia berkaitan dengan hak rekreasi.	KBS	✓	✓	✓	KBS melaksanakan pelbagai inisitif, program dan aktiviti bagi pembangunan sukan dan rekreasi, antaranya:- a) Menyediakan Bantuan Menjalankan Program dan Aktiviti dikenali sebagai Inisiatif Prihatin Sukan bagi persatuan sukan dan rekreasi di

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>semua peringkat dan kepada badan sukan yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan. Inisiatif ini bertujuan untuk memperkasa kelab-kelab dan persatuan bagi memperbanyakkan aktiviti sukan dan rekreasi di pelbagai peringkat.</p> <ul style="list-style-type: none"> b) Kajian Indeks Budaya Sukan Malaysia dilaksanakan setiap tahun bagi mengukur tahap penglibatan rakyat Malaysia dalam aktiviti sukan dan rekreasi supaya usaha dan inisiatif bersesuaian dapat dikenalpasti dari semasa ke semasa. c) Mengiktiraf sukan rekreasi sebagai aktiviti sukan di bawah Akta Pembangunan Sukan [Akta 576]. d) Kemudahan sukan dan rekreasi yang disediakan oleh KBS di seluruh negara sentiasa diselenggara dan dinaik taraf dari semasa ke semasa bagi menggalakkan rakyat di pelbagai peringkat menjalankan aktiviti sukan dan rekreasi di waktu senggang. e) Di bawah Rancangan Malaysia ke 12, KBS mensasarkan penyediaan inisiatif baru iaitu <i>National Physical Plan on Sports for All</i>. Pelan Tindakan ini bertujuan untuk membangunkan sistem pangkalan data berpusat bagi meningkatkan kebolehcapaian

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		11.2 Melaksanakan dan mematuhi dasar dalam Rancangan Fizikal Negara (RFN) yang menyarankan supaya minimum 10% daripada keseluruhan kawasan pembangunan perlu dirizabkan sebagai tanah lapang awam, <i>*Seksyen 62 Kanun Tanah Negara, 1960. termasuk taman-taman rekreatif.</i>	KPKT	✓	✓	✓	<p>rakyat kepada kemudahan-kemudahan sukan dan rekreasi di seluruh negara.</p> <p>KPKT</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pelaksanaan keperluan 10% kawasan lapang ini diterjemahkan di dalam dasar-dasar Rancangan Struktur Negeri (RSN) dan Rancangan Tempatan (RT). ii. Selain itu, ianya disyaratkan di dalam semua permohonan Kebenaran Merancang (KM) yang dipertimbangkan diperingkat Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) seperti mana di dalam keperluan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]. <p>Status pewartaan tanah lapang turut dipantau secara berkala oleh PLANMalaysia.</p>

Pelan Tindakan Hak Kebudayaan

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
12.	Amalan kebudayaan	12.1 Menjadikan Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) sebagai payung kepada semua kebudayaan yang ada dan menguatkuasakannya sebagai panduan bagi tujuan pemeliharaan definisi kebudayaan kebangsaan.	MOTAC	✓	✓	✓	MOTAC dalam fasa terakhir dalam menyiapkan Dasar Kebudayaan Negara (DKN) dengan mengambil kira intipati dan semangat DKK dan disesuaikan dengan keperluan dan kehendakan semasa.
		12.2 Menilai dan memantau pelaksanaan Dasar Industri Kreatif yang berkaitan dengan amalan kebudayaan.	MOTAC KKMM	✓	✓	✓	MOTAC MOTAC bersama KKMM akan mewujudkan Majlis Pembangunan Industri Kreatif Negara berfungsi menetukan dasar dan hala tuju, menyelaras serta memantau pelaksanaan pembangunan industri kreatif Negara. Walau bagaimanapun, MOTAC akan menerajui skop berkaitan Seni dan Warisan Budaya di bawah Dasar Industri Kreatif Negara. KKMM Bagi memacu dan memperkasakan pertumbuhan industri kreatif negara, KKMM akan menilai

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>semula dan menambah baik Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN).</p> <p>KKMM juga akan merancang segala perbelanjaan berkaitan Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) pada masa depan secara berhemah, adil, terbuka, telus, berkesan dan bertanggungjawab. Selain itu, senarai bagi tanggungjawab bidang-bidang kreatif yang terletak di bawah sesuatu kementerian juga akan diselaraskan semula.</p> <p>Pasukan Petugas Industri Kreatif Negara (PPIKN) akan ditubuhkan dan dipengerusikan oleh YB Menteri KKMM dengan YB Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya selaku pengurus bersama, serta dianggotai pemegang taruh daripada kerajaan, industri dan masyarakat sivil.</p> <p>Untuk tujuan pengantarabangsaan, KKMM akan bekerjasama dengan Kementerian Luar dan ini selaras dengan satu daripada Teras Strategik KKMM iaitu ‘Memangkin Industri Kandungan Kreatif yang Berdaya Saing dan Bertaraf Global.’</p> <p>Bagi membolehkan penggiat seni bekerja semula semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							(PKPB), antara inisiatif yang telah dibenarkan adalah seperti berikut:
							<ul style="list-style-type: none"> (i) menyenaraikan golongan karyawan, artis dan penyanyi sebagai penerima bantuan Pakej PRIHATIN. (ii) Menganjurkan program dalam talian seperti ‘Nyanyi dari Rumah’ dan ‘Muzik dari Rumah’ di YouTube dan laman web Muzik Malaysia. (iii) membenarkan penggambaran filem, drama, dokumentari dan pengiklanan selepas Hari Raya Aidilfitri pada bulan Mei 2020.
	12.3 Meningkatkan kesedaran dan penguatkuasaan Garis Panduan berkaitan Kebudayaan JAKIM tanpa menidakkannya hak amalan kebudayaan yang tidak	JAKIM	✓	✓	✓		<p>Sehingga awal tahun 2020, JAKIM telah membangunkan lebih 8 garis panduan berkaitan kebudayaan.</p> <p>Semua garis panduan ini dibuat berdasarkan hukum-hakam Islam, pandangan ulamak, adab-adab yang dianjurkan Islam, undang-undang yang terpakai dan mengambil kira waqi' (situasi) masyarakat di Malaysia dan disebarluaskan kepada</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		bercanggah dengan ajaran Islam.					<p>masyarakat umum melalui penerbitan bahan bercetak serta paparan di laman sesawang.</p> <p>Garis panduan ini boleh dijadikan rujukan oleh umat Islam agar aktiviti yang dilakukan selari dengan ajaran Islam.</p> <p>Garis panduan tersebut adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Garis Panduan Dan Penjelasan Mengenai Seni Tampak Dari Kaca Mata Islam. 2. Garis Panduan Tatacara Membaca Doa Di Majlis-Majlis Rasmi Dan Separuh Rasmi Kerajaan. 3. Garis Panduan Khurafat Dan Azimat Menurut Perspektif Islam. 4. Garis Panduan Silat Menurut Islam. 5. Garis Panduan Orang Islam Turut Merayakan Hari Kebesaran Agama Orang Bukan Islam. 6. Garis Panduan Hiburan Dalam Islam (sedang dalam semakan semula). 7. Garis Panduan Upacara Akad Nikah Di Masjid. 8. Garis Panduan Penapisan Kandungan Bahan-Bahan Penyiaran Berunsur Islam.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
13.	Harta Intelek	13.1 Meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang harta intelek berkenaan kebudayaan menyeluruh.	MOTAC KPDNHEP	✓	✓	✓	<p>MOTAC Pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang harta intelek di bawah bidang kuasa KPDNHEP. Walau bagaimanapun, MOTAC bersedia membantu pihak industri berhubung dengan harta intelek berkenaan kebudayaan.</p> <p>KPDNHEP</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Penguatkuasaan undang-undang harta intelek dipertingkatkan melalui program-program kesedaran dengan mengadakan taklimat secara khusus memfokuskan setiap kumpulan sasaran dan melaksanakan pelbagai informasi melalui webinar, risalah dan buku terbitan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) yang diberikan kepada orang awam serta mengadakan perjumpaan dan sesi soal jawab secara interaktif bagi isu-isu terkini hak cipta. 2. Bahagian Penguatkuasaan KPDNHEP sedang dan akan terus meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang bagi perlindungan ke atas harta intelek.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>3. Berdasarkan statistik penguatkuasaan untuk melindungi harta intelek bagi tahun 2020 (Jan-Ogos) adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Tindakan kes: 80 (ii) Nilai Sitaan: RM 251,336.00 <p>KPDNHEP telah memantapkan kerjasama dengan agensi kerajaan dengan mengaktifkan Pasukan Petugas Khas Perlindungan Harta Intelek (PPKPHI). Objektif PPKHI adalah bagi membincangkan mengenai strategi membanteras kegiatan penjualan barang tiruan dan cetak rompak dalam usaha melindungi hak pemunya harta intelek di Malaysia. Jaringan kerjasama antara agensi Kerajaan ini telah menampakkan kesan positif antaranya apabila Malaysia berjaya dikeluarkan daripada senarai <i>Watch List Special 301 Report</i> pada tahun 2012 dan sehingga sekarang Malaysia masih kekal tidak tersenarai di dalam <i>watch list</i> tersebut.</p>
							<p>13.2 Melindungi hak dan karya penulis berkaitan kebudayaan dengan</p> <p>MOTAC MOTAC melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) tertakluk kepada Akta Hak Cipta 1987 (Pindaan 1997) serta pewujudan Dasar</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		mewujudkan dasar khusus berkenaan hak cipta.	KPDNHEP MyIPO				<p>Pendigitalan Koleksi Perpustakaan dalam melindungi hak dan karya penulis berkaitan kebudayaan.</p> <p>KPDNHEP</p> <p>Suatu badan pelesenan bagi Karya Sastera yang merangkumi buku dan imej (ilustrasi), penerbitan karya penulisan akan ditubuhkan dan dijangka akan membuat permohonan kepada MyIPO untuk diisyiharkan sebagai badan pelesenan sebelum akhir tahun 2020.</p>
		13.3 Mempertimbangkan untuk meratifikasi <i>Marrakesh Treaty to Facilitate Access to Published Works for Persons Who Are Blind, Visually Impaired, or Otherwise Print Disabled</i> untuk memberikan pengecualian kepada orang kurang penglihatan bertujuan mendapatkan akses kepada karya boleh format dan mempertimbangkan				✓	<p>KPDNHEP</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kajian dan semakan Akta Hak Cipta 1987 sedang dijalankan bagi mengenalpasti peruntukan berkaitan dan pindaan yang diperlukan untuk membolehkan Malaysia menyertai <i>Marrakesh Treaty</i>. 2. Beberapa sesi konsultasi dengan pihak-pihak berkepentingan seperti Pertubuhan Pembangunan Orang Buta Malaysia, Persatuan Orang Cacat Penglihatan Malaysia, Majlis Kebangsaan bagi Orang Buta Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, KL Braile Resources, Persatuan Pustakawan, Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		pindaan terhadap Akta Hak Cipta 1987 agar besesuaian dengan keperluan Marrakesh Treaty.					dan Masyarakat serta ahli akademik telah dilaksanakan pada 2018 dan 2019.
14.	Hak bahasa	14.1 Meneruskan usaha untuk menggalakkan bahasa Melayu dimartabatkan sebagai bahasa pengantar tunggal dalam urusan rasmi kecuali di Sabah dan Sarawak.	DBP MOTAC	✓	✓	✓	<p>MOTAC</p> <p>MOTAC bersama Jabatan dan Agensi di bawahnya terutama Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) melaksanakan usaha-usaha berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80) telah menggariskan PNM perlu “<i>bekerjasama dengan agensi yang berkaitan untuk menggalakkan dan meningkatkan penggunaan dan perkembangan Bahasa Melayu</i>”. (ii) PNM juga tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil.1 tahun 2020 (Pemerkasaan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Perkhidmatan Awam) dan Audit Bahasa Melayu yang telah diadakan di PNM pada 7-9 Julai 2020 menunjukkan tahap penggunaan Bahasa

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Melayu dalam urusan rasmi adalah 98.8% (aras 5, sangat baik) dan mutu penggunaan adalah di tahap sederhana 68.8% (aras 3).</p> <p>(iii) PNM juga mempunyai seorang Munsyi Bahasa yang telah ditauliah oleh Dewan Bahasa dan Pustaka bagi membantu dalam meningkatkan penggunaan bahasa Melayu di jabatan.</p> <p>(iv) PNM juga meneruskan program-program memartabat bahasa Melayu secara terancang termasuk program yang diadakan untuk warga asing di Malaysia terutama kepada kakitangan kedutaan asing di serta pelajar asing yang belajar di Malaysia</p> <p>(v) Program Dekad Bahasa Kebangsaan</p> <p>DBP Usaha pemartabatan bahasa kebangsaan dilaksanakan berdasarkan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Perlembagaan Persekutuan, Perkara 152: “<i>Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Parlimen</i>”;

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>2. Akta Bahasa Kebangsaan 1963 -1967, Akta Bahasa Kebangsaan 1963 - 1967 (semakan 1971) dan Akta Bahasa Kebangsaan (Pindaan dan Perluasan) 1983: <i>Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan dan hendaklah digunakan bagi maksud-maksud rasmi.</i></p> <p>3. Akta 213 – Akta DBP (semakan 1973) dan Akta A930 – Akta DBP (Pindaan dan Perluasan) 1995.</p> <p><i>Tujuan utama penubuhan DBP, adalah seperti yang berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> i. untuk membina dan memperkaya bahasa kebangsaan (bahasa Melayu) dalam semua bidang, termasuk sains dan teknologi. ii. untuk memperkembang bakat sastera, khususnya dalam bahasa kebangsaan. iii. untuk mencetak atau menerbitkan atau membantu dalam percetakan atau penerbitan buku, majalah, risalah dan lain-lain bentuk kesusastraan dalam bahasa kebangsaan dan dalam bahasa lain.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan		
				Pendek	Sederhana	Panjang			
						<ul style="list-style-type: none"> iv. untuk membakukan ejaan dan sebutan serta membentuk istilah yang sesuai dalam bahasa kebangsaan. v. untuk menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul. vi. untuk menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan supaya ia akan digunakan secara meluas bagi segala maksud mengikut undang-undang yang sedang berkuat kuasa. <p>Dari semasa ke semasa, DBP sentiasa berusaha untuk mendaulatkan bahasa Melayu melalui fungsi terasnya seperti yang berikut.</p> <p>Melalui fungsi penyelidikan, DBP sentiasa berusaha untuk mengumpulkan dan membekalkan data serta maklumat melalui penghasilan pelbagai pedoman dan panduan bahasa Melayu, menyediakan maklumat dan prasarana serta dana penyelidikan bahasa untuk keperluan pengkaji.</p> <p>Melalui fungsi pembinaan pula, DBP sentiasa menambah korpus bahasa dan sumber leksikal bahasa Melayu dalam pelbagai bidang ilmu</p>			

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>melalui kegiatan penyusunan kamus, penggubalan istilah dan pembinaan ensiklopedia. Dalam pada itu, DBP akan terus berusaha untuk membudayakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa perpaduan, bahasa pendidikan dan bahasa ilmu tinggi. Usaha ini mencakupi kegiatan kebahasaan yang memfokuskan kecintaan terhadap bahasa kebangsaan. DBP telah melaksanakan Audit Bahasa dan Penarafan Bintang Bahasa Kebangsaan yang melibatkan penyemakan dokumen rasmi, iklan, perkhidmatan kaunter, maklum balas aduan, paparan dan peragaan di sektor awam, sektor swasta, pihak berkuasa tempatan dan sektor kewangan. DBP turut menggerakkan program Dekad Bahasa Kebangsaan yang bertujuan untuk memperkasakan bahasa kebangsaan dengan memberikan tumpuan utama kepada perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Memperkasakan bahasa kebangsaan dalam sektor pendidikan; b. Memperkasakan bahasa kebangsaan dalam pentadbiran awam;

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan		
				Pendek	Sederhana	Panjang			
						<ul style="list-style-type: none"> c. Memperkasakan bahasa kebangsaan dalam sektor swasta; d. Memperkasakan bahasa kebangsaan di tempat awam; e. Memperkasakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa perpaduan dan jati diri masyarakat Malaysia; f. Memperkasakan bahasa kebangsaan pada peringkat antarabangsa; g. Memperkasakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa ilmu; h. Memperkasakan perancangan korpus bahasa; i. Memperkasakan pengembangan bahasa kebangsaan melalui teknologi dan multimedia; dan j. Memperkasakan tulisan Jawi. <p>Antara lain, sebagai penerbit terbesar di Malaysia, DBP terus berusaha menerbitkan karya dalam bahasa Melayu berbentuk ilmiah, fiksyen, bukan fiksyen dan umum yang bermutu tinggi dalam pelbagai bidang ilmu untuk pelbagai kumpulan sasaran pembaca.</p>			

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		14.2 Menggalakkan penggunaan bahasa etnik tempatan lain untuk mengelakkan kepupusan bahasa sesuatu kaum yang akan memberikan kesan terhadap kemandirian kebudayaan kaum tersebut.	MOTAC DBP				<p>MOTAC MOTAC bersama Jabatan dan Agenzi di bawahnya menggalakkan penggunaan bahasa etnik tempatan lain melalui usaha-usaha berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) PNM dan Perpustakaan Awam Negeri terutama Sabah dan Sarawak menyokong penggunaan bahasa etnik tempatan melalui penyediaan bahan bacaan dalam pelbagai bahasa termasuk bahasa etnik tempatan. (ii) Akta 331 iaitu Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 dan ordinan/enakmen perpustakaan awam negeri termasuk Sabah dan Sarawak diwujudkan bertujuan untuk menyimpan bahan-bahan yang telah diterbitkan di Malaysia dalam usaha memelihara koleksi khazanah negara. (iii) Penyediaan Dana Penulis tempatan dalam usaha menyokong penulisan dan penerbitan bahan-bahan bacaan dalam negara. (iv) Program kesenian dan kebudayaan seperti persembahan dan pementasan menggunakan bahasa atau dialek tempatan <p>DBP</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Untuk mengelakkan kepupusan bahasa etnik tempatan, DBP terus berusaha menggalakkan penggunaan bahasa tersebut melalui aktiviti/program seperti yang berikut:</p> <p>Melalui aktiviti/program penyelidikan, DBP telah berusaha mengumpulkan bahasa, adat resam, pantang larang, cerita rakyat serta sastera suku kaum/etnik tempatan. Antaranya termasuklah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Adat Resam dan Pantang Larang Suku Kaum di Sabah (Murut Tahol, Tombonuo, Kedayan, dan Bajau Semporna). ii. Adat Resam dan Pantang Larang Suku Kaum di Sabah (Dumpas, Cocos, Tidung, dan Lundayeh). iii. Cerita Rakyat Sabah. iv. Sastera Rakyat Sabah: Analisis Teka-teki. <p>Selain itu, DBP turut giat mengumpulkan kosa kata bahasa etnik seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kamus Dwibahasa (bahasa etnik – bahasa Melayu). <ul style="list-style-type: none"> a. Kamus yang telah terbit:

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<ul style="list-style-type: none"> - Kamus Bergambar Bahasa Kadazandusun – Bahasa Melayu (Edisi Tahap 1). - Kamus Bahasa Vaie - Melayu Dewan. - Kamus Melayu Sarawak - Melayu Dewan. <p>b. Kamus yang sedang diusahakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kamus Murut Tahol – Melayu Dewan. - Kamus Lundayeh – Melayu Dewan. - Kamus Dumpas – Melayu Dewan. - Kamus Melanau Mato Daro - Melayu Dewan. - Kamus Kedayan - Melayu Dewan. - Kamus Bahasa Miriek - Melayu Dewan. <p>ii. Penerbitan Daftar Kata dan Glosari Istilah Pelbagai etnik.</p> <p>a. Glosari dan daftar kata yang telah terbit:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Glosari Istilah Budaya Tempatan: Motif dan Anyaman, Glosari Istilah Budaya Tempatan: Ukiran - Daftar Kata Bahasa Bahasa Bajau Simunul – Bahasa Melayu - Daftar Kata Bahasa Murut Tahol – Bahasa Melayu

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<ul style="list-style-type: none"> - <i>Daftar Kata Bahasa Melayu - Bahasa Bakong</i> b. Glosari dan daftar kata yang sedang diusahakan: <ul style="list-style-type: none"> - <i>Glosari Budaya Tempatan</i> (Upacara Kepercayaan dan Perubatan). - <i>Daftar Kata Bahasa Melayu - Bahasa Narum.</i> - <i>Daftar Kata Bahasa Melayu - Bahasa Kayan.</i> - <i>Daftar Kata Bahasa Sekapan - Bahasa Melayu.</i> - <i>Daftar Kata Bahasa Bidayuh Bau - Bahasa Melayu.</i> c. Daftar kata bahasa sukuan <ul style="list-style-type: none"> - <i>Daftar Kata Dialek Terengganu.</i> - <i>Daftar Kata Dielak Perak.</i> - <i>Daftar Kata Bahasa Jedek/Jahai.</i> - <i>Daftar Kata Bahasa Semai.</i> - <i>Daftar Kata Bahasa Tidung.</i>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<ul style="list-style-type: none"> - Daftar Kata Bahasa Banjar. - Daftar Kata Bahasa Kanaq. - Daftar Kata Bahasa Miriek. - Daftar Kata Bahasa Melayu Sarawak. - Daftar Kata Bahasa Bajau. <p>Projek pengumpulan daftar kata bahasa sukuan, daerah dan orang asli dilaksanakan menerusi Program Melestarikan Bahasa Sukuan dan Bahasa Daerah. Program ini telah diadakan bermula pada tahun 2014 dengan kerjasama antara pihak DBP dengan KPM di bawah program Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO).</p> <p>iii. Pangkalan Data Bahasa Sukuan Sabah. Antaranya:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Bahasa Kadazandusun b. Bahasa Bisaya c. Bahasa Iranun d. Bahasa Bajau e. Bahasa Murut

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>f. Bahasa Sungai g. Bahasa Kimaragang h. Bahasa Rungus</p> <p>Dalam pada itu, DBP telah melaksanakan pelbagai program kebahasaan dan persuratan sebagai medium komunikasi. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti yang berikut:</p> <p>i. Festival Bahasa dan Sastera DBP dengan kerjasama Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia, Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia, Persatuan Guru Besar Tamil Malaysia, Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia (PERSPEKTIF) dan Pusat Kebudayaan Han Malaysia telah menganjurkan Festival Bahasa dan Sastera sejak tahun 2009 hingga kini.</p> <p>ii. Forum Pelajar DBP dengan kerjasama Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina telah menganjurkan pertandingan Forum Pelajar sejak tahun 1993 hingga kini.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>iii. Program Bersama-sama Masyarakat Awam (Pelbagai Sektor, Kaum dan Peringkat Umur)</p> <p>Antara program yang dilaksanakan termasuklah:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Bicara Karya Penulis Kaum India. b. Apresiasi Bahasa dan Sastera (JAKOA). c. Temasya Bahasa dan Sastera Kebangsaan (Persatuan Peranakan Cina dan Persatuan Siam Kelantan). d. Semarak Bahasa Kebangsaan Masyarakat Sikh (Pertubuhan Belia Sikh). e. Bicara Karyawan Masyarakat Pelbagai Kaum. f. Festival Teater Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.
15.	Warisan kebudayaan	15.1 Meneruskan pelaksanaan pemeliharaan pemuliharaan kebudayaan dasar dan warisan termasuk	MOTAC	✓	✓	✓	<p>MOTAC</p> <p>Akta Warisan Kebangsaan [Akta 645] menekankan kepentingan aspek kelestarian seni, budaya dan warisan Negara melalui usaha-usaha perlindungan, pemeliharaan dan pemuliharaan.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		bangunan warisan, penemuan bahan sejarah dan amalan kebudayaan.					Di samping itu, Dasar Kebudayaan Negara (DKN) turut mengetengahkan aspek kelangsungan seni, budaya dan warisan melalui Teras Kelestarian Warisan Budaya.
		15.2 Menetapkan dasar dan SOP yang jelas dalam kes penemuan bahan sejarah dalam tapak bina atau kontrak pembinaan berhubung kewajipan yang menyeluruh termasuk kewajipan menangguhan projek, mengeluarkan bahan dan syarat-syarat menyambung semula projek pembinaan.	MOTAC Jabatan Warisan Negara		✓		MOTAC MOTAC melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) telah menyediakan Garis Panduan/SOP khusus berkenaan pengurusan penemuan bahan sejarah dan artifak di tapak-tapak pembinaan.
		15.3 Menilai dan merujuk panduan pemeliharaan dan pemuliharaan warisan yang dinyatakan dalam instrumen antarabangsa secara konsisten.	MOTAC Jabatan Warisan Negara		✓		MOTAC MOTAC bersama Jabatan/Agenzi berkaitan di bawahnya sentiasa menilai dan merujuk panduan oleh badan-badan antarabangsa seperti UNESCO dan ICOMOS dalam usaha-usaha memperkasakan aspek pemuliharaan,

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							pemeliharaan dan perlindungan khazanah warisan.
		15.4 Menitikberatkan aspek kesedaran masyarakat tentang kewujudan peruntukan undang-undang berkaitan warisan kebangsaan serta kepentingan melindungi dan menguruskan bahan sejarah dengan wajar demi ketamadunan manusia.	MOTAC Jabatan Warisan Negara	✓	✓	✓	MOTAC MOTAC bersama Jabatan/Agenzi di bawahnya sentiasa mengadakan pelbagai program, aktiviti serta hebahan pendidikan dan kesedaran berhubung kepentingan khazanah warisan negara melalui program fizikal (karnival, seminar, kempen) dan media digital (webinar, website).

PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN (NHRAP)
TERAS 3: HAK GOLONGAN RENTAN

Golongan Wanita

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
1.	Wanita di tempat kerja/wanita bekerja	1.1 Menggalakkan penyertaan lebih ramai wanita untuk bekerja dengan menyediakan tempat kerja yang mesra dan waktu kerja yang fleksibel kepada wanita dan kempeng-kempeng kesedaran tentangnya dijalankan kepada agensi-agensi Kerajaan dan swasta.	KSM	✓	✓	✓	Peruntukan undang-undang di bawah Akta Kerja 1955 dicadang untuk dipinda bagi memperkenalkan waktu kerja fleksibel kepada pekerja sektor swasta.
		1.2 Menilai keperluan mengadakan peruntukan undang-undang khusus		KSM		✓	Peruntukan undang-undang sedia ada di negara ini telahpun memadai dalam memastikan semua pekerja mendapat faedah yang sama rata tanpa

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		berkenaan dengan gaji sama rata (<i>equal pay</i>).					<p>diskriminasi. Pendirian Kerajaan berhubung isu ini boleh dilihat melalui asas-asas berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Seksyen 60L Akta Kerja 1955 (Akta 265), seksyen 118B Ordinan Buruh Sabah atau Seksyen 119B Ordinan Buruh Sarawak yang tidak membenarkan sebarang bentuk diskriminasi kepada pekerja; (ii) Malaysia telahpun meratifikasi Konvensyen ILO No.100: <i>Equal Remuneration</i> pada tahun 1997. Melalui langkah ini memperjelaskan komitmen Malaysia di peringkat global bahawa sebarang bentuk diskriminasi adalah tidak wajar. (iii) Ratifikasi Konvensyen ILO iaitu <i>Convention No. 131: Minimum Wage Fixing Convention, 1970</i> (C131) pada 7 Jun 2016 yang mana menetapkan Malaysia harus bertanggung-jawab untuk memastikan tidak wujud sebarang bentuk diskriminasi berhubung pelaksanaan dasar gaji minimum di negara ini <p>Konsep dasar gaji minimum adalah bertujuan untuk menetapkan gaji lantai (<i>floor wages</i>) atau gaji pokok sahaja dan bukannya sebagai gaji keseluruhan. Ia memberi jaminan pendapatan</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							asas bagi pekerja tanpa unsur diskriminasi gender.
	1.3	Menilai semula keperluan untuk mengadakan undang-undang spesifik berkaitan gangguan seksual di sektor swasta.	KSM	✓			Di bawah Akta Kerja 1955, terdapat satu peruntukan khusus iaitu Seksyen 81 berkaitan gangguan seksual bagi menangani isu gangguan seksual di tempat pekerjaan dalam kalangan pekerja sektor swasta.
	1.4	Meneruskan usaha untuk memberikan pendedahan kepada pekerja tentang gangguan seksual di tempat kerja.	KSM JPA	✓	✓	✓	<p>KSM</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Pendedahan mengenai gangguan seksual di tempat kerja dilaksanakan melalui Ceramah Pendidikan Perburuhan kepada majikan ii) Melalui siri ceramah ini, pihak majikan digalakkan untuk menjalankan aktiviti kesedaran tentang gangguan seksual di tempat kerja iii) Pada tahun 2019 sebanyak 24 Ceramah diadakan iv) Pada tahun 2020 sebanyak dua (2) Ceramah sempat diadakan sebelum PKP dilaksanakan oleh Kerajaan

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>v) Jabatan bercadang untuk meningkatkan lagi kesedaran mengenai gangguan seksual di tempat kerja melalui kempen/ ceramah pada masa akan dating.</p> <p>JPA</p> <p>1. Mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2018: Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual Di Tempat Kerja yang berkuat kuasa pada 12 Disember 2018.</p> <p>✓ Mengadakan siri taklimat PP Bil. 5/2018 secara berterusan bagi mewujudkan kefahaman dan kesedaran kepada:-</p> <p>(a) Pegawai di Unit Integriti/ Pengurusan Sumber Manusia/ Pegawai Psikologi/ Kaunselor Organisasi di Kementerian, Jabatan, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Agenzi Kerajaan bermula pada 18 Januari 2019; dan</p> <p>(b) Pegawai Awam di Kementerian, Jabatan, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Agenzi Kerajaan bermula pada 18 Februari 2019.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<ul style="list-style-type: none"> ✓ Menyediakan khidmat nasihat dan perkhidmatan psikologi kepada pegawai awam yang terlibat dengan kes gangguan seksual. Perkhidmatan psikologi turut disediakan oleh Pegawai Psikologi/ Kaunselor Organisasi di kementerian/ jabatan/ agensi kerajaan masing-masing. ✓ Membangunkan Modul Intervensi Psikologi Gangguan Seksual Di Tempat Kerja bagi kegunaan Pegawai Psikologi/ Kaunselor Organisasi dalam mengendalikan kes gangguan seksual di tempat kerja
		1.5 Meneruskan usaha mempercepat penubuhan bank yang mesra wanita dan menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Wanita.	KPWKM			✓	<p>KPWKM</p> <p>KPWKM mengambil maklum mengenai perkara ini dan sedang dalam proses menujukan Majlis Wanita Negara yang akan menjadi platform perbincangan dan keputusan mengenai dasar-dasar berkaitan wanita dalam semua aspek, termasuklah ekonomi.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>(Mencadangkan agar perkara ini diletakkan di bawah tanggungjawab Bank Negara Malaysia dan /atau Kementerian Kewangan Malaysia dan / atau Majlis Tindakan Ekonomi Negara.)</p> <p>(Walaupun hal ini berkaitan wanita, tetapi Dasar bagi pengoperasian bank bukan di bawah bidang kuasa KPWK, begitu juga dengan Majlis Tindakan Ekonomi Wanita)</p>
		1.6 Mewajibkan caruman KWSP sebagai prasyarat membaharui lesen perniagaan.	KPDNKK MOF			✓	<p>KPDNHEP Perkara ini bukan dibawah bidang kuasa KPDNHEP.</p> <p>MOF KWSP masih dalam perbincangan dengan pihak SSM, KPKT, KDPNHEP dan pihak-pihak lain yang berkaitan.</p>
2.	Kes-kes perceraian dan tuntutan nafkah	2.1 Mengkaji mekanisme baharu dan terbaik bagi memudahkan hal-hal perceraian diselesaikan dengan	JPM JKSM JBG		✓		<p>JKSM Terdapat beberapa mekanisme yang telah diperkenalkan oleh Mahkamah Syariah negeri-negeri bertujuan untuk membantu pihak-pihak menyelesaikan kes cerai secara efektif dan cepat antaranya;</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		efektif dan cepat di Mahkamah.					<p>i) Program 'Fast-Track' yang diperkenalkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) yang menyelesaikan kes cerai persetujuan bersama (S. 47 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam) dalam tempoh 6 jam pada hari bekerja.</p> <p>ii) Sistem Mysolve yang dilaksanakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak. Program ini membolehkan pendaftaran kes cerai di bawah Seksyen 47 & 57 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam difail secara online dan mahkamah kemudiannya akan menetapkan kes selepas 3 hari (dari tarikh pendaftaran).</p> <p>Sistem E-SIAP (E-Shariah Instant Access Procedure) yang dilaksanakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang bagi mempercepatkan penyelesaian kes-kes persetujuan bersama (termasuklah kes cerai atas persetujuan bersama) dalam tempoh masa cuma satu (1) hari, iaitu bermula dari proses penyediaan pliding sehingga pengeluaran perintah Mahkamah.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>JBG JBG menawarkan khidmat pengantaraan sepetimana diperuntukkan dalam Bahagian VA Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26].</p>
		2.2 Meneruskan usaha untuk mewujudkan mekanisme yang bersepadu untuk memantau pelaksanaan perintah mahkamah selepas kes diputuskan.	KPWKM JKSM PKPMP			✓	<p>KPWKM Satu sesi libat urus bersama agensi utama isu ini telah diadakan dan satu rangka kerja penyelesaian telah dibangunkan.</p> <p>JKSM Usaha untuk memantau pelaksanaan perintah mahkamah sentiasa berterusan. Dalam kes yang melibatkan hak-hak wanita dan kanak-kanak, Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) komited dalam memastikan pelaksanaan perintah berkaitan nafqah untuk bekas isteri dan anak-anak. Pemantauan pelaksanaan perintah mahkamah dilakukan oleh pegawai BSK melalui notifikasi daripada sistem E-Nafkah setiap bulan selepas perintah nafkah dikeluarkan oleh mahkamah syariah. Inovasi ini amat memudahkan wanita dan kanak-kanak khususnya kerana mereka tidak perlu memfailkan permohonan khusus untuk melaksanakan perintah nafkah.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Selain itu, bagi defendan yang culas/gagal melaksanakan perintah nafkah, plaintiff juga boleh memfailkan kepada mahkamah permohonan supaya defendant dibawa ke mahkamah.</p> <p>PKPMP Mahkamah Tinggi Sivil hanya mendengar permohonan pelaksanaan yang difailkan oleh mana-mana pihak dan pihak mahkamah tiada obligasi untuk memantau pelaksanaan perintah mahkamah selepas kes diputuskan.</p> <p>Sebarang ketidakpatuhan terhadap perintah mahkamah, pihak yang terkesan boleh mengambil prosiding penghinaan mahkamah (contempt of court).</p> <p>Perintah nafkah boleh diubah/ditambah (vary) oleh mahkamah atas permohonan pihak-pihak bagi menambahkan keberkesanannya.</p> <p>Sebagai contoh, perintah pemotongan gaji oleh majikan suami bagi pembayaran nafkah anak.</p>
3.	Keganasan rumah tangga	3.1 Membangunkan Garis Panduan Pengurusan Tempat	KPWKM		✓		Garis panduan telah dibangunkan dan memerlukan pemurniaan berdasarkan semakan PUU JKM.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		Selamat di bawah pengendalian Kerajaan.					
		3.2 Meneruskan usaha untuk memberikan kesedaran melalui program advokasi dan promosi supaya ramai mangsa keganasan rumah tangga tampil mendapatkan bantuan.	KPWKM	✓	✓	✓	JPW telah melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman tentang hak-hak wanita seperti seperti berikut: 1. Klinik De Stress 2. Klinik Undang-Undang 3. Wanita Anti Jenayah 4. Larian Oren Bagi tempoh Januari 2020 hingga Julai 2020 sebanyak 82 siri program di atas telah dilaksanakan yang melibatkan seramai 54,596 peserta. JKM telah mengadakan program advokasi dan promosi tentang Keganasan Rumah Tangga dengan kerjasama AADK, PDRM, Pejabat Tanah Dan Daerah, MPK, Pej Kesihatan Daerah, Pej Agama Islam Daerah dan Lembaga Zakat.
		3.3 Menguatkuasakan Garis Panduan dan	KPWKM	✓	✓	✓	JPW telah membangunkan SOP yang kini digunakan dalam mengendalikan mangsa kes

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		Piawaian Rumah Perlindungan bagi Mangsa Keganasan Rumah Tangga secara tegas.					<p>keganasan rumah tangga. Pemakaian SOP ini dilaksanakan secara rintis di Rumah Perlindungan Wanita Kelantan dan Rumah Perlindungan Wanita Kota Kinabalu.</p> <p>Dalam konteks Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521], terdapat dua tempat mangsa mendapatkan perlindungan sementara iaitu perlindungan di Tempat Selamat dan Tempat Berlindung. Tafsiran bagi kedua-dua tempat tersebut adalah seperti berikut:</p> <p>“Tempat Selamat ialah mana-mana rumah atau institusi yang disenggarakan atau diuruskan oleh Kementerian atau Jabatan yang bertanggungjawab bagi perkhidmatan kebajikan atau oleh mana-mana agensi lain atau organisasi sukarela yang diluluskan oleh Menteri bagi maksud Akta ini.”</p> <p>“Tempat Berlindung ialah mana-mana tempat lain yang sesuai yang penghuni atau pemunyanya bersedia untuk menerima seseorang mangsa buat sementara waktu.”</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							Sehingga kini, terdapat 21 Tempat Selamat di bawah kendalian kerajaan dan NGO yang boleh menempatkan mangsa keganasan rumah tangga.
4	Kebajikan mangsa pemerdagangan orang	4.1 Meningkatkan usaha untuk menguatkuasakan perundangan berkaitan pemerdagangan termasuk pegawai yang bersubahat.	KDN	✓	✓	✓	Pihak NSO MAPO akan meneruskan usaha secara berterusan untuk menambah baik proses perundangan sedia ada termasuk tindakan terhadap pegawai yang bersubahat. Cadangan pindaan ATIPSOM yang terkini akan dibentangkan di Parlimen dalam masa terdekat.
		4.2 Meneruskan kerjasama dengan pertubuhan bukan Kerajaan, pertubuhan antarabangsa dan negara asal mangsa pemerdagangan dalam aspek penjagaan mangsa pemerdagangan.	KDN KPWKM			✓	KDN Pihak NSO MAPO akan meneruskan kerjasama strategik dengan pertubuhan bukan Kerajaan, pertubuhan antarabangsa dan negara asal mangsa dalam aspek perlindungan & kesedaran awam melalui <i>TIP Conference</i> , Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang serta konsultasi khusus mengenai perundangan dan pengurusan kes. KPWKM KPWKM selaku Ketua bagi Jawatankuasa Penjagaan dan Perlindungan Mangsa

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Pemerdagangan Orang (JPPMPO) telah melaksanakan beberapa penambahbaikan dalam pengurusan mangsa iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mangsa telah dibenarkan berpakaian biasa dan tidak lagi menggunakan pakaian seragam yang menyebabkan mereka terlihat sebagai “tahanan”; dan • Satu projek rintis pengasingan mangsa wanita berstatus IPO dan PO dilaksanakan bermula 1 Okt 2020 hingga 31 Mac 2021 melibatkan RPWZT dan RPWKL <p>Selain itu, perancangan akan datang bagi menambahbaik fungsi penjagaan dan perlindungan ke atas mangsa TIP termasuklah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan kemudahan wifi di semua Rumah Perlindungan agar kekerapan komunikasi antara mangsa dengan keluarga mereka dapat dipertingkatkan tanpa peningkatan kos yang keterlaluan kepada Kerajaan; • Pembangunan modul intervensi kepada mangsa; dan

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<ul style="list-style-type: none"> Pembangunan modul bagi meningkatkan kapasiti pegawai pelindung. <p>Dalam melaksanakan usaha-usaha di atas, KPWKM turut telah mengambil kira keperluan untuk memperkasakan lagi penyertaan CSO serta libat urus dengan pertubuhan antarabangsa seperti ILO dan sebagainya.</p>
		4.3 Meningkatkan kemahiran agensi perundangan dan penguatkuasaan tentang cara menangani kes pemerdagangan.	KDN	✓	✓	✓	NSO MAPO akan meneruskan program-program latihan pembangunan kapasiti pegawai dan akan dilaksanakan secara berterusan.
5.	Hak wanita untuk didengari	5.1 Mempergiatkan keterlibatandengan pihak yang berkepentingan dalam penggubalan dasar atau undang-undang.	KPWKM	✓			KPWKM sentiasa mengambil kira penglibatan pihak-pihak berkepentingan dalam penggubalan dasar dan undang-undang berkaitan wanita. Sebagai contoh, dalam proses penggubalan Rang Undang-Undang Gangguan Seksual, pelbagai CSOs termasuk ahli-ahli akademia, kementerian dan agensi kerajaan telah dilibatkan kerana peruntukan di bawah undang-undang baharu

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							tersebut adalah merentasi pelbagai sektor. Selain itu, KPWKM turut melibatkan pandangan dari NGO dalam menentukan Dasar Bajet Tahunan agar program/bantuan yang disediakan adalah bersasar, sebagaimana yang diperlukan oleh rakyat. JPW telah mendapat input di peringkat akar umbi bagi mengenal pasti kehendak dan keperluan wanita. Seramai 1022 peserta yang terdiri daripada pihak berkepentingan, NGO, individu dan penjawat awam telah terlibat dalam sesi ini dan sebanyak 3000 cadangan telah berjaya dikumpul oleh Jabatan ini. Sesi libat urus tersebut telah dilaksanakan mulai bulan Ogos hingga Oktober 2019. Hasil dapatan input berkenaan telah dibentangkan kepada KPWKM pada 28 Mei 2020.
							Pada 14 November 2019, satu Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga Kebangsaan (MJPWKK) telah diadakan dan wakil Sabah dan Sarawak turut menganggotai JK ini. Mesyuarat dijadualkan 4 kali dan 2 mesyuarat adalah wajib diadakan dalam setahun

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		Majlis Penasihat dan Perundingan Wanita (MPPW) bagi memastikan setiap golongan wanita mempunyai wakil dalam MPPW.					Selain melalui MJPWKK, Majlis Wanita Negara yang sedang dalam proses penubuhan akan turut mengambil kira penyertaan wanita dari semua negeri dengan mengambil kira aspek inklusiviti dalam membuat keputusan.
		5.3 Meneruskan usaha mencapai 30% dasar wanita di peringkat pembuat keputusan di pelbagai sektor korporat dan swasta.	KPWKM	✓	✓	✓	Usaha ini masih sedang giat dilaksanakan oleh 30% Club Malaysia. Selain memberi tumpuan kepada penyertaan wanita sebagai ahli lembaga pengarah, lantikan wanita ke jawatan C-suites turut menjadi antara agenda utama pergerakan ini.
2.	Ibu tunggal/golongan miskin	6.1 Meneruskan usaha untuk memberikan kesedaran tentang kebajikan ibu-ibu tunggal di kalangan kakitangan Kerajaan di jabatan-jabatan Kerajaan.	KPWKM	✓	✓	✓	Bantuan kepada wanita miskin turut dinyatakan dalam objektif yang ingin dicapai NHRAP. (cadang utk tambah wanita miskin dalam kolumn tindakan) JPW telah melaksanakan pelbagai program untuk wanita seperti berikut: 1. Klinik De Stress 2. Klinik Undang-Undang 3. Wanita Anti Jenayah

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>4. Young Women Bootcamp 5. E-Rezeki 6. Roadshow i-Suri 7. Kemahiran bagi penjanaan pendapatan 8. Klinik Bantuan Khas Perbendaharaan (khas untuk NGO)</p> <p>Bagi tempoh Januari 2020 hingga Julai 2020, seramai 100,000 peserta termasuk Ibu Tunggal telah mendapat manfaat daripada program ini yang dilaksanakan oleh pejabat JPW di seluruh negara. Program dilaksanakan secara dalam talian dan juga konvensional.</p> <p>Mulai 19 Jun 2020 hingga 31 Oktober 2020, JPW telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaras Bantuan Khas Ibu Tunggal di bawah inisiatif PENJANA. Bantuan tersebut berupa bantuan kewangan secara <i>one-off</i> berjumlah RM300.00 seorang yang dikreditkan terus kepada akaun penerima yang layak.</p>

Golongan Kanak-kanak

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
3.	Keganasan/salah laku terhadap kanak-kanak	7.1 Meluaskan pemakaian sistem <i>Nur Alert</i> kepada kanak-kanak hilang yang berumur 12 tahun ke atas.	KPWKM PDRM	✓	✓	✓	<p>KPWKM Kerjasama di antara PDRM, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), syarikat telekomunikasi seperti Celcom, DIGI, Maxis dan U-Mobile serta media sosial Facebook dan juga dengan syarikat Grab Malaysia dengan rangkaian seramai 300,000 pemandu Grab bagi meningkatkan keberkesanan serta perluasan liputan sistem Nur Alert kepada orang awam.</p> <p>PDRM i) PDRM mempunyai Portal Kanak-Kanak Hilang yang telah dilancarkan pada 8 Julai 2015 untuk mengesan kanak-kanak hilang yang berumur bawah 18 tahun. Portal tersebut boleh layari melalui knk2hilang.rmp.gov.my</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>ii) Kerjasama di antara PDRM dan KPWKM bersama 39 agensi telah bersetuju bahawa portal Nur Alert hanya digunakan untuk kanak-kanak berumur bawah 12 tahun disebabkan oleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kanak-kanak tersebut mempunyai pemikiran yang tidak matang dan memerlukan panduan dari kalangan dewasa/ penjaga. • Statistik menunjukkan kanak-kanak hilang yang berumur 12 tahun ke atas kebanyakannya disebabkan oleh lari bersama teman lelaki/kawan, tidak mahu bersekolah, mencari kebebasan / ibubapa yang mengongkong serta garang dan lain lain lagi.
	7.2	Meningkatkan kesedaran semua pihak tentang kesalahan membuat pendedahan identiti kanak-kanak di media massa dan media sosial.	KPWKM KDN KKMM	✓	✓	✓	<p>KKMM KKMM menerusi Radio Televisyen Malaysia (RTM) adalah penyiar yang mematuhi penguatkuasaan undang-undang yang melarang pendedahan identiti kanak-kanak di media massa dan media sosial dalam kes yang melibatkan keganasan atau salah laku terhadap kanak-kanak.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>RTM ada menyampaikan mesej dan kandungan nilai-nilai murni termasuk kesedaran terhadap penjagaan dan kebajikan serta perlindungan kanak-kanak daripada keganasan dari semasa ke semasa dalam bentuk Pesanan Khidmat Masyarakat (PSA), Kapsul, dan laporan berita.</p> <p>RTM mempunyai:</p> <ul style="list-style-type: none"> 34 stesen Radio dan 3 saluran rasmi TV (TV1, TV2, TV Okey). •Kapsul/PSA Radio durasi 30-90 saat: <ul style="list-style-type: none"> -Penderaan Kanak-kanak -Pembuangan Bayi -Pemerdagangan Orang •Talking Point Juruhebah (ulasan daripada semasa ke semasa mengikut kepentingan) <ul style="list-style-type: none"> -Pembuangan bayi -Keganasan rumah tangga -Pemerdagangan Orang -Penyeludupan Migran

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							*sila rujuk Lampiran 1 untuk maklum balas yang berkaitan daripada BERNAMA
		7.3 Mewujudkan daftar pelaku jenayah terhadap kanak-kanak.	KPWKM PDRM			✓	<p>KPWKM Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual terhadap kanak-kanak dalam daftar kanak-kanak telah dibangunkan dan dilancarkan pada 1 April 2019. Sehingga 29 Februari 2020 sebanyak 163 permohonan saringan terhadap pekerja yang berurusan secara langsung dan tidak langsung dengan kanak-kanak telah dibuat oleh majikan atau individu dan seramai 3308 pekerja atau individu telah disaring latarbelakang mereka.</p> <p>PDRM Perkara ini telah melalui proses perbincangan bersama agensi-agensi lain yang terlibat seperti KPWKM, JKM dan pihak Kehakiman. Sebagaimana yang diputuskan di dalam mesyuarat bertarikh 30/08/2018 di Menara KPWKM yang dipengerusikan oleh En Quek Kia Ann, PDRM tidak dapat membekalkan data kepada pihak JKM kerana tidak menyimpan rekod kesalahan tersebut dan pihak JKM boleh mendapatkan data daripada pihak Kehakiman.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>PDRM (D2) hanya menyimpan rekod berdasarkan Akta Pendaftaran Orang-orang Yang Tidak Dingini 1969 (Akta 7) di mana bukan semua jenis kesalahan yang melibatkan kanak-kanak termasuk di dalam jadual kesalahan.</p> <p>Walau bagaimanapun, perbincangan lanjut akan dilakukan terutama berkaitan permohonan JKM untuk PDRM membekalkan data pesalah/pelaku jenayah melibatkan kanak-kanak bagi kes-kes yang masih dalam siasatan termasuk kes Narkotik.</p>
	7.4	Memperbaiki dan memperluas peranan pelindung kanak-kanak mengikut keperluan dan menyediakan latihan bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan mereka dalam mengendalikan kes-kes keganasan,	KPWKM	✓	✓	✓	<p>Sehingga akhir tahun 2018 seramai 244 Pelindung telah diberikan latihan professional pengendalian kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak yang berisiko tinggi iaitu Child Care Needs and Child Protection Unit (CCNCPU). Tambahan pula seramai 30 Jurulatih Utama telah diberikan latihan TOT bagi menyelia 244 pelindung dalam pengendalian kes melalui pendekatan CCNCPU di negeri-negeri masing.</p> <p>Bagi PPKK sebanyak 133 Pasukan telah diwujudkan setakat tahun 2019 bagi menjalankan program pencegahan, advokasi, perlindungan</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		penderaan dan salah laku terhadap kanak-kanak serta meningkatkan bilangan Pasukan Pelindung Kanak-kanak (PPKK) mengikut keperluan supaya perkhidmatan susulan berterusan yang berkesan dapat dilaksanakan.	KPWKM JKM	✓	✓	✓	dan pemulihan kepada kanak-kanak serta keluarga yang berisiko tinggi terdedah kepada penderaan dan pengabaian.
		7.5 Meneruskan usaha untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pegawai dan kakitangan di semua agensi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam mengendalikan kes keganasan,					KPWKM Ceramah-ceramah mengenai tugas dan tanggungjawab JKM dalam perlindungan kanak-kanak kepada pegawai-pegawai daripada agensi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pengendalian penderaan kanak-kanak kursus-kursus yang dianjurkan oleh Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan(ILKAP) Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-Kanak yang terdiri daripada pelbagai kementerian, agensi, individu yang berpengalaman dalam hal kanak-kanak

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		penderaan dan salah laku terhadap kanak-kanak.					serta pertubuhan bukan kerajaan telah diadakan sebanyak 2 kali pada tahun 2019 bagi membincangkan isu berbangkit megenai kanak-kanak termasuk penderaan dan pengabaian.
8.	Kanak-kanak dan proses mahkamah	8.1 Meneruskan pelaksanaan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa bagi Kanak-kanak dalam Tahanan Reman bagi menambah baik elemen hak asasi kanak-kanak dalam prosedur tangkapan, siasatan dan tahanan kanak-kanak di bawah tahanan reman.	PDRM	✓	✓	✓	Suspek kanak-kanak (bawah 18 tahun) hendaklah ditahan di lokap berasingan. Ibu bapa kanak-kanak yang ditahan itu perlu dimaklumkan mengenai tangkapan anak mereka seberapa segera. Pihak JKM dan sekolah di mana suspek belajar hendaklah dimaklumkan secara bertulis. Suspek pelajar sekolah tidak dibenarkan ditangkap dan digari di dalam kawasan sekolah dan pegawai penyiasat hendaklah memakai preman yang kemas (tanpa uniform) serta menggunakan kenderaan polis tanpa lambang. Pegawai penyiasat hendaklah memastikan identiti serta gambar suspek kanak-kanak tidak didedahkan kepada media massa. Menyediakan lokap khas untuk kanak-kanak di semua peringkat daerah dan balai serta menyediakan laluan tertutup khas untuk suspek kanak-kanak di mahkamah bagi proses memohon tahanan reman dan perbicaraan.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Program <i>Diversion</i> bagi pesalah kanak-kanak - Program di mana pesalah jenayah bergabung dengan program pemulihan untuk membantu memperbaiki tingkah laku yang membawa kepada penangkapan.</p> <p>Mibenarkan pesalah untuk mengelakkan sabitan pemenjaraan dan mengelakkan rekod jenayah. Program dikendalikan dengan kerjasama PDRM, Pejabat Peguam Negara, Badan Kehakiman, JKM dan agensi-agensi lain berkaitan. Tujuan pengalihan secara umum dianggap merangkumi bantuan kepada sistem pengadilan dan polis, hasil yang lebih baik dibandingkan dengan penglibatan sistem pengadilan secara langsung, dan peluang bagi pelaku untuk menghindari pendakwaan.</p> <p>Keperluan ini merangkumi: Pendidikan yang bertujuan untuk mencegah kesalahan pada masa depan oleh pesalah; pengembalian kerugian yang dialami kepada mangsa kesalahan; tempoh masa perkhidmatan masyarakat; mengelakkan situasi untuk jangka masa tertentu pada masa depan yang boleh menyebabkan kesalahan lain (seperti hubungan dengan orang tertentu).</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		8.2 Mewajibkan kanak-kanak yang dituduh di mahkamah diwakili oleh peguam (termasuk bantuan guaman percuma) bagi perbicaraan kes jenayah kanak-kanak.	KPWKM JBG	✓	✓	✓	JBG Perkara mengenai perwakilan kanak-kanak yang dituduh di mahkamah tersenarai dalam bidang kuasa jenayah JBG seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Bantuan Guaman 1971 dan telah pun dilaksanakan oleh Jabatan ini. Walau bagaimanapun perkara ini masih lagi tertakluk kepada beberapa syarat dan kriteria yang ditetapkan Akta sebelum apa-apa perakuan bantuan guaman dikeluarkan contohnya dalam perkara ujian kemampuan dan merit kes. Bagi kes-kes luar bidang kuasa perlu mendapat kelulusan YB Menteri.
		8.3 Menggalakkan kanak-kanak diwakili oleh peguam dalam kes pertelingkahan sivil dan syariah yang melibatkan nafkah dan hak penjagaan anak.	JKSM JBG		✓	✓	JKSM Mahkamah Syariah tidak menghalang perwakilan oleh peguam untuk kanak-kanak yang terlibat dalam kes pertelingkahan; isu yang timbul samada kanak-kanak tersebut atau ibu bapanya mampu untuk menanggung kos peguam. Walaubagaimanapun, dalam kes yang melibatkan kanak-kanak, hakim syarie dalam mengamalkan <i>maqasid syariah</i> , sentiasa meletakkan keutamaan kepada perasaan dan emosi kanak-kanak tersebut. Pendekatan yang ramah dan mesra

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>yang tidak tertakluk kepada undang-undang prosedural diamalkan dan pendekatan ini diterapkan dalam modul dan kursus latihan para hakim syarie.</p> <p>JBG</p> <p>i) Subseksyen 13(2) Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26] memperuntukkan perwakilan kanak-kanak dalam kes sivil di Mahkamah.</p> <p>Sek. 24 Akta Tatacara Mal Wilayah-Wilayah Persekutuan 1998. [Akta 585] memperuntukkan perwakilan kanak-kanak bagi kes syariah di Mahkamah.</p> <p>ii) Bagi kes nafkah dan hak penjagaan anak diperuntukkan di bawah Jadual Ketiga Akta 26.</p>
	8.4	Memperluas perlindungan saksi kanak-kanak kepada Mahkamah Syariah.	JPM JKSM		✓	✓	<p>JKSM</p> <p>Setakat ini, tiada peruntukan khusus di bawah undang-undang syariah mengenai perlindungan saksi kanak-kanak. Ini disebabkan oleh 'nature' kes mahkamah syariah yang hanya melibatkan kes pertikaian hak. Dari segi undang-undang jenayah pula, dalam kebanyakan kes, saksi</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							kanak-kanak tidak dipanggil untuk memberi keterangan.
	8.5 Melengkapkan semua mahkamah bagi Kanak-kanak dengan kemudahan seperti <i>video-conferencing</i> , <i>video link</i> dan sebagainya terutama bagi mahkamah kanak-kanak di daerah-daerah kecil di samping menyediakan bilik menunggu yang mesra kanak-kanak di setiap mahkamah.	PKPMP JKSM JKM BHEUU				✓	<p>PKPMP Setiap Mahkamah negeri dilengkapi dengan kemudahan video conferencing dan video link yang boleh digunakan untuk semua jenis kes termasuk kes yang dikendalikan oleh Mahkamah Kanak-Kanak. Ini adalah selaras dengan cara pemberian keterangan oleh saksi kanak-kanak yang diperuntukkan di bawah Akta Keterangan Kanak-Kanak 2007 (Akta 276).</p> <p>Bilik saksi dengan kemudahan kanak-kanak juga disediakan sebagai contoh bilik saksi Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak (JSKK).</p> <p>PKPMP sedang menambahbaik sistem sedia ada dengan melengkapkan sistem Recording Voice Text (RVT) di mahkamah-mahkamah di seluruh Malaysia.</p> <p>Berdasarkan pindaan kepada Akta Mahkamah Rendah 1948, Mahkamah boleh menggunakan mekanisma “remote technology” untuk membolehkan saksi-saksi memberi keterangan</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>dengan selesa dari ruang yang berasingan dari tempat OKT berada.</p> <p>Bagi Mahkamah Kanak-Kanak, fasiliti tersebut boleh digunakan di lokasi di mana ia disediakan. Namun bagi mahkamah-mahkamah di daerah kecil, kemudahan ini masih belum tersedia kerana kekangan bilik bicara yang kecil. Secara alternatif, Mahkamah boleh menggunakan penghadang bagi membolehkan saksi kanak-kanak memberi keterangan dalam keadaan yang selesa dan selamat.</p> <p>JKSM</p> <p>JKSM dan mahkamah syariah sentiasa komited dalam memperkasakan penggunaan teknologi maklumat. Sehingga kini, banyak program/ sistem diperkenalkan untuk memudahkan pihak-pihak termasuklah kanak-kanak yang berurusan di mahkamah. Setakat ini, terdapat beberapa mahkamah syariah negeri yang menggunakan kaedah 'e-hearing' atau 'e-trial'. Walaupun isu timbul berkaitan capaian internet, JKSM & mahkamah syariah komited dalam menggalakkan penggunaan elektronik dan internet dalam memudahkan pihak-pihak.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Berkenaan fasiliti mesra kanak-kanak, setakat ini terdapat negeri yang menyediakan bilik khas untuk menyusu bagi wanita yang hadir bersama bayi.</p> <p><u>BHEUU</u></p> <p>1) BHEUU telah melaksanakan pemurnian Garis Panduan (GP) Pembangunan Fizikal Mahkamah merangkumi perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Ruang khas bagi kanak-kanak yang hadir ke mahkamah bagi tujuan prosiding di Mahkamah Tinggi Keluarga (kes perceraian dan hak jagaan anak). b) Ruang bagi saksi terancam atau vulnerable witness yang memerlukan perlindungan yang khusus ketika keterangan semasa perbicaraan. Bilik ini dilengkapi sistem audio visual dan rangkaian secara langsung untuk membolehkan kanak-kanak memberikan keterangan dari jauh.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>c) Ruang menunggu dan persediaan saksi kanak-kanak sebelum memberi keterangan semasa perbicaraan.</p> <p>2) Kesemua komponen mengambil kira aspek pengasingan daripada laluan utama orang awam termasuklah laluan berasingan bagi OKT kanak-kanak mengikut Child Act 2001 (Act 611).</p> <p>3) Kesemua komponen juga telah dimasukkan dalam perancangan rekabentuk bagi pembangunan mahkamah-mahkamah baru di bawah RMKe-12.</p>
9.	Perkahwinan bawah umur	9.1 Mengemas kini SOP permohonan kebenaran perkahwinan bawah umur untuk melindungi kepentingan kanak-kanak.	JKSM		✓	✓	Pelaksanaan SOP tersebut sentiasa dipantau oleh JKSM. Selain itu, JKSM juga berusaha untuk memantapkan kerjasama dengan pihak-pihak seperti, JKM, PDRM, Hospital & NGO yang terlibat secara langsung dalam menjaga kepentingan kanak-kanak.
10.	Kanak-kanak tanpa pengenalan diri	10.1 Menambah baik di perkhidmatan	JPN	✓			Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sentiasa proaktif dalam memastikan setiap kelahiran di

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		Jabatan Pendaftaran Negara untuk mengatasi masalah kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri yang lahir di Malaysia.					negara ini didaftarkan dengan menyediakan perkhidmatan di 225 pejabat di seluruh negara. Selain itu, JPN turut menyediakan pasukan mobile melalui Program Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR) yang digerakkan ke kawasan pedalaman yang sukar untuk datang ke pejabat JPN untuk mendaftarkan dokumen pengenalan diri.
		10.2 Menambah baik SOP di Mahkamah supaya proses pengesahan kelayakan pemohon dapat dipercepat dan seragam.	PKPMP	✓			Mahkamah sentiasa bersedia untuk mendengar permohonan pengesahan kelayakan (kes daftar lewat) terutamanya di Mahkamah Sabah dan Sarawak termasuk menyediakan perkhidmatan Mahkamah Bergerak di kawasan pedalaman. PKPMP juga sedang dalam proses menambahbaik perkhidmatan (penggantian peralatan yang lebih baik seperti, kenderaan yang bersesuaian, capaian internet, dan sistem e-kehakiman Sabah Sarawak) ini bagi memastikan akses kepada keadilan dapat disampaikan kepada golongan sasar terutama di kawasan pedalaman. Namun demikian, berikutan peningkatan kes-kes Covid-19, beberapa persidangan Mahkamah

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							Bergerak yang telah ditetapkan terpaksa ditangguhkan.
11.	Hak untuk didengari	11.1 Meneruskan usaha untuk melibatkan kanak-kanak dalam penggubalan dasar atau undang-undang yang berkaitan dengan kanak-kanak.	KPWKM		✓		<p>Kanak-kanak dilibatkan dalam penggubalan dasar atau undang-undang yang berkaitan kanak-kanak menerusi medium berikut:</p> <p>(a) Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-Kanak (Seksyen 3 Akta Kanak-kanak 2001) 2 orang wakil kanak-kanak dari Majlis Perwakilan Kanak-kanak Kebangsaan (MPKK) dilantik oleh YB Menteri sebagai Ahli Majlis atas syor KPKM Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-kanak dilaksanakan 2 kali setahun iaitu pada 14 Februari 2019 bertempat di Bilik Persidangan Aras 21, KPKM dan 11 November 2019 bertempat di Bangunan Parlimen Malaysia.</p> <p>(b) Persidangan Perdana Majlis Perwakilan Kanak-Kanak</p> <ul style="list-style-type: none"> - Persidangan MPKK ini dilaksanakan 1 tahun sekali iaitu pada 01-03 Mei 2019 bertempat di Institut Kepimpinan dan Pembangunan UiTM Bandar Enstek, Nilai. Persidangan ini telah menghimpunkan seramai 200 orang MPKK

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>dari seluruh negara bagi membincangkan isu yang dihadapi oleh kanak-kanak dan mencadangkan resolusi yang yang sesuai untuk dibentangkan di dalam mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi kanak-kanak.</p> <p>(c) Lain –lain program melibatkan penyertaan kanak-kanak adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. <i>National Consultation On Mid Term-Review Asean Regional Plan Of Action on Elimination Of Violence Againts Children (MTR ASEAN-RPA-EVAC)</i> pada 18 Feb 2019 di KPWKM Jumlah MPKK: 4 orang ii. Sesi Libat Urus Ketiga Mengenai Perkahwinan Bawah Umur: Bengkel Penyediaan Draf Strategi dan Pelan Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur pada 25 Julai 2019 di Hotel Zenith Putrajaya Jumlah MPKK: 2 orang iii. <i>Commemorative Event on CRC@30 Children in ASEAN: 30 Years of The Convention on The Rights of The Child</i>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>(CRC) pada 1 November 2019 di Bangkok, Thailand. Jumlah MPKK: 2 orang</p> <p>iv. <i>National Sustainable Development Goals (SDG) Summit's Children's Forum</i> pada 5-7 November 2019 di KLCC. Jumlah MPKK: 30 orang</p> <p>v. ASEAN</p>
	Pendidikan kanak-kanak	12.1 Meningkatkan kesedaran dalam kalangan ibu bapa dan masyarakat tentang kepentingan pendidikan awal kanak-kanak seperti yang ditawarkan oleh TABIKA, TASKA dan TADIKA mampu biaya.	KPLB JKM ECCE PERPADUAN KPM KPWKM Bahagian GENIUS, KPM	✓	✓	✓	<p>KPLB KPLB melalui KEMAS melaksanakan program-program kemasyarakatan di TABIKA/TASKA, Majlis Perjumpaan Bersama Ibu Bapa/Penjaga di awal/pertengahan sesi persekolahan setiap tahun dan Bengkel Kemahiran Keibubapaan merupakan platform yang digunakan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan ibu bapa dan masyarakat. Selain itu, KEMAS juga membuat promosi enrolmen melalui edaran risalah, banner dan bunting yang digantung di premis-premis TABIKA/TASKA seluruh Malaysia.</p> <p>JKM Pelaksanaan program Jom Daftar (Lampiran 1) juga merupakan satu program kesedaran</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>pemilihan taska berdaftar. Selain itu hebahan infografik pemilihan pengasuh di rumah memberi kesedaran kepada ibu bapa tentang kepentingan untuk menghantar anak ke taska berdaftar. Syarat wajib pendaftaran TASKA adalah Pengusaha, Pengurus, Penyelia dan Pengasuh hendaklah Hadir dan Lulus Kursus Asuhan PERMATA adalah sebagai satu jaminan pengasuhan berkualiti yang menjamin perkembangan menyeluruh dan keselamatan kanak-kanak.</p> <p><u>ECCE</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i) Semenjak 2012, Majlis ECCE telah menganjurkan Minggu Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan untuk meningkatkan kesedaran ibu bapa dan masyarakat tentang kepentingan kualiti pendidikan awal kanak-kanak serta meningkatkan pengetahuan & kecepatan para pengasuh dan guru prasekolah. ii) Menerbitkan “Panduan Asuhan Yang Berkualiti” dan “Panduan Prasekolah Yang Berkualiti” untuk membantu para ibu bapa memilih TASKA/ Prasekolah yang berkualiti

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan		
				Pendek	Sederhana	Panjang			
						<ul style="list-style-type: none"> iii) Menganjurkan dialog seperti Aksesibiliti & Kualiti iv) Prasekolah dan webinar semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), untuk membantu ibu bapa faham kesejahteraan kanak-kanak di peringkat TASKA dan prasekolah semasa PKP. v) Bekerjasama dengan KPWKM untuk menganjurkan Perbincangan Meja Bulat tentang Aksesibiliti & Kualiti TASKA, dan dengan KPM untuk meningkatkan enrolmen prasekolah <p>KPN KPN melalui JPNIN sentiasa melaksanakan program –program kemasyarakatan melalui Kawasan Rukun Tetangga (KRT) bersama komuniti setempat. Ini merupakan salah satu platform bagi mewar-warkan kepentingan pendidikan awal kanak-kanak yang ditawarkan sebagai persediaan awal untuk pendidikan formal bagi kanak-kanak.</p> <p>KPM</p>			

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Kempen-kempen bagi menggalakkan kemasukan ke prasekolah KPM menjadi antara agenda di JPN dan PPD bagi menyokong Inisiatif Peningkatan Enrolmen Prasekolah di bawah PPPM 2013-2025. Kempen-kempen tersebut secara tidak langsung dapat meningkatkan kesedaran ibu bapa dan masyarakat tentang Pendidikan awal kanak-kanak. Pelbagai aktiviti dilaksanakan dengan kerjasama pihak JPN, PPD dan sekolah serta masyarakat antaranya, Program Hari Bertemu Pelanggan oleh Negeri Selangor, Kempen Jom Poie Prasekolah oleh Negeri Sembilan. Selain daripada itu, JPN Sarawak telah melaksanakan program Lawatan Cakna ke rumah-rumah berdekatan sekolah yang didapati tidak menghantar anak ke prasekolah manakala JPN Perak mengadakan Hari Terbuka Pendaftaran Prasekolah diperingkat sekolah/daerah. Selain itu, hebahan kemasukan ke prasekolah KPM juga dibuat melalui sosial media.</p> <p><u>Bahagian GENIUS, KPM</u></p> <p>Bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan ibu bapa dan masyarakat tentang kepentingan pendidikan awal kanak-kanak, pelbagai program dan aktiviti dilaksanakan oleh Pusat Anak</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>GENIUS Negara (PAGN) di seluruh Malaysia. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. perkongsian gambar atau video aktiviti anak di PAGN bersama ibu bapa bagi melahirkan rasa keterujaan ibu bapa melihat anak-anak menjalankan aktiviti rutin mahupun aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP); ii. perkongsian dan perbincangan secara bersemuka antara pendidik dan ibu bapa berkenaan tahap perkembangan anak berdasarkan enam (6) bidang perkembangan melalui pelaksanaan program ‘report card day’ atau ‘teacher-parent meet’; iii. menganjurkan bengkel atau ceramah keibubapaan oleh pendidik dan pakar berkaitan keibubapaan bagi memberi penerangan jelas tentang kepentingan mendidik anak dan mendalami pengetahuan berkaitan asuhan dan didikan awal kepada anak-anak mereka;

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>mengadakan hari terbuka PAGN yang mana masyarakat setempat/ komuniti digalakkan untuk hadir bagi melihat program-program yang dilaksanakan di PAGN seterusnya mendapat pendedahan akan kepentingan asuhan dan didikan awal kanak-kanak di bawah umur 4 tahun; dan</p> <p>menjalankan aktiviti kemasyarakatan bersama ahli komuniti seperti sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina serta Deepavali dan juga sambutan Hari Kemerdekaan di mana perayaan turut melibatkan penduduk di sekitar bagi menarik minat masyarakat akan kepelbagaiannya aktiviti yang diadakan di PAGN selain memberi pendedahan kepada masyarakat akan kepentingan anak-anak ini diasuh dan dididik sejak awal usia dalam memastikan perkembangan anak secara holistik.</p>
							<p>12.2 Meneruskan Kempen Klik dengan Bijak kepada murid sekolah yang berumur 11 hingga 18 tahun dengan melibatkan guru dan</p> <p>KKMM</p> <p>✓ ✓ ✓</p> <p>Melalui program Klik Dengan Bijak (KDB), kanak-kanak (termasuk remaja) serta ibu bapa, penjaga, dan guru diberi pendedahan mengenai risiko yang terdapat di dunia Internet dan cara untuk menangkis ancaman-ancaman ini seperti amalan kawal seliaan kendiri (self regulation). Modul yang digunakan untuk tujuan ini adalah Modul Membina</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		ibu bapa agar mereka lebih berpengetahuan atau celik teknologi untuk memudahkan pemantauan.					<p>Kebingkasan atau Building Resiliency di mana topik-topiknya ialah buli siber, sexting, pengantunan dalam talian, dan panduan untuk ibu bapa dan penjaga.</p> <p>Sejak dilancarkan pada tahun 2012 hingga 2019, inisiatif KDB telah mencapai lebih daripada 5 juta orang jangkauan audiens melalui program-program keterlibatan di lapangan dan meraih 83,000 pengikut di platform sosial media. Inisiatif KDB juga telah melatih seramai 1,730 pengurus di 873 buah Pusat Internet seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak supaya mereka berkeupayaan untuk melatih komuniti setempat mengenai keselamatan dan budaya bertanggungjawab dalam talian. Pelaksanaan usaha kesedaran dan pendidikan ini dijalankan dengan kerjasama 35 rakan strategik termasuklah kementerian serta agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan(NGO) dan institusi pengajian tinggi.</p> <p>Selain itu, modul KDB berkaitan penyalahgunaan Internet juga diajar kepada pengguna Internet melalui sebuah lagi inisiatif advokasi MCMC iaitu Kesukarelawan ICT Malaysia atau Malaysia ICT</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Volunteer (MIV). Sejak tahun 2016 sehingga kini, seramai 4,140 orang telah dilatih menjadi sukarelawan MIV dan membantu komuniti masing-masing dengan capaian lebih 5 juta audiens di seluruh negara.</p> <p>Dari tahun 2016 sehingga 2019, MIV mempunyai sebanyak 1,611 sukarelawan yang telah membantu melaksanakan aktiviti di bawah program MIV bersama Sekolah yang telah berjaya mencapai 200,546 audiens. Di antara modul-modul yang digunakan dalam sesi latihan bersama guru-guru serta komuniti sekolah termasuklah modul KDB di mana mereka diberi kesedaran dan pemahaman tentang ancaman keselamatan siber terhadap pelajar sekolah. Komuniti yang dilatih ini kemudiannya akan menjalankan pelbagai aktiviti di sekolah mereka bagi melaksanakan kempen kesedaran di peringkat sekolah.</p> <p>Untuk makluman, pengukuran tahap keberkesanan mesej advokasi yang diberikan di dalam program kesedaran dan pendidikan KDB adalah melalui kuiz dalam talian.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		12.3 Meningkatkan kefahaman pengusaha bas sekolah dan ibu bapa tentang kepentingan penggunaan bas sekolah yang mendaftar dengan SPAD supaya kanak-kanak dapat dilindungi insurans.	APAD	✓	✓	✓	<p>Permohonan pelesenan untuk perkhidmatan bas sekolah mengambil kira keperluan perkhidmatan yang disahkan oleh pihak sekolah/PIBG</p> <p>Antara inisiatif APAD untuk meningkatkan kefahaman berkenaan kepentingan penggunaan bas/van sekolah berdaftar adalah:</p> <p>i) Bagi pengusaha:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) a) Sesi libat urus bersama pengusaha bagi meningkatkan kefahaman kepentingan berdaftar dengan APAD, pengoperasian yang selamat (kursus ICOP safety), penguatkuasaan oleh JPJ serta isu industri bas sekolah b) Kenyataan media/ hebahan maklumat seperti di atas di laman web/sosial media <p>ii) Bagi ibu bapa:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Hebahan maklumat di laman web/sosial media/pameran kempen keselamatan berkenaan kepentingan & kelebihan penggunaan bas sekolah berdaftar, info senarai bas sekolah berdaftar dan kawasan liputan dan ciri-ciri kemudahan yang disediakan

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p><u>Nota:</u></p> <p>Insurans perlindungan untuk pelajar sekolah hanya dibiayai di bawah KPM melalui Skim Takaful Pelajar Sekolah Malaysia. Pengusaha bas sekolah berdaftar wajib mempunyai insurans kenderaan & penumpang semasa memohon/ memperbaharui lesen</p>
		12.4 Meneruskan kesedaran tentang akses kepada peluang pendidikan kepada kanak-kanak yang tidak dapat disahkan identiti kedua-dua ibu bapa tertakluk kepada perakuan dan pengesahan agensi Kerajaan yang berkaitan.	KPM KPWKM		✓		<p>KPM</p> <p>BPSH (Pendidikan prasekolah)</p> <p>Syarat kelayakan untuk menyertai pendidikan prasekolah di institusi KPM ditentukan berdasarkan taraf kewarganegaraan kanak-kanak dan bukannya berdasarkan status ibu bapa/penjaga. Semua kanak-kanak berstatus Warganegara Malaysia yang telah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara dan berumur antara 4 hingga 6 tahun layak untuk mengikuti Pendidikan prasekolah di mana-mana institusi KPM yang melaksanakan Pendidikan prasekolah. Walau bagaimanapun, pemilihan dibuat di peringkat institusi berdasarkan kepada beberapa kriteria yang ditetapkan. Ini disebabkan tempat yang disediakan tidak dapat menampung permintaan di sesetengah kawasan.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Keutamaan diberikan kepada kanak-kanak yang berusia 5+ tahun.</p> <p>Sehingga Mei 2020, bilangan kanak-kanak yang menerima pendidikan prasekolah di Institusi pendidikan KPM adalah berjumlah: 208,446 orang.</p> <p>BPSH (pendidikan wajib: Tahun 1 hingga Tahun 6):</p> <p>BPSH memaklumkan bahawa kemasukan kanak-kanak tanpa dokumen adalah tertakluk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.1 Tahun 2009:Kemasukan Kanak-kanak Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen Ke Sekolah</p> <p>Rujukan: KP.100(BS-Dsr)201/002/1 Jld.2(1) bertarikh 11 Mac 2009. Syarat penerimaan masuk kanak-kanak tanpa dokumen ini adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mana-mana salah seorang ibu bapa kanak-kanak tersebut adalah warganegara Malaysia; dan

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>2. Surat pengesahan atau surat perakuan ketua kampung bahawa kanak-kanak tersebut adalah anak kepada warganegara Malaysia.</p> <p>Selain itu, kategori lain penerimaan kanak-kanak tanpa dokumen ini ialah:</p> <p>1. Keluarga (Datuk/ Nenek/ Ibu Saudara/ Bapa Saudara) yang bertaraf warganegara Malaysia, dan</p> <p>Pengurus/ Pengetua Pusat Kebajikan atau Rumah Kebajikan yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan syarat:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) mengemukakan borang permohonan bersama-sama Surat Kuasa Penjagaan kanak-kanak ini daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat; atau b) Surat Perintah Mahkamah bagi hak penjagaan; atau Sijil Anak Angkat dan c) Sesalinan kad pengenalan pengurus/pengetua pusat sebagai penjaga yang sah.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan pihak sekolah melakukan hebahan dan makluman melalui banner, bunting dan media sosial berkaitan kemasukan kanak-kanak tanpa dokumen ke sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Walau bagaimanapun, penerimaan masuk kanak-kanak tanpa dokumen ini tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan. Pada tahun 2020, seramai 5,858 kanak-kanak tanpa dokumen telah diterima masuk ke sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan.</p> <p>KPWKM</p> <p>KPWKM bekerjasama dengan KPM dalam memberikan input bagi penyediaan Draf Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid Ke Sekolah, Penyimpanan Daftar Dan Syarat Pengekalan Murid Belajar Di Sekolah) (Pindaan) 2019 bagi membolehkan penyertaan kanak-kanak bukan warganegara untuk mengikuti pendidikan di sekolah aliran formal.</p> <p>Selain itu, JKM juga terlibat dalam penyediaan dokumentasi bagi permohonan sijil kelahiran bagi</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>kanak-kanak yang tidak dapat disahkan identiti kedua-dua ibu bapa.</p> <p>KPWKM melalui JKM sentiasa menjalankan kerjasama berterusan dengan KPM memastikan kanak-kanak di dalam institusi JKM mendapat pendidikan sewajarnya</p> <p>Maklumat kanak-kanak di dalam institusi kanak-kanak JKM yang bersekolah sehingga Mac 2020:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Sekolah rendah - 357 orang ii) Sekolah menengah - 390 orang iii) Latihan kemahiran vokasional (sijil kemahiran diiktiraf industri) – 759 orang
	12.5	Meningkatkan bilangan kelas pendidikan awal kanak-kanak yang mampu biaya untuk rakyat.	KPWKM KPLB PERPADUA N KPM		✓		<p>KPWKM Perkara ini tidak berkaitan dengan KPWKM. Maklum balas berkaitan inisiatif untuk menambah bilangan TASKA telah pun disertakan di bawah 12.6.</p> <p>KPLB</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Sehingga Mac 2020, KEMAS mempunyai sebanyak 10,913 buah TABIKA dan 519 buah TASKA di seluruh Negara.</p> <p><u>PERPADUAN (KPN)</u></p> <p>Sehingga Julai 2020 KPN mempunyai:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) 1,781 buah Tabika Perpaduan b) 41 buah Taska Genius Perpaduan. <p>KPN sedang menumpukan usaha bagi peningkatan kualiti pendidikan dan baik pulih prasarana tabika/ taska sedia ada, termasuk menambahbaik modul dan silibus pembelajaran serta menu pemakanan sihat bagi kanak-kanak.</p> <p><u>KPM</u></p> <p>Dalam mencapai hasrat meningkatkan enrolmen, KPM komited dalam melaksanakan peluasan kelas prasekolah KPM tanpa mengira lokasi di kawasan yang berkeperluan. Bilangan kelas prasekolah baharu yang dibuka pada tahun ini (2020) adalah sebanyak 105 kelas menjadikan jumlah keseluruhan kelas prasekolah berjumlah 9611 buah. Bagi tahun 2021 pula, KPM telah mengemukakan cadangan untuk melaksanakan peluasan sebanyak 115 buah kelas melibatkan pelbagai jenis sekolah. Pelaksanaan peluasan ini</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							akan memberi lebih peluang kepada kanak-kanak untuk mengikuti pendidikan prasekolah di bawah KPM. Walau bagaimanapun, peluasan ini adalah tertakluk kepada kelulusan daripada agensi pusat.
		12.6 Meneruskan inisiatif untuk menambah bilangan TASKA yang boleh diakses, berkualiti dan mampu bayar dan pemantauan berterusan di TASKA untuk memastikan kebajikan kanak-kanak terjaga.	KPWKM KPLB BAHAGIAN GENIUS, KPM		✓	✓	<p>KPWKM Pada tahun 2019, sebanyak RM10 (B11) pada tahun 2019 telah juta telah diperuntukan untuk menubuhkan lebih banyak TASKA di sektor awam. Sebanyak 65 buah TASKA baru telah ditubuhkan di bangunan kerajaan.</p> <p>Pada tahun 2020, inisiatif ini diteruskan melalui peruntukan RM30 juta (B11) yang mana sebanyak 24 buah TASKA telah ditubuhkan di Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan/SUK dengan peruntukan sebanyak RM3,853,724.00. (Lampiran 2).</p> <p>Pemantauan berkala diadakan dua kali setahun oleh Pegawai Diberi Kuasa TASKA ke atas semua TASKA yang berdaftar (Lampiran 3).</p> <p>KPLB</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Sehingga Mac 2020, sebanyak 38 buah TASKA yang telah diluluskan untuk dibuka. Dari 38 buah tersebut, sebanyak 12 buah telah beroperasi sepenuhnya. Pemantauan berterusan sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa oleh para pegawai dan kakitangan KEMAS yang bertanggungjawab dengan pendidikan awal kanak-kanak. Bagi memastikan pembelajaran yang berkualiti, nisbah guru kepada kanak-kanak adalah 1:5.</p> <p>Selain itu, KEMAS juga melaksanakan Program Bantuan Makanan Tambahan (PBMT) bagi memastikan kanak-kanak mendapat pemakanan yang sihat dan seimbang mengikut menu yang ditetapkan serta mendapat khidmat nasihat dari Kementerian Kesihatan Malaysia. KEMAS juga menyediakan Geran Bantuan Per Kapita (GPK) dalam bentuk barang peribadi seperti tuala dan cadar kepada kanak-kanak yang belajar di TASKA KEMAS.</p> <p>Bahagian GENIUS, KPM</p> <p>Sehingga tahun 2020, sebanyak 90 Pusat Anak GENIUS Negara (PAGN) telah beroperasi</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>sepenuhnya dengan kapasiti seramai 3,443 orang anak.</p> <p>Dalam menjamin pendidikan yang berkualiti, pemantauan berterusan pada setiap tahun di setiap PAGN dijalankan bagi memastikan perkhidmatan yang diterima di PAGN sentiasa berada pada tahap yang baik.</p> <p>Unit Jaminan Kualiti, Bahagian GENIUS juga menyelaras pembangunan Instrumen Penilaian dengan pakar-pakar Pendidikan Awal Kanak-kanak yang telah dilantik bagi memantau mutu penyampaian kurikulum terhadap kanak-kanak di TASKA seluruh Malaysia.</p> <p>Selain itu, bagi memastikan kanak-kanak mendapat nutrisi seperti mana yang disarankan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Bahagian GENIUS turut bekerjasama dengan Bahagian Pemakanan, KKM dalam penyediaan menu makanan anak di PAGN mengikut kualiti dan kuantiti yang bersesuaian.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
13.	Kesihatan kanak-kanak	13.1 Meningkatkan kesedaran tentang kepentingan vaksin.	KKM	✓	✓	✓	Aktiviti promosi dan pendidikan kesihatan mengenai kepentingan vaksin dibuat secara berterusan di fasiliti kesihatan (termasuk untuk ibu mengandung) dan pelbagai saluran media (media cetak, media siar, media sosial). Kerjasama dengan agensi lain turut dijalankan seperti dengan JAKIM, KPM, persatuan profesional dan NGO.
		13.2 Menangani golongan anti vaksin untuk menjaga kepentingan kanak-kanak.		✓	✓	✓	Buat masa ini, tiada undang-undang mewajibkan vaksin. Pendekatan KKM adalah bersifat advokatif dan promotif bagi meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan dan keselamatan vaksin, di samping menambah baik penyampaian perkhidmatan imunisasi. Kerjasama dengan agensi lain dibuat bagi menangani penyebaran maklumat tidak benar mengenai vaksin. Contoh: sekiranya carian mengenai vaksin dibuat di Facebook, senarai halaman dengan maklumat sahih dan rasmi akan diutamakan.
15.	Eksplotasi kanak-kanak sebagai peminta sedekah	15.1 Meneruskan kempen kesedaran kepada orang ramai supaya melaporkan tentang operasi kutipan wang yang	KPWKM	✓	✓	✓	Bagi kempen kesedaran supaya melaporkan operasi kutipan wang, JKM menjalankan Program Advokasi Kempen Kesedaran Dan Pencegahan Pengemisan iaitu "Bijak Membantu Elak Tertipu"

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		melibatkan kanak-kanak kepada pihak berkuasa.					Bagi perkhidmatan sokongan kepada kanak-kanak dan keluarga yang terlibat dengan pengemisan, perkhidmatan bimbingan kaunseling kepada ibubapa kanak-kanak yang terlibat serta kemahiran keibubapaan akan tanggungjawab memastikan keselamatan dan perlindungan kanak-kanak. JKM juga turut memberikan bantuan kewangan kepada keluarga kanak-kanak yang layak untuk mengurangkan beban tanggungan kewangan bagi keperluan hidup.
		15.2 Meneruskan usaha untuk membanteras kegiatan meminta sedekah atau apa-apa kegiatan berbentuk kutipan wang oleh kanak-kanak secara bersepadu.		PDRM JKT	✓	✓	PDRM PDRM akan terus mengambil tindakan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 bagi menangani permasalahan ini. JKT Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan menyertai operasi bersepadu yang diketuai oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) secara berkala bagi membanteras kegiatan meminta sedekah atau apa-apa kegiatan berbentuk kutipan wang oleh kanak-kanak.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		15.3 PBT meningkatkan penguatkuasaan dengan membatalkan lesen perniagaan mana-mana individu atau syarikat yang menjalankan kegiatan perniagaan dengan mengeksplotasi kanak-kanak.	KPKT		✓		PDRM dan JKM boleh memohon kepada PBT supaya membatalkan lesen perniagaan sekiranya terdapat mana-mana individu atau syarikat yang menjalankan kegiatan perniagaan dengan mengeksplotasi kanak-kanak.
		15.4 Mengambil tindakan di bawah Akta Pertubuhan 1966 terhadap mana-mana pertubuhan atau rumah perlindungan yang mempergunakan kanak-kanak untuk meminta sedekah atau menjalankan	KDN	✓	✓	✓	jPPM sentiasa memantau aktiviti yang dilaksanakan oleh pertubuhan berdaftar melalui penguatkuasaan Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] termasuk jika terdapat aktiviti eksplotasi terhadap kanak-kanak melalui input-input yang dikemukakan oleh agensi-agensi yang berkaitan. Selain daripada pemantauan, tindakan juga diambil sekiranya terdapat aduan yang dikemukakan kepada Jabatan mengenai pelaksanaan aktiviti yang menyalahi undang-

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa		Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	
		apa-apa aktiviti kutipan wang.				undang negara oleh sebuah pertubuhan berdaftar. JPPM pasti akan mengambil tindakan sewajarnya selaras dengan peruntukan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] sekiranya didapati pertubuhan tersebut telah melanggar perlembagaan pertubuhan dan Akta 335.

Golongan OKU

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa		Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	
16.	Pendaftaran OKU	16.1 Meneruskan usaha untuk menjalin kerjasama secara aktif dengan klinik	KKM JKM	✓	✓	✓ KKM Pemeriksaan dan pengesahan status Orang Kurang Upaya (OKU) adalah menggunakan Borang Permohonan Pendaftaran OKU baharu

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		kesihatan terutama di luar bandar bagi membantu menjalankan pemeriksaan dan pengesahan status OKU.					<p>yang telah berkuat kuasa dan diedarkan kepada semua fasiliti kesihatan melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil.8/2019 bertarikh 12 Disember 2019.</p> <p>Buat masa ini, kerjasama secara aktif dengan klinik kesihatan terutama di luar bandar adalah dengan melibatkan Pakar Perubatan Keluarga dan Pegawai Kesihatan Keluarga Negeri dalam taklimat peringkat zon agar latihan peringkat daerah dan klinik kesihatan diteruskan (echo-training).</p> <p>Taklimat penggunaan borang baharu ini menggunakan Garis Panduan Pindaan 2019 telah dilaksanakan bersama pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat. Lima (5) taklimat yang melibatkan penyertaan Pakar Perubatan Keluarga dari klinik kesihatan setiap daerah mengikut zon telah selesai dijalankan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Zon Utara: 5 Februari 2020 2. Zon Tengah: 20 Februari 2020 3. Zon Selatan: 26 Februari 2020 4. Zon Pantai Timur: 24 Februari 2020 5. Zon Sarawak: 10 Mac 2020

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							Taklimat borang baharu bagi Zon Sabah dan program outreach bagi saringan dan pemeriksaan status OKU fokus di klinik kesihatan luar bandar telah dirancang bersama pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (Jawatankuasa Pendaftaran OKU) pada awal tahun. Walau bagaimana perancangan pelaksanaan telah ditangguhkan berikutan pandemik COVID-19.
17.	Pendidikan OKU	17.1 Menambah jumlah TASKA OKU (berdasarkan keperluan) terutama untuk OKU di luar bandar.	KPWKM		✓	✓	Pada tahun 2020, KPWKM menerusi JKM merancang untuk menubuhkan 5 Taska OKU baru dengan kerjasama NGO. Ini akan menjadikan jumlah Taska OKU sebanyak 11 di seluruh negara.
		17.2 Meneruskan latihan peningkatan profesionalisme kepada guru pendidikan khas menerusi latihan formal dalam pendidikan khas.	KPM	✓	✓	✓	KPM KPM telah mengagihkan peruntukan berjumlah RM85,390.00 bagi Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) tahun 2021 untuk pelaksanaan program peningkatan profesionalisme guru Pendidikan Khas. Guru Pendidikan Khas juga digalakkan untuk melaksanakan pembelajaran kendiri bagi meningkatkan kompetensi diri agar kekal berkualiti.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Antara latihan yang dilaksanakan termasuk:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Latihan asas Pendidikan Khas di IPGM, Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Agenzi Bukan Kerajaan (NGO); 2. Latihan Pertengahan dan Lanjutan Pendidikan Khas mengikut kategori Murid Berkeperluan Khas (MBK) kepada guru-guru dalam perkhidmatan sama ada guru pendidikan khas atau guru aliran perdana; 3. Pemantapan kepimpinan Pengetua dan Guru Besar (PGB) dalam pengurusan Pendidikan Khas melalui program anjuran Institut Aminuddin Baki (IAB); 4. pentauliahan pensijilan <i>Vocational Training Officer</i> (VTO), Induksi dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) kepada guru kemahiran dan vokasional pendidikan khas; 5. latihan intervensi awal kanak-kanak kepada guru pra sekolah kerajaan dan swasta; dan

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							6. kerjasama latihan dengan IPTA dalam meningkatkan profesionalisme guru berkaitan pendidikan khas.
		17.3 Meneruskan usaha untuk memperluas kursus diploma dan ijazah pendidikan khas di lebih banyak IPT.	KPT		✓	✓	<p><u>Maklum balas KPT:</u></p> <p>Di peringkat universiti awam (UA), penawaran program akademik adalah berdasarkan bidang tujuan selain keperluan yang ditentukan oleh pihak universiti berdasarkan autonomi yang diberikan kepada UA masing-masing.</p> <p>Di peringkat Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) pula, pada masa ini JPPKK menawarkan dua program pengajian peringkat sijil bagi pelajar pendidikan khas iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Sijil Kemahiran Politeknik bagi pelajar kurang upaya pendengaran ii. Sijil Asas Kolej Komuniti bagi pelajar masalah pembelajaran <p>(Perincian program adalah seperti pada Lampiran 1)</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		17.4 Meneruskan usaha ke arah meningkatkan prasarana fizikal di IPT yang mesra OKU, menyediakan jurubahasa isyarat bagi pelajar kurang upaya pendengaran, komputer mesra OKU, bantuan pencari maklumat di perpustakaan, kemudahan sistem pengangkutan mesra OKU dan menghapuskan kerentak birokrasi.	KPT		✓	✓	<p>Semua projek pembangunan fizikal sama ada pembinaan baharu atau naiktaraf di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) yang dilaksanakan di bawah Peruntukan Pembangunan (DE) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) adalah turut mengambil kira keperluan OKU seperti yang terkandung dalam Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan (Tahun 2015, Bab D) oleh Jawatankuasa Standard dan Kos, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.</p> <p>Selain itu, dalam usaha meningkatkan akses pendidikan tinggi kepada golongan OKU, KPT menyediakan laluan khas bagi kemasukan golongan ini ke IPTA dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA). Pelajar OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan mengemukakan permohonan melalui UPUOnline akan dipertimbangkan bagi kemasukan tanpa merit dengan memenuhi syarat khas minimum yang ditetapkan mengikut program pengajian yang dimohon. Penawaran program kepada golongan OKU ini adalah melalui persetujuan bersama agensi/ institusi dengan mengambil kira kesediaan prasarana mesra OKU</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>bagi memastikan golongan OKU dapat mengikuti pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan selesa.</p> <p>Statistik 3 tahun laluan khas OKU adalah seperti di LAMPIRAN 2.</p>
17.5	Membina dan menyediakan sekolah menengah pendidikan khas vokasional bagi memenuhi keperluan murid berkeperluan khas di Sarawak.		KPM			✓	<p>Permohonan bagi membina sekolah menengah pendidikan khas vokasional di Sarawak (SMPKV Padawan, Kuching, Sarawak) telah diluluskan dalam Projek Pembangunan RMKe-11 <i>Rolling Plan</i> 4 Tahun 2019. Projek tersebut dijangka siap pada 17 November 2024.</p>
18.	Pekerjaan	18.1 Meneruskan usaha mempromosikan bidang kerjaya yang memerlukan perkhidmatan OKU sesuai dengan kelayakan OKU dengan penyediaan latihan dan spesifikasi tugas	KSM JPA	✓	✓		<p>JPA</p> <p>Dalam konteks Perkhidmatan Awam, Kerajaan komited dengan pengisian 1% OKU sejajar dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010. Usaha jangka masa panjang ini akan terus dilaksanakan secara bersepadu melibatkan pelbagai kementerian dan agensi pusat termasuk Pihak Berkuasa Melantik demi memastikan peluang pekerjaan untuk OKU kekal terjamin.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		yang lebih jelas dalam usaha mencapai kuota 1%.					Untuk itu, JPA sedang merangka Pelan Bersepadu Penambahbaikan Penyertaan OKU Dalam Perkhidmatan Awam yang menegaskan kepentingan pemantapan kapasiti golongan OKU agar kebolehgajian mereka meningkat. Pelan ini juga menyarankan pembangunan profiling OKU dan profiling perjawatan bagi memudahkan pengisian.
19.	Media dan Telekomunikasi	19.1 Menggalakkan penyediaan perkhidmatan penggunaan bahasa isyarat dan sari kata dalam rancangan televisyen swasta dan berbayar.	KKMM			✓	Buat masa ini tiada inisiatif khusus yang berkaitan. Namun, ianya sering diusulkan terutama bagi program berita semasa lawatan pematuhan diadakan. Kos perkhidmatan penggunaan Bahasa isyarat dikatakan sangat tinggi. Namun, terdapat filem yang menyediakan “closed caption” atau sari kata yang telahpun disiarkan.
		19.2 Menggalakkan syarikat komunikasi (Telco) dan media (contohnya, Astro) menyediakan pakej					Pemberi perkhidmatan utama menawarkan diskaun sebanyak RM10 sebulan untuk pakej terpilih untuk golongan OKU. (a) Pakej jalur lebar talian tetap

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		bayaran khas untuk golongan OKU yang menggunakan sebahagian kecil perkhidmatan yang ditawarkan.					<ul style="list-style-type: none"> •TM; dan •TIME <p>(b) Pakej Jalur Lebar tanpa wayar (home wireless)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Celcom <p>(c) Pakej Pascabayar</p> <ul style="list-style-type: none"> • Celcom • Digi • Maxis • U Mobile <p>(d) Pakej Prabayar</p> <ul style="list-style-type: none"> • YTL
		19.3 Menggalakkan penyediaan akses Internet percuma oleh TELCO kepada golongan OKU.	KKMM	✓	✓		KKMM menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) tidak mempunyai sebarang inisiatif yang berkaitan.
20.	Kemudahan Hospital di	20.1 Memastikan penyedia perkhidmatan kesihatan Kerajaan dan swasta menyediakan	KKM	✓	✓	✓	1) Bagi Projek di dalam Peringkat Permohonan/ Belum Diluluskan untuk Dilaksanakan: a. Sebarang elemen tambahan yang dicadangkan oleh Kementerian Pengguna (Kementerian Kesihatan Malaysia) boleh

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		kemudahan mesra OKU seperti parkir berhampiran dengan pintu masuk utama.					<p>dimasukkan ke dalam Skop Projek yang dipohon ke UPE, JPM.</p> <p>b. Walau bagaimanapun, cadangan elemen tambahan ini perlu di ambil kira dalam Anggaran Kos Projek yang dipohon kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM).</p> <p>2) Bagi Projek di dalam Fasa Pra Pembinaan dan Pembinaan:</p> <p>a. Melibatkan Kenaikan Kos Projek:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. KKM perlu menyediakan Justifikasi Permohonan Kenaikan Kos Projek untuk kelulusan UPE, JPM sebelum dilaksanakan. <p>b. Tidak Melibatkan Kenaikan Kos Projek:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. JKR boleh melaksanakan pindaan elemen rekabentuk ini tertakluk kepada persetujuan KKM. <p>Pada masa ini keperluan bagi kemudahan mesra OKU telah dimasukkan ke dalam MS 1184: 2014 Universal Design And Accessibility In The Built</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							Environment - Code Of Practice (Second Revision) yang merupakan sebahagian dari keperluan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam meluluskan projek.
		20.2 Menguatkuasakan kompaun atau mengunci kenderaan yang menyalahgunakan kemudahan yang disediakan di bawah Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984.	KPKT JKT	✓	✓	✓	<p>JKT JKT telah mengumpul data berkaitan penguatkuasaan penyalahgunaan Parkir OKU di PBT seluruh Malaysia dan sehingga 1 Julai 2020, sebanyak RM 3.21 juta jumlah kompaun atau penalti telah dikeluarkan terhadap kesalahan penyalahgunaan parkir OKU.</p> <p>JKT akan mengemaskini data berkaitan penguatkuasaan penyalahgunaan parkir di PBT dari semasa ke semasa pada setiap tahun.</p>
		20.3 Menyediakan kemudahan katil mesra OKU di hospital secara berperingkat.	KKM			✓	<p>KKM</p> <p>1) Bagi Fasiliti Kesihatan Sedia Ada:</p> <ol style="list-style-type: none"> Melalui pengesyoran Bahagian Perkembangan Perubatan, Bahagian Pembangunan boleh menyediakan Peruntukan di bawah Perolehan Peralatan Perubatan tertakluk kepada Komitmen Peruntukan semasa Kementerian.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							2) Bagi Projek di dalam Peringkat Permohonan, Pra Pembinaan dan Pembinaan: a. JKN dan Bahagian Perkembangan Perubatan boleh menyenaraikan keperluan ini di dalam Senarai Perolehan Peralatan Kumpulan 3 dan Kumpulan 4 tertakluk kepada Kos Keseluruhan Senarai tersebut yang diluluskan untuk projek berkaitan.
21.	Pemberian bantuan	21.1 Menambah baik syarat pemberian bantuan di bawah SBGP-OKU.	KSM	✓			<p>KSM</p> <ul style="list-style-type: none"> • RMK-9: RM16juta (512 penerima) • RMK-10: RM10juta (378 penerima) • RMK-11: RM10juta (249 penerima sehingga Julai 2020) • RMK-12: Jabatan mengemukakan permohonan dana RM10juta bagi geran SBGP-OKU di bawah RMK-12 • Jabatan memerlukan dana tambahan untuk pentadbiran geran memandangkan tiada peruntukan khas bagi menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan seperti pemantauan, percetakan, dan lain-lain • Berdasarkan ketetapan di dalam SOP SBGP-OKU:

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							Keputusan akhir bagi kelulusan permohonan adalah terletak dengan Jawatankuasa Penilai Peringkat Kebangsaan (JPPK) SBGP-OKU yang dianggotai oleh pegawai-pegawai daripada pelbagai Jabatan termasuk JTKSM dan Kementerian Sumber Manusia, iaitu pegawai-pegawai daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, Unit Perancang Ekonomi (JPM) serta Persatuan-persatuan OKU
		21.2 Membuat semakan ke atas syarat permohonan bantuan alat bantuan sokongan/tiruan.	KPWKM	✓			Semakan dan garis panduan baru berkaitan syarat dan kelayakan bagi Bantuan Alat Tiruan/Sokongan telah dibuat dan telah dilaksanakan melalui Pekeliling KPKM Bil 4 2019 bertarikh 25 Februari 2019.
22.	Kemudahan OKU	22.1 Meneruskan pemberian kuota khas OKU (1% bagi setiap projek PPR) bagi permohonan projek Program Perumahan Rakyat (PPR).	KPKT	✓			<p>Maklum balas KPKT:</p> <p>Golongan OKU diberi keutamaan di dalam pengisian unit rumah PPR. Sebanyak 1% daripada keseluruhan bilangan unit pembinaan/pembangunan projek PPR turut mengambil kira golongan berkeperluan khas seperti OKU.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		22.2 Memastikan pemakaian dan penguatkuasaan garis panduan reka bentuk sejagat dalam pelan pembangunan supaya segala kemudahan yang berkenaan dapat disediakan mengikut spesifikasi teknikal yang digariskan.	KPKT		✓		<p>Maklum balas KPKT:</p> <p>Tindakan JKT bagi memastikan pemakaian dan penguatkuasaan garis panduan reka bentuk sejagat adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Melaksanakan Audit Akses OKU di 5 buah PBT setiap tahun dan laporan hasil dapatan audit akan dikemukakan kepada PBT untuk penambahbaikan; ii. Melaksanakan Audit Susulan bagi memastikan penambahbaikan diambil oleh PBT; iii. Mengeluarkan surat kepada semua PBT pada 4 Julai 2019 mengenai pelaksanaan dan pematuhan pindaan UUK 34A UKBS 1984 di semua bangunan sedia ada atau lama; iv. Menjadikan pematuhan kepada kehendak-kehendak bangunan untuk OKU dibawah UUK 34A UKBS 1984 sebagai salah satu kriteria di dalam Senarai Semak dokumen Permohonan Pelan Bangunan di dalam Manual OSC 3.0 PLUS; dan

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							v. Mengeluarkan surat kepada Lembaga Arkitek Malaysia dan Lembaga Jurutera Malaysia pada 27 September 2019 mengenai pelaksanaan dan pematuhan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS 1984) untuk menghebahkan keperluan ini dan pematuhananya kepada para profesional di bawah Lembaga masing-masing.
		22.3 Meningkatkan penguatkuasaan terhadap pemaju yang tidak melaksanakan atau melanggar undang-undang berkaitan reka bentuk sejagat dalam pelan pembangunan.	KPKT	✓	✓	✓	Tindakan JKT bagi meningkatkan penguatkuasaan terhadap pemaju yang tidak melaksanakan atau melanggar undang-undang berkaitan reka bentuk sejagat adalah seperti berikut: i. Mengeluarkan surat kepada semua PBT pada 19 Februari 2019 mengenai pelaksanaan penalti dan penguatkuasaan terhadap ketidakpatuhan garis panduan dan Undang-Undang Kecil yang diperuntukkan; dan ii. Mengumpul rekod pelaksanaan penalti dan penguatkuasaan terhadap ketidakpatuhan terhadap Akta 133 dan UUK 34A (UBBL 1984)

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							dan akan dikemaskini dari semasa ke semasa dengan kekerapan 2 kali setahun.
		22.4 Menyediakan kemudahan pengangkutan dan kemudahan awam golongan OKU yang lebih menyeluruh (dan tidak hanya memberikan tumpuan kepada pengguna kerusi roda).	MOT APAD KPKT		✓	✓	<p>MOT Jangka Panjang:</p> <p>Kementerian Pengangkutan melalui Dasar Pengangkutan Negara (DPN), telah menggariskan konsep inklusiviti terhadap penyediaan pengangkutan awam. Melalui konsep ini, semua perancangan dan perkhidmatan sedia ada perlu menyediakan perkhidmatan yang mengambil kira keperluan aksesibiliti kepada semua golongan termasuk Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas, kanak-kanak dan ibu mengandung. Aksesibiliti ini termasuklah struktur fasiliti fizikal, bantuan 'human-touch' dan juga penyediaan laman web mesra OKU (W3C) oleh semua penyedia perkhidmatan pengangkutan awam.</p> <p>Jangka Pendek:</p> <p>Setiap tahun, Kementerian mengadakan audit aksesibiliti di lokasi hab pengangkutan dan perkhidmatan pengangkutan awam terpilih</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>(minimum 5 perkhidmatan/ hub pengangkutan). Audit ini akan menilai tahap penyediaan fasiliti untuk golongan rentan termasuklah OKU dan akan bersama-sama berbincang dengan penyedia perkhidmatan untuk penambahbaikan pada masa hadapan bagi memastikan perkhidmatan/ hab pengangkutan tersebut boleh diakses oleh semua lapisan masyarakat. Audit ini akan turut disertai oleh tiga wakil OKU (pendengaran, penglihatan & kerusi roda) bagi memberikan pandangan mereka terhadap keperluan-keperluan yang diperlukan oleh golongan OKU.</p> <p>APAD APAD sentiasa menggalakkan penyediaan infrastruktur dan kemudahan pengangkutan awam yang mesra sejagat secara menyeluruh</p> <p>i) Pematuhan/ Galakan kepada pengendali untuk menyediakan kenderaan pengangkutan awam yang mesra sejagat :</p> <p>a) Bagi pembangunan projek infra pengangkutan rel, mana-mana Skim Keretapi yang dikemuka kepada APAD perlu mematuhi kehendak Seksyen 83 Akta</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>715 yang turut menggariskan keperluan penyediaan cadangan kemudahan kebolehaksesan sejagat</p> <p>b) Keperluan kemudahan mesra sejagat juga menjadi kriteria dalam penggredan sesebuah terminal yang akan menentukan caj/fi terminal</p> <p>c) APAD juga menggalakkan pengendali menyediakan kenderaan pengangkutan awam yang mesra sejagat; namun spesifikasi perlu mendapat kelulusan JPJ</p> <p>ii) Penglibatan dalam JK Pengangkutan bagi Orang Kurang Upaya (OKU) di bawah Majlis Kebangsaan bagi OKU Sesi 2019-2020 bersama MOT dan KPKT</p> <p>KPKT Tidak berkaitan dengan bidang kuasa KPKT</p>
		22.5 Melantik pakar-pakar dalam audit pelaksanaan/pematuhan reka bentuk sejagat di PBT.	KPKT	✓			KPKT tidak akan melantik pakar-pakar tetapi akan memberi kerjasama khusus menerusi penubuhan pasukan pakar audit aksesibiliti sedia ada untuk pasukan audit rekabentuk sejagat.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
23.	Salah laku terhadap OKU	23.1 Menambah kemudahan dan perkhidmatan mesra OKU bagi memudahkan golongan OKU membuat laporan polis, proses rakaman percakapan dan sebagainya.	PDRM		✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> i) Menyediakan laluan OKU yang bersesuaian di semua balai polis dan ibu pejabat polis daerah. ii) Memberikan keutamaan kepada golongan OKU dalam apa jua keperluan di balai polis dan ibu pejabat polis daerah. iii) Menyediakan platform pelaporan polis secara atas talian.
24.	Pampasan PERKESO	24.1 Menyemak jenis-jenis penyakit yang melayakkan pekerja yang ditimpa kemalangan menerima pampasan PERKESO seiring dengan keperluan semasa.	KSM	✓			PERKESO sentiasa menambah baik perkhidmatan dalam memberi nilai tambah kepada faedah yang ditawarkan kepada orang berinsurans.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
25.	Pindaan kepada Akta Orang Kurang Upaya 2008	25.1 Mempertimbangkan untuk menambahkan peruntukan penalti atau hukuman bagi mereka yang menyalahgunakan kemudahan OKU.	KPWKM		✓		Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta OKU 2008) masih dalam kajian dan semakan KPWKM. Pihak JKM adalah bersetuju atas cadangan penambahan peruntukan penalti atau hukuman bagi mereka yang menyalahgunakan kemudahan OKU.
		25.2 PBT meningkatkan penguatkuasaan terhadap pelanggaran undang-undang berkaitan reka bentuk sangat.	KPKT		✓		JKT telah mengeluarkan surat peringatan kepada semua PBT pada 19 Februari 2019 untuk melaksanakan penalti dan penguatkuasaan terhadap ketidakpatuhan garis panduan dan Undang-Undang Kecil yang diperuntukkan.
		25.3 Menambahkan peruntukan yang melindungi pemohon kerja OKU daripada didiskriminasi kerana faktor ketidakupayaan mereka.	KPWKM		✓		Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta OKU 2008) masih dalam kajian dan semakan KPWKM. Pada dasarnya, pihak JKM adalah bersetuju untuk menambah peruntukan yang melindungi pemohon kerja OKU daripada didiskriminasi kerana faktor ketidakupayaan mereka.
26.	Hak untuk Didengari	26.1 Memastikan pelaksanaan SOP	KPWKM	✓			KPWKM akan melaksanakan semakan ke atas Akta Orang Kurang Upaya 2008 dan akan

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		bagi membolehkan hak OKU untuk didengari.					mengambil kira penambahbaikan ke atas hak OKU seperti yang termaktub dalam CRPD.
		26.2 Meneruskan pemerkasaan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya dan melibatkan penyertaan OKU dalam Majlis ini.	KPWKM		✓		Majlis Kebangsaan Bagi OKU sentiasa melaksanakan fungsinya menurut Seksyen 9 Akta OKU 2008 dan secara berterusan mengambil langkah-langkah pemerkasaannya. Penglibatan OKU dalam Majlis telah wujud sejak penubuhannya seperti yang termaktub dalam Subseksyen 3(2)(j) iaitu tidak lebih daripada sepuluh orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam permasalahan dan isu yang berhubungan dengan Orang Kurang Upaya dilantik oleh Menteri. Seramai 6 – 8 OKU sentiasa dilantik sebagai anggota Majlis.
		26.3 Mempertimbangkan peruntukan untuk meningkatkan perisian yang boleh membantu golongan OKU yang sukar bertutur.	KPWKM		✓		Jabatan sentiasa mengambil kira permohonan daripada golongan OKU untuk alat bantuan / sokongan kepada OKU termasuk peralatan-peralatan baru yang boleh membantu OKU kategori pertuturan.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		26.4 Menyediakan kemudahan mudah akses kepada golongan OKU untuk mengundi.	SPR	✓			SPR sentiasa berusaha untuk memberikan pengalaman yang baik kepada Orang Kurang Upaya (OKU) semasa mereka melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pengundi di dalam sesuatu pilihan raya.
27.	Sukan untuk OKU	27.1 Menyediakan khidmat kejurulatihan profesional dan program persediaan latihan kepada atlet pekak yang terpilih untuk mewakili negara ke sukan peringkat antarabangsa.	KBS		✓		Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Majlis Sukan Negara (MSN) tidak menyediakan khidmat kejurulatihan profesional dan program persediaan latihan kepada atlet pekak yang terpilih untuk mewakili negara ke sukan peringkat antarabangsa. Program Paralimpik di bawah MSN memberi tumpuan kepada sukan-sukan yang diiktiraf oleh International Paralympic Council (IPC). Persatuan Sukan Orang Pekak Malaysia (Malaysian Deaf Sports Association – MSDeaf) adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pembangunan sukan bagi orang pekak merangkumi perkara-perkara berikut:
		27.2 Mewujudkan kumpulan Atlet Pekak Elit dan Pelapis.	KBS	✓			Pelaksanaan bagi program latihan atlet pekak elit juga adalah di bawah tanggungjawab MSDeaf sepenuhnya.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							Bermula tahun 2020, KBS menerusi MSN dan Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) merancang untuk memperkemas dan mengukuhkan struktur pembangunan sukan orang pekak daripada peringkat akar umbi hingga ke peringkat elit. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan adalah:
	27.3	Mewujudkan Bahagian Sukan Orang Pekak di MSN untuk menjaga hal ehwal sukan warga pekak.	KBS	✓			MSN telah mewujudkan Unit Orang Pekak di Bahagian Paralimpik pada tahun 2020 untuk menyelaras Program Sukan Orang Pekak dengan kerjasama MSDeaf.
	27.4	Menyediakan Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM) kepada atlet pekak yang memenangi pingat di Sukan Berprestasi Tinggi di peringkat antarabangsa.	KBS		✓		Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM) merupakan salah satu insentif yang diberikan kepada atlet yang memenangi pingat di kejohanan dan temasya antarabangsa yang diiktiraf. Pemberian skim insentif ini perlu memenuhi perkara berikut: i.Pengiktirafan daripada International Paralympic Council (IPC) atau Majlis Paralimpik Malaysia (MPM); dan

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>ii. memenuhi kriteria dan kategori yang telah ditetapkan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Kejohanan rasmi anjuran Persekutuan Sukan Antarabangsa yang mempunyai sekurang-kurangnya 30 ahli/ negara (Dunia) dan 15 ahli/ negara (Komanwel/ Asia) yang berdaftar; b) Negara-negara peserta mestilah diiktiraf sebagai Pertubuhan/ Persatuan Sukan Kebangsaan oleh Majlis Olimpik Kebangsaan (NOC) masing-masing; c) Kejohanan tersebut disertai oleh sekurang-kurangnya 15 buah negara (Dunia) dan 8 buah negara (Komanwel/ Asia); d) Kelayakan atlet/pasukan menyertai kejohanan adalah mewakili negara masing-masing (bukannya jemputan terbuka) dan melalui proses kelayakan (jika ada); dan e) Kekerapan kejohanan tersebut adalah sekurang-kurangnya dua (2) tahun sekali.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							Skim ini masih belum dilaksanakan bagi atlet pekak berikutan kejohanan-kejohanan sukan bagi orang pekak tidak memenuhi beberapa kriteria yang telah ditetapkan.
	27.5 Mengiktiraf Sukan Orang Pekak Malaysia (SOPMA) dalam Akta Pembangunan Sukan 1997.		KBS			✓	<p>Tiada mana-mana peruntukan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 mengenai Sukan Orang Pekak Malaysia (SOPMA) atau mana-mana penganjuran sukan utama yang lain seperti SUKMA, Para SUKMA, SUKIPT, mahu pun MASUM.</p> <p>Walau bagaimanapun, Akta Pembangunan Sukan 1997 (Akta 576) Pindaan 2018 telah mengiktiraf Persatuan Sukan Orang Pekak Malaysia sebagai badan sukan utama bagi menyelia pembangunan sukan orang pekak di Malaysia sebagaimana peranan Majlis Paralimpik Malaysia di bawah klausu Akta 576 seperti berikut:</p> <p>9B. (1) Persatuan Sukan Orang Pekak Malaysia adalah diiktiraf sebagai Persekutuan Sukan Orang Pekak Kebangsaan bagi Malaysia oleh</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							Jawatankuasa Sukan Orang Pekak Antarabangsa; dan (2) Persatuan Sukan Orang Pekak Malaysia adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa penyertaan Malaysia dalam Deaflympics, Sukan Orang Pekak Asia Pasifik dan pertandingan olahraga antarabangsa yang lain adalah mengikut kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan Jawatankuasa Sukan Orang Pekak Antarabangsa, Konfederasi Sukan Orang Pekak Asia Pasifik dan badan sukan antarabangsa yang lain yang Persatuan Sukan Orang Pekak Malaysia adalah anggota gabungannya.
28.	Hak Pesakit Mental	28.1 Meneruskan perbincangan dengan organisasi-organisasi yang mewakili pesakit mental bagi menyediakan perlindungan insurans yang sesuai untuk golongan pesakit mental.	MOF		✓		MOF tidak memberi maklum balas.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		28.2 Mengkaji semula Akta Pencen 1980 yang tidak memasukkan orang dengan masalah mental yang teruk, skizofrenia dan gangguan bipolar kerana masalah mental di bawah Akta Pencen 1980 hanyaterhad kepada masalah intelektual dan autisme.	JPA		✓		<p>Seksyen 2(b) Akta Pencen 1980 (Akta 227) memberikan tafsiran anak seperti berikut:</p> <p><i>“iaitu seorang anak yang tidak kira apaja umurnya dan yang cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal dan yang tak berupaya untuk menanggung dirinya sendiri dengan syarat anak itu adalah cacat total atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal sebelum anak itu mencapai umur dua puluh satu tahun;”</i></p> <p>Seksyen 16 Akta 227 pula memperuntukkan seperti berikut:</p> <p><i>“Terhentinya pencen terbitan</i></p> <p>16. (1) Pencen terbitan atau elauan bersara terbitan yang diberikan di bawah Akta ini hendaklah terhenti jika penerimanya—</p> <p>(a) (Dipotong);</p> <p>(b) seorang anak, <i>selain anak yang cacat otak atau hilang upaya jasmani dan secara kekal dan tidak berupaya menanggung dirinya sendiri</i> atau seorang anak yang</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>disebut dalam perenggan (c), apabila berkahwin atau apabila mencapai umur dua puluh satu tahun, mengikut mana yang lebih dahulu; atau</p> <p>(c) seorang anak yang sedang mendapat pendidikan di suatu institusi pelajaran tinggi tetapi tidak melebihi pelajaran yang menuju ke arah ijazah pertama, apabila tamat atau berhenti mendapat pendidikan itu atau apabila berkahwin, mengikut mana yang lebih dahulu.”</p> <p>Seksyen 16 telah memperuntukkan penceن terbitan kepada anak selain anak yang cacat otak atau hilang upaya jasmani dan secara kekal dan tidak berupaya menanggung dirinya sendiri tidak terhenti apabila mencapai umur 21 tahun.</p> <p>Setiap permohonan untuk mendaftarkan anak OKU tanggungan pesara sebagai penerima penceن terbitan akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Penetapan Anak OKU Tanggungan Pesara yang dianggotai oleh pakar-pakar perubatan termasuk pakar psikiatri.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		28.3 Mengadakan SOP untuk melepaskan pesakit-pesakit mental yang ditahan di hospital sakit mental selepas menjalani tempoh hukuman.	KKM KPWKM		✓		<p>KKM Tatacara bagi pelepasan pesakit-pesakit mental yang ditahan di hospital psikiatri ada dijelaskan di dalam Akta Kesihatan Mental 2001 dan Peraturan-peraturan Kesihatan Mental 2010 (rujuk lampiran 1) dan telah dilaksanakan di seluruh negara.</p> <p>Pengarah Hospital Psikiatri boleh mengesyorkan pelepasan pesakit mental yang ditahan disebabkan menjalani hukuman di bawah seksyen 348 Kanun Tatacara Jenayah dengan perakuan Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri.</p> <p>Pelawat dan Pengarah Perubatan itu hendaklah bersama-sama memperakuan seperti yang dikehendaki di bawah seksyen 350 Kanun Tatacara Jenayah bahawa orang itu boleh dilepaskan dengan selamat tanpa apa-apa bahaya dia akan melakukan kecederaan kepada dirinya atau kepada orang lain.</p> <p>Perakuan yang disebut di dalam subseksyen (2) hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri bagi Raja atau Yang di-Pertua Negeri yang dengan perintahnya orang itu</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							dikurung atau Ketua Setiausaha Negara jika orang itu dikurung dengan perintah Yang di-Pertuan Agong. KPWKM Pesakit mental di hospital sakit mental di dalam bidang kuasa KKM di bawah Akta Kesihatan Mental 2001.
		28.4 Mewujudkan kaedah penyelesaian jangka sederhana dan jangka panjang bagi pesakit mental gelandangan yang diselamatkan dalam operasi di bawah Akta Orang Papa 1977.	KPWKM KKM		✓	✓	KPWKM Bagi pesakit mental yang diselamatkan semasa operasi dibawah Akta Orang Papa 1977, akan diserahkan kepada pihak KKM untuk penilaian dan rawatan. Selain itu, ada juga yang diserahkan ke agensi lain seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) bagi kes yang melibatkan penagihan dadah. Disertakan maklumat tambahan sebagai rujukan. KKM Menurut Akta Kesihatan Mental 2001 dan Peraturan Kesihatan Mental 2010, Klausula 11, Pegawai Polis atau Pegawai Kebajikan Masyarakat mempunyai kuasa untuk membawa

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>individu yang disyaki mengalami gangguan mental untuk mendapatkan penilaian di hospital kerajaan ataupun hospital swasta yang diwartakan.</p> <p>Individu yang dikenalpasti mengalami gangguan mental akan dirawat di hospital dan apabila stabil akan didiscaj ke dalam masyarakat.</p> <p>Tanggungjawab KKM adalah untuk memberi rawatan kepada individu yang dikenalpasti mengalami gangguan mental sehingga stabil. Sepertimana penyakit-penyakit kronik yang lain, rawatan perlulah diberi secara berkala.</p>
		28.5 Menyediakan penempatan alternatif untuk pesakit mental di bawah kendalian JKM.	KPWKM		✓	✓	<p>Pada masa ini, JKM tidak mempunyai penempatan untuk pesakit mental kerana bukan di bawah bidang kuasa JKM. JKM juga tidak berhasrat untuk menyediakan penempatan alternatif kerana tidak mempunyai kepakaran dalam pengurusan pesakit mental.</p> <p>Kajian pengurusan organisasi JKM pada 2018 oleh pihak MAMPU, mendapati terdapat punca kuasa yang kurang jelas berkaitan pesakit mental gelandangan menjadi beban tambahan kepada</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							JKM. Kajian ini mengesyorkan rasionalisasi dan peranan JKM, penyelarasan aspek perundungan dan fokuskan kepada program teras Jabatan.
		28.6 Menambah bilangan pegawai psikologi (klinikal) di hospital Kerajaan dan pegawai psikologi di klinik kesihatan.	KKM		✓	✓	<p>Mesyuarat bersama pihak berkepentingan seperti Lembaga Kaunselor Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan juga Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) telah diadakan pada 22 Jun 2020.</p> <p>Mesyuarat bersetuju untuk melantik Pegawai Psikologi (Kaunseling) di KKM seramai 170 orang secara Contract for Service (CFS) bagi tempoh satu (1) tahun dan sekurang-kurangnya satu (1) pegawai ditempatkan di setiap daerah.</p> <p>Pihak KKM masih menunggu kelulusan daripada Kementerian Kewangan bagi perkara ini.</p>
		28.7 Meningkatkan bilangan pusat kesihatan mental komuniti dan rumah jagaan kejururawatan	KKM		✓	✓	KKM telah menujuhkan Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (PKMM) (MENTARI) bermula pada 2011 (Mentari Putrajaya) dan telah berkembang kepada 25 buah pada tahun 2019.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		psikiatri di bawah Akta Kesihatan Mental 2001.					<p>Pada tahun 2020, dua (2) lagi MENTARI telah beroperasi iaitu MENTARI Segamat dan MENTARI Batu Pahat. Program ini akan diperluaskan seperti terancang di dalam Pelan Strategik Program Perubatan yang telah dilancarkan baru-baru ini.</p> <p>Rumah Kejururawatan Psikiatri (PNH) Hospital Sungai Buloh pertama telah diwujudkan pada tahun 2018. KKM bercadang untuk mewujudkan PNH kedua di Hospital Hulu Terengganu pada tahun ini.</p>

Golongan Warga Emas

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
29.	Perkhidmatan kesihatan dan perkhidmatan awam	29.1 Menguatkuasakan Undang-undang Penjagaan Kesihatan Warga Emas.	KKM KPWKM			✓	KKM Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2018 [Akta 802] masih belum dikuat kuasa. Peraturan-Peraturan dan Garis Panduan di bawah Akta ini sedang dalam peringkat akhir penggubalan. Akta ini akan dikuat kuasa selepas Peraturan dan Garis Panduan di bawah Akta ini dimuktamadkan.
		29.2 Menambah bilangan unit geriatrik khas di hospital dan hospital rehabilitasi.		KKM		✓	Terdapat penambahan bilangan unit geriatrik khas di hospital dari 10 (pada tahun 2016) ke 14 (pada tahun 2019). Makluman tambahan di lampirkan dalam Lampiran 4.
		29.3 Mewujudkan mekanisme untuk mengenal pasti warga emas untuk memandu.	JPJ KKM			✓	KKM Sehingga kini, KKM tidak menerima sebarang permohonan menyediakan garis panduan atau mekanisma bagi menilai keupayaan warga emas untuk memandu. KKM sedia membantu sekiranya input teknikal diperlukan bagi tujuan tersebut.
30.	Hak untuk didengari dan berpersatuhan	30.1 Mempertimbangkan pelantikan wakil warga emas di peringkat Pihak	KPWKM KPKT		✓		KPWKM Dasar Warga Emas Negara (DWEN) 2011 telah memperuntukkan penubuhan Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		Berkuasa Tempatan (PBT).					<p>(MPPWEN) diperingkat kebangsaan dan Jawatankuasa Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negeri (JPPWEN) di peringkat Negeri.</p> <p>KPKT merupakan wakil tetap bagi pihak PBT dalam MPPWEN manakala di peringkat JPPWEN, Exco Kebajikan Negeri merupakan Pengurus dengan keahlian juga dari pihak PBT Negeri. Sehubungan itu, representasi berkenaan telah ada dalam struktur DWEN.</p> <p>Perlantikan Ahli Majlis PBT pula di bawah kuasa PBT dan Kerajaan Negeri terbabit dan secara amalannya memang telah terdapat ramai Ahli Majlis ini dalam kalangan warga emas.</p> <p>Disamping itu, MPPWEN dan JPWEN juga mempunyai keahlian dari kalangan warga emas dan persatuan warga emas. Sehubungan itu, hak untuk berpersatuan dan didengari telah dilaksanakan dalam DWEN.</p> <p>KPKT Pelantikan wakil warga emas diperingkat PBT untuk didengari dan berpersatuan adalah tertakluk di bawah bidang kuasa pihak Berkuastra Negeri/ PBT masing-masing.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							Pada masa ini juga terdapat ahli majlis yang berada di dalam kategori warga emas.
		30.2 Mengadakan Mesyuarat Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara dengan lebih kerap.	KPWKM	✓			Kekerapan Mesyuarat Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara adalah 2 kali setahun
31.	Kempen kesedaran dan persediaan menghadapi hari tua	31.1 Meneruskan kempen kesedaran kepada golongan muda tentang warga emas.	KPWKM	✓	✓	✓	Kempen-kempen kesedaran sangat kerap diadakan oleh JKM. Kempen yang paling utama adalah melalui Sambutan Hari Warga Emas Negara. Disamping itu, JKM telah melaksanakan pelbagai seminar dan program pada tahun 2019/20 seperti berikut: i. Seminar JPWEN: Perlindungan Warga Emas – 6 kali ii. Program Citra Minda Intergenerasi – 8 kali iii. Seminar “Road to Aged Nation” – Persediaan Kewangan Warga Emas – 4 kali iv. Program Intergenerasi PAWE – 107 lokasi Kempen-kempen ini akan diteruskan bagi tahun 2020

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		<p>31.2 Memperkenalkan Modul Persaraan bagi pekerja-pekerja swasta oleh KWSP dengan kerjasama agensi-agensi lain.</p> <p>31.3 Meneruskan Program Taklimat Awam KWSP kepada ahli sebagai persediaan sebelum bersara.</p>	KWSP		✓		KWSP sedang membangunkan Modul Persediaan Persaraan secara kolaborasi bersama MyAgeing, Universiti Putra Malaysia kepada anggota KWSP. Modul ini akan diperluaskan kepada pihak luar setelah mendapat maklum balas daripada anggota dalaman bagi tujuan penambahbaikan.
							<p>KWSP sedang menjalankan Program Taklimat Awam. Statistik terkini adalah seperti berikut:</p> <p>Jumlah peserta taklimat Retirement Advisory Services (RAS) 2019 – Mac 2020: 289,915</p> <p>Jumlah sesi taklimat RAS 2019 hingga Mac 2020: 3,074</p>
32.	Latihan dan Penyelidikan Berkaitan dengan Warga Emas	32.1 Menggalakkan penyelidikan ginekologi di IPT dan penyelidikan berkaitan warga emas.	KPT		✓	✓	<p>Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa menyokong dan menggalakkan penyelidikan asas yang berkualiti serta menyumbang kepada pembangunan negara.</p> <p>Dana Penyelidikan KPT (DP KPT) yang diselaras oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) menawarkan skim geran yang merangkumi tujuh</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>(7) domain penyelidikan iaitu Sains Tulen dan Gunaan, Teknologi dan Kejuruteraan, Sains Kesihatan dan Klinikal, Sains Sosial, Sastera dan Sastera Ikhtisas, Warisan Alam dan Budaya, serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi.</p> <p>Dari tahun 2016 hingga kini, terdapat sekurang-kurangnya tujuh (7) buah projek penyelidikan dari Institusi Pendidikan Tinggi yang dijalankan berkaitan ginekologi.</p> <p>Selain itu, KPT juga telah meluluskan lebih 40 buah projek penyelidikan berkaitan warga emas dari pelbagai domain penyelidikan dari tahun 2011 hingga kini.</p> <p>Selain itu juga, antara inisiatif KPT dalam menggalakkan kajian berkaitan warga emas adalah melalui pembukaan <i>Call for Proposals</i> pada tahun 2019 untuk dua (2) skim geran berskala besar iaitu Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari (TRGS) dan Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) di bawah <i>Call “Good Health and Wellbeing of Ageing Population”</i>.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Di bawah Call tersebut, dua buah (2) projek LRGS telah diluluskan pada tahun 2019 dan kini status keduanya adalah sedang aktif/sedang maju. Tempoh penyelidikan untuk kedua-dua penyelidikan ini ialah lima (5) tahun.</p> <p>Kajian pertama bertajuk "<i>Transforming Cognitive Frailty to Later Life Self-Sufficiency-Ageless</i>" yang diterajui oleh penyelidik UM, UPM, UITM, UKM dan Monash University. Kajian kedua bertajuk "<i>Successful Ageing: Evidence-Based Interventions to Delay Ageing-Related Decline</i>" pula diketuai oleh penyelidik dari Sunway University, UKM dan Monash University.</p>
33.	Akses kepada pembelajaran sepanjang hayat	<p>33.1 Meningkatkan enrolmen 10,000 warga emas menjelang 2020 dalam akses kepada pembelajaran sepanjang hayat.</p> <p>33.2 Menggalakkan akses Internet</p>	<p>KPT</p> <p>KKMM</p>		✓		<p>Jumlah enrolmen dan penyertaan warga emas dalam program-program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang dilaksanakan di Institusi Pengajian Tinggi (Awam dan Swasta), Politeknik dan Kolej Komuniti dari tahun 2017 hingga Jun 2020 adalah seramai 23,567 orang. (Perincian jumlah penyertaan adalah seperti di Lampiran 3).</p> <p>KKMM menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah membuat</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		percuma untuk warga emas.					<p>analisa mampu milik pelan pascabayar dan prabayar mudah alih serta pelan jalur lebar tetap. SKMM juga telah mengadakan rundingan dengan pembekal perkhidmatan jalur lebar tetap utama. Rumusan analisa dan perbincangan mendapat:</p> <p>(a) Rakyat Malaysia mampu memiliki pelan mudah alih pascabayar dan prabayar kerana harga pelan asas adalah kurang daripada 1% pendapatan purata isi rumah, pendapatan negara kasar per kapita dan keluaran negara kasar per kapita.</p> <p>(b) Mampu milik pelan jalur lebar tetap berkelajuan tinggi melebihi 2% daripada pendapatan purata isi rumah, pendapatan negara kasar per kapita dan keluaran negara kasar per kapita. Namun, perbandingan dengan negara di rantau ASEAN pada bulan Jun 2020 menunjukkan pakej 30Mbps dan 100Mbps di Malaysia adalah paling rendah.</p> <p>(c) Memandangkan terdapat pelbagai pelan mampu milik di pasaran serta pengurangan purata harga runcit untuk pakej jalur lebar talian tetap sebanyak 49% menjelang Disember 2018,</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>pembekal perkhidmatan jalur lebar talian tetap utama berpendapat terdapat pelbagai pilihan untuk warga emas mengikut kemampuan masing-masing.</p> <p>Namun demikian, pada September 2019, Digi memperkenalkan rebat khas untuk warga emas berumur 60 tahun ke atas sebanyak RM10 setiap bulan, sepanjang hayat, untuk pelan pascabayar mudah alih terpilih.</p>
		33.3 Meluaskan promosi tentang kewujudan kursus-kursus di institusi-institusi yang memberikan pengecualian yuran untuk warga emas.	KPT	✓	✓	✓	<p>Kadar yuran yang dikenakan kepada golongan warga emas bagi mengikuti program / kursus PSH adalah berbeza mengikut insitusi pengajian masing-masing.</p> <p>Bagi program / kursus pendek yang ditawarkan di Kolej Komuniti, syarat penyertaan adalah warganegara dengan kadar yuran pendaftaran adalah RM1.00 setiap jam dan kos tambahan bahan mentah akan dikenakan tertakluk kepada kursus yang diikuti.</p> <p>Manakala bagi kadar yuran penyertaan kursus pendek di Politeknik pula bergantung kepada program / kursus, contohnya RM10 seorang bagi Kursus Pertanian (Fertigasi, Autopod, Osmosis) dan yuran percuma bagi Kursus Haji yang</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>dilaksanakan secara bersama dengan Tabung Haji.</p> <p>Aktiviti promosi program/ kursus PSH yang ditawarkan oleh Politeknik dan KK dilaksanakan secara hebahan melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Laman sesawang https://www.mohe.gov.my; KPT: ii. Portal Nasional PSH; iii. Laman sesawang Jabatan / Agenzi yang berkaitan; iv. Iklan penawaran kursus melalui laman sesawang kolej komuniti/ facebook/ instagram/ telegram/whatsapp; dan v. Program hebahan PSH seperti : Hari Terbuka Kolej Komuniti, Karnival PSH dan pelbagai program yang melibatkan komuniti sekitar Politeknik / KK.
34.	Penjagaan warga emas di rumah	34.1 Memberikan kursus yang bersesuaian kepada pemberi khidmat (caregivers) warga emas di rumah untuk	KPWKM		✓	✓	Kursus dan latihan sukarelawan khususnya bagi Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) dilaksanakan oleh JKM setiap tahun. Pada tahun 2019 2 siri kursus telah diadakan memanfaatkan 200 orang sukarelawan.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		memberikan pendedahan dan persediaan mental kepada warga emas.	KPWKM				Di peringkat Institusi Kebajikan di bawah JKM, 3 siri kursus telah diadakan sepanjang 2019 memanfaatkan 60 orang petugas/penjaga di institusi. Disamping tu, kursus juga ditawarkan oleh pihak NGO seperti Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat (MAKPEM)
		34.2 Mempergiatkan promosi sukarelawan kebajikan khidmat bantu di rumah penjagaan warga emas.		✓	✓	✓	JKM sentiasa mempergiatkan promosi untuk mendapatkan Sukarelawan Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) untuk penjagaan warga emas di dalam komuniti. Sehingga Januari 2021 seramai 1,949 orang sukarelawan terlibat dalam program ini.
		34.3 Memberikan sagu hati atau kemudahan tertentu kepada sukarelawan-sukarelawan terlatih yang menyertai Program Khidmat Bantu di Rumah.			✓		Sukarelawan Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) telah diberikan kemudahan dalam bentuk insentif saguhati sebanyak RM400.00 sebulan.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
35.	Standard dan kualiti pusat penjagaan warga emas	35.1 Mewajibkan latihan khusus kepada kakitangan yang bekerja di setiap Pusat Jagaan Warga Emas.	KPWKM KKM		✓		<p>KPWKM NOSS Penjagaan Warga Emas telah diwujudkan bagi tujuan digunakan oleh Pusat Bertauliah dalam penjagaan warga emas. JKM juga telah megsyorkan agar NOSS ini dijadikan pra syarat bagi kelulusan pendafatran/perlesenan Pusat Jagaan Warga Emas di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta (PAHFAS) 2018</p> <p>KKM Peraturan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta [Akta 802] akan menetapkan keperluan untuk kakitangan yang bekerja di setiap Pusat Jagaan Warga Emas mempunyai kelayakan dalam penjagaan warga emas Walau bagaimanapun, peraturan ini masih dalam peringkat penggubalan. Oleh itu, kewajiban kakitangan yang bekerja di setiap Pusat Jagaan Warga Emas menjalani khusus belum dikuatkuasakan.</p>
		35.2 Mewujudkan sijil profesional khusus kepada penjaga					<p>KPWKM NOSS Penjagaan Warga Emas telah diwujudkan bagi tujuan digunakan oleh Pusat Bertauliah</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		(cara givers) tentang penjagaan warga emas dan OKU.					dalam penjagaan warga emas. NOSS ini mengandungi 3 tahap iaitu 3 hingga 5 dan ditawarkan oleh Pusat Bertauliah. KKM Jabatan Pembangunan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia menawarkan Persijilan Kemahiran Malaysia bagi penjaga khusus dalam penjagaan warga emas. (Mohon pihak urusetia mendapatkan maklumat lanjut dari Kementerian Sumber Manusia) KKM memantau penjagaan kesihatan golongan migran yang berada di penjara dan pusat imigresen secara rapat melalui pejabat kesihatan daerah yang berdekatan. Sekiranya terdapat mana-mana tahanan yang memerlukan rawatan lanjut, kader ti pusat tahanan akan merujuk ke klinik kesihatan yang berdekatan.

Golongan “Pelarian”

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
36.	Memantapkan pengurusan “pelarian”	36.1 Mengenal pasti isu-isu utama berkaitan penentuan dan perlindungan “pelarian” serta tindakan-tindakan yang sesuai bagi menanganinya.	MKN			✓	<p>MKN, JPM sedang membuat pindaan kepada Arahan MKN No. 23 selaras dengan perkembangan terkini isu berkaitan pengurusan pelarian dan pemohon suaka di Malaysia.</p> <p>Arahan ini dijangkakan akan dibentangkan semasa Mesyuarat Sidang MKN dan Mesyuarat Jemaah Menteri dalam masa terdekat. Tindakan ini tertangguh sebelum ini disebabkan oleh penularan wabak COVID-19.</p>
		36.2 Meneruskan kerjasama dalam bentuk Pasukan Petugas Bersama (<i>Joint Task Force</i>) antara Kerajaan Malaysia dengan UNHCR tentang mekanisme pengurusan “pelarian”.	KDN		✓		<p>Pelaksanaan Pasukan Petugas Bersama (<i>Joint Task Force</i>) antara Kerajaan Malaysia dan UNHCR adalah di bawah Kementerian Luar Negeri (KLN).</p>
		36.3 Mempertingkatkan penglibatan <i>stakeholders</i> seperti UNHCR, NGO,	MKN			✓	<p>MKN, JPM telah melaksanakan beberapa sesi dialog Bersama pemegang taruh isu pelarian dan pemohon suaka semasa melaksanakan pindaan terhadap Arahan MKN No. 23.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		SUHAKAM dan sebagainya menerusi dialog secara formal dan konsisten tentang isu-isu yang melibatkan golongan "pelarian."					Antara pemegang taruh yang terlibat adalah UNHCR, IOM dan NGO tempatan yang mempunyai hubungan terus dengan pelarian dan pemohon suaka. Pendapat dan input daripada pemegang taruh ini turut digunakan sebagai asas dalam membuat pindaan Arah MKN No. 23.
		36.4 Menambah pengetahuan pegawai-pegawai yang terlibat dalam isu "pelarian" tentang pengendalian "pelarian."	KDN		✓		KDN telah mengadakan perbincangan dengan UNHCR berhubung pembangunan kapasiti dan latihan dengan kerjasama UNHCR untuk agensi penguatkuasaan di bawah KDN merangkumi pengetahuan asas, perundangan dan prosedur berkaitan pengendalian pendatang asing tanpa izin (PATI) yang memegang kad UNHCR.
37.	Akses kepada penjagaan kesihatan	37.1 Mempertimbangkan kebenaran akses kepada NGO yang ingin memberikan bantuan kesihatan dan penjagaan kesihatan terhadap golongan migran yang berada di penjara dan pusat	KKM KDN	✓	✓	✓	KDN JPPM tiada halangan bagi penglibatan NGO/pertubuhan berdaftar untuk turut sama memberi bantuan kesihatan bagi golongan migran yang berada di penjara dan pusat tahanan imigresen. Penglibatan NGO/pertubuhan berdaftar ini hendaklah untuk NGO yang tertentu sahaja terutamanya bagi kategori kebajikan dan lain-lain kategori yang berkaitan.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		tahanan imigresen.	KKM				Walau bagaimanapun, penglibatan NGO/pertubuhan berdaftar ini adalah tertakluk sepenuhnya kepada kebenaran dan kelulusan agensi kerajaan seperti MKN, KDN, KKM, PDRM, Imigresen, JKM, JPPM dan juga agensi-agensi lain yang berkaitan dalam perkara ini. NGO/pertubuhan berdaftar yang diberikan kebenaran hendaklah mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.
		37.2 Meneruskan pengecualian fi bagi "pelarian" yang menghidapi penyakit berjangkit berdasarkan Surat Pekeliling KSU KKM Bil.2, 2016 Garis Panduan Pengecualian Fi bagi Penyakit Berjangkit di kalangan warga asing.				✓	Melalui surat dari Bahagian Kewangan bil (36) KKM.400 - 9/1/3 Jld. 12 bertarikh 3 Februari 2020 senarai penyakit berjangkit yang diberikan pengecualian fi untuk warga asing telah dipinda dari 7 ke 9 jenis penyakit. Sementara melalui surat Kewangan bil (28) KKM -100 -9/1/3 Jld. 12 bertarikh 29 Januari 2020 penyakit COVID -19 juga diberikan pengecualian fi untuk warga asing. Ini menjadikan setakat tahun 2021 sebanyak 10 penyakit penyakit berjangkit telah diberikan pengecualian fi iaitu Demam Kuning, Ebola, Kolera, Malaria, Plague, Tifiod, Tuberkulosis (first line drug saja), Avian Influenza, Kusta dan COVID-19.
		37.3 Meneruskan pemberian akses		✓	✓	✓	Perkhidmatan OSCC tidak mengira status kewarganegaraan atau pelarian samaada PATI

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		One Stop Crisis Centre (OSCC) kepada golongan "pelarian" yang menjadi mangsa keganasan gender dan seksual.					atau PDI, semua mangsa yang memenuhi skop OSCC akan menerima perkhidmatan sewajarnya, selari dengan polisi sedia ada. Fokus utama adalah untuk memberi perawatan awalan yang bersesuaian dan pada masa sama membantu dan aspek pengurusan selepas perawatan kesihatan.
		37.4 Menjalinkan kerjasama dengan NGO dan UNHCR dalam menyediakan pekerja khidmat komuniti yang ditempatkan di hospital yang boleh bertindak sebagai jurubahasa dan menyebarkan maklumat tentang akses kepada penjagaan kesihatan kepada golongan "pelarian."	KKM		✓	✓	Kerjasama dengan NGO telah berlangsung dan dijalankan, walaubagaimanapun, kerjasama ini boleh diperkuatkan lagi dengan aktiviti-aktiviti secara berkala yang melibatkan semua agensi / NGO berkaitan. Pihak KKM / hospital juga amat mengalu-alukan / akan membantu NGO/UNHCR dalam sebarang bentuk pengukuhan kerjasama serta aktiviti yang melibatkan komuniti berkaitan.
		37.5 Mengkaji semula arahan atau SOP	KDN		✓		Akta Imigresen 1959/63 memperuntukkan semua warganegara asing perlu mempunyai Pas / Permit

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		bagi melaporkan imigran haram kepada pihak berkuasa.					yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi tujuan keberadaan di Malaysia. Dalam hubungan ini, Pelan Holistik Penguatkuasaan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) oleh KDN turut menggariskan peranan Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) / Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) serta persatuan penduduk dalam menyalurkan maklumat keberadaan PATI bagi menangani masalah PATI secara holistik.
		37.6 Memperluas akses penjagaan kesihatan yang bersifat sezajat merangkumi golongan “pelarian”.	KKM			✓	KKM memberi perkhidmatan kesihatan kepada semua orang di semua fasiliti kesihatan KKM dan tidak pernah mendiskriminasi berdasarkan kerakyatan sama ada warga tempatan, pendatang asing yang masuk secara sah atau tanpa dokumen (termasuk golongan pelarian).
38.	Meningkatkan akses kepada pendidikan	38.1 Meneruskan sokongan kepada program pendidikan yang disediakan oleh NGO kepada golongan “pelarian”.	KPM	✓	✓	✓	1. Bagi meneruskan sokongan program pendidikan yang disediakan NGO kepada golongan “pelarian”, KPM akan melaksana klasifikasi ke atas Pusat Bimbingan Alternatif (PBA) bagi tujuan mendaftarkan pusat-pusat

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa		Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	
						<p>tersebut. KPM menasarkan 25% PBA tidak berdaftar diklasifikasikan di bawah inisiatif ini.</p> <p>2. KPM juga akan memproses permohonan daripada PBA yang memenuhi</p>

PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN (NHRAP)
TERAS 4: HAK ORANG ASLI, ANAK NEGERI SABAH DAN BUMIPUTERA SARAWAK

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
1.	Isu hak penentuan kendiri	1.1 Mencadangkan supaya perayaan Hari Orang Asal Sedunia diiktiraf dalam kalendar/takwim utama negara.	KPLB				<p>Saranan agar dilaksanakan perayaan khusus untuk mengiktiraf peranan Orang Asal/Asli adalah selari dengan Sambutan Hari Orang Asal Sedunia yang diluluskan sambutannya pada 9 Ogos setiap tahun oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 23 Disember 1994 melalui Resolusi 49/214.</p> <p>Jemaah Menteri pada 18 Julai 2018 melalui perutusan khas YAB Perdana Menteri telah memaklumkan bahawa Malaysia tidak meraikan sambutan Hari Orang Asal/Asli sebagai acara rasmi Kerajaan sebagaimana Hari Gawai di Sarawak dan Pesta Kaamatan di Sabah. Walau bagaimanapun, Orang Asal/Asli Semenanjung adalah berbeza dengan Orang Asal di Sabah dan Sarawak dan adalah wajar perayaan khusus untuk mengiktiraf peranan Orang Asal/Asli ini turut diadakan.</p> <p>Susulan daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri berkenaan, Sambutan Hari Orang</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
			Kerajaan Negeri Sarawak				<p>Asal/Asli Semenanjung Malaysia diraikan tanpa melibatkan perisytiharan cuti umum sepetimana pengiktirafan Hari Ibu, Hari Bapa, Hari Guru dan lain-lain. Sambutan Hari Orang Asli peringkat kebangsaan di negara ini telah dilaksanakan bermula tahun 2019 pada tarikh 5 hingga 9 Ogos 2019 di Batang Padang, Perak.</p> <p>Bagi tahun 2020, sambutan Hari Orang Asli peringkat Kebangsaan telah dicadang diadakan serentak dengan sambutan Hari Orang Asal Sedunia dan Festival Kesenian Orang Asal dan Peribumi Antarabangsa anjuran bersama MOTAC pada 5 hingga 9 Ogos 2020. Walau bagaimanapun, sambutan bagi tahun 2020 ditangguhkan bagi menekang penularan pandemik Covid-19.</p>
				✓			<p>Kerajaan Negeri telah mengisytiharkan Perayaan Gawai Dayak (khas untuk kaum Dayak Sarawak) sebagai cuti umum di Negeri Sarawak dan telah diwartakan secara rasmi pada 25 September 1964. Perayaan Gawai Dayak disambut setiap tahun pada 1 dan 2 Jun bermula dari tahun 1965.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
			Kerajaan Negeri Sabah				Tiada bantahan daripada Kerajaan Negeri sekiranya perayaan Hari Orang Asal Sedunia diiktiraf dalam kalender/takwim utama negara.
				✓	✓	✓	Setuju untuk dilaksanakan sebagai pengiktirafan kepada Orang Asal/Anak Negeri Sabah/Native of Sarawak.
		1.2 Meneruskan usaha untuk memperuntukkan kategori kaum dalam borang rasmi Kerajaan.	MAMPU	✓			<p>KPLB</p> <p>KPLB telah mengemukakan surat permohonan maklum balas bagi tindakan ini kepada Ketua Pengarah MAMPU pada 26/11/2020 rujukan KPLB.R.(S).100-1/11/1 Jld.3(18) dan tiada maklum balas diterima daripada pihak MAMPU.</p> <p>Cadangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Keperluan keputusan BHEUU bagi mengenalpasti peneraju bagi tindakan 1.2; dan

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
1.3	Mengkaji semula keperluan untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas Orang Asal dengan berbincang bersama		Kerajaan Negeri Sarawak				ii. Keperluan advokasi serta penjelasan semula kepada kementerian dan agensi peneraju mengenai NHRAP dan tanggungjawab mereka dalam melaksanakan tindakan berkaitan.
				✓			Kerajaan Negeri menyokong sepenuhnya usaha untuk memperuntukkan kategori kaum dalam borang rasmi Kerajaan.
			Kerajaan Negeri Sabah	✓	✓	✓	Telah dibincangkan dalam Jawatankuasa Kabinet (JPM) di bawah isu minoriti Sabah/Sarawak. Usaha ini harus diteruskan dengan menggunakan hanya Etnik Utama bagi kaum-kaum Anak Negeri Sabah.
			BITU, JPM			✓	EPU Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Isu Kaum Minoriti (JKKMIM) telah diwujudkan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM). Semakan TOR untuk mengelakkan pertindihan fungsi.

Bil.	Keutamaan	Tindakan pihak-pihak berkepentingan.	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
			Kerajaan Negeri Sarawak	✓	✓		Kerajaan Negeri berpendapat bahawa struktur jawatankuasa yang sedia ada di peringkat Jabatan Perdana Menteri sudah memadai. Namun demikian, kekerapan perbincangan dengan pihak-pihak berkepentingan di seluruh negara perlu dipertingkatkan lagi mengikut keperluan dan keadaan semasa negara.
			Kerajaan Negeri Sabah	✓	✓	✓	Perkara ini hendaklah melibatkan Anak Negeri Sabah dalam hal-hal/isu Tanah, Perkahwinan, Undang-Undang Adat, Bahasa, Pendidikan, Ekonomi, Pembangunan dan Budaya.
		1.4 Memperkasakan Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli (JKKTHOA)	BITU, JPM	✓			BHEUU, JPM Bahagian ini telah mengadakan satu perbincangan bersama Bahagian Dasar & Perancangan Strategik, Jabatan Perdana Menteri pada 25 Januari 2021 bagi membincangkan status semasa. Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli dan Jawatankuasa Khas Kabinet Menangani Isu Minoriti (JKKMIM). Satu Kertas Cadangan Berkennaan Status Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Hak

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa		Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	
						<p>Tanah Orang Asal/Asli juga telah dihantar kepada Bahagian tersebut pada 8 Februari 2021.</p> <p>Cadangan: Agar digugurkan BITU, JPM sebagai agensi peneraju dan digantikan dengan BHEUU, JPM. Cadangan ini berikutan BITU, JPM telah dibubarkan dan fungsi berkaitan tindakan ini telah diambil alih oleh BHEUU.</p>

ORANG ASLI

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa		Status Pelaksanaan	
				Pendek	Sederhana		
2.	Isu hak penentuan kendiri Orang Asli	2.1 Mewujudkan kerangka atau SOP bagi penyertaan aktif masyarakat	JAKOA		✓		JAKOA dalam proses membangunkan kerangka konsep Izin Maklum Awal, Bebas dan Telus (IMABT) dan garis panduan tersebut bersama

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		berlandaskan prinsip Izin Maklum Awal Bebas Telus (IMABT).	JAKOA				pihak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan dijangka siap pada 2021. JAKOA juga dalam perbincangan bersama pihak United Nations Development Programme (UNDP) berkaitan <i>best practice</i> dan model IMBAT (FPIC) sedia ada yang boleh diadaptasi mengikut kesesuaian Negara.
		2.2 Menggunakan prinsip Izin Maklum Awal Bebas Telus (IMABT) sebelum sesuatu projek pembangunan dilaksanakan.				✓	Semua projek pembangunan yang dilaksanakan melibatkan masyarakat Orang Asli adalah selari dengan prinsip IMBAT walau tiada garis panduan khusus berkaitan IMBAT pada masa ini. Di mana JAKOA akan memaklumkan dan berbincang dengan masyarakat Orang Asli yang terlibat bersama pihak pemaju jika projek pembangunan dilaksanakan oleh pihak selain JAKOA sebagai contoh projek empangan yang melibatkan TNB dan sebagainya sebelum sesuatu projek dijalankan.
		2.3 Mengkaji keperluan memasukkan peruntukan dalam Akta Orang Asli	KPLB JAKOA		✓		Kementerian akan menyemak semula dan meneliti keperluan ini dengan mengadakan perbincangan lanjut bersama pihak JAKOA dan

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan							
				Pendek	Sederhana	Panjang								
		1954 [Akta 134] tentang penyertaan Orang Asli dalam proses pembuatan keputusan.					mengambil kira pandangan pihak Jabatan Peguam Negara.							
		2.4 Meningkatkan penglibatan Orang Asli dalam JAKOA.	KPLB JAKOA (Cadangan Tambahan Oleh KPLB) SPA JPA	✓	✓		KPLB Pemilihan dan pelantikan calon Orang Asli dilantik berkhidmat dengan JAKOA sentiasa diberikan keutamaan oleh JAKOA dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) sekiranya memenuhi syarat kemasukan/pelantikan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Sehingga 03 Mac 2021, jumlah pengisian perjawatan tetap dalam kalangan Orang Asli di JAKOA adalah sebanyak 156 (16.39%) orang daripada 952 perjawatan dan 203 (84.23%) orang daripada 241 perjawatan kontrak. Pecahan jumlah pengisian perjawatan dalam kalangan Orang Asli di JAKOA adalah seperti berikut:							
							<table border="1" style="width: 100%; text-align: center;"> <tr> <td>Kumpulan</td> <td>Perjawatan</td> <td>Pengisian</td> <td>Peratus (%)</td> </tr> </table>	Kumpulan	Perjawatan	Pengisian	Peratus (%)			
Kumpulan	Perjawatan	Pengisian	Peratus (%)											

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan				
				Pendek	Sederhana	Panjang	Pengurusan Tertinggi	1	1	100	
							P&P	32	4	12.5	
							Sokongan	919	151	16.43	
							Jumlah Tetap	952	156	16.39	
							Jumlah Kontrak	241	203	84.23	
							JPA				
							Urusan pengambilan kakitangan Perkhidmatan Awam adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.				
							Pengambilan kakitangan Perkhidmatan Awam termasuk di JAKOA adalah terbuka kepada umum tanpa mengambil kira bangsa, jantina dan sebagainya. Pengisian adalah tertakluk kepada permohonan yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik. Mana-mana calon yang memenuhi syarat termasuk Orang Asli/Asal boleh dipertimbangkan untuk mengisi jawatan.				

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		2.5 Melaksanakan kajian sosioperundangan yang menyeluruh tentang konsep pegangan adat, hak-hak dan undang-undang berkaitan Orang Asli.	BITU		✓		<p>BHEUU, JPM</p> <p>Mesyuarat susulan berkaitan kajian sosial dan definisi tanah adat bersama pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli dan Jabatan Ketua Pendaftar Tanah dan Galian Persekutuan telah diadakan pada 2 Mac 2020 dan 19 Ogos 2020.</p> <p>Satu Mesyuarat Penyelarasan Status Terkini Pelaksanaan Enam Rumusan Tindakan dan Hala Tuju JKKhTOA Hasil Laporan Inkuiiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal / Asli telah diadakan pada 14 Oktober 2020.</p> <p>Mesyuarat Penyediaan Kajian Sosial dan Definisi Tanah Pegangan Adat Orang Asli telah diadakan bersama Kementerian, Agenzi Kerajaan dan Ahli Akademik pada 10 November 2020.</p> <p>Satu Draf Terma Rujukan Kajian telah disediakan berdasarkan perbincangan mesyuarat bertarikh 11 November 2020 dan telah diedarkan pada 23 Februari 2021 untuk mendapat ulasan daripada Kementerian, Agenzi Kerajaan dan Ahli Akademik berkaitan.</p> <p>Cadangan:</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							Agar digugurkan BITU, JPM sebagai agensi peneraju dan digantikan dengan BHEUU, JPM. Cadangan ini berikutan BITU, JPM telah dibubarkan dan fungsi berkaitan tindakan ini telah diambil alih oleh BHEUU.
3.	Isu tanah a) Persempadan tanah b) Pewartaan tanah c) Tanah adat	3.1 Menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi kerja-kerja ukur halus dan kasar untuk persempadanan kawasan/penempatan Orang Asli.	EPU KPLB JAKOA		✓		<p>EPU Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11) menumpukan kepada strategi Memperkasa Kumpulan Minoriti termasuk Orang Asli berserta dengan bajet pembangunan merangkumi pembangunan sosioekonomi dan memudahkanca pewartaan dan penggunaan tanah untuk kegiatan ekonomi.</p> <p>KPLB (JAKOA) Peruntukan yang diterima oleh JAKOA bagi pelaksanaan kerja-kerja ukur halus dan kasar untuk persempadan kawasan Orang Asli sehingga 2020 adalah sebanyak RM25,454,503.00.</p> <p>Sehingga tahun 2019, sebanyak 661 penempatan Orang Asli seluruh Semenanjung Malaysia dengan keluasan tanah 109,780 hektar selesai dijalankan Ukur Kejuruteraan (Perimeter) bagi</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>tujuan permohonan pewartaan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri (PBN).</p> <p>Manakala sebanyak 597 penempatan Orang Asli seluruh Semenanjung Malaysia dengan kluasan tanah 73,310 hektar telah selesai dilaksanakan kerja ukur halus bagi tujuan pewartaan oleh Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri (PBN).</p>
		<p>3.2 Melaksanakan pewartaan tanah bagi penempatan Orang Asli di bawah seksyen 7 Akta Orang Asli 1954 [Akta 134] dan Kanun Tanah Negara.</p>	<p>Pihak Berkuasa Negeri JAKOA</p>		✓		<p>Kerajaan Negeri Sembilan Sebanyak 59 buah kampung daripada keseluruhan 69 buah Kampung Orang Asli di Negeri Sembilan telah diwartakan bagi penempatan Orang Asli, melibatkan tanah seluas 5,283.28 hektar. Perincian adalah seperti di Lampiran A.</p> <p>Kerajaan Negeri Kedah Tiada sebarang pewartaan tanah telah diwujudkan kerana penempatan Orang Asli suku Kensiu di Kg Ulu Legong, Baling adalah penempatan yang tersusun dan dibawah pentadbiran JAKOA.</p> <p>KPLB (JAKOA)</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>JAKOA dari semasa ke semasa mengemukakan permohonan bagi pewartaan tanah bagi penempatan Orang Asli di bawah Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) berkaitan.</p> <p>Kuasa meluluskan permohonan pewartaan bagi peruntukan di bawah Akta 134 atau Akta 625 (KTN) adalah merupakan bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri (PBN).</p> <p>Sehingga 2019, sejumlah 30,475 hektar tanah Orang Asli telah diwartakan di bawah Akta 134 melibatkan 175 buah kampung dan sejumlah 2,746 hektar diwartakan di bawah KTN 62 melibatkan 27 buah kampung.</p> <p>Catatan Isu Kesukaran mendapatkan maklumbalas dari pihak negeri berikutan pemahaman terhadap NHRAP yang terhad.</p> <p>Cadangan Keperluan advokasi serta penjelasan semula kepada kementerian dan agensi peneraju</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							mengenai NHRAP dan tanggungjawab mereka dalam melaksanakan tindakan berkaitan.
		3.3 Mengkaji secara menyeluruh tentang konsep tanah adat dan mengenal pasti mekanisme yang sesuai untuk menentukan kawasan yang didakwa sebagai tanah adat.	BITU		✓		<p>BHEUU, JPM</p> <p>Mesyuarat susulan berkaitan kajian sosial dan definisi tanah adat bersama pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Jabatan Ketua Pendaftar Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) telah diadakan pada 2 Mac 2020 dan 19 Ogos 2020.</p> <p>Satu Mesyuarat Penyelarasan Status Terkini Pelaksanaan Enam Rumusan Tindakan dan Hala Tuju JKHKHTOA Hasil Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal / Asli telah diadakan pada 14 Oktober 2020 dan 24 Februari 2021.</p> <p>JAKOA, JKPTG dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah melaporkan status persempadan dan pewartaan tanah Orang Asli yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri dalam kedua-dua mesyuarat tersebut. Status berkenaan akan sentiasa diberi perhatian melalui pelbagai platform yang disertai bersama oleh agensi-agensi tersebut secara berkala sepanjang tahun.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Mesyuarat Penyediaan Kajian Sosial dan Definisi Tanah Pegangan Adat Orang Asli telah diadakan bersama Kementerian, Agensi Kerajaan dan Ahli Akademik pada 10 November 2020.</p> <p>Satu Draf Terma Rujukan Kajian telah disediakan berdasarkan perbincangan mesyuarat bertarikh 11 November 2020 dan telah diedarkan pada 23 Februari 2021 untuk mendapat ulasan daripada Kementerian, Agensi Kerajaan dan Ahli Akademik berkaitan.</p> <p>Cadangan: Agar digugurkan BITU, JPM sebagai agensi peneraju dan digantikan dengan BHEUU, JPM. Cadangan ini berikutan BITU, JPM telah dibubarkan dan fungsi berkaitan tindakan ini telah diambil alih oleh BHEUU.</p>
		3.4 Menyediakan kertas dasar di peringkat Majlis Tanah Negara.	KPLB JAKOA KETSA		✓		<p>KPLB (JAKOA) Pelaksanaan cadangan tindakan ini tertakluk kepada hasil kajian tanah adat Orang Asli oleh BHEUU, JPM dan melihat keperluan penyediaan kertas dasar ke peringkat Majlis Tanah Negara.</p> <p>KETSA</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							Kementerian ini melalui JKPTG akan mengemukakan input-input sewajarnya dalam penyediaan kajian pegangan tanah adat Orang Asli oleh BHEUU JPM dan sekiranya kertas dasar tersebut merupakan kertas pertimbangan, kelulusan Jemaah Menteri perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum dibawa ke Majlis Tanah Negara.
		3.5 Mengadakan peruntukan undang-undang berkaitan tanah adat Orang Asli.	KPLB JAKOA			✓	KPLB (JAKOA) Pelaksanaan cadangan tindakan ini tertakluk kepada hasil kajian tanah adat Orang Asli oleh BHEUU, JPM bagi melihat keperluan mengadakan peruntukan undang-undang atau pindaan kepada Akta 134.
		3.6 Mewujudkan SOP sebagai garis panduan bagi memperbaiki mekanisme, proses dan prosedur perundingan untuk menjaga kepentingan Orang Asli dan pihak	JAKOA KPLB			✓	KPLB (JAKOA) Secara umumnya prosedur perundingan bersama pihak berkaitan untuk menjaga kepentingan masyarakat Orang Asli adalah menjadi amalan JAKOA. Prosedur ini tiada dokumen bertulis secara rasmi dan akan dilaksanakan mengikut keperluan semasa terhadap isu yang dihadapi. Kerjasama dengan pihak UKM untuk membangunkan garis panduan berkaitan prinsip

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		berkaitan.					Izin Berasaskan Maklum Awal, Bebas dan Telus (IMBAT) atau Free Prior and Informed Consent (FPIC) setelah kajian ini dilaksanakan oleh kumpulan penyelidik dijangka pada akhir 2021.
		3.7 Menyelaraskan pentadbiran tanah melalui mesyuarat penyelarasan antara agensi dan mengemas kini maklumat tanah Orang Asli ke dalam pangkalan data tanah dan <i>geospatial</i> Negara.	KPLB JAKOA (Cadangan Tambahan oleh KPLB) KETSA		✓		<p>KPLB (JAKOA) JAKOA akan bekerjasama dengan Kementerian atau mana-mana agensi dalam merangka mekanisme penyelarasan antara agensi berkaitan maklumat tanah Orang Asli ke dalam pangkalan data tanah dan <i>geospatial</i> Negara.</p> <p>KETSA Melalui Mesyuarat <i>Focus Group Forest Reserve Area, Wildlife Reserve Area, Aborigine Reserve Area</i> dan <i>Park Reserve Area</i> Bil.1/2019 bertarikh 23 Mei 2019, Mesyuarat mengambil maklum bahawa kawasan Rizab Orang Asli yang dikongsi dan dipaparkan dalam aplikasi MyGDI <i>Data Services</i> adalah kawasan yang telah diwartakan.</p> <p>Pihak JAKOA memaklumkan cadangan untuk membuat penyelarasan warta dengan semua JUPEM Negeri bagi memperoleh maklumat yang sama dan seragam.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							Mesyuarat menyarankan supaya pihak JAKOA membekalkan maklumat pewartaan dan sebutan kepada pihak JUPEM Negeri bagi melaksanakan penyelarasan berkaitan kawasan Rizab Orang Asli.
		3.8 Mengkaji keperluan penubuhan mekanisme penyelesaian khas isu tanah.	KPLB JAKOA Kerajaan Negeri KETSA			✓	<p>KPLB JAKOA sedia bekerjasama dalam perkara ini sekiranya diperlukan atau berkaitan dan sentiasa memperkasakan jawatankuasa sedia ada iaitu Jawatankuasa Teknikal Tanah di peringkat Jabatan dan Jawatankuasa Mesyuarat Task Force Tanah di peringkat Persekutuan dan Negeri.</p> <p>Maklumat Tambahan Mesyuarat Penyelarasan 6 Rumusan Tindakan JKKHTOA bertarikh 24/2/2021 antara lain bersetuju penyelarasan isu-isu berkaitan pewartaan tanah Orang Asli dengan kerajaan negeri akan turut dilaksanakan melalui platform sedia ada di bawah JKPTG dan JAKOA bagi mempertingkatkan keberkesanan penyelesaian isu-isu berkaitan pewartaan tanah Orang Asli. Platform berkaitan seperti berikut:</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan		
				Pendek	Sederhana	Panjang			
						<p>i. Mesyuarat Timbalan Pengarah-Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Negeri dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Malaysia;</p> <p>ii. Mesyuarat Pengarah-Pengarah Tanah dan Galian Negeri dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Malaysia; dan</p> <p>iii. Mesyuarat Majlis Perundingan Orang Asli yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pembangunan Luar Bandar dan dihadiri oleh Menteri Besar dan Exco-Exco Negeri berkaitan.</p> <p>Perbincangan awal bersama pihak JKPTG menyarankan agar diadakan perbincangan bersama JAKOA bagi mewujudkan satu platform khusus bagi isu-isu berkaitan tanah Orang Asli dengan perbincangan lanjut di peringkat Pengurusan Tertinggi JAKOA dan JKPTG.</p> <p>Kerajaan Negeri Sabah</p> <p>Hasil kajian telah dilaksanakan iaitu dengan</p>			

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>pelaksanaan Program Perkhidmatan Tanah Anak Negeri Sabah (PANTAS).</p> <p>Kerajaan Negeri Sembilan</p> <p>Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan menggunakan platform seperti Jawatankuasa Bertindak Perancangan, Kewangan, Tanah dan Sumber Asli serta mewujudkan jawatankuasa-jawatankuasa khusus sebagai mekanisme penyelesaian khas isu tanah melibatkan Orang Asli di Negeri Sembilan.</p> <p>Kerajaan Negeri Kedah</p> <p>Tiada sebarang mekanisme telah diwujudkan kerana penempatan Orang Asli suku Kensiu di Kg Ulu Legong, Baling adalah penempatan yang tersusun dan di bawah pentadbiran JAKOA.</p> <p>KETSA</p> <p>KETSA bersedia memberi kerjasama sekiranya diperlukan. Sehingga kini, Majlis Tanah Negara digunakan sebagai platform untuk mengetengahkan isu-isu berkaitan pentadbiran tanah.</p>
		3.9 Memberikan pendedahan dan	KPLB	✓	✓	✓	<p>KPLB (JAKOA)</p> <p>Pelaksanaan cadangan tindakan ini tertakluk</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		pemahaman tentang konsep tanah adat kepada pembuat dan pelaksana dasar.	KETSA JAKOA Kerajaan Negeri				<p>kepada hasil kajian tanah adat Orang Asli oleh BHEUU, JPM bagi tujuan pemakluman dan pemahaman berkaitan konsep tanah adat kepada pihak berkaitan.</p> <p>Maklumat Tambahan Perbincangan antara JAKOA dan INSTUN telah dilaksanakan pada 19 Februari 2021 berhubung dengan penyertaan kursus asas Pentadbiran Tanah sedia ada kepada kumpulan pelaksana dan pengurusan JAKOA melalui sesi berasingan.</p> <p>Perbincangan lanjut akan diadakan berkaitan penyediaan modul khas yang melibatkan perundangan dan pentadbiran tanah Orang Asli bagi memenuhi keperluan JAKOA.</p> <p>KETSA Kementerian akan memberikan kerjasama sewajarnya sekiranya diperlukan oleh KPLB/BHEUU dalam memberi pendedahan dan pemahaman tentang konsep tanah adat.</p> <p>Kerajaan Negeri Sabah Kursus untuk mendedahkan dan pemahaman tentang konsep NCR telah dilaksanakan pada</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							tahun 2017. Kerajaan Negeri Sembilan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Negeri Sembilan sentiasa komited dalam usaha pemahaman dan pendedahan konsep tanah adat dari semasa ke semasa lebih-lebih lagi apabila melibatkan isu/permasalahan berkaitan masyarakat Orang Asli.
		3.10 Membincangkan isu-isu tanah adat di dalam mesyuarat secara berkala.	KPLB KETSA JAKOA	✓	✓	✓	KPLB (JAKOA) Pelaksanaan cadangan tindakan ini tertakluk kepada hasil kajian tanah adat Orang Asli oleh BHEUU, JPM bagi tujuan dibincangkan dalam mana-mana mesyuarat berkaitan secara berkala. KETSA Kementerian akan memberikan kerjasama sewajarnya sekiranya diperlukan oleh

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							KPLB/BHEUU sekiranya terdapat isu berkenaan tanah adat yang memerlukan pandangan Kementerian.
4.	Isu infrastruktur	4.1 Menjalankan pemantauan terhadap pematuhan prosedur dan menguatkuasakan pemantauan terhadap projek-projek pembangunan yang dilaksanakan.	KPLB JAKOA	✓	✓	✓	KPLB (JAKOA) JAKOA komited untuk melaksanakan pemantauan bagi setiap projek-projek pembangunan yang dilaksanakan menerusi pegawai penyelia dan pegawai teknikal. Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan juga diwujudkan bagi menilai dan memantau pelaksanaan projek serta mengenal pasti dan menyelesaikan isu dan masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan seperti berikut: (i) Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Projek Pembangunan JAKOA; dan (ii) Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Jabatan.
		4.2 Meneruskan projek-projek					KPLB (JAKOA)

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		pembangunan yang dilaksanakan di kawasan pedalaman.	JAKOA				<p>JAKOA sentiasa menambah baik pelaksanaan projek pembangunan seperti kemudahan infrastruktur meliputi pembinaan jalan perhubungan, bekalan air terawat, bekalan elektrik, kemudahan ameniti sosial dan pembinaan rumah PPRT di perkampungan Orang Asli di seluruh negara melibatkan 853 buah kampung.</p> <p>Sehingga kini kerajaan telah berjaya membina sepanjang 6,212.15 km jalan berturap yang menghubungkan perkampungan Orang Asli dengan lokasi luar melibatkan 751 buah kampung. Sungguhpun begitu, masih terdapat sebanyak 98 buah kampung Orang Asli dengan anggaran jarak 1,163.20km yang memerlukan jalan berturap.</p> <p>Sebanyak 685 buah kampung telah mempunyai sistem bekalan elektrik talian grid yang berfungsi 24 jam sehari manakala terdapat 168 (20%) buah kampung yang masih belum menikmati bekalan elektrik.</p> <p>Berdasarkan rekod, sebanyak 82% iaitu 698 buah kampung telah mendapat bekalan air bersih manakala 18% iaitu 155 buah kampung masih</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>belum menerima bekalan air bersih dan terawat. Hal ini adalah disebabkan kawasan penempatan Orang Asli yang terletak di kawasan ekstrem dari segi topografi dan menyebabkan kos pembinaan yang tinggi selain ancaman haiwan liar seperti gajah.</p> <p>JAKOA telah menetapkan sasaran di mana kesemua kampung akan menerima kemudahan asas yang lengkap pada tahun 2023.</p>
5.	Isu kesihatan	5.1 Meneruskan usaha-usaha untuk meningkatkan kesedaran Orang Asli tentang kepentingan kesihatan dan perkhidmatan kesihatan yang disediakan oleh Kerajaan.	KKM JAKOA	✓	✓	✓	<p>KKM</p> <p>KKM menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada Orang Asli Perkhidmatan Klinik Bergerak untuk meningkatkan akses perkhidmatan kesihatan bagi populasi yang tinggal jauh daripada fasiliti kesihatan statik dan ini termasuk untuk populasi Orang Asli. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Rawatan pesakit luar termasuk rawatan kecemasan; ii. Penjagaan kesihatan ibu dan anak (antenatal, postnatal, immunisasi, perancang keluarga);

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan		
				Pendek	Sederhana	Panjang			
						<ul style="list-style-type: none"> iii. Saringan dan intervensi risiko kesihatan; iv. Rawatan kes penyakit akut (jika perlu) dan rawatan susulan penyakit kronik; v. Rujukan kes (di mana perlu); vi. Melakukan prosedur rawatan ringan; vii. Notifikasi penyakit berjangkit; viii. Siasatan makmal asas (point of care test); dan ix. Pembekalan dan kaunseling ubat-ubatan. <p>Setakat ini, terdapat 246 pasukan yang menyediakan perkhidmatan ini kepada populasi di luar bandar melalui darat, air dan udara termasuk bagi populasi Orang Asli di negeri yang terlibat.</p> <p>KKM melaksanakan beberapa program pendidikan dan promosi kesihatan ke arah meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan</p>			

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>amalan dalam cara hidup kesihatan kepada Orang Asli seperti berikut:</p> <p>i. Program Doktor Muda yang merupakan satu program pendidikan kesihatan yang melahirkan murid yang mementingkan kesihatan melalui pendidikan rakan sebaya telah diadakan di beberapa Sekolah Rendah Orang Asli di Negeri Perak dan Pahang. Topik-topik kesihatan utama disampaikan dalam sesi pendidikan kesihatan antaranya kebersihan diri, kebersihan persekitaran, pemakanan sihat dan tidak merokok. Sehingga kini terdapat 38 Sekolah Rendah Orang Asli yang melaksanakan Program Doktor Muda melibatkan negeri Perak, Selangor, Kelantan, Pahang, Johor dan Negeri Sembilan;</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
						<ul style="list-style-type: none"> ii. Aktiviti COMBI iaitu <i>Communication For Behavioral Impact</i> juga telah diadakan mulai tahun 2001 sebagai salah satu strategi untuk menangani masalah Denggi. Antara COMBI yang telah dilaksanakan adalah di kawasan Orang Asli Negeri Perak, Negeri Sembilan dan Pahang; dan iii. Pendidikan Kesihatan melalui sesi bual bicara kesihatan di stesen radio asyikfm meliputi beberapa isu kesihatan termasuklah ketika pandemik COVID-19 juga diadakan. Sehingga bulan Januari hingga Oktober 2020 sebanyak 32 slot telah diadakan. <p>KPLB (JAKOA)</p> <p>JAKOA secara berterusan sehingga kini melaksanakan program kesedaran kesihatan bersama pihak KKM kepada masyarakat Orang Asli melalui beberapa program seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Program Jalinan Mesra; dan (ii) Program Kesihatan Kampung Orang Asli (bersama Pejabat Kesihatan Daerah). 	

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
6.	Isu pendidikan	6.1 Mengkaji keperluan penubuhan sekolah komuniti bagi petempatan yang tiada sekolah terutamanya kawasan pedalaman dan terpencil.	KPLB JAKOA KPM Kerajaan Negeri			✓	<p>KPLB (JAKOA)</p> <p>JAKOA dimaklumkan oleh pihak KPM bahawa tiada keperluan sekolah komuniti pada masa ini tetapi menggalakkan program kelas komuniti bagi kawasan pendalaman dan terpencil.</p> <p>JAKOA bersama pihak KPM telah melaksanakan program ProKhas dan Chap Badui Sekolah bagi mengatasi masalah buta huruf dikalangan murid-murid Orang Asli terutamanya di kawasan pedalaman.</p> <p>Setakat ini terdapat satu program Prokhas yang dilaksanakan iaitu di perkampungan Orang Asli Aring 5, Kuala Koh, Gua Musang, Kelantan.</p> <p>Manakala bagi program Chap Badui Sekolah telah dilaksanakan dua lokasi iaitu di Sekolah Kebangsaan Kuala Sat, Jerantut dan Sekolah Kebangsaan Kechau (1) di Kuala Lipis, Pahang.</p> <p>Program ini akan diperluaskan ke kawasan-kawasan orang Asli yang lain sekiranya perlu untuk mengatasi masalah buta huruf.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Kerajaan Negeri Kedah Suku Kensiu di Ulu Legong, Baling tinggal di penempatan yang telah disediakan oleh JAKOA. Terdapat sekolah milik kerajaan berhampiran dengan penempatan mereka:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Sekolah Kebangsaan Siong, Baling, Kedah. ii. Sekolah Menengah Kebangsaan Siong, Baling, Kedah.
	6.2 Meneruskan latihan peningkatan profesionalisme kepada guru-guru yang mengajar murid-murid Orang Asli.	JAKOA KPM	✓	✓	✓	<p>KPLB (JAKOA) JAKOA secara berterusan sehingga kini membantu pihak KPM dalam melaksanakan program berkaitan profesionalisme kepada guru-guru yang mengajar murid-murid Orang Asli. KPM KPM sentiasa memastikan akses pendidikan berkualiti untuk semua murid dengan menyediakan latihan kepada peningkatan profesionalisme kepada guru-guru termasuk guru yang mengajar di Sekolah Orang Asli (SKOA) seperti berikut.</p> <p>a) Latihan pedagogi berteraskan persekitaran</p>	

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>murid orang asli (OA) telah dilaksanakan kepada guru berkenaan,</p> <ul style="list-style-type: none"> b) selain daripada itu, kemahiran insaniah dan sosio budaya masyarakat OA juga diterapkan kepada guru terlibat. c) Guru juga dilibatkan dalam ziarah cakna ke perkampungan OA bagi mendekatkan diri mereka dengan masyarakat disamping mendalami dan lebih mengenali murid OA di sekolah masing-masing. d) Pada tahun 2018 seramai 108 orang guru SKOA telah dilatih melibatkan dua (2) siri latihan manakala pada tahun 2019 seramai 82 orang guru telah diberi latihan dengan satu (1) kali latihan. e) Sehingga Jun 2020, KPM telah mengadakan enam (6) program peningkatan profesionalisme bagi guru SKOA seperti berikut:

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan		
				Pendek	Sederhana	Panjang	BIL	PROGRAM	TARIKH
							1.	Cakna Pendidikan kebangsaan	3-5 Mac 2020
							2.	Pendedahan Pedagogi Pribumi Kepada Pemimpin SKOA	10-12 Mac 2020
							3.	Pengupayaan Pendidik & Pedagogi Pendidikan Pribumi Secara Webinar	13 Mei 2020
							4.	Pelaksanaan Rimbagogi dan PLC Dalam Pendidikan Orang Asli Secara Webinar	21 Mei 2020
							5.	Pemanfaatan Program Teaching	25 Jun 2020
							6.	Forest School: Bridging Perspective Between The UK and Malaysia secara google meet	23 Jun 2020
							KPM juga akan melaksanakan dua (2) siri kursus secara dalam talian bagi pengupayaan pemimpin SKOA pada 12-13 Ogos dan 19-20 Ogos 2020.		
	6.3	Meneruskan program-program untuk meningkatkan kesedaran Orang Asli berkaitan kepentingan pendidikan kepada	JAKOA	✓	✓	✓	KPLB (JAKOA) JAKOA secara berterusan sehingga kini melaksanakan kesedaran kepada ibu bapa Orang Asli tentang kepentingan pendidikan kepada anak-anak Orang Asli melalui beberapa program seperti berikut:		

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		anak-anak.					<ul style="list-style-type: none"> i. Program Kecemerlangan Pelajar; ii. Program Transformasi Minda Insan; iii. Program Kelas Literasi dan Fungsian Orang Asli (PLFOA) iv. Program <i>outreach</i>; dan v. Program-program lain yang dijalankan oleh Jabatan Pendidikan Negeri dan Jabatan Pendidikan Daerah.
		6.4 Meneruskan usaha untuk memperkasakan pendidikan murid Orang Asli.	KPLB JAKOA KPM KKM	✓	✓	✓	<p><u>KPLB (JAKOA)</u></p> <p>JAKOA sentiasa meneruskan dasar pendidikan sedia ada melalui beberapa program yang melibatkan bantuan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pakaian seragam murid sekolah; ii. Pakaian ko-kurikulum; iii. Yuran pelbagai; iv. Catuan makanan; v. Anugerah pelajar cemerlang; vi. Pengangkutan pelajar;

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
						<ul style="list-style-type: none"> vii. Keperluan diri (pelajar ke sekolah berasrama); viii. Bantuan Biasiswa IPTA; ix. Asrama murid Orang Asli (PIPOA); dan x. Pusat Transformasi Pelajar Orang Asli (Putra Asli) <p>KPM KPM telah melaksanakan pelbagai program dengan tujuan utama memberikan akses pendidikan kepada murid Orang Asli seluruh negara. Di bawah inisiatif #57 Transformasi Pendidikan Orang Asli dan peribumi pelbagai program bagi meningkatkan kehadiran murid Orang Asli dan meningkatkan Transisi murid Orang Asli dari tahun 6 ke tingkatan 1 telah dilaksanakan dan diteruskan sehingga kini. Antara usaha-usaha KPM adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Ziarah Cakna Pendidikan di semua sekolah murid Orang Asli bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat Orang Asli serta menggalakkan ibu bapa menghantar anak ke sekolah; 	

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<ul style="list-style-type: none"> ii. Program Ikon Murid Orang Asli melibatkan murid Orang Asli di Sekolah Berasrama Penuh (SBP). Murid Orang Asli SBP menjadi suri teladan kepada murid Orang Asli di sekolah rendah supaya murid-murid sekolah rendah ini berhasrat untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah; iii. Kursus Kepimpinan Instruksional Sekolah Murid Orang Asli kepada Pengetua dan Guru Besar untuk memantapkan kepimpinan sekolah yang ada murid Orang Asli; iv. Program Pemerkasaan Tok Batin dilaksanakan untuk memperkasakan peranan Tok Batin sebagai agen perubahan kepada komuniti Orang Asli bagi meningkatkan kesedaran kepentingan pendidikan dan seterusnya menjadi keutamaan untuk menghantar anak mereka ke sekolah; v. Sekolah Model Khas Komprehensif 9 Tahun (K9) bertujuan menangani isu

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>keciciran murid sewaktu transisi dari tahun 6 ke tingkatan 1 di 5 buah sekolah murid Orang Asli yang merangkumi tahun 1 hingga tingkatan 3;</p> <p>vi. Program <i>Student Bursary</i> untuk memastikan murid-murid Orang Asli mendapat bantuan makanan dan peralatan sekolah yang mencukupi;</p> <p>vii. Program Jom Belajar (Program Khas Murid Orang Asli (Prokhas) dan <i>Chup Badui Sikulah</i> (CBS) berhasrat untuk menyediakan pendidikan asas kepada murid Orang Asli yang tidak pernah bersekolah.</p> <p>Pada tahun 2020, KPM mencadangkan pelaksanaan Program Jom Belajar (Prokhas dan CBS) di beberapa lokasi:</p> <p>i. Program Jom Belajar (Prokhas Kg. Aring 5), Gua Musang, Kelantan - penambahan 1 kelas untuk menampung tambahan murid seramai 21 orang.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							ii. Program Jom Belajar (Prokhas Kg. Kuala Koh), Gua Musang, Kelantan - 2 kelas untuk menampung murid seramai 33 orang.
7.	Isu alam sekitar	7.1 Meningkatkan pemantauan terhadap aktiviti pembangunan yang melibatkan penerokaan tanah yang dijalankan berhampiran dengan kawasan Orang Asli supaya tidak menjelaskan aspek sosial dan ekonomi Orang Asli.	JAKOA KPLB KETSA Kerajaan Negeri		✓	✓	<p>KPLB (JAKOA) JAKOA tiada mekanisme pemantauan khusus berkaitan aktiviti pembangunan atau penerokaan tanah yang berhampiran dengan kawasan / penempatan Orang Asli pada ketika ini. JAKOA akan memberi syor kepada pihak terbabit (pemaju) dengan penekanan kepada kebajikan serta kesejahteraan hidup penduduk Orang Asli sekiranya terdapat permohonan / cadangan untuk memajukan / membangunkan tanah di kawasan berhampiran penempatan Orang Asli.</p> <p>KETSA Kementerian akan memberikan kerjasama sewajarnya sekiranya diperlukan oleh Kerajaan Negeri sekiranya terdapat isu berkenaan penerokaan tanah yang dijalankan berhampiran dengan kawasan Orang Asli yang memerlukan pandangan Kementerian.</p> <p>Kerajaan Negeri Sembilan</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Perancangan pembangunan melibatkan kawasan Orang Asli sememangnya menjadi fokus utama di dalam setiap rancangan pemajuan yang disediakan melalui Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Tempatan mahupun Rancangan Khas Kawasan.</p> <p>Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045 secara jelas menyatakan di bawah Dasar Perancangan Strategik iaitu keperluan untuk mewartakan penempatan Orang Asli bagi memelihara hak dan kepentingan mereka. Dasar ini adalah bertujuan untuk memastikan aspek sosial dan ekonomi Orang Asli tidak terjejas kesan daripada pembangunan perbandaran.</p> <p>Perkara sama juga turut dititik beratkan di dalam Rancangan Tempatan di mana parameter kawalan perancangan dirangka khusus melibatkan kawasan Orang Asli bagi melindungi petempatan dan komuniti Orang Asli daripada menerima impak negatif pembangunan perbandaran. Melalui kawalan perancangan pembangunan yang digariskan seperti intensiti pembangunan rendah dan penetapan kawasan khas bagi Orang Asli sudah pasti dapat</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							mewujudkan keseimbangan dan keharmonian dengan persekitaran serta mengelakkan pencerobohan pembangunan, pembalakan dan pertanian.
8.	Isu ekonomi	8.1 Mengkaji semula keberkesanan program-program peningkatan ekonomi dan sosial yang telah dilaksanakan untuk Orang Asli.	JAKOA KPLB		✓		KPLB (JAKOA) JAKOA telah menjalankan satu Kajian Penilaian Outcome ke atas 118 Projek Tanam Semula Komersial yang masih diuruskan oleh RISDA. Laporan ini akan dibentangkan kepada pengurusan tertinggi JAKOA dan satu pengesyoran akan diputuskan bagi penambahbaikan pelaksanaan projek supaya peningkatan pendapatan peserta program tersebut dapat ditingkatkan. JAKOA telah melaksanakan semakan berkaitan keberkesanan program sosial yang dijalankan pada masa kini dan sedang melakukan penambahbaikan terhadap program yang sedang dijalankan.
		8.2 Menjalin kerjasama dengan institusi keusahawanan seperti INSKEN					KPLB (JAKOA) Satu perjumpaan di antara JAKOA dan INSKEN telah diadakan pada 9 Mac 2020 bagi membincangkan mengenai ruang kerjasama

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		untuk menyediakan latihan keusahawanan sesuai dengan kemahiran Orang Asli.	JAKOA KPLB				<p>yang dapat dilaksanakan secara bersama. Kursus Asas Keusahawanan untuk Orang Asli juga telah diaturkan dengan kerjasama INSKEN pada 21-23 Oktober 2020 di Cameron Highlands, Pahang. Beberapa lagi siri kursus bersama INSKEN akan diadakan dan kerjasama ini akan diteruskan pada masa akan datang.</p>
		8.3 Mengkaji sama ada skop latihan kemahiran yang dijalankan bersesuaian dengan kehendak Orang Asli.			✓	✓	<p>KPLB (JAKOA) JAKOA telah melaksanakan semakan bersama agensi teknikal berkaitan terhadap program latihan kemahiran yang dijalankan pada masa kini dan sedang merancang penambahbaikan terhadap program latihan kemahiran berkaitan bagi kesesuaian masyarakat Orang Asli.</p> <p>Di antara program yang telah dan akan dilaksanakan ialah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya; ii. Kemasukan lepasan PT3 ke Pusat Latihan Giat Mara; iii. Kemasukan Lepasan SPM ke Politeknik,

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Kolej Komuniti, Institut Latihan Perindustrian (ILP); dan</p> <p>iv. Kemasukan belia Orang Asli ke badan uniform seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM).</p>

ANAK NEGERI SABAH

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
9.	Native Customary Rights (NCR)	9.1 Mengkaji secara menyeluruh tentang konsep tanah adat Anak Negeri Sabah / Native Customary Rights (NCR) dan urusan pentadbirannya	Kerajaan Negeri Sabah	✓	✓	✓	<p>EPU KSP RMKe-11 merujuk tanah adat Anak Negeri Sabah sebagai <i>Native Customary Rights (NCR)</i> sebagai Hak Tanah Adat / <i>Native Customary Rights (NCR)</i>.</p> <p>Kerajaan Negeri Sabah Telah dilaksanakan.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		selaras dengan ordinan tanah Negeri Sabah Bab (68).					
		9.2 Mengkaji dan mengenal pasti mekanisme yang sesuai untuk menentukan kawasan yang didakwa sebagai Native Customary Rights (NCR) selaras dengan ordinan tanah Negeri Sabah Bab (68).	Kerajaan Negeri Sabah	✓	✓	✓	<p>Kerajaan Negeri Sabah</p> <p>Pemeriksaan lapangan untuk mengenalpasti Kawasan yang diduduki secara turunt emurun secara adat oleh Anak Negeri Sabah</p>
		9.3 Mengkaji keperluan penubuhan mekanisme penyelesaian khas isu konsep tanah adat Anak Negeri Sabah / Native	Kerajaan Negeri Sabah	✓	✓	✓	<p>Kerajaan Negeri Sabah</p> <p>Hasil kajian telah dilaksanakan iaitu dengan pelaksanaan Program Perkhidmatan Tanah Anak Negeri Sabah (PANTAS).</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		Customary Rights (NCR) selaras dengan ordinan tanah Negeri Sabah Bab (68).					
		9.4 Menambah baik SOP yang sedia ada sebagai garis panduan bagi memperbaiki mekanisme, proses dan prosedur perundingan untuk menjaga kepentingan hak Anak Negeri / Native Customary Rights (NCR) dan pihak berkaitan selaras dengan ordinan tanah Negeri Sabah Bab (68).	Kerajaan Negeri Sabah	✓	✓	✓	<p>Kerajaan Negeri Sabah</p> <p>SOP telah disediakan dan diperbaiki dari semasa ke semasa</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		9.5 Memberikan pendedahan dan pemahaman tentang konsep Native Customary Rights (NCR) kepada pembuat dan pelaksana dasar serta pihak yang kepentingan mengikut ordinan tanah Negeri Sabah Bab (68).	Kerajaan Negeri Sabah	✓	✓	✓	<p>Kerajaan Negeri Sabah Kursus untuk mendedahkan dan pemahaman tentang konsep NCR telah dilaksanakan pada tahun 2017.</p>
		9.6 Mempercepatkan pengukuran dan pemberian geran tanah adat kepada Anak Negeri Sabah / Native Customary Rights (NCR) yang berjaya membuktikan bahawa tanah tersebut adalah tanah adat mengikut	Kerajaan Negeri Sabah	✓	✓	✓	<p>Kerajaan Negeri Sabah Pelaksanaan pengukuran telah dimulakan sejak tahun 2011 sehingga kini. Sebanyak 47,235 lot dengan keluasan seluas 98,230.82 hektar (sehingga Mac 2020)</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		ordinan tanah Negeri Sabah Bab (68).					
		9.7 Meneruskan pemantuan terhadap aktiviti pembangunan melibatkan penerokaan tanah yang dilaksanakan berhampiran dengan tanah adat supaya tidak menjelaskan aspek sosial dan ekonomi Anak Negeri Sabah.	Kerajaan Negeri Sabah	✓	✓	✓	<p>Kerajaan Negeri Sabah</p> <p>Pemantuan terhadap aktiviti pembangunan melibatkan penerokaan tanah yang dilaksanakan berhampiran dengan tanah adat mengikut keperluan (<i>case by case</i>)</p>

BUMIPUTERA SARAWAK

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
10.	Native Customary Rights (NCR)	10.1 Mengkaji secara menyeluruh tentang konsep tanah hak adat Bumiputera/NCR dan urusan pentadbirannya.	Kerajaan Negeri Sarawak (Agenzi-agensi berkaitan)	✓	✓	✓	<p>EPU KSP RMKe-11 merujuk tanah hak adat Bumiputera / Native Customary Rights (NCR) sebagai Hak Tanah Adat / Native Customary Rights (NCR).</p> <p>Kerajaan Negeri Sarawak Kerajaan Negeri prihatin terhadap isu hak tanah adat bumiputera dan urusan mengenainya. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri senantiasa mengkaji perkara ini dan yang terkini pada 2018, telah membuat pindaan terhadap Kanun Tanah Negeri yang berkuatkuasa pada 1 Ogos 2019 yang secara khusus menjurus kepada isu berkaitan hak tanah adat bumiputera.</p>
		10.2 Mengkaji dan mengenal pasti mekanisme yang sesuai untuk menentukan untuk kawasan yang didakwa sebagai	Kerajaan Negeri Sarawak (Agenzi-agensi berkaitan)	✓	✓	✓	<p>Kerajaan Negeri Sarawak Tanah hak adat Bumiputera (NCR) di Sarawak sememangnya diiktiraf kewujudannya melalui peruntukan di bawah Seksyen 5 Kanun Tanah Sarawak. Sejak berkuatkuasanya Kanun Tanah Sarawak pada 1 Januari 1958, antara mekanisme bagi pengesahan kewujudan NCR dan penuntut</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		tanah hak adat Bumiputera/NCR.					tanah NCR adalah melalui Operasi Penyelesaian menurut Bahagian V Kanun Tanah yang sama.
		10.3 Mengkaji keperluan penubuhan mekanisme penyelesaian khas isu tanah hak adat Bumiputera/NCR.	Kerajaan Negeri Sarawak (Agenzi-agensi berkaitan)	✓	✓	✓	Kerajaan Negeri Sarawak Perbicangan bagi penyelesaian permasalahan di lapangan berhubung dengan tuntutan tanah NCR di Sarawak dilaksanakan dalam pelbagai peringkat antaranya melibatkan penduduk kampung, Ketua Kaum dan Ketua Masyarakat, Pejabat Residen dan Pejabat Daerah terlibat, Jabatan Tanah dan Survei, Ahli Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri dan Parlimen mahupun di peringkat Kementerian. Pertikaian tuntutan tanah turut boleh didaftarkan ke Mahkamah Bumiputera Sarawak ataupun Mahkamah Tinggi untuk penyelesaian.
		10.4 Menambah baik SOP dan garis panduan bagi mekanisme, proses dan prosedur perundingan mengenai tanah hak adat Bumiputera/NCR untuk menjaga kepentingan Bumiputera Sarawak dan pihak berkaitan.	Kerajaan Negeri Sarawak (Agenzi-agensi berkaitan)	✓	✓		

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		10.5 Memberikan pendedahan dan pemahaman tentang konsep tanah hak adat Bumiputera/NCR kepada umum dan pihak-pihak berkepentingan.	Kerajaan Negeri Sarawak (Agenzi-agensi berkaitan)	✓	✓	✓	<p>Kerajaan Negeri Sarawak <i>Standard Operating Procedur (SIP)</i> bagi pengukuran tanah NCR sememangnya menekankan keperluan untuk mengadakan sesi dialog sebelum pengukuran dijalankan ke atas sesuatu kawasan.</p> <p>Selain itu, hebahan umum dari masa ke semasa berhubung dengan polisi dan aktiviti berkaitan dengan NCR turut disalurkan melalui media massa.</p> <p>Kerajaan Sarawak juga pernah mengadakan Forum Pindaan Kanun Tanah Sarawak pada 6 September 2019, 7 Oktober 2019 dan 21 November 2019 melibatkan zon utara, tengah dan selatan Sarawak.</p>
		10.6 Meneruskan usaha pengukuran perimeter dan mempercepat pengukuran lot-lot individu tanah hak adat.	Kerajaan Negeri Sarawak (Jabatan Tanah dan Survei Sarawak)	✓	✓	✓	<p>EPU Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11) menumpukan kepada strategi Meningkatkan Pembangunan Tanah Adat dengan mempergiat aktiviti pengukuran dan pemetaan tanah serta mempercepat pembangunan tanah Hak Tanah Adat (NCR).</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
			EPU ICU				<p>Kerajaan Negeri Sarawak</p> <p>Program pengukuran di bawah Bahagian III Kanun Tanah Sarawak seperti Program Pengukuran Kampung Tradisional adalah usaha yang berterusan dalam mentadbir dan mengurus tanah NCR di Sarawak.</p> <p>Pada tahun 2010, melalui makmal <i>Government Transformation Programme</i> (GTP), Program Pengukuran Perimeter Tanah NCR Inisiatif Baharu telah juga dilaksanakan. Melalui program ini, sehingga 30 Jun 2020, seluas 939,877 hektar (2,322,436 ekar) tanah NCR telah diukur dan 745,134 hektar (1,841,226 ekar) daripadanya telahpun diwartakan sebagai Rizab Komunal Bumiputera (Pertanian) di bawah Seksyen 6 Kanun Tanah Sarawak.</p> <p>Bagi pengeluaran surat hakmilik tanah NCR di bawah Seksyen 18 Kanun Tanah Sarawak pula, setakat 30 Jun 2020 juga sebanyak 249,232 surat hakmilik kekal telahpun dikeluarkan secara individu ke atas tanah NCR seluas 321,696 hektar (78,321 ekar).</p> <p>Dari segi komitmen kewangan bagi</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>melaksanakan Program Pengukuran Tanah NCR Inisiatif Baharu di Sarawak, setakat 30 Jun 2020, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM189,430,073.00 yang mana daripada jumlah tersebut, sejumlah RM7.5 juta diperuntukkan untuk pelaksanaan pengukuran tanah NCR pada tahun 2020. Di samping itu, Kerajaan Sarawak turut telah meluluskan peruntukan berjumlah RM40 juta bagi tujuan yang sama.</p> <p>Pada tahun 2019 juga, Kerajaan Sarawak telah meluluskan pengambilan sebanyak 467 kakitangan baharu untuk membantu dalam pelaksanaan Program Pengukuran Tanah NCR ini.</p> <p>Berhubung dengan tuntutan dan pendudukan ke atas tanah bukan NCR pula, Kerajaan Sarawak juga telah membuat pindaan terhadap Kanun Tanah Sarawak melalui pewartaan <i>the Land Code (Amendment) Ordinance, 2018</i> pada 3 Ogos 2018 untuk mengiktiraf <i>usufructuary right</i> ke atas kawasan <i>Native Territorial Domain</i> (NTD). Pindaan ini memberi kuasa undang-undang ke atas kawasan NTD sesuatu komuniti untuk</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>diiktiraf secara sah sebagai mempunyai hak pemilikan (<i>proprietary right</i>) dengan pengeluaran surat hakmilik secara <i>in perpetuity</i>.</p> <p>Peraturan berhubung perkara berkenaan telah digariskan <i>melalui the Land (Native Communal Title) Rules, 2019</i> yang telah diwartakan pada 12 Julai 2019. Kedua-dua pindaan dan peraturan tanah telah diberi tarikh kuatkuasa pada 1 Ogos 2019.</p> <p>(Nota: keterangan ini turut menjelaskan perkara 10.1 dan 10.2 Teras 4 NHRAP)</p>
	10.7	Meneruskan pemantauan terhadap aktiviti pembangunan yang melibatkan penerokaan tanah yang dijalankan berhampiran dengan kawasan tanah hak adat Bumiputra/NCR supaya tidak menjelaskan aspek	Kerajaan Negeri Sarawak (Agenzi-agensi berkaitan)	✓	✓	✓	<p>Kerajaan Negeri Sarawak</p> <p>Pelbagai model pembangunan tanah bagi tanah NCR berkenaan turut disediakan oleh Kerajaan melalui Kementerian Pemodenan, Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa		Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	
		sosial dan ekonomi Bumiputera Sarawak.				

PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN (NHRAP)
TERAS 5: KEWAJIPAN ANTARABANGSA

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
1.	Komitmen Malaysia terhadap baki Instrumen Hak Asasi Manusia Antarabangsa Utama yang masih belum disertai.	1.1 Mempertimbangkan untuk membuat kesertaan kepada <i>International Convention on Economic Social and Cultural Rights</i> (ICESCR).	KLN/ BHEUU			✓	<p>Pada 20 Jun 2019, Kabinet telah memutuskan agar Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) menerajui isu-isu hak asasi manusia di Malaysia.</p> <p>Mesyuarat Penyelarasan Isu Hak Asasi Manusia di antara mantan Menteri Undang-undang dan Hal Ehwal Parlimen YB Datuk Liew Vui Keong dan mantan Menteri Luar Negeri YB Dato' Saifuddin Abdullah pada 17 Julai 2019 telah bersetuju agar ICCPR dan ICESCR diterajui oleh BHEUU. Sehubungan itu, penyertaan Malaysia dalam ICCPR dan ICESCR adalah tertakluk kepada BHEUU sebagai Agenzi Peneraju.</p> <p>KLN telah menyediakan matriks ICCPR dan ICESCR yang mengandungi input agensi-agensi berkaitan pada bulan Disember 2018 telah dipanjangkan kepada pihak BHEUU untuk tindakan susulan.</p> <p>Pada 8 Julai 2020, BHEUU memohon pertimbangan KLN untuk menyalas semula</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							ICCPDR dan ICESCR. Permohonan ini perlu diangkat semula kepada perhatian YB Menteri.
						✓	Bahagian Keselamatan, Kementerian Dalam Negeri sedang dalam proses meneliti setiap artikel yang terkandung dalam Konvensyen ICPPED sebelum mendapatkan suatu dasar dalam menentukan keperluan Malaysia untuk menandatangani ICPPED. Keputusan ini perlu dibuat dengan mengambil kira Malaysia sebagai sebuah negara majmuk yang tidak bertoleransi terhadap sebarang bentuk jenayah dan dalam masa yang sama mengamalkan sikap saling menghormati terhadap agama, adat dan budaya berbilang kaum.
						✓	Kerajaan Malaysia telah membuat keputusan pada 23 November 2018 untuk tidak meratifikasi instrumen ICERD dan akan terus mempertahankan Perlembagaan Persekutuan di mana di dalamnya termaktub kontrak sosial yang dipersetujui oleh wakil semua kaum semasa pembentukan negara ini.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		<i>Discrimination (ICERD).</i>					
		1.4 Menjalankan kajian terperinci bagi menentukan keupayaan Malaysia dan implikasinya sebelum mempertimbangkan untuk membuat kesertaan kepada Convention against Torture and Other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment or Punishment (CAT).	KDN			✓	<p>Susulan peralihan Kerajaan yang berlaku sebelum ini, suatu dasar perlu dibuat dalam menentukan keperluan Malaysia untuk menandatangani CAT. Keputusan ini perlu dibuat dengan mengambil kira Malaysia sebagai sebuah negara majmuk yang tidak bertoleransi terhadap sebarang bentuk kekejaman dan penyiksaan dan dalam masa yang sama mengamalkan sikap saling menghormati terhadap agama, adat dan budaya berbilang kaum.</p> <p>Rumusan yang dapat dibuat terhadap input/justifikasi yang telah diterima daripada beberapa agensi adalah kebanyakan agensi masih berhasrat untuk mengekalkan hukuman sebatan sebagai salah satu hukuman yang berbentuk deterrent. Pelaksanaan hukuman ini adalah mengikut SOP ketat yang telah digariskan bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini. Sebagai contoh, Kementerian Pendidikan Malaysia yang turut menginginkan supaya hukuman rotan dikekalkan menyatakan bahawa</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>hukuman rotan di sekolah merupakan salah satu tindakan yang berbentuk pendidikan bagi mendisiplinkan murid. Hal ini selaras dengan reservasi yang dibuat oleh Kerajaan terhadap artikel 37 dalam Convention in the Rights of the Children (CRC) pada tahun 2007.</p> <p>Satu mesyuarat sedang diatur dengan pihak SUHAKAM dalam waktu terdekat bagi membincangkan lebih lanjut menganai perkara ini.</p>
		1.5 Mengkaji kesesuaian dan implikasi sebelum mempertimbangkan untuk membuat kesertaan kepada <i>International Convention on Civil and Political Rights</i> (ICCPR).	KLN/ BHEUU			✓	<p>Pada 20 Jun 2019, Kabinet telah memutuskan agar Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) menerajui isu-isu hak asasi manusia di Malaysia.</p> <p>Mesyuarat Penyelarasan Isu Hak Asasi Manusia di antara mantan Menteri Undang-undang dan Hal Ehwal Parlimen YB Datuk Liew Vui Keong dan mantan Menteri Luar Negeri YB Dato' Saifuddin Abdullah pada 17 Julai 2019 telah bersetuju agar ICCPR dan ICESCR diterajui oleh BHEUU. Sehubungan itu, penyertaan Malaysia dalam ICCPR dan ICESCR adalah tertakluk kepada BHEUU sebagai Agenzi Peneraju.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>KLN telah menyediakan matriks ICCPR dan ICESCR yang mengandungi input agensi-agensi berkaitan pada bulan Disember 2018 telah dipanjangkan kepada pihak BHEUU untuk tindakan susulan.</p> <p>Pada 8 Julai 2020, BHEUU memohon pertimbangan KLN untuk menyelesaikan semula ICCPR dan ICESCR. Permohonan ini perlu diangkat semula kepada perhatian YB Menteri.</p>
		1.6 Mempertimbangkan untuk membuat kesertaan kepada <i>International Convention on the Protection of the Rights of All Migrant Workers and Members of Their Families</i> (ICMW)	KSM			✓	<p>Merujuk kepada keputusan kabinet pada 22 Julai 2009 dan diperkuat dengan keputusan kabinet pada 15 Februari 2017, telah diputuskan bahawa dasar sedia ada Kerajaan untuk tidak mengiktiraf pemberian perlindungan kepada keluarga "migrant worker" dikekalkan selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 22 Julai 2009 tersebut.</p> <p>Pada 27 Ogos 2018 dan 24 Oktober 2018, KSM telah mengadakan dua siri Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Teknikal Bagi <i>International Convention on the Protection of the Rights of All</i></p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p><i>Migrant Workers and Members of Their Families</i> (ICRMW) untuk mendapatkan pandangan-pandangan agensi yang berkaitan seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri, Jabatan Peguam Negara dan Majlis Keselamatan Negara. Berdasarkan input dan maklum balas yang diterima, KSM berpandangan bahawa Kerajaan masih belum bersedia untuk meratifikasi instrumen tersebut.</p> <p>Seterusnya, pada 31 Oktober 2018, satu perjumpaan bersama YB Menteri Sumber Manusia, YB Menteri Luar Negeri dan Peguam Negara telah diadakan di mana hasil perbincangan mesyuarat Jawatankuasa Kecil Teknikal telah dibentangkan. Sesi tersebut telah mengambil maklum akan kekangan yang wujud bagi negara untuk mempertimbangkan cadangan ratifikasi ICRMW dan bersetuju dengan syor KSM iaitu Kerajaan masih belum bersedia untuk meratifikasi instrumen tersebut.</p> <p>Walau bagaimanapun, KSM komited dalam menambah baik dasar-dasar dan perundangan sedia ada berkaitan hak-hak perburuhan yang</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>merangkumi semua golongan pekerja termasuk pekerja asing. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Akta Agenzi Pekerjaan Swasta (APS) 1981. APS telah dipinda bertujuan untuk mengawal aktiviti agensi pekerjaan swasta (APS) dan menjaga hak serta kebajikan pencari-pencari kerja. Akta ini menghendaki APS mempunyai lesen yang sah dan penjalanan aktiviti APS perlu mengikut lunas undang-undang yang ditetapkan dan telah dikuatkuasakan pada 1 Februari 2018. ii) Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Akta tersebut telah dipinda dan diluluskan oleh Parlimen pada 15 Disember 2019 bertujuan untuk menambah baik sistem penyelesaian sedia ada bagi membolehkan pertikaian yang berlaku diselesaikan dengan lebih berkesan dan pantas. iii) Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Pindaan) (Akta 446).

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Akta 446 mula berkuatkuasa mulai 1 Jun 2020. Akta ini dipinda bagi memastikan standard minimum perumahan dan kemudahan kepada pekerja disediakan mengikut lunas-lunas yang ditetapkan dalam undang-undang tersebut.</p> <p>Di samping itu, KSM melalui kerjasama antarabangsa bersama Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) telah menerima <i>pakai ILO Multilateral Framework on Labour Migration</i> pada Mac 2006 sebagai langkah untuk mempromosi amalan baik yang boleh dilaksanakan bagi melindungi hak-hak dan kebajikan pekerja.</p> <p>KSM juga dari semasa ke semasa akan melihat konvensyen-konvensyen yang berkaitan di bawah ILO yang boleh diperhalusi untuk diratifikasi sekiranya bersesuaian.</p>
2.	Komitmen Malaysia terhadap Protokol Pilihan di bawah CEDAW, CRC dan CRPD.	2.1 Meneruskan kajian bagi menentukan keupayaan dan kesediaan Malaysia untuk membuat	KPWKM			✓	KPWKM dalam perancangan untuk mencadangkan kajian keupayaan dan kesediaan Malaysia untuk membuat kesertaan kepada <i>Optional Protocol</i> di bawah CEDAW, CRC dan CRPD.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		kesertaan kepada <i>Optional Protocol to the Convention on the Elimination of Discrimination against Women 1999</i> (OP CEDAW), <i>Optional Protocol to the Convention on the Rights of the Child on a Communications Procedure 2014</i> (OP CRC IC) dan <i>Optional Protocol to the Convention on the Rights of Persons with Disabilities 2006</i> (OP CRPD).					
3.	Komitmen Malaysia terhadap Reservasi di bawah CEDAW, CRC and CRPD	3.1 Mengkaji semula undang-undang domestik untuk mempertimbangkan kesesuaian penarikan semula reservasi	KPWKM		✓		Pada 22 Januari 1998, setelah mengkaji semula reservasi yang dibuat, Kerajaan telah menarik balik reservasi ke atas Artikel 2(f), 9(1), 16(1)(b), 16(1)(d), 16(1)(e) dan 16(1)(h). Kerajaan pada 3 Februari 2010, sekali lagi telah bersetuju menarik balik reservasi ke atas Artikel 5(a), 7(b) dan 16(2).

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		Perkara 9(2), 16(1)(a), (c), (f) dan (g) di bawah CEDAW.					<p>Reservasi bagi Artikel 9(2), 16(1)(a), 16(1)(c), 16(1)(f) dan 16(1)(g) dicadang untuk dikekalkan pada masa ini.</p> <p>Pada masa kini, Malaysia lebih memberikan fokus kepada pelaksanaan peruntukan CEDAW yang lebih efektif.</p> <p>Walau bagaimanapun, reservasi ini akan dinilai dari semasa ke semasa dan akan dikaji semula mengikut kesesuaian.</p>
		3.2 Mengkaji semula undang-undang domestik untuk mempertimbangkan kesesuaian penarikan semula reservasi Perkara 2, 7, 14, 28(1)(a), dan 37 di bawah CRC.	KPWKM		✓		<p>Malaysia telah meratifikasi CRC pada 17 Februari 1995 dengan reservasi ke atas 12 Artikel. Kerajaan telah menarik balik reservasi ke atas:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Artikel 22 (Kanak-kanak pelarian), 28(1) (b), (c), (d) dan (e) (Pendidikan), 40 (3) dan (4) (Juvenile Justice), 44 (Laporan pelaksanaan CRC) dan 45 (Kerjasama antarabangsa) pada 9 Disember 1998; dan (ii) Artikel 1 (Takrifan kanak-kanak), Artikel 13 (Kebebasan bersuara) dan Artikel 15 (Kebebasan berpersatuan) telah ditarik balik pada 19 Julai 2010.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							<p>Malaysia pada masa ini masih mengekalkan reservasi ke atas 5 Artikel iaitu Artikel 2,7,14,28(1)(a) dan 37.</p> <p>Kajian “<i>A study on lifting Malaysia’s reservation to international human rights treaties</i>” yang dilaksanakan oleh UNICEF pada tahun 2017 telah mengesyorkan supaya Kerajaan Malaysia menarik balik semua reservasi terhadap CRC. Hasil kajian ini telah dibincangkan bersama agensi kerajaan terlibat dalam Mesyuarat Bagi Meneliti Kebarangkalian Penarikan Balik Reservasi Ke Atas Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak pada 30 Mei 2019.</p> <p>Susulan mesyuarat tersebut AGC telah mengemukakan ulasan bertulis supaya semua reservasi dikekalkan pada masa ini.</p>
		3.3 Mengkaji semula undang-undang domestik untuk mempertimbangkan kesesuaian penarikan	KPWKM		✓		Terdapat 2 reservasi ke atas CRPD iaitu pada Perkara 15 dan 18. Pada masa kini, reservasi ke atas Perkara 15 dan 18 masih dikekalkan.

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		semula reservasi Perkara 3(b), 3(e), 5(2) dan 30 <i>Convention on the Rights of Persons with Disabilities 2006</i> (CRPD)					<p>Reservasi ini akan dinilai dari semasa ke semasa dan akan dikaji semula mengikut kesesuaian.</p> <p>[KPWKM memohon agar perkara reservasi pada tindakan 3.3 diperbetulkan kerana perkara tersebut tidak merujuk kepada reservasi pada masa ini.]</p>
4.	Komitmen Malaysia dalam Penggubalan dan semakan undang-undang domestik bagi penguatkuasaan CEDAW.	4.1 Mengkaji semula undang-undang domestik untuk memberi penguatkuasaan kepada peruntukan CEDAW.	KPWKM			✓	<p>KPWKM sedang menggubal Rang Undang-Undang (RUU) berkaitan kesaksamaan gender dan gangguan seksual. Penggubalan kedua-dua RUU ini adalah selaras dengan komitmen Malaysia di bawah CEDAW.</p> <p>Walau bagaimanapun, keutamaan pada ketika ini ialah bagi penggubalan RUU gangguan seksual terlebih dahulu dan RUU berkaitan kesaksamaan gender akan diteruskan setelah RUU gangguan seksual berjaya dibentangkan di Parlimen.</p> <p>Kedua-dua RUU bertujuan membantu menghapuskan diskriminasi dan menegakkan kesaksamaan sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
5.	Komitmen Malaysia dalam penghantaran Laporan Negara di bawah CEDAW, CRC dan CRPD.	5.1 Memastikan laporan awal di bawah Protokol Pilihan (<i>Optional Protocols</i>) CRC dihantar mengikut tempoh yang ditetapkan.	KPWKM	✓			KPWKM pada masa ini sedang mendapatkan kelulusan Kerajaan bagi laporan negara CRC yang dijangka akan dihantar kepada Jawatankuasa CRC pada tahun 2021. KPWKM bercadang memulakan penyediaan laporan awal di bawah Protokol Pilihan CRC pada tahun 2023.
		5.2 Memastikan laporan di bawah CRPD dihantar mengikut tempoh yang ditetapkan.					KPWKM telah memulakan gerak kerja persiapan laporan CRPD dengan mengenal pasti <i>focal person</i> bagi kementerian/agensi yang berkaitan. KPWKM juga akan mendapat bantuan teknikal daripada Unicef dalam menyiapkan laporan. KPWKM mensasarkan laporan CRPD akan disiapkan pada tahun 2021.
6.	Komitmen Malaysia terhadap Instrumen antarabangsa lain yang mempunyai implikasi hak asasi manusia.	6.1 Menjalankan kajian terperinci berkenaan implikasi terhadap Malaysia sekiranya <i>ILO Convention No. 169 on Indigenous and Tribal People</i>	KPLB Kerajaan Negeri Sabah		✓		KPLB KPLB akan meneliti semula isu-isu di bawah Konvensyen ILO No. 169 bersama Kementerian/ Agenzi berkaitan. Kerajaan Negeri Sarawak

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
		ditandatangani dan diratifikasi.	Kerajaan Negeri Sarawak KSM				<p>Setelah meneliti Konvensyen ILO No. 169, pihak Kamar Peguam Besar Negeri Sarawak berpendapat bahawa:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kemungkinan terdapat masalah domestikasi <i>ILO Convention No. 169</i> di peringkat Kerajaan Negeri sekiranya <i>ILO Convention No. 169</i> tersebut diratifikasikan; dan ii. Sekiranya, Kerajaan Malaysia bersetuju untuk menandatangani dan meratifikasi <i>ILO Convention No. 169</i> tersebut, Kerajaan Negeri perlu bersedia untuk mengkaji dan meminda undang-undang negeri, polisi dan prosedur sedia ada yang bertentangan dengan <i>ILO Convention No. 169</i> bagi memastikan kepatuhan kepada <i>ILO Convention No. 169</i> tersebut. <p>KSM Pada 5 Ogos 2020, KPLB telah menganjurkan satu mesyuarat bagi membincangkan implikasi terhadap Malaysia sekiranya meratifikasi C169. Dalam mesyuarat tersebut, wakil KSM telah hadir dan menyampaikan pembentangan berhubung</p>

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agenzi Peneraju	Jangka Masa			Status Pelaksanaan
				Pendek	Sederhana	Panjang	
							ILO dan obligasi negara dalam ratifikasi konvensyen ILO. KSM juga bersedia membantu dari segi input dan maklumat yang diperlukan oleh pihak KPLB dalam proses seterusnya.